

**KERJASAMA POLITIK MELAYU-ISLAM: ANALISIS
HUBUNGAN UMNO-PAS DARI TAHUN 1968 HINGGA 1978**

MOHAMMAD TAWFIK BIN YAAKUB

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**KERJASAMA POLITIK MELAYU-ISLAM: ANALISIS
HUBUNGAN UMNO-PAS DARI TAHUN 1968 HINGGA 1978**

MOHAMMAD TAWFIK BIN YAAKUB

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Mohammad Tawfik bin Yaakub**

No. Pendaftaran / Matrik : **HHB 140017**

Nama Ijazah: **Ijazah Doktor Falsafah**

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (“Hasil Kerja Ini”):
Kerjasama Politik Melayu-Islam: Analisis Hubungan UMNO-PAS Dari Tahun 1968 Hingga 1978

Bidang Penyelidikan: **Pengajian Politik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juar bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **DR OSMAN BIN MD RASIP**

Jawatan: **PENSYARAH/PENYELIA**

KERJASAMA POLITIK MELAYU-ISLAM: ANALISIS HUBUNGAN UMNO-PAS DARI TAHUN 1968 HINGGA 1978

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kerjasama politik Melayu-Islam melalui analisis hubungan UMNO dengan PAS dari tahun 1968 hingga 1978. Tujuannya ialah mengenalpasti peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam tahun 1973, menilai kedinamikan politik UMNO-PAS antara tahun 1968 hingga 1978, dan akhirnya menganalisis impak kerjasama politik UMNO-PAS kepada perkembangan Melayu-Islam. Bagi menjalankan kajian ini, teori kerjasama dan konsep *Tahaluf Siyasi* dipilih sebagai alat analisis kerana pendekatan-pendekatan tersebut berkaitan dengan kajian kerjasama politik Melayu-Islam. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pengumpulan data dari sumber primer dan sekunder. Data sumber primer diperolehi menerusi kaedah temu bual dengan mantan pemimpin yang pernah menerajui kedua-dua parti politik manakala data sumber sekunder diperolehi daripada buku-buku, tesis dan jurnal yang diterbitkan berkaitan kajian. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara kualitatif. Di akhir analisis, kajian ini mendapati terdapat peristiwa-peristiwa mempengaruhi kerjasama politik tahun 1973, wujud kedinamikan politik dan impak terhadap perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini. Dapatan-dapatan penting ini memberi sumbangan kepada proses kerjasama politik Melayu-Islam di Malaysia ini khususnya melibatkan UMNO dengan PAS.

Kata Kunci: kerjasama politik, kedinamikan, Melayu-Islam

THE MALAY-MUSLIM POLITICAL COOPERATION: AN ANALYSIS ON UMNO-PAS RELATIONSHIP FROM 1968 UNTIL 1978

ABSTRACT

This study discusses Malay-Muslim Political Cooperation: An Analysis on UMNO-PAS Relationship from 1968 until 1978. It aims to identify events that affect Malay-Muslim political cooperation in 1973, assessing the political dynamism of UMNO-PAS between 1968 to 1978, and to analyze the impact of political cooperation UMNO-PAS to the development of the Malay-Muslims. To proceed with this research, the theory of cooperation and concept of *Tahaluf Siyasi* are being selected as the analytical tools, as these approaches are related to the study of Malay-Muslim political cooperation. This collects data from primary and secondary sources. The primary source was obtained through interviews with former leaders and the leaderships of both political parties, while the secondary sources comprise books, theses, and journals published related to the research. These data are then analysed qualitatively. Based on the analysis the study found that there were certain events that affect the Malay-Muslim political cooperation in 1973, the existence of political dynamism between UMNO-PAS and its impact to the political cooperation development of the Malay-Islamic politics in this country. This research poses important insights that could contribute to the process of Malay-Muslim political cooperation particularly involving UMNO and PAS.

Keywords: political cooperation, dynamism, Malay-Muslim

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, syukur atas limpah kurniaNya kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurnanya selepas bertungkus lumus tiga tahun lamanya.

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada Dr Osman bin Md Rasip atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyeliaannya. Dorongan dan bimbingan beliau merupakan satu inspirasi kepada saya untuk lebih bersemangat menamatkan pengajian yang sungguh mencabar ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada dua bekas penyelia iaitu Dr Ali Boerhanoeddin dan Prof. Dato' Paduka Mohamad Abu Bakar. Keduanya, saya ingin berterima kasih kepada mak dan abah tercinta iaitu Hasiah binti Sheikh dan Allahyarham Yaakub bin Ismail yang sentiasa mendoakan anaknya ini untuk berjaya. Meskipun abah tidak sempat meraikan kejayaan ini, namun abah pasti gembira kerana anaknya mampu menuaike cita-citanya. Didoakan abah bersama para solehin. Tidak lupa juga ingatan kasih kepada isteri, Nurul Hidayah bt. A. Rahim, abang dan kakak tercinta iaitu, Badrul Hisham, Munirah dan Suraya yang daripada awal tidak berganjak memberi sokongan kepada saya untuk mengejar impian ini

Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada umat Melayu-Islam bagi menyelesaikan kemelut perpecahan sekaligus menjadi perisai sekiranya diancam oleh musuh-musuh bangsa dan agama.

Sekian, Terima Kasih

Mohammad Tawfik bin Yaakub, Institut Pengajian Siswazah
Universiti Malaya.

JADUAL KANDUNGAN

Borang Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Jadual Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Singkatan.....	x
Senarai Lampiran.....	xi

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Keintiman Hubungan Melayu-Islam Sebelum Merdeka.....	3
1.2.1 Perkembangan Masyarakat Politik Melayu Era Kolonialisme.....	4
1.2.2 Hubungan Aliran-Aliran Politik Melayu Sebelum Merdeka.....	6
1.2.3 Bibit-Bibit Kerjasama Politik Melayu-Islam Menjelang Merdeka.....	15
1.2.4 Kemelut Natrah Pencetus Kerjasama Melayu-Islam Se-Malaya.....	17
1.2.5 Perkembangan Kerjasama Politik Melayu-Islam Pasca Merdeka.....	20
1.3 Pernyataan Masalah.....	22
1.4 Persoalan Kajian.....	25
1.5 Objektif Kajian.....	25
1.6 Skop Kajian.....	26
1.6.1 Latar Masa.....	26
1.6.2 Pemilihan Parti.....	27
1.7 Kaedah Kajian.....	29
1.8 Analisis Teoritikal.....	31
1.8.1 Teori Kerjasama.....	32
1.8.2 Konsep Kerjasama Politik (<i>Tahaluf Siyasi</i>) Daripada Perspektif Islam.....	36
1.9 Kepentingan Kajian.....	43
1.10 Rumusan.....	45

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan.....	47
2.2 Perkembangan Kerjasama Politik Melayu Islam.....	48
2.2.1 Kerjasama Politik Melayu-Islam Sebelum Merdeka.....	49
2.2.2 Peristiwa-Peristiwa Mempengaruhi Kerjasama Politik UMNO-PAS Antara Tahun 1957-1972.....	67
2.2.3 Kerjasama Politik Melayu-Islam Dari Tahun 1973-1978.....	95
2.3 Rumusan.....	116

BAB 3: PERKEMBANGAN POLITIK MELAYU-ISLAM DARI TAHUN 1957 HINGGA 1969

3.1	Pendahuluan.....	118
3.2	Pilihan Raya Umum 1959: Kuasa Melayu Bertambah, Kerjasama Politik Melayu-Islam Semakin Lemah.....	119
3.2.1	Hubungan UMNO dengan PAS dari Tahun 1957 Sehingga 1959.....	119
3.2.2	Peralihan Sokongan daripada UMNO kepada PAS dalam Pilihan Raya Umum Tahun 1959.....	123
3.3	Konfrantasi Politik Melayu-Islam Dari Tahun 1961 Hingga 1969.....	127
3.3.1	Peralihan Kerajaan Terengganu Tahun 1961.....	127
3.3.2	Ketegangan Hubungan dalam Peristiwa <i>Turn About</i> di Kelantan.....	132
3.3.3	Penubuhan Malaysia: Dari Perselisihan Parti Kepada Konflik Kerajaan.....	139
3.3.4	Rusuhan Kaum 1964 Di Singapura: Kerjasama Mengatasi Perkauman.....	145
3.4	Peristiwa 13 Mei 1969: Kemuncak Hubungan Politik Melayu-Islam.....	150
3.4.1	Pilihan Raya Umum 1969.....	153
3.4.2	Peristiwa Rusuhan Kaum 13 Mei 1969.....	158
3.5	Rumusan.....	161

BAB 4: KEDINAMIKAN POLITIK UMNO-PAS DARI TAHUN 1968 HINGGA 1978

4.1	Pendahuluan.....	163
4.2	Kerajaan Campuran 1973: Perjuangan Berbeza Kepada Politik Kerjasama....	164
4.2.1	Bantuan Penyelesaian Hutang Kerajaan Negeri Kelantan.....	166
4.2.2	Pembentukan Kerajaan Campuran Tahun 1973.....	169
4.3	Parti PAS dalam Kerajaan Gabungan BN Tahun 1974.....	177
4.3.1	Pembangunan Melayu-Islam Kerjasama UMNO-PAS dalam BN....	183
4.4	Penyingkiran PAS daripada BN Tahun 1977.....	186
4.4.1	Krisis Politik Kelantan: Pencetus Perpecahan Antara UMNO-PAS...	186
4.5	Rumusan.....	199

BAB 5: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan.....	202
5.2	Impak Kerjasama dalam Pembangunan Politik Melayu-Islam.....	202
5.3	Analisis Hasil Temubual Bersama Informan.....	205
5.3.1	Pemangkin Kerjasama Politik Melayu-Islam Sebelum dan Selepas Merdeka.....	206
5.3.2	Respon Masyarakat Melayu-Islam Terhadap Kerjasama Politik.....	212
5.4	Komunikasi Efektif Antara Pemimpin-Pemimpin UMNO Dengan PAS.....	216

5.4.1	Bentuk-Bentuk Komunikasi.....	221
5.4.2	Pengaruh Bentuk-Bentuk Komunikasi Terhadap Kerjasama Politik..	224
5.5	Keterbukaan,Nilai Persahabatan dan Tidak Menghalang Kerjasama.....	227
5.6	Kesungguhan dan Komitmen dalam Mewujudkan Kerjasama Politik.....	230
5.7	Halangan Kerjasama Politik Dua Hala.....	234
5.8	Koordinasi Tugas Menerusi Usaha-Usaha Sistematik.....	237
5.9	Perkongsian Sumber Menerusi Kewujudan Jawatan.....	240
5.10	Perkongsian Kepercayaan dan Pandangan Politik yang Sama.....	244
5.11	Mengiktiraf dan Menghormati Permintaan Masing-Masing.....	250
5.12	Pengukuhan Kuasa Menerusi Pencapaian Aktor Lain.....	253
5.13	Manfaat Kerjasama Politik Kepada Melayu-Islam.....	258
5.14	Percanggahan Sebagai Masalah Bersama.....	264
5.15	Berakhirnya Kerjasama Politik Melayu-Islam pada Tahun 1977.....	269
5.16	Politik Melayu-Islam Selepas Perpecahan UMNO dengan PAS Tahun 1977.	272
5.17	Rumusan.....	278

BAB 6: KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan.....	280
6.2	Kerjasama Politik Dari Era Merdeka Hingga 1978.....	281
6.3	Sumbangan Kajian kepada Korpus Akademik.....	285

RUJUKAN

289

LAMPIRAN

309

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	:	Pecahan Kerusi Parlimen yang Dimenangi oleh Parti-Parti Politik Utama dalam Pilihan Raya Umum tahun 1969.....	156
Jadual 4.1	:	Senarai Wakil Rakyat PAS yang dilantik Menganggotai Pentadbiran Kerajaan Campuran.....	175
Jadual 4.2	:	Senarai Wakil Rakyat yang Menganggotai Pentadbiran Kerajaan Pimpinan Tun Abdul Razak Pasca Pilihan Raya Umum tahun 1974.....	184
Jadual 4.3	:	Senarai ADUN PAS yang dilantik sebagai EXCO di Negeri-negeri Seluruh Negara.....	185
Jadual 5.1	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Asas Kerjasama Politik Melayu-Islam.....	207
Jadual 5.2	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Aspek Komunikasi dalam Kalangan Pemimpin UMNO dan PAS.....	217
Jadual 5.3	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengaruh Bentuk-Bentuk Komunikasi.....	225
Jadual 5.4	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Aspek Keterbukaan.....	228
Jadual 5.5	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Kesungguhan dan Komitmen dalam Mewujudkan Kerjasama Politik.....	231
Jadual 5.6	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Halangan Kerjasama Politik Dua Hala.....	235
Jadual 5.7	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Koordinasi Tugas Melalui Usaha-Usaha Sistematik.....	238
Jadual 5.8	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Perkongsian Sumber Menerusi Kewujudan Jawatan.....	240
Jadual 5.9	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Perkongsian Kepercayaan dan Pandangan Politik.....	245
Jadual 5.10	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengiktirafan dan Menghormati Permintaan Masing-Masing.....	250
Jadual 5.11	:	Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengukuhan Kuasa Menerusi Pencapaian Aktor Lain.....	254
Jadual 5.12	:	Rumusan Hasil Temu Bual Mengenai Manfaat Kerjasama Politik Kepada Perkembangan Melayu-Islam.....	258
Jadual 5.13	:	Rumusan Hasil Temu Bual Percanggahan Sebagai Masalah Bersama..	264

SENARAI SINGKATAN

API	Angkatan Pemuda Insaf
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BARJASA	Barisan Anak Jati Serawak
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Malaysia
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
ISA	Internal Security Act
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
PAS	Parti Islam se-Malaysia
PAP	Peoples Action Party
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PN	Parti Negara
UMNO	United Malays National Organisation
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Soalan Temu Bual	309
LAMPIRAN B	Gambar Informan	313
LAMPIRAN C	Pengesahan Temu Bual	318
LAMPIRAN D	Dokumen Perjanjian Kerjasama Politik 1973	319
LAMPIRAN E	Penyata Rasmi Parlimen Perintah Darurat Kelantan 1977	323

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahagian ini membincangkan secara terperinci keintiman hubungan Melayu-Islam semenjak kedatangan Islam di Melaka sehingga menjelang merdeka. Secara umumnya, masyarakat Melayu di rantau Nusantara telah menerima kedatangan Hindu-Buddha terlebih awal sebelum kemasukan Islam semenjak abad ke-2. Pengaruh ajaran Hindu-Buddha mula berkembang apabila pedagang-pedagang daripada India memperluaskan kegiatan perdagangan mereka ke wilayah ini yang turut disertai oleh golongan sami. Situasi ini menyebabkan pemerintah Melayu mula terpengaruh dengan ajaran Hindu-Buddha sekaligus memberi ruang kepada ajaran berkenaan untuk bertapak dengan lebih kukuh di rantau ini. Malah konsep pemerintahan yang diketengahkan oleh ajaran ini telah berjaya menarik pemerintah Melayu pada ketika itu untuk menerima Hindu-Buddha sebagai alat memperkuuhkan kuasa mereka (Mohd Koharuddin Mohd Balwi 2005, p.89-90).

Susulan perkembangan ajaran tersebut yang semakin pesat, beberapa empayar baru Melayu Hindu-Buddha seperti Gangga Negara, Srivijaya, Majapahit, Langkasuka dan Kedah Tua telah mula ditubuhkan. Malah empayar pemerintahan berkenaan berperanan penting pada ketika itu sebagai agen penyebaran ajaran Hindu-Buddha ke seluruh pelusuk wilayah Nusantara. Ketika kerajaan Hindu-Buddha sedang rancak meluaskan empayar pemerintahannya, pedagang Arab dari Timur Tengah juga telah mula mengorak langkah meneroka beberapa kawasan perdagangan baru di wilayah timur khususnya di Melaka. Bertitik tolak daripada peristiwa penerokaan tersebut, pedagang berkenaan turut mengambil kesempatan menyebarluaskan Islam kepada penduduk-penduduk tempatan dan pemerintah yang semakin tertarik dengan agama berkenaan.

Akhirnya, penerimaan Islam yang mudah dalam kalangan penduduk dan pemerintah pada ketika itu telah menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar Islam terkuat menggantikan pemerintahan Hindu-Buddha. Kemunculan Melaka sebagai sebuah empayar pemerintahan Islam termahsyur selepas Parameswara memeluk agama tersebut menandakan bermulanya keintiman hubungan Islam dan Melayu pada waktu berkenaan (Mahayuddin Yahaya 2001, p.19-21). Namun, keintiman tersebut kembali tergugat apabila berlakunya keruntuhan empayar Melaka akibat serangan Portugis pada tahun 1511. Keruntuhan empayar Islam di Melaka pada ketika itu telah mencetuskan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan kepada orang Melayu untuk mengembalikan kegemilangan hubungan Melayu-Islam yang pernah dicapai sebelumnya. Antara peristiwa penting yang menjadi kayu ukur ketidaktentuan hubungan dan kerjasama politik Melayu-Islam misalnya adalah ancaman penubuhan Malayan Union oleh British, pengajuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946, pergolakan dalaman UMNO tahun 1951, peristiwa 13 Mei 1969 dan pembentukan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS bermula tahun 1973 hingga tahun 1978 (Crouch 1996, p.6-10 & Anwar Abdullah 2004, p.143-145).

Kerencaman perkembangan kerjasama Melayu-Islam yang muncul ini menarik untuk dinilai dan diteliti dari pelbagai dimensi khususnya dalam konteks corak-corak kerjasama, faktor-faktor yang mendorong dan menghalang kerjasama politik yang dialami sepanjang tempoh berkenaan. Bagi menilai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam tersebut, beberapa persoalan ditimbulkan dalam kajian ini untuk mengenal pasti jawapan-jawapan tepat berkenaan isu-isu kerjasama politik Melayu-Islam yang pernah muncul di negara ini. Di samping itu, tujuan dan skop utama kajian juga diperhalusi secara mendalam agar penyelidikan yang dijalankan tidak tersasar dari landasan perbincangan.

1.2 Keintiman Hubungan Melayu-Islam Sebelum Merdeka

Pelbagai pandangan dan hujah telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat dan tempatan mengenai teori dan tarikh sebenar kedatangan Islam di Tanah Melayu.¹

Namun fakta sejarah telah membuktikan bahawa Islam sebenarnya lebih awal bertapak di negeri Kedah menerusi kehadiran pedagang-pedagang dari wilayah Arab (Mahayudin Yahaya 2001, p.17-19). Meskipun Kedah tercatat sebagai lokasi terawal menerima Islam, tetapi sebahagian sarjana-sarjana sejarah lebih tertarik untuk mengetengahkan peranan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam berbanding Kedah. Kedatangan Islam di Melaka telah disambut baik oleh pemerintah sekaligus memudahkan proses integrasi kerjasama budaya, sosial dan politik Melayu dengan Islam.

Di samping itu, reaksi positif pemerintah di Melaka terhadap kedatangan Islam adalah pemangkin dalam merancakkan proses Islamisasi terhadap sistem pemerintahan dan kehidupan rakyat pada zaman tersebut. Reaksi positif pemerintah dapat dilihat menerusi tindakannya merombak amalan pemerintahan misalnya penggunaan gelaran

¹Perbahasan mengenai teori kedatangan Islam ke negara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok pandangan iaitu: Pertama, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat seperti Winstedt (1948) dan Tomé Pires. Kedua, sumber-sumber daripada karya-karya sejarah tempatan yang dihasilkan oleh Tun Sri Lanang dan Mahayudin Haji Yahaya (2001). Berdasarkan kepada perbincangan sarjana-sarjana Barat dan tempatan, terdapat beberapa pertentangan hujah mengenai teori kedatangan Islam ke negara ini. Misalnya Winstedt (1948) menyatakan bahawa Islam mula bertaip di Melaka apabila pengasasnya iaitu Parameswara memeluk agama berkenaan setelah didesak oleh ulama-ulama daripada Pasai. Malah baginda juga kemudiannya bertindak mengahwini seorang puteri daripada Kesultanan Pasai. Penjelasan mengenai teori kedatangan Islam ini kemudiannya turut disokong melalui catatan Tomé Pires dalam karyanya yang terkenal iaitu Suma Oriental. Pires menyatakan bahawa tindakan Parameswara memeluk Islam telah memberi impak yang besar terhadap sistem politik dan kehidupan awam apabila seluruh lapisan masyarakat juga diarahkan untuk menerima Islam (Ahmad Jelani Halimi 2008, p.229-231). Setelah memeluk Islam, pemerintah bertindak menerapkan pentadbiran yang berdasarkan kepada elemen-elemen Islam misalnya menggantikan gelaran raja dengan Sultan dan memperkenalkan undang-undang Islam. Meskipun pengaruh ajaran Hindu-Buddha telah lama menguasai corak kehidupan dan sistem pemerintahan di Melaka, namun keadaan tersebut tidak menghalang rakyat menerima dengan mudah agama Islam melalui peranan Sultan. Penerimaan Islam yang begitu mudah ini telah membantu perkembangan pesat Islam di Melaka sekaligus melemahkan pengaruh Hindu-Buddha yang telah sekian lama diamalkan. Bagi Khan (2009), beliau menyokong hujah yang diketengahkan oleh Pires mengenai penerimaan Islam oleh Parameswara dan menyatakan bahawa selepas kemangkatan Parameswara, pemerintah berikutnya kembali mengamalkan ajaran Hindu-Buddha. Namun Raja Muzaffar Shah yang mengambil alih pemerintahan empayar Melaka kemudiannya telah kembali melaksanakan Islam dan menukar gelaran raja kepada Sultan (2009, p.135-137). Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat mengenai teori kedatangan Islam ini sukar diterima sarjana-sarjana sejarah tempatan. Misalnya, Tun Sri Lanang dalam karya terkenalnya Sejarah Melayu telah menyangkal hujah yang diketengahkan oleh kedua-dua sarjana Barat ini dengan menjelaskan bahawa Islam telah diterima di Melaka ketika pemerintahan Raja Kecil Besar (menggunakan gelaran Sultan Muhamad Syah) iaitu Sultan Melaka ke-4. Keputusan baginda untuk memeluk Islam ini dilakukan melalui kejayaan seorang ulama dari Jeddah mendakwah baginda dan Islam akhirnya berkembang dan disebarluaskan dengan pesat di Melaka. Bagi Ahmad Jelani Halimi (2008), hujah yang diketengahkan oleh Tomé Pires dan Winstedt adalah tidak tepat kerana semasa kedatangan mereka, Melaka berada dalam keadaan kucar-kacir akibat diserang Portugis pada tahun 1511. Oleh itu, sumber fakta daripada teks Sejarah Melayu dan kitab Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan diyakini lebih tepat berbanding keterangan Tomé Pires dan Winstedt mengenai kaedah kedatangan Islam ke Melaka. Hujah teori kedatangan Islam ke alam Melayu berikutnya dibahaskan oleh Mahayudin Haji Yahaya (2001) yang menyatakan bahawa terdapat dua peringkat penerimaan Islam di negara ini iaitu ketika kedatangan Islam dan perkembangan agama tersebut dalam setiap aspek kehidupan masyarakat. Dalam perbincangannya, beliau menjelaskan bahawa kedatangan Islam di negara melalui persinggahan dan penghijrahan pedagang daripada beberapa lokasi asal mereka iaitu dari Tanah Arab, Iraq, India dan China. Kepelbagaiannya lokasi asal Islam di bawa ke Tanah Melayu ini diperkuuh melalui penemuan artifik-artifik, batu bersurat di Terengganu dan sokongan daripada penulisan dalam karya-karya seperti Sejarah Melayu dan Hikayat Raja-Raja Pasai (1998, p.6-8). Untuk maklumat lanjut mengenai hal ini rujuk Winstedt (1948), Yusof Iskandar, Abdul Rahman Kaeh & Shellabear (1978), A. Samad Ahmad (1986), Mahayudin Haji Yahaya (2001), Ahmad Jelani Halimi (2008) dan Khan (2009).

Sultan, pemakaian Hukum Kanun dan Undang-undang Laut di Melaka. Meskipun proses Islamisasi yang berlaku di Melaka ini berlaku dengan kadar yang singkat, namun rakyat menerima dengan mudah perubahan tersebut sekaligus membuktikan bahawa wujudnya keintiman dan keserasian hubungan Melayu-Islam. Hakikatnya, keintiman hubungan Melayu-Islam ini telah berjaya melonjakkan kegemilangan tamadun Melayu apabila empayar Melaka semakin bertambah masyhur. Malah peranan Melaka juga telah berubah daripada sebuah pelabuhan persinggahan pedagang-pedagang Arab kepada pusat penyebaran Islam terpenting dalam abad ke-15.

Namun, kegemilangan Melaka yang diasaskan daripada keintiman hubungan Melayu-Islam berakhir apabila Portugis melakukan serangan dan menguasai Melaka pada tahun 1511. Kejatuhan empayar Melaka kepada Portugis telah memberi impak terhadap kemerosotan perkembangan Islam di negeri tersebut akibat diskriminasi penjajah kepada pedagang-pedagang dan ulama-ulama di Melaka. Meskipun berlakunya kemerosotan perkembangan Islam selepas kejatuhan empayar Melaka, namun masyarakat Melayu masih berpegang kuat kepada tatacara hidup Islam kecuali dalam aspek politik.

1.2.1 Perkembangan Masyarakat Politik Melayu Era Kolonialisme

Kemerosotan tamadun Melayu-Islam telah berlarutan selama 435 tahun semenjak kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511. Sepanjang tempoh berkenaan, pelbagai gerakan dan pergelutan politik yang memperjuangkan orang Melayu telah muncul di negara ini. Bibit-bibit kemunculan masyarakat politik Melayu di negara ini dikesan sekitar penghujung tahun 1920-an yang dicetuskan oleh gerakan Kaum Muda bertujuan membangkitkan semangat kebangsaan bagi memperjuangkan

kepentingan politik kaum tersebut.² Tokoh-tokoh Kaum Muda yang berpendidikan Arab-Melayu seperti Syed Syeikh Al-Hadi, Syeikh Muhammad Tahir Jalalludin dan Haji Abbas Taha telah mempelopori usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu menerusi penerbitan beberapa akhbar pada ketika itu. Namun sambutan yang diberikan oleh orang Melayu di Semenanjung terhadap usaha yang dipelopori tokoh-tokoh Kaum Muda ini kurang memberangsangkan kerana kelalaian dan keselesaan kehidupan orang Melayu di bawah penjajahan British.

Keadaan sebaliknya wujud di Singapura apabila orang Melayu berhadapan dengan kesempitan hidup apabila terpaksa bergelut dengan golongan imigran lain dalam sektor pekerjaan. Meskipun orang Melayu di Singapura berhadapan dengan isu pergelutan hidup, namun masih terdapat sejumlah kecil daripada mereka yang terpelajar kemudiannya mempelopori dan merintis penubuhan organisasi politik Melayu pertama di negara ini. Dalam bulan Mei 1926, satu pertemuan melibatkan pegawai-pegawai kerajaan, saudagar-saudagar dan wartawan Melayu telah dianjurkan di Kampung Gelam, Singapura. Hasil daripada pertemuan berkenaan, sebuah organisasi politik Melayu pertama yang dinamakan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) telah diasaskan.³ Namun, penubuhan KMS pada ketika itu memperlihatkan bahawa kesedaran politik orang Melayu hanya berkembang pesat di Singapura berbanding di negeri-negeri Bersekutu yang lain. Orang Melayu di negeri-negeri Melayu Bersekutu hanya mula menyedari kepentingan memperjuangkan kedudukan politik mereka selepas beberapa tahun penubuhan KMS iaitu menerusi penubuhan Persatuan Melayu Selangor dan Pahang

²Masyarakat politik didefinisikan sebagai sebuah organisasi politik yang bersaing untuk mencapai kuasa politik dan memberikan respon yang khusus terhadap isu-isu melibatkan hal ehwal pemerintahan, kuasa dan kerajaan (Stepan 1988, p.3-5). Di samping itu, organisasi politik yang dibentuk memiliki pengalaman yang luas dalam menyusun strateginya bagi memperolehi kuasa pemerintahan. Antara contoh-contoh masyarakat politik yang jelas wujud dalam sesebuah negara misalnya parti-parti politik dan organisasi yang memiliki kecenderungan terhadap perjuangan untuk mendapatkan kuasa pemerintahan. Perbincangan lanjut mengenai konsep masyarakat politik ini telah dijalankan oleh Stepan (1988) dalam analisisnya mengenai proses pendemokrasi yang berlaku di Amerika Latin. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Stepan (1988) dan Zaini Othman (2002).

³Di peringkat awal penubuhannya, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) telah menggariskan empat matlamat utamanya iaitu pertama, untuk menggalakkan ahli-ahlinya mengambil berat tentang hal negeri dan jajahan yang dikuasai oleh British. Kedua, KMS turut menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam soal pelajaran, kehidupan dan pemerintahan. Ketiga, mewakili dan sentiasa berhubungan dengan kerajaan Straits Settlements bagi pihak orang Melayu dalam setiap perkara berkaitan hak dan kebebasan yang sepatutnya dinikmati oleh kaum tersebut. Terakhir, memperjuangkan peluang pendidikan dan ilmu pertukangan yang memberi faedah kepada kaum tersebut sebagai pendedahan penting dalam pelbagai aspek ilmu pengetahuan. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Rahmat Saripan (1979).

pada tahun 1932. Namun kerancakan pembentukan organisasi-organisasi Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini hanya muncul setelah wujudnya ancaman-ancaman kaum imigran terhadap hak-hak politik orang Melayu.

Misalnya apabila British merancang untuk membentuk sebuah kesatuan politik baru untuk mentadbir Tanah Melayu yang dinamakan sebagai Malayan Union pada tahun 1946. Rancangan British pada ketika itu telah mencetuskan kebangkitan dan memobilisasikan usaha penentangan orang Melayu terhadap penjajah menerusi perhimpunan seluruh persatuan dan parti politik dalam sebuah kongres perbincangan. Hasil daripada kongres tersebut, satu saranan penubuhan parti politik Melayu beraliran kanan yang dinamakan UMNO telah diketengahkan dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan. Penubuhan UMNO merupakan peristiwa bersejarah kepada orang Melayu kerana mereka mampu menggembung semangat kerjasama dalam sebuah parti walaupun berbeza latar belakang perjuangan. Malah, keintiman Melayu-Islam yang muncul dalam era Melaka telah muncul kembali apabila UMNO bertindak mewujudkan sebuah biro khas yang menyatukan ulama-ulama dan pemikir agama. Namun, kemunculan UMNO pada waktu tersebut hanya berperanan mengisi sebahagian ruang perjuangan politik Melayu-Islam di negara ini memandangkan masih terdapat pelbagai parti politik lain turut berkongsi matlamat perjuangan yang sama. Bahagian berikut membincangkan secara terperinci perkembangan awal dan corak-corak hubungan masyarakat politik Melayu-Islam yang pernah muncul dalam era sebelum merdeka.

1.2.2 Hubungan Aliran-aliran Politik Melayu Sebelum Merdeka

Secara umumnya, perjuangan organisasi-organisasi Melayu-Islam sebelum merdeka terpisah antara satu sama lain berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu sempadan wilayah, aliran pertubuhan dan peranan kepimpinan. Hal ini dipersetujui Ramlah Adam (1998) yang menyatakan bahawa kelompok perjuangan yang terpisah dan berbentuk

kenegerian merupakan salah satu punca kepada perpecahan orang Melayu sehingga sukar untuk bersatu memperjuangkan hak politik mereka (Ramlah Adam 1998, p.33-36).

Sebelum Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, setiap negeri terpisah antara satu sama lain dan memiliki sempadan kedaulatan pemerintahan yang tersendiri. Keadaan ini turut mempengaruhi dasar perjuangan organisasi-organisasi di negeri-negeri tersebut yang kurang mempedulikan perjuangan berbentuk kebangsaan. Antara organisasi-organisasi tersebut misalnya Kesatuan Melayu Johor, Persekutuan Guru-Guru Melayu Pahang, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Persatuan penghulu-Penghulu Selangor dan Persetiaan Muslim Teluk Anson. Walaubagaimanapun, tembok perjuangan yang berasaskan kenegerian dan sekepentingan tersebut telah berjaya dirobohkan menerusi penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pertama pada tahun 1946. Malah penganjuran kongres tersebut merupakan tindakan berani orang Melayu yang bangkit untuk membuktikan kemampuan membentuk kerjasama politik selepas Perang Dunia Kedua (Ramlah Adam 1998, p.34-36)

Kejayaan menganjurkan kongres berkenaan juga memperlihatkan bahawa perjuangan yang berbentuk sempadan kenegerian boleh diketepikan sekiranya wujud perkongsian kepentingan. Hasil kerjasama politik yang berjaya dibentuk tersebut akhirnya diterjemahkan menerusi agenda perpaduan Melayu-Islam dengan tertubuhnya sebuah parti politik Melayu-Islam yang dinamakan United Malays National Organisation (UMNO). Penubuhan UMNO pada tahun 1946 merupakan wadah baru politik berpusat yang mampu menaungi orang Melayu setelah kegagalan fungsi parti-parti dan organisasi-organisasi sebelumnya.

Kedua, perjuangan politik orang Melayu-Islam sebelum merdeka boleh dibahagikan kepada dua aliran utama iaitu berhaluan kiri dan kanan. Kemunculan dua aliran utama ini dipengaruhi oleh faktor persekitaran politik semasa dan latar belakang kepimpinan organisasi. Misalnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan oleh

pemuda-pemuda lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris yang telah terpengaruh dengan gerakan-gerakan anti-penjajahan daripada negara-negara luar. Misalnya gerakan Turki Muda yang bangkit menentang pemerintahan monarki mutlak oleh Sultan Abdul Hamid di Turki dan perjuangan pemuda-pemuda Jong Java dan Sumatera di Indonesia (Insun Sony Mustapha, 1999 dalam Mohamed Salleh Lamry, 2006, p.35-37 & Insun Sony Mustapha 2005).

Di Malaysia, jumlah organisasi politik Melayu-Islam yang beraliran kiri sebelum merdeka adalah lebih besar berbanding organisasi-organisasi berhaluan kanan. Lazimnya, peningkatan jumlah organisasi beraliran kiri berlaku disebabkan oleh perkongsian nilai perjuangan antara pertubuhan tersebut dengan kehendak sekelompok masyarakat. Namun, majoriti orang Melayu bertindak menolak dasar perjuangan mereka yang bercorak keganasan dan kekerasan. Perbincangan mengenai perjuangan politik Melayu-Islam beraliran kiri sebelum merdeka sesuai diketengahkan sebagai latar awal perbincangan kajian ini kerana asal usul penglibatan orang Melayu dalam gerakan penentangan penjajah bermula menerusi aliran tersebut. Berdasarkan kepada intipati analisis sarjana-sarjana sejarah politik seperti Khoo Kay Kim (1981), Firdaus Abdullah (1985) dan Mohamed Salleh Lamry (2006), terdapat tiga faktor utama yang mencorakkan organisasi beraliran kiri Melayu sebelum merdeka. Antara intipati penting perbincangan sarjana-sarjana berkenaan ialah corak perjuangan dipengaruhi daripada negara-negara jiran, kuasa institusi tradisional yang semakin terancam dan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat yang semakin berkembang. Menurut Mohamed Salleh Lamry (2006), organisasi politik kiri Melayu-Islam di negara ini pada era sebelum merdeka boleh dibahagikan kepada lima aliran utama iaitu aliran kiri pelampau (*extreme left*), kiri Islam (*Islamic left*), kiri komited (*committed left*), kiri sementara (*transient left*) dan semangat kebangsaan (*nationalistic*) (Khoo Kay Kim, 1981 Mohamed Salleh Lamry, 2006, p.20-24).

Di samping itu, Khoo Kay Kim (1981) dalam kajiannya turut membincangkan secara terperinci mengenai gerakan aliran kiri yang pernah bergerak aktif di negara ini. Menurut beliau, golongan atau pertubuhan yang dilabel sebagai pelampau kiri (*extreme left*) sering memperjuangkan ideologi mereka secara kekerasan untuk menentang seterus politik. Antara contoh organisasi dan parti politik beraliran kiri Melayu terawal yang ditubuhkan di negara ini antaranya Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).⁴ Kedua-dua organisasi ini berkongsi aspirasi politik yang sama bagi membebaskan negara ini menerusi pendekatan bersenjata seperti kejayaan rakan-rakan mereka di negara jiran, Indonesia. Namun, kebanyakan orang

⁴Kesedaran untuk mewujudkan perpaduan politik dalam kalangan kaum Melayu-Islam di negara ini bermula pada era tahun 1930-an melalui idea penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) oleh pelajar-pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) seperti Ibrahim Hj. Yaacob, Ahmad Boestamam, Mustapha Hussein dan Ishak Hj. Mohammad. Idea penubuhan KMM merupakan satu anjakan perubahan perjuangan politik kaum Melayu yang sebelumnya berbentuk penaung dan kedearahan. Namun konsep perjuangan tradisi tersebut semakin berubah apabila berkembangnya kesedaran politik dalam kalangan lulusan pendidikan sekolah Melayu. Secara umumnya, idea asal penubuhan KMM tercetus daripada pengaruh-pengaruh perjuangan organisasi Turki Muda di Turki yang menentang pemerintahan monarki mutlak Sultan Abdul Hamid dan persatuan pemuda Jong Java serta Sumatera di Indonesia (Mohamed Salleh Lamry, 2006, p. 35-37). Kemunculan organisasi-organisasi pemuda ini menentang penindasan pemerintah telah mempengaruhi idea perjuangan KMM untuk melancarkan penentangan terhadap penjajah. Malah pada masa yang sama, KMM turut menyebarkan aspirasi penyatuhan Malaya dengan Indonesia untuk mewujudkan sebuah kesatuan yang menggabungkan masyarakat Melayu serumpun yang dinamakan sebagai Melayu Raya. Di samping itu, KMM percaya bahawa kedudukan kaum Melayu semakin kukuh melalui penyatuhan rumpun Melayu dalam sebuah kesatuan kerana populasi kaum-kaum imigran semakin meningkat. Bagi KMM, kedatangan kaum imigran bukan sahaja meningkatkan pertambahan populasi penduduk, malah dalam masa yang sama turut mengancam kuasa politik dan hak istimewa kaum Melayu sedia ada. Sebagai sebuah komuniti yang memiliki kesedaran politik tinggi dalam kalangan masyarakat, lulusan-lulusan MPSI ini mempertaruhkan ideologi politik radikal sebagai asas perjuangan parti. Perkembangan politik KMM yang radikal dan agresif ini menyebabkan pihak British bertindak menahan beberapa pemimpin utama parti tersebut dengan serta-merta (Abdul Rahman Abdullah 1997, p.129-131). Namun, pimpinan KMM yang ditahan British telah dibebaskan dan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti politik kembali apabila Jepun mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu. Malah Jepun juga menyediakan latihan ketenteraan kepada ahli-ahli KMM sebagai persiapan untuk mempertahankan negara sekiranya diserang oleh musuh (Edwin Lee 2008, p.37-43). Namun, ruang berpolitik yang disediakan oleh Jepun telah disekat kembali apabila aktiviti KMM diharamkan semula pada tahun 1942 atas alasan parti tersebut semakin mengancam kedudukan pemerintah. Meskipun Jepun mengisyitiharkan pengharaman KMM, namun legasi perjuangan parti tersebut kemudiannya diteruskan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Penglibatan kaum Melayu-Islam dalam politik tidak berakhir dengan pengharaman KMM tetapi legasi perjuangannya diteruskan melalui penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Ogos 1945. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan parti politik Melayu berhaluan kiri kedua selepas pengharaman KMM ketika era pentadbiran Jepun. Antara tokoh pengasas PKMM ialah Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh, Ishak Haji Muhammad, Dr. Burhanuddin Helmy, Mokhtaruddin Lasso dan Ahmad Boestamam (Jamaei Hamil 2005, p.44-49). Namun, berdasarkan kepada sumber sejarah, PKMM telah diasaskan oleh seorang rakyat Indonesia yang berfahaman Komunis dan dikenali sebagai Mokhtaruddin Lasso. Sebelum mengasaskan PKMM, beliau terlibat secara aktif dalam pertubuhan Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) iaitu sebuah organisasi yang menentang pendudukan Jepun. Meskipun PKMM dilihat sebagai sebuah parti politik Melayu berhaluan kiri, namun parti tersebut turut disertai oleh tokoh-tokoh ulama tempatan antaranya Sheikh Abu Bakar al-Bakir dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Secara umumnya, organisasi PKMM memiliki struktur politik yang tersendiri yang terdiri daripada Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diketuai oleh Ahmad Boestamam, Barisan Tani se-Malaya (BATAS) mengepalai perjuangan hak-hak petani, manakala Angkatan Wanita Sedar (AWAS) diketuai oleh Aishah Ghani pula memperjuangkan isu-isu wanita. Penubuhan cabang-cabang pergerakan khusus dalam PKMM ini bertujuan untuk memperjuangkan isu-isu berkaitan secara lebih berkesan. Di samping itu, semasa era penjajahan British, PKMM semakin berjaya menarik sokongan daripada tokoh-tokoh politik Melayu berorientasi Islam antaranya Dr. Burhanuddin al-Helmy, Asri Muda dan Maulana Abdullah Noh. Hal ini berlaku kerana masyarakat tidak memiliki pilihan platform perjuangan dan PKMM merupakan satu-satunya parti politik Melayu yang wujud pada waktu tersebut. Selain memimpin PKMM, tokoh-tokoh berkenaan turut berperanan sebagai kelompok pemikir dan agen penyebar ideologi PKMM melalui penerbitan karya-karya parti tersebut misalnya jurnal Penyedar dan Semangat Perajurit-Perajurit Muslimin. Penerbitan karya-karya berkenaan merupakan manifestasi penting untuk menilai pengaruh Islam dalam pergerakan politik Melayu pada era penjajah. Meskipun gerakan perjuangan PKMM bersifat radikal, namun PKMM telah memberikan ruang yang luas kepada tokoh-tokoh Islam untuk turut serta terlibat dalam perjuangan parti berkenaan. Malah penglibatan tokoh-tokoh ulama memimpin PKMM telah berjaya menarik sokongan masyarakat apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy yang mengetuai PKMM pada tahun 1946 telah berjaya meningkatkan keahlian parti sehingga mencapai 60,000 orang ahli (Farish Noor 2004, p.47). Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Abdul Rahman Abdullah (1997), Insun Sony Mustapha (2004), Farish Noor (2004), Jamaei Hamil (2005), dan Mohamed Salleh Lamry (2006).

Melayu-Islam pada waktu tersebut bertindak menolak penyertaan mereka dalam kedua-dua organisasi tersebut disebabkan aliran politiknya yang beraliran kiri pelampau.

Seterusnya, kelompok kedua yang dikategorikan sebagai kelompok kiri komited (*committed left*) merupakan organisasi yang dipengaruhi oleh orientasi pemikiran sosialis. Kelompok ini pada asalnya merupakan ahli PKM yang kemudian bertindak menyertai Parti Rakyat Malaya (PRM) bagi merealisasikan perjuangan politiknya. Pada asasnya, idea kelompok kiri komited adalah bertitik tolak daripada penekanan terhadap konsep perjuangan yang menuntut perubahan dalam struktur masyarakat. Bagi kelompok aliran ini, perubahan struktur masyarakat merupakan faktor penting sebagai pemangkin untuk melonjakkan kehendak rakyat untuk membebaskan negara daripada penguasaan penjajah yang sarat dengan elemen penindasan. Penindasan ini dilihat melalui pembentukan struktur masyarakat yang berhierarki khususnya oleh golongan Borjuis (pemodal) yang mengambil kesempatan terhadap kelompok Proletariat (buruh). Bagi kelompok sosialis, mereka berpandangan bahawa masyarakat pada asasnya berada pada kedudukan yang sama rata dan bebas daripada sebarang struktur hierarki. Oleh itu, struktur hierarki yang wujud dalam masyarakat merupakan satu penindasan yang perlu ditentang oleh kelompok kiri komited melalui penyertaan mereka dalam saluran persaingan politik yang diiktiraf oleh pemerintah.

Kelompok aliran kiri ketiga dikenali sebagai kumpulan berhaluan kiri Islam (*Islamic left*) yang menyatukan elemen radikal dengan agama dalam perjuangan organisasi mereka. Antara parti politik terawal yang muncul melalui gabungan kedua-dua elemen ini dalam perjuangannya ialah Parti Orang Muslimin Malaya (Hizbul Muslimin). Berdasarkan kepada fakta sejarah, Hizbul Muslimin merupakan parti politik radikal Islam pertama yang ditubuhkan di negara ini pada bulan Mac 1948. Perjuangan Hizbul Muslimin yang dilabelkan sebagai radikal pada ketika itu disebabkan oleh dua faktor utama iaitu (i) hubungan erat organisasi dan (ii) kepimpinannya dengan PKMM.

Malah hubungan erat ini boleh dikenal pasti apabila Hizbul Muslimin yang diketuai oleh Abu Bakar al-Bakir sering menyokong dan bersimpati dengan nasib perjungan PKMM.

Kelompok aliran kiri yang bercorak sementara (*transient*) pula merupakan kelompok yang bertindak mengikut aliran politik yang sesuai dengan perkembangan semasa. Secara umumnya, kelompok yang dinyatakan ini tidak berpegang kepada mana-mana fahaman politik tetapi berupaya menyesuaikan perjuangan politik radikalnya dengan organisasi baru. Penyesuaian ini dapat dilihat melalui penyertaan beberapa ahli PKMM ke dalam parti yang lebih sederhana seperti UMNO berbanding parti-parti politik. Malah terdapat ramai pemimpin PKMM bertindak menyertai UMNO dan berjaya membina karier politik mereka seperti Abdul Ghafar Baba dan Sardon Jubir. Kelompok kiri terakhir yang dibincangkan oleh Khoo Kay Kim (1981) ialah kumpulan yang beraliran kiri yang memiliki semangat kebangsaan yang tinggi (*nationalistic*). Meskipun UMNO ditubuhkan atas semangat kebangsaan, namun golongan berhaluan kiri nasionalis ini menentang perjuangan UMNO kerana mendakwa parti tersebut merupakan boneka penajah British dan tidak layak memperjuangkan masalah kaum Melayu-Islam.

Dakwaan ini muncul setelah UMNO bertindak mengadakan rundingan dengan British untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit khususnya melibatkan penentangan terhadap Malayan Union dan rundingan kemerdekaan. Meskipun pihak British menerima kehadiran UMNO sebagai wakil kepada kaum Melayu dalam sebarang proses rundingan, namun British masih berpendirian kritikal terhadap perjuangan UMNO. Oleh itu, pelbagai syarat dikenakan oleh British kepada UMNO sebelum tuntutan mereka dipersetujui misalnya hak kerakyatan kaum bukan Melayu dan keperluan untuk membuktikan kerjasama politik dalam kalangan kaum wujud di negara ini. Oleh itu, UMNO telah menyahut cabaran yang diketengahkan oleh British dengan

mewujudkan kerjasama politik bersama Malayan Chinese Association (MCA) dalam Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Kerjasama politik kedua-dua parti ini telah mencatatkan kejayaan apabila sembilan daripada 12 buah kerusi yang dipertandingkan telah dikuasai dalam pilihan raya tersebut.

Selain perjuangan politik Melayu-Islam beraliran kiri, orang Melayu juga tidak terkecuali daripada terlibat dalam kegiatan berpolitik sederhana yang beraliran kanan. Perjuangan beraliran kanan dan sederhana pula muncul apabila terdapat tokoh-tokoh Melayu yang memiliki latar belakang pendidikan Barat dan pernah berkhidmat dalam organisasi kerajaan bertindak menubuhkan parti politik. Misalnya Dato' Onn yang merupakan pengasas UMNO pernah menyambung pengajiannya di England dan kemudiannya berkhidmat sebagai pegawai kerajaan di negeri Johor. Latihan politik dan pengalaman beliau dalam perkhidmatan kerajaan kemudiannya telah membentuk corak perjuangan UMNO yang sederhana (Anwar Abdullah 2004, p.24-38).

Penubuhan UMNO telah memberi impak yang besar terhadap pengaruh parti-parti politik beraliran kiri yang semakin ditolak secara beransur-ansur oleh orang Melayu-Islam. Malah UMNO telah mengambil alih peranan parti-parti politik beraliran kiri sebagai wadah kepada orang Melayu-Islam untuk mewujudkan semula perpaduan politik yang sukar dilaksanakan sebelumnya. Meskipun perjuangan organisasi-organisasi politik dibezakan menerusi aspek ideologi dan aliran perjuangan, namun kedua-dua aliran berkenaan berkongsi matlamat perjuangan iaitu membebaskan tanah air daripada penguasaan penjajahan. Namun, kebanyakan masyarakat hari ini masih terkeliru apabila menolak sepenuhnya sumbangan organisasi beraliran kiri terhadap perjuangan kemerdekaan negara. Kekeliruan ini timbul apabila masyarakat di negara ini tidak didekah dengan kesedaran politik yang meluas sekaligus mencetuskan pembahagian sentimen penghargaan yang sepatutnya diterima oleh setiap pejuang kemerdekaan.

Ketiga, dinamika bentuk hubungan yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam sebelum merdeka juga turut dipengaruhi oleh latar belakang pemimpin yang mengepalai sesebuah parti. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa peristiwa melibatkan pemimpin-pemimpin organisasi yang berkuasa dalam menentukan hala tujunya berdasarkan kepentingan politik semasa. Misalnya pada tahun 1946 apabila pelbagai organisasi berlainan dasar dan ideologi bertindak menyokong dan menyertai Kongres Melayu se-Malaya yang bercorak kebangsaan. Keadaan ini berlaku apabila timbulnya kesedaran politik dalam kalangan pemimpin-pemimpin organisasi berkaitan untuk bersatu menentang pelaksanaan Malayan Union oleh pihak British. Di samping itu, peristiwa pergolakan dalam UMNO pada tahun 1951 juga telah mengundang perpecahan perpaduan politik Melayu-Islam akibat percanggahan pendirian antara ulama-ulama dalam Biro Hal Ehwal Agama dengan pemimpin tertinggi parti. Percanggahan yang wujud dalam Biro Agama UMNO semenjak era 40-an adalah berpunca daripada perselisihan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama-ulama dalam badan berkenaan.

Keadaan yang berlarutan ini menyebabkan UMNO bertindak menganjurkan sebuah mesyuarat yang menghimpunkan ulama-ulama bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan umat Islam pada bulan Februari 1950 di Johor. Antara isu berkenaan misalnya kedudukan Islam dalam perjuangan UMNO, kesukaran pengurusan jemaah Haji, penubuhan institusi pengajian Islam bertaraf kolej dan penyelarasan jabatan-jabatan agama di seluruh negara (Abdul Halim Mahmood 1983, p.32-34). Isu-isu tersebut kemudiannya mencetuskan ketegangan hubungan dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti sehingga sukar dibendung sekaligus menyebabkan UMNO berpecah kepada dua kumpulan utama iaitu golongan aliran kebangsaan dan ulama. Kelompok ulama dalam UMNO kemudiannya menubuahkan Persatuan Ulama berasingan dalam parti berkenaan dan kemudiannya bertindak keluar dan menukar organisasi tersebut kepada sebuah parti

politik baru yang dinamakan sebagai Persatuan Islam se-Malaya (PAS) pada bulan Jun tahun 1951. Tindakan golongan ulama UMNO pada ketika itu menandakan bermulanya perseteruan politik secara rasmi antara dua kelompok orang Melayu di negara ini iaitu antara aliran Melayu kebangsaan dengan Islam.

Bertitik tolak dengan penubuhan PAS pada ketika itu maka bermulalah perseteruan politik berlarutan antara kedua-dua parti politik berkenaan, sehinggalah tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Hakikatnya, Peristiwa 13 Mei 1969 telah mempengaruhi perubahan pendekatan berpolitik Tun Abdul Razak (Yang di-Pertua UMNO) dan Mohd Asri Muda (Yang di-Pertua PAS) menerusi usaha pembentukan kerjasama politik Melayu-Islam. Kerjasama politik yang berjaya dicapai pada waktu tersebut menjadi pemangkin kepada pembentukan kerajaan gabungan berteraskan agenda Melayu-Islam. Malah kerjasama politik menerusi penubuhan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan Barisan Nasional-PAS pada tahun 1974 sukar direalisasikan sekiranya pemimpin-pemimpin lain pada ketika itu menerajui UMNO dan PAS. Hujah ini dapat dibuktikan setelah Tun Abdul Razak meninggal dunia pada tahun 1976, Tun Hussein Onn yang mengambil alih pentadbiran UMNO gagal meneruskan kerjasama politik sebelumnya sehingga menyebabkan PAS disingkirkan pada tahun 1977 (Mohamed Abu Bakar 1980, p.160-162).

Penyingkiran PAS daripada kerajaan gabungan pada tahun 1977 membuktikan sekali lagi bahawa salah satu faktor penting yang memperkuuh kerjasama politik Melayu-Islam ialah melalui peranan kepemimpinan. Kerjasama yang menjadi asas kepada perpaduan politik Melayu-Islam dapat direalisasikan sekiranya pemimpin-pemimpin parti politik Melayu memiliki keazaman politik (*political will*) yang tinggi untuk mencapai matlamat berkenaan. Oleh itu, pemimpin berperanan penting sebagai jambatan menghubungkan kerjasama politik Melayu-Islam dalam kalangan parti-parti

politik Melayu di negara ini. Bahagian berikut membincangkan secara terperinci bibit-bibit kerjasama dan perpaduan politik yang berjaya dibentuk sebelum merdeka.

1.2.3 Bibit-Bibit Kerjasama Politik Melayu-Islam Menjelang Merdeka

Bibit-bibit kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini telah mula menyerlah ketika kerajaan British mula merancang untuk memperkenalkan sistem pentadbiran Malayan Union pada tahun 1946. Rancangan British ini kemudiannya telah berjaya dikesan oleh Dato' Onn Jaafar yang merupakan tokoh politik Melayu Johor dan pemimpin Pergerakan Melayu Semenanjung Johor Bahru. Oleh itu, beliau bersama-sama empat sahabatnya yang lain bertindak segera mengaturkan pertemuan di Batu Pahat bagi membincangkan strategi penentangan rancangan pihak British tersebut. Menerusi perbincangan tersebut, mereka yakin bahawa rancangan British boleh digagalkan sekiranya seluruh orang Melayu bersatu menyokong usaha berkenaan (Anwar Abdullah 2004, p.138-143).

Susulan daripada perbincangan Dato' Onn dengan beberapa pemimpin di Batu Pahat sebelumnya, mereka telah bersetuju untuk menganjurkan sebuah kongres Melayu pertama bermula pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kuala Lumpur. Tujuan penganjuran kongres ini ialah untuk menghimpunkan organisasi Melayu-Islam di negara ini sebagai platform perbincangan dan reaksi segera orang Melayu terhadap rancangan pelaksanaan Malayan Union.⁵ Impak penting daripada penganjuran kongres ini ialah orang Melayu-Islam telah mula menunjukkan bibit-bibit untuk mencapai matlamat kerjasama politik.

⁵Kongres Melayu se-Malaya yang dianjurkan bermula pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur telah berjaya menghimpunkan sebanyak 37 buah organisasi Melayu dari pelbagai latar belakang perjuangan. Tujuan utama penganjuran kongres tersebut adalah untuk membincangkan secara khusus mengenai langkah dan perancangan pelaksanaan Malayan Union oleh kerajaan British. Yang turut hadir antaranya Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Wataniah Pahang, persekutuan Guru-guru Melayu Pahang, Persetiaan Muslim Telok Anson, Dewan Perniagaan Melayu Peranakan Penang, Persatuan Kaum Ibu Selangor, Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Terengganu. Penyertaan organisasi-organisasi dari pelbagai latar belakang perjuangan yang berorientasikan elemen Melayu-Islam telah mewujudkan sebuah kerjasama baru dalam kalangan anggota masyarakat sivil yang sebelumnya tertumpu kepada perjuangan masing-masing. Meskipun penganjuran kongres ini berjaya melahirkan sebuah parti politik Melayu untuk memperjuangkan hak dan kedudukan kaum Melayu pada waktu tersebut, namun secara khususnya UMNO bukanlah sebuah parti politik Melayu pertama ditubuhkan di negara ini. Menurut Jamae Hamil (2005), terdapat sebuah parti politik Melayu telah ditubuhkan di Jabatan Karang Mengarang dan Pentadbiran Suara Rakyat pada bulan Oktober 1945 yang dinamakan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKKM). Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Anwar Abdullah (2004) dan Jamae Hamil (2005).

Malah kerjasama orang Melayu-Islam untuk menentang Malayan Union semakin hebat khususnya di Johor apabila terdapat usaha oleh Kesatuan Melayu Johor untuk menyingkirkan Sultan Ibrahim atas tindakan baginda bersetuju dengan pelaksanaan Malayan Union (Anwar Abdullah 2004, p.144-146).

Menerusi kongres pertama, satu resolusi penting telah berjaya dicapai iaitu menyegerakan penubuhan sebuah parti politik yang menggabungkan seluruh organisasi dan persatuan Melayu-Islam. Bertitik tolak daripada resolusi tersebut, maka telah lahir sebuah parti politik yang dinamakan sebagai United Malays National Organisation (UMNO) sebagai platform khusus memperjuangkan hak orang Melayu. Namun, UMNO hanya ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 ketika berlangsungnya kongres kali ketiga di Istana Besar, Johor Bahru yang pada asalnya dianjurkan bagi membincangkan dengan lebih lanjut isu penentangan terhadap Malayan Union. Penubuhan UMNO pada waktu tersebut telah menyerlahkan kerjasama politik masyarakat Melayu-Islam yang berjaya dicapai dalam tempoh waktu yang singkat.

Meskipun penubuhan UMNO bertujuan mengimpunkan seluruh kekuatan orang Melayu-Islam untuk menentang pelaksanaan Malayan Union, namun British tidak mempedulikan bantahan mereka apabila meneruskan pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946. Pengisytiharan tersebut telah ditentang secara keras oleh orang Melayu dan mendesak British menarik balik pelaksanaan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu. Hakikatnya, sistem pentadbiran baru tersebut gagal diteruskan apabila tidak mendapat sokongan daripada orang Melayu yang kemudiannya dibubarkan oleh British pada tahun 1948. Tindakan tersebut dapat menjelaskan bahawa masalah perpecahan politik dalam kalangan orang Melayu-Islam boleh ditangani menerusi kerjasama yang dibentuk setelah kedudukan mereka terancam.

1.2.4 Kemelut Natrah Pencetus Kerjasama Melayu-Islam Se-Malaya

Pembubaran Malayan Union pada tahun 1948 telah berjaya mengembalikan ketenteraman politik masyarakat Melayu di negara ini yang sebelumnya diancam oleh penjajah British. Namun ketenteraman tersebut hanya bertahan untuk tempoh sementara apabila orang Melayu dikejutkan dengan kemelut pertikaian hak penjagaan Natrah antara kerajaan Belanda dengan keluarga angkatnya.

Kemelut pertikaian hak penjagaan Natrah mula tercetus apabila Pentadbir British Wilayah Timur, A. A. Locke telah menyedari wujudnya seorang pelajar berkulit putih ketika menghadiri acara senaman pelajar sekolah rendah seluruh daerah Kemaman (Fatini Yaacob 2010, p.28-30). Kehadiran pelajar berkulit putih yang bernama Natrah tersebut telah menarik perhatian Locke dan beliau seterusnya berusaha menyiasat latar belakang pelajar berkenaan daripada guru sekolahnya. Setelah mendapat maklumat yang dikehendakinya, Locke kemudiannya mengunjungi keluarga angkat Natrah dan mencadangkan Che Aminah membawa Natrah ke Singapura untuk menguruskan permohonan surat rasmi pengambilan Natrah sebagai anak angkat. Tambah Locke lagi, kedatangan mereka berdua ke Singapura kelak adalah semata-mata bagi menyelesaikan hak penjagaan Natrah dan beliau bersedia untuk membantu mendapatkan pembiayaan sekiranya mereka perlu ke Belanda.

Berpegang pada janji Locke, Che Aminah dan Natrah bersetuju dengan cadangan berkenaan dan kedua-dua mereka tiba di Singapura pada tarikh 12 April 1950 bagi menyelesaikan hak penjagaan seperti yang dirancangkan. Namun pegawai-pegawai kerajaan Belanda telah lebih awal merancang strategi untuk merampas hak penjagaan Natrah setibanya Che Aminah dan anak angkatnya itu ke Singapura. Pegawai-pegawai dari Konsulat Belanda telah mengadakan dua kali pertemuan dengan Che Aminah untuk mendapatkan hak penjagaan Natrah dan beliau turut ditawarkan dengan ganjaran

pampasan sebanyak \$500.⁶ Namun pegawai-pegawai konsulat Belanda masih gagal untuk memujuk Che Aminah menyerahkan Natrah kepada mereka dan akhirnya saluran perundangan telah digunakan untuk mendapatkan Natrah dari ibu angkatnya.

Pada 22 April 1950, pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat telah datang secara mengejut menemui Che Aminah untuk menyerahkan surat perintah dari Mahkamah Tinggi Singapura yang mengarahkan Natrah diserahkan di bawah penjagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga perintah seterusnya dikeluarkan. Penyerahan surat perintah dari mahkamah berkenaan menandakan bermulanya perebutan hak penjagaan Natrah melalui proses perundangan yang berpanjangan. Proses perundangan yang berpanjangan tersebut berakhir apabila Mahkamah Tinggi Singapura pada tarikh 2 Disember 1950 telah memutuskan untuk mengembalikan hak penjagaan Natrah secara muktamad kepada keluarga kandungnya di Belanda.

Namun, penyerahan Natrah kepada keluarga kandungnya terpaksa ditangguhkan setelah Che Aminah bertindak mengemukakan rayuan kepada pihak mahkamah. Oleh itu, pihak mahkamah telah mengarahkan Natrah diletakkan di bawah penjagaan gereja Convent of the Good Shepherd sementara menunggu keputusan rayuan. Setelah beberapa hari ditempatkan di gereja, mahkamah pada tarikh 11 Disember 1950 telah bersidang bagi mendengar dan menetapkan keputusan rayuan yang dikemukakan oleh Che Aminah. Namun, mahkamah sekali lagi menangguhkan pengumuman keputusan rayuan kepada hari berikutnya kerana hakim menyatakan bahawa mereka memerlukan masa yang lebih untuk membuat keputusan. Pertikaian hak

⁶Sebanyak dua kali pertemuan telah berlangsung antara pegawai-pegawai Konsul Belanda dengan Che Aminah sepanjang tempoh tujuh hari beliau dan Natrah berada di Singapura. Pertemuan pertama dijalankan pada 16 April 1950 melibatkan Che Aminah, F. Van Lunteren selaku Canselor Konsulat Belanda, Cik Bruins yang merupakan kakitangan di pejabat konsulat dan seorang jurubahasa Melayu. Dalam pertemuan tersebut, Lunteren meminta Che Aminah membentarkan Natrah untuk bertemu dengan ibu bapa kandungnya dan turut menjelaskan Natrah merupakan rakyat negara Belanda. Apabila menyedari kedatangan mereka berdua ke Singapura merupakan perancangan muslihat pegawai Belanda untuk mengambil hak penjagaan Natrah, Che Aminah dengan segera menamatkan pertemuan terbabit dan menghalau semua pegawai-pegawai konsulat keluar daripada rumah penginapannya. Kegagalan pertemuan pertama tidak menghalang usaha pegawai konsulat untuk meneruskan rancangan mereka apabila Lunteren sekali lagi pada tarikh 18 April 1950 datang bertemu Che Aminah dan menawarkan sejumlah wang pampasan sebanyak \$500 kepada Che Aminah untuk menyerahkan Natrah. Tindakan Lunteren tersebut telah mengundang kemarahan Che Aminah dan beliau sekali lagi dihalau keluar dari rumah penginapan berkenaan. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Haja Maideen (1989) dan Fatin Yaacob (2010).

penjagaan Natrah turut diberi perhatian khusus oleh orang Melayu di Singapura dan semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu. Bagi orang Melayu, kemelut pertikaian hak penjagaan Natrah merupakan masalah melibatkan maruah dan kesucian Islam yang harus diperjuangkan oleh mereka. Oleh demikian akhbar-akhbar Melayu dan India Muslim seperti Melayu Raya, Malaya Nanban dan Utusan Melayu pada ketika itu telah bertindak membangkitkan kesedaran dan semangat orang Melayu untuk memperjuangkan keadilan kepada Natrah.

Kebangkitan orang Melayu semakin memuncak dan keadaan ini dapat dilihat pada hari pengumuman keputusan rayuan Che Aminah apabila dianggarkan hampir 3000 orang mula berkumpul di perkaraangan mahkamah (Haja Maideen 1989, p.276-278). Namun, perhimpunan yang pada asalnya bagi mendengar keputusan rayuan dan memperlihatkan semangat orang Melayu yang kuat telah tercemar dengan pelbagai provokasi sehingga mencetuskan pergolatan antara pegawai polis dengan orang Melayu. Provokasi yang mulanya tidak mengancam pergolatan fizikal telah bertukar menjadi percaduhan kecil sehingga merebak menjadi rusuhan yang sukar dikawal oleh pihak berkuasa di Singapura.

Rusuhan telah mula merebak di sekitar Masjid Sultan pada petang 11 Disember dan memuncak pada 12 Disember 1950 sejurus pihak mahkamah mengumumkan keputusan menolak rayuan yang dikemukakan oleh keluarga angkat Natrah. Antara kawasan-kawasan yang terlibat ketika rusuhan tersebut ialah Arab Street, Beach Road, Kallang Road dan Masjid Sultan. Rentetan daripada tercetusnya rusuhan itu, pihak kerajaan telah bertindak mengisyiharkan perintah darurat selama dua hari sebagai langkah untuk mengembalikan ketenteraman di wilayah tersebut. Sepanjang tempoh rusuhan berkenaan, seramai 18 orang individu telah terbunuh manakala 173 orang yang lain mengalami kecederaan (Haja Maideen 1989, p.279-281). Solidariti orang Melayu menentang keputusan mahkamah yang memihak kepada plaintif (keluarga kandung

Natrah) membuktikan wujudnya kerjasama yang kuat antara parti-parti politik dan masyarakat civil Melayu. Justeru itu, walaupun masyarakat politik dan civil Melayu memiliki perbezaan matlamat perjuangan, namun kemunculan isu-isu sekepentingan kemudiannya telah berjaya memobilisasikan kerjasama dalam kalangan mereka.

Kebangkitan orang Melayu menentang penubuhan Malayan Union dan perjuangan menuntut hak penjagaan Natrah merupakan dua peristiwa yang signifikan pada era sebelum merdeka yang berjaya memperlihatkan keupayaan kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu. Kerjasama yang dicapai tersebut telah memperkuatkan kedudukan dan mempereratkan hubungan antara masyarakat politik Melayu yang sebelumnya memilih untuk berjuang secara berasingan. Hubungan tersebut masih lagi dicontohi oleh sebahagian masyarakat politik pasca merdeka sebagai sebuah formula penting bagi membentuk kerjasama politik. Namun, corak kerjasama antara masyarakat politik pasca merdeka telah mengalami perubahan kerana disesuaikan kepada kepentingan dan isu yang melanda orang Melayu. Bahagian berikut membincangkan perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam pada era pasca merdeka.

1.2.5 Perkembangan Kerjasama Politik Melayu-Islam Pasca Merdeka

Hubungan politik Melayu-Islam pasca merdeka memperlihatkan beberapa perkembangan perubahan yang ketara berbanding pada era kolonialisme. Bibit-bibit perubahan ini jelas kelihatan selepas tercetusnya krisis pergolakan dalaman parti pada tahun 1951 dalam UMNO sehingga menyebabkan ahli-ahlinya dalam Biro Hal-Ehwal Agama menujuhan PAS. Penubuhan PAS pada waktu tersebut menandakan berakhirnya perpaduan politik yang berjaya dibentuk menerusi UMNO bagi memperjuangkan penentangan terhadap Malayan Union.

Hakikatnya, peristiwa pergolakan pada tahun 1951 tersebut telah menyebabkan orang Melayu berpecah kepada dua parti utama iaitu UMNO yang mewakili agenda

kebangsaan, manakala PAS pula memilih Islam sebagai teras perjuangan parti. Konfrantasi kedua-dua parti politik ini berlarutan selama hampir 17 tahun sehingga lah wujudnya kerjasama semula yang berjaya diketengahkan menerusi pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan pada tahun 1974. Meskipun pembentukan kerjasama politik secara rasminya dibentuk menerusi penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973, namun proses ke arah kerjasama politik UMNO dengan PAS telah bermula lebih awal lagi. Bibit-bibit kerjasama tersebut mula dicapai apabila timbulnya pertemuan dan rundingan politik antara Mohd Asri Muda yang menerajui PAS, manakala UMNO diwakili oleh Tun Abdul Razak pada bulan September 1969 (Alias Muhammad 1994, p.116-122).

Pertemuan tersebut merupakan peristiwa penting kepada kedua-dua parti untuk merancang dan mengorak langkah-langkah kerjasama yang boleh menyatukan orang Melayu setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Kerjasama politik Melayu-Islam yang dicapai kedua-dua pemimpin tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan membela kepentingan orang Melayu dari sudut ekonomi dan pembangunan yang semakin ketinggalan. Malah kenyataan ini turut diperakui oleh Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS yang menegaskan melalui ucapannya kepada ahli-ahli parti dalam sesi muktamar pada 21 September 1973 (Alias Muhammad 1994, p.121-122).

Susulan persetujuan PAS untuk meneruskan kerjasama dengan UMNO selepas Pilihan Raya Umum tahun 1974, masing-masing telah mencapai kesepakatan untuk menjenamakan semula PERIKATAN sebagai Barisan Nasional (BN) bagi menyerlahkan keharmonian dan penyatuan politik (Farish Noor 2004, p.258-261). Malah penubuhan BN menandakan tahap pencapaian terbaik kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dan PAS pasca merdeka. Malah pelbagai impak kemajuan dan perubahan berjaya dirasai oleh orang Melayu sepanjang empat tahun kerjasama politik UMNO dengan PAS dalam kerajaan gabungan tersebut. Namun, kerjasama politik yang

diasaskan oleh Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda menjadi goyah apabila tercetusnya kemelut politik di Kelantan dan Persekutuan sehingga menyebabkan PAS disingkirkan daripada BN pada penghujung tahun 1977.

Penyingkiran PAS daripada gabungan BN pada ketika itu menandakan kerjasama politik Melayu-Islam memasuki dimensi baru tanpa melibatkan sebarang hubungan antara kedua-dua parti berkenaan. Meskipun UMNO dan PAS sehingga hari ini memilih untuk berjuang secara berasingan, namun proses ke arah menjalinkan kerjasama antara satu sama lain dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan umat masih berterusan. Misalnya penyertaan dalam muzakarah isu kemanusiaan di Palestin pada tahun 2002 dan sokongan UMNO terhadap pelaksanaan Undang-Undang Hudud di negeri Kelantan tahun 2015. Penglibatan UMNO dan PAS dalam program-program berkenaan membuktikan peluang mewujudkan kembali kerjasama politik sentiasa terbuka dan boleh dijayakan semula. Dinamika dan perubahan corak-corak kerjasama politik Melayu-Islam ini menarik untuk dianalisis dan dinilai secara lebih terperinci bersama-sama dengan beberapa permasalahan yang timbul berkaitan isu berkenaan. Bahagian berikut membincangkan masalah-masalah yang wujud berkaitan kajian dan seterusnya mendorong kepada penyelidikan ini dijalankan.

1.3 Pernyataan Masalah

Secara lazimnya, negara-negara yang mempraktikkan sistem pemerintahan berbentuk demokrasi memperuntukkan ruang kepada rakyatnya untuk memilih aliran dan ideologi politik. Namun, kerencaman aliran dan ideologi politik yang wujud dan sukar dikawal berupaya mencetuskan krisis politik sama ada dalam konteks masyarakat yang berkomposisi berbilang kaum (*heterogen*) mahupun berbentuk satu kaum (*homogen*). Oleh itu, pelbagai terminologi kerjasama politik diperkenalkan oleh sarjana-sarjana sains politik seperti praktik konsosiasi, gabungan, campuran, perpaduan dan

permufakatan untuk menyatupadukan kepelbagaian fahaman politik di negara-negara berkenaan. Kepelbagaian terminologi kerjasama politik yang diketengahkan oleh sarjana-sarjana ini turut diuji di Malaysia bagi menilai perkembangan hubungan yang wujud dalam kalangan aktor-aktor Melayu-Islam.

Perkembangan politik Melayu-Islam selepas merdeka semakin rumit apabila tercetus beberapa peristiwa membabitkan hal ehwal orang Melayu-Islam sekaligus mempengaruhi proses pembentukan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Antara peristiwa-peristiwa signifikan yang boleh diketengahkan dari tahun 1957 sehingga penghujung tahun 1972, misalnya perkembangan politik Melayu dalam Pilihan Raya Umum tahun 1959, kejatuhan kerajaan Terengganu pada tahun 1961, penubuhan Malaysia pada tahun 1963, rusuhan kaum di Singapura pada tahun 1964, Peristiwa *Turn About* di Kelantan pada tahun 1968 dan Tragedi 13 Mei 1969. Susulan tercetusnya peristiwa-peristiwa tersebut, maka hala tuju kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pada ketika itu berada di persimpangan sama ada berpeluang untuk direalisasikan ataupun sebaliknya. Oleh demikian, peristiwa-peristiwa berkenaan perlu diketengahkan dalam kajian ini untuk dinilai pengaruhnya ke arah kerjasama politik Melayu-Islam menerusi UMNO dengan PAS pada tahun 1973.

Meskipun terdapat sebilangan peristiwa-peristiwa berkenaan yang memperlihatkan kerjasama politik UMNO dengan PAS adalah mustahil untuk dilaksanakan, namun perkembangan politik Melayu pasca merdeka membuktikan sebaliknya. Atas dasar kepentingan orang Melayu-Islam, maka sebuah kerjasama politik rasmi antara UMNO dengan PAS berjaya direalisasikan menerusi pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Pembentukan Kerajaan Campuran antara UMNO dengan PAS pada tahun 1973 adalah hasil cetusan idea Tun Abdul Razak bersama Mohd Asri Muda untuk membentuk sebuah platform kerjasama politik Melayu-Islam. Kerjasama berkenaan diperkuuhkan lagi menerusi penubuhan Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1974

yang turut disertai oleh PAS tetapi kemudiannya berakhir setelah tercetusnya krisis politik dalaman gabungan pada tahun 1978. Sepanjang tempoh lima tahun kerjasama tersebut, pelbagai kedinamikan politik UMNO dengan PAS telah muncul dan menarik untuk dianalisis secara lebih terperinci menerusi kajian ini. Menerusi kajian ini, kedinamikan politik dirujuk sebagai sebuah sistem politik dapat disesuaikan dengan situasi semasa, maju dan berupaya berubah bagi mencapai sesuatu matlamat yang sama. Pentakrifan ini selari dengan hujah Drutman (2016), yang secara umumnya mendefinisikan kedinamikan politik sebagai sebuah sistem politik fleksibel.⁷

Di samping kewujudan dinamika politik dalam tempoh berkenaan, masyarakat Melayu-Islam turut menerima pelbagai keuntungan dan impak daripada hasil kerjasama dijalin antara UMNO dengan PAS. Malah terdapat masalah-masalah yang sebelumnya menghalang dan sukar ditangani akibat perseteruan politik kedua-dua tersebut akhirnya berjaya diselesaikan menerusi kerjasama berkenaan. Penyelesaian masalah-masalah masyarakat Melayu pada ketika itu berlaku secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu di peringkat negeri Kelantan sahaja. Hal ini kerana kerjasama politik yang dibentuk antara UMNO dengan PAS telah diselaraskan di peringkat negeri dan Persekutuan tanpa mengambilkira sejarah pergelutan politik sebelumnya. Oleh demikian, impak terhadap perkembangan Melayu-Islam yang muncul hasil kerjasama politik UMNO-PAS merupakan salah satu intipati penting untuk dibincangkan dalam kajian ini.

Susulan perbincangan di atas, boleh dirumuskan terdapat tiga permasalahan utama yang perlu menjadi teras perbincangan kajian ini iaitu peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik tahun 1973, kedinamikan politik UMNO dengan PAS

⁷Menurut Drutman (2016) kedinamikan politik boleh didefinisikan sebagai sebuah sistem politik yang berdaya saing, memanfaatkan kepelbagaian, mewujudkan peluang dan kemajuan, tidak terhad, membentuk sebuah inovasi politik dan tawaran dalam kalangan aktor-aktor terlibat. Manakala dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, terminologi kedinamikan ditakrifkan sebagai keadaan atau sifat dinamik. Terminologi kedinamikan berasal daripada perkataan dinamik iaitu bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Untuk maklumat lanjut, rujuk Drutman (2016) dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).

sepanjang tempoh kerjasama dan impak kerjasama terhadap perkembangan politik Melayu-Islam. Berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan masalah yang dikemukakan ini, bahagian berikut mengetengahkan beberapa persoalan kajian untuk dianalisis secara terperinci dalam bab-bab berikutnya.

1.4 Persoalan Kajian

Bertitik tolak daripada pernyataan masalah yang dinyatakan sebelum ini, maka terdapat tiga persoalan utama yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam sebelum tahun 1973?
2. Bagaimanakah kedinamikan politik UMNO-PAS antara tahun 1968 hingga 1978?
3. Sejauh manakah impak kerjasama UMNO-PAS kepada perkembangan politik Melayu-Islam?

1.5 Objektif Kajian

Sehubungan dengan permasalahan kajian di atas, objektif kajian penyelidikan adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama Melayu-Islam sebelum tahun 1973.
- ii. Menilai kedinamikan politik UMNO-PAS antara tahun 1968 hingga 1978.
- iii. Menganalisis impak kerjasama UMNO dengan PAS kepada perkembangan politik Melayu-Islam.

1.6 Skop Kajian

Secara umumnya, kajian ini memfokuskan kepada proses kerjasama politik Melayu-Islam dengan menilai perkembangan hubungan UMNO dengan PAS. Bagi tujuan berkenaan, analisis dijalankan terhadap peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik antara UMNO dengan PAS sebelum tahun 1973. Penentuan fokus kajian yang khusus seperti latar masa, unit dan alat analisis penting bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan tidak tersasar daripada landasan perbincangan.

Meskipun kajian dalam disiplin sejarah politik tidak terbatas, namun kajian ini menetapkan satu tempoh masa yang sesuai untuk menilai kematangan kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam. Di samping itu, kajian yang dijalankan adalah berbentuk historikal deskriptif (*historical descriptive*). Kajian historikal deskriptif boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu berdasarkan kepada analisis tema khusus atau berkronologi. Dalam kajian ini, memilih kaedah analisis historikal deskriptif secara berkronologi yang disokong dengan sumber data dan maklumat kukuh. Namun pada masa yang sama, penyelidikan ini masih berlandaskan kepada kerangka teori dan konsep agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang berbentuk analitikal.

1.6.1 Latar Masa

Kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam analisis hubungan UMNO-PAS dalam tesis ini ditetapkan selama 10 tahun iaitu bermula pada tahun 1968 hingga 1978. Tempoh masa yang dipilih adalah signifikan kerana terdapat beberapa peristiwa dan isu yang tercetus dalam tempoh waktu berkenaan. Pertama, Peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadi pemangkin kepada kerjasama politik Melayu-Islam telah tercetus sebelum penubuhan Kerajaan Gabungan pada tahun 1974.

Berdasarkan kepada sumber sejarah, peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi percaduhan kaum yang tercetus antara kaum Cina dan Melayu impak daripada

keputusan pilihan raya umum pada 10 Mei 1969. Rentetan daripada peristiwa tersebut, Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri telah menjemput Yang di-Pertua PAS, Mohamed Asri Muda untuk berunding mengenai kerjasama dan kesepakatan politik Melayu-Islam (Mohamad Asri Muda 1993, p.120). Sehubungan itu, tahun 1968 merupakan tempoh yang signifikan untuk memulakan kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya menilai hubungan UMNO dengan PAS.

Analisis juga dilakukan terhadap impak kerjasama politik Melayu-Islam menerusi penyertaan PAS dalam pentadbiran MAGERAN, penubuhan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974. Dalam tempoh lima tahun perkongsian kuasa UMNO-PAS ketika itu, pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk memperkuuh semula hubungan antara orang Melayu dengan bukan Melayu akibat perselisihan fahaman politik. Bertitik tolak daripada penubuhan Kerajaan Campuran tahun 1973, perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam menjadi lebih menarik untuk diteliti secara lebih terperinci. Manakala tahun 1978 merupakan era baru hubungan antara UMNO dengan PAS setelah berakhirnya kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan pada penghujung tahun 1977. Di samping itu, terdapat beberapa faktor penting lain yang menggagalkan proses kerjasama politik UMNO-PAS dalam Kerajaan Gabungan boleh dibincangkan dan dianalisis dengan lebih terperinci. Hakikatnya, perpecahan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1977 telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan politik orang Melayu, namun isu-isu berkaitan kaum yang timbul kemudiannya masih lagi dapat ditangani namun pada tahap yang minimum.

1.6.2 Pemilihan Parti

Penubuhan parti-parti politik di negara ini sebelum merdeka pada asasnya adalah berdasarkan kepada pecahan kelompok kaum. Misalnya UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan hak dan kedudukan kaum Melayu, manakala Malaysian Indian

Congress (MIC) membela kebijakan kaum India dan Malaysian Chinese Association (MCA) mewakili kaum Cina. Penubuhan parti-parti politik berasaskan kaum ini berlaku akibat pelaksanaan dasar politik pecah dan perintah yang diperkenalkan semasa zaman pentadbiran British.

Dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan oleh British ini telah melebarkan jurang perkauman dalam kalangan masyarakat sehingga menyukarkan strategi perubahan praktik politik. Misalnya pada tahun 1951, Dato' Onn Jaafar telah berusaha menyatukan kaum-kaum di negara ini dalam sebuah parti politik dengan menubuhkan Independence of Malaya Party (IMP) namun usahanya gagal. Malah parti-parti politik berbilang kaum seperti Democratic Action Party (DAP), Parti Progresif Penduduk (PPP) dan GERAKAN akhirnya turut didominasi oleh satu kelompok kaum sahaja. Secara umumnya, kebanyakan kajian akademik berkenaan parti dan ideologi politik di Malaysia yang dijalankan oleh sarjana-sarjana daripada dalam ataupun luar negara sering menyentuh mengenai politik kaum. Oleh hal yang demikian, adalah penting mengetengahkan peranan UMNO-PAS khususnya dalam membincangkan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam.

Di Malaysia, UMNO dirujuk sebagai sebuah parti politik dominan yang memperjuangkan hak dan kedudukan orang Melayu di negara ini semenjak sebelum merdeka. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam Fasal 3, Perlembagaan UMNO iaitu, pertubuhan ini merupakan sebuah parti yang politik yang berjuang mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara (Perlembagaan UMNO: 4). Malah UMNO diakui sebagai sebuah parti orang Melayu yang didukung oleh orang Melayu yang beragama Islam (Wan Mohd Mahyiddin 2007, p.113). Manakala PAS menerusi Fasal 3, Perlembagaannya menyatakan secara jelas dasar perjuangannya ialah Islam (Perlembagaan PAS, Pindaan 2011). Oleh demikian, adalah jelas bahawa UMNO merupakan sebuah parti politik

Melayu yang mendukung nilai-nilai kebangsaan, manakala PAS adalah sebuah parti yang meletakkan Islam sebagai teras utama perjuangannya.

Meskipun terdapat beberapa buah parti politik Melayu lain yang ditubuhkan dan dianggotai oleh orang Islam seperti Semangat 46, Berjasa dan Hizbul Muslimin, namun peranannya dalam perkembangan politik Melayu adalah kecil. Malah parti-parti ini tidak berupaya meneruskan kelangsungan politiknya untuk tempoh masa yang lama berbanding UMNO dan PAS. Kegagalan ini berpunca daripada faktor-faktor penubuhan parti yang tidak kukuh misalnya pembentukan berdasarkan isu-isu semasa, ketidakpuasan hati dan kehilangan tokoh kepimpinan parti. Pemilihan UMNO dan PAS sebagai unit analisis menepati kehendak asas utama perbincangan mengenai politik Melayu-Islam bagi menilai dinamika kerjasama sebelum dan pasca merdeka. Bahagian berikut membincangkan kaedah kajian yang diguna pakai untuk menganalisis kerjasama politik Melayu-Islam melibatkan hubungan UMNO dengan PAS dari tahun 1968 hingga 1978.

1.7 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan pendekatan menghasilkan dapatan selain daripada kaedah statistik dan pengiraan (Othman Lebar 2012, p.6-8). Pemilihan kaedah kualitatif bertujuan untuk memberikan jawapan yang sesuai kepada pelbagai persoalan dan memahami isu yang dibincangkan dengan lebih jelas agar kredibiliti kajian tidak dipersoalkan. Melalui kaedah ini juga, pengumpulan data dilakukan dari sumber primer dan sekunder. Sumber primer merujuk kepada maklumat dan bahan kajian dalam bentuk asli yang masih belum diolah oleh mana-mana pihak (Othman Lebar 2012, p.416-419).

Dalam kajian ini, maklumat daripada sumber primer diperolehi melalui temu bual-temu bual semi-berstruktur dengan informan-informan terpilih. Mereka terdiri

daripada pemimpin-pemimpin semasa dan pernah terlibat dalam kepimpinan UMNO dan PAS yang boleh menyediakan maklumat lisan bagi memperkuatkannya analisis kajian.

Menerusi kaedah temu bual semi-berstruktur ini, penyelidik menyediakan soalan sebelum dikemukakan kepada setiap informan dan mereka boleh memberikan jawapan secara terbuka serta memperincikannya. Menurut Schensul & Lecomte (1999), kaedah temu bual ini dapat menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor yang terkandung dalam kajian. Malah empat sasaran penting kajian dapat dicapai melalui kaedah ini iaitu menjelaskan dengan lebih lanjut faktor-faktor dan domain-domain utama, pengoperasian faktor-faktor kepada pemboleh ubah, pembentukan hipotesis awal dan penyediaan asas kepada kajian tinjauan etnografi (Othman Lebar 2012, p.122-124). Hasil temu bual kemudiannya direkodkan menerusi dua kaedah iaitu menggunakan pita rakaman dan mencatat nota perbualan sepanjang sesi berkenaan. Kaedah merakam setiap temu bual dapat membantu penyelidik melengkapkan keseluruhan catatan yang tertinggal sepanjang sesi tersebut berlangsung. Rekod-rekod rakaman ditranskripsi sepenuhnya oleh penyelidik dan proses ini menurut Othman Lebar (2012) merupakan tindakan terbaik bagi menyediakan sebuah pangkalan data kajian.

Selain itu, sumber data kedua iaitu sumber sekunder diperolehi melalui kaedah kajian perpustakaan seperti artikel, tesis, jurnal, laporan minit mesyuarat dan buku yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan. Data-data dari sumber sekunder ini diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan yang memiliki bahan berkaitan misalnya Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia. Penyelidikan ini juga menetapkan tempoh kajian dijalankan selama 10 tahun iaitu bermula dari tahun 1968 hingga 1978 dengan mengambil kira pola perkembangan hubungan kedua-dua parti dalam tempoh berkenaan.

Di samping itu, kajian ini mengetengahkan pendekatan analisis secara historikal deskriptif (*historical descriptive*) yang membincangkan data dan fakta secara berkronologi untuk memperkuuh analisis. Menurut Fraenkel dan Wallen (2007), pendekatan ini dipilih bagi mencapai lima matlamat kajian sejarah iaitu untuk memberi kesedaran mengenai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, memberikan pengajaran kepada masyarakat hari ini, untuk meramalkan hala tuju masa depan, bagi menguji hipotesis berkaitan analisis perubahan tindakan dan pemikiran manusia dan memahami konteks peristiwa semasa (Noraini Idris 2013, p.410-412). Meskipun kajian sejarah adalah berbentuk deskriptif, namun peranan teori dan konsep masih lagi penting bagi memandu perbincangan dan memperkuuhkan analisis kajian.

1.8 Analisis Teoritikal

Secara umumnya, kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam yang memfokuskan kepada perkembangan hubungan UMNO dengan PAS bermula tahun 1968 hingga 1978 tidak terkecuali daripada membincangkan mengenai peranan dan hubungkait masyarakat politik dalam sebuah sistem politik. Dalam konteks kajian ini, parti UMNO dan PAS merupakan dua aktor utama yang dipilih sebagai unit analisis untuk menilai perkembangan tahap kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini. Meskipun terdapat parti-parti politik Melayu-Islam lain selain UMNO dan PAS, namun kedua-dua parti politik tersebut lebih sesuai diketengahkan berbanding parti-parti yang lain. Kesesuaian ini dipilih atas dua pertimbangan utama iaitu jumlah keahliannya yang besar dan penetapan teras perjuangan berbanding dengan parti-parti politik lain di negara ini.

Di samping itu, penyelidikan ini memilih dan mengguna pakai dua pendekatan kerjasama dari perspektif Barat dan Islam. Seringkali terminologi yang menggambarkan wujudnya hubungan dalam kalangan parti-parti politik seperti kerjasama (*cooperation*), pakatan (*coalition*), dan perikatan (*alliance*) telah menimbulkan kekeliruan

penggunaannya oleh sarjana-sarjana dan penyelidik. Meskipun terminologi-terminologi berkenaan seolah-olah memberikan maksud yang sama, namun istilah-istilah tersebut sebenarnya merujuk kepada peringkat-peringkat hubungan politik yang berbeza.

Kenyataan ini dipersetujui oleh sarjana-sarjana seperti Riker (1962), Weitsman (2003) dan Synder (2007) yang secara umumnya menyatakan definisi pakatan (*coalition*) dan perikatan (*alliance*) adalah hubungan berbentuk sementara, *ad hoc*, dan memiliki tempoh masa tertentu. Manakala kerjasama (*cooperation*) merupakan sebuah interaksi yang berterusan untuk tempoh masa yang tertentu dan lebih panjang berbanding corak-corak hubungan lain (Oest 2009, p.22-24). Bagi memperincikan takrifan kerjasama (*cooperation*), bahagian berikut mengetengahkan perbincangan oleh sarjana-sarjana mengenai terminologi tersebut dan kaitannya dengan perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS di negara ini.

1.8.1 Teori Kerjasama

Deutsch (1949, 1973) telah memperkenalkan teori kerjasama dan persaingan sebagai pendekatan untuk memahami proses perkembangan konflik yang tercetus dan penyelesaiannya. Terminologi kerjasama ditakrifkan sebagai kepercayaan aktor-aktor terhadap matlamat mereka yang saling berkaitan memberikan impak besar terhadap pembentukan hubungan dan interaksi yang terhasil. Takrifan terminologi ini dibentuk berasaskan kepada dua gagasan idea utama iaitu; pertama, kebergantungan yang wujud dalam kalangan masyarakat mengenai matlamat yang sama ingin dicapai dan, kedua melibatkan tindakan aktor-aktor dalam konteks masyarakat berkenaan dalam situasi yang tertentu.

Menerusi perbincangannya, Deutsch (1949, 1973) telah menggariskan tujuh ciri penting yang perlu dipatuhi bagi membentuk kerjasama dalam sebuah organisasi. Pertama, aktor-aktor terlibat perlu menonjolkan komunikasi yang efektif (*effective*

communication). Komunikasi efektif merujuk kepada idea yang berjaya diterjemahkan menerusi pertemuan, perbincangan dan perundingan sehingga mewujudkan perhatian dan mempengaruhi ahli-ahli organisasi.

Kedua, aktor-aktor yang terlibat perlu memiliki nilai-nilai persahabatan, sikap yang terbuka, membantu dan tidak menghalang kepada proses perbincangan (*friendliness, helpfulness, and less obstructiveness*). Ketiga-tiga nilai ini penting bagi memastikan setiap aktor berpuas hati dengan proses kerjasama yang menggalakkan penyertaan dan penyelesaian melibatkan ahli-ahli organisasi. Ciri ketiga yang diperlukan ialah mewujudkan koordinasi tanggungjawab dan tugas yang baik (*coordination of effort, division of labor, orientation to task achievement*) (Deutsch 1949, p.26-28). Koordinasi yang dimaksudkan ialah berkaitan pembahagian tenaga kerja, usaha-usaha kerjasama yang tersusun dan perkongsian sumber antara aktor-aktor yang terlibat dalam kerjasama

Keempat, setiap pihak perlu menerima pandangan dan mempunyai asas kepercayaan yang sama (*feeling of agreement with the ideas of others and a sense of basic similarity in beliefs*). Asas kepercayaan yang sama merujuk kepada keyakinan terhadap idea yang dikemukakan oleh satu pihak dan kemudiannya mampu mempengaruhi pihak yang lain untuk bersetuju dengan mereka. Di samping itu, sarjana ini juga menekankan kepentingan mengiktiraf dan menghormati pihak yang lain (*recognizing and respecting the other*). Hal ini boleh dilakukan dengan meraikan dan memberi peluang kepada permintaan yang dikemukakan oleh aktor-aktor yang terlibat dalam proses kerjasama tersebut. Keenam, setiap aktor perlu bersedia untuk memperkuuh kuasa menerusi pengembangan idea (*willingness to enhance the others power to accomplish the others goal increase*) (Deutsch 1973, p.24-27).

Menerusi perbincangannya, Deutsch menyatakan bahawa aktor-aktor terlibat saling memperkuuh kuasa antara satu sama lain sekiranya gandingannya berjaya

mencapai sesuatu matlamat. Ketujuh, aktor-aktor terlibat perlu kemampuan kemahiran dan sumber, berkongsi dan menyelesaikan masalah atas dasar kepentingan bersama (*defining conflicting interest as a mutual problem to be solved by collaborative effort*). Kesediaan aktor-aktor yang terlibat untuk menilai semula percanggahan masalah antara satu sama lain bertindak sebagai pemungkin kepada pembentukan kerjasama (Deutsch 1973, p.28-29). Ketujuh-tujuh ciri ini boleh disesuaikan dalam perbincangan untuk menilai perkembangan adakah UMNO dengan PAS menepati kehendak pendekatan berkenaan berkenaan sebagai syarat kepada pembentukan kerjasama politik ataupun sebaliknya.

Keohane (1984) menerusi perbincangannya mendefinisikan istilah kerjasama sebagai satu peringkat apabila aktor-aktor menyesuaikan tingkahlaku mereka yang sebenar atau kemudiannya menerusi proses koordinasi dasar. Menurut sarjana ini lagi, proses koordinasi dasar ini dilaraskan bagi mengurangkan kesan negatif terhadap aktor-aktor yang terlibat. Penyesuaian tingkahlaku seperti dinyatakan oleh penyelidik ini turut berlaku antara UMNO dengan PAS sepanjang kerjasama politik yang dijalankan, misalnya kesediaan Mohd Asri Muda mewakili PAS bertemu dan berunding dengan Tun Abdul Razak bagi merancang usaha memperkuuh kuasa orang Melayu selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Keadaan ini berbeza sebelumnya apabila PAS tidak berganjak daripada perjuangannya untuk membentuk sebuah negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

Perubahan ini bertepatan dengan hujah yang dikemukakan sarjana ini iaitu terdapat dua elemen utama yang mendorong kepada pembentukan kerjasama iaitu tingkahlaku setiap aktor dipengaruhi oleh matlamat yang sama dan kerjasama yang diasaskan memberi manfaat kepada aktor-aktor tersebut (Keohane 1984, p.49-52). Oleh itu jelas di sini membuktikan kerjasama UMNO dengan PAS pada tempoh tertentu

didorong oleh kemunculan matlamat yang sama, sekaligus dapat memberi manfaat kepada kedua-dua parti berkenaan.

Bagi Haas, Robert dan Joseph (1972), sarjana-sarjana ini mengandaikan bahawa sebuah kerjasama terbentuk sekiranya masyarakat berkenaan memiliki ilmu pengetahuan (*epistemic communities*). Dalam konteks masyarakat yang berpengetahuan, terminologi kerjasama merujuk kepada sebuah kumpulan profesional yang memiliki asas kepercayaan yang sama terhadap faktor dan kesan hubungan yang terbentuk setelah diuji dengan pelbagai cabaran yang bertindak sebagai prasyarat penerimaan mereka, berkongsi nilai dan matlamat yang sama, ahli-ahli memahami secara bersama masalah dan penyelesaiannya (Haas, Robert & Joseph 1972, p.478-479).

Merujuk kepada konteks Malaysia, Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda jelas memiliki kelayakan dari aspek akademik dan pengalaman untuk menerajui kedua-dua parti dominan terbesar Melayu-Islam pada ketika itu. Malah peristiwa rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969 telah ditangani dengan sebaiknya oleh kedua-dua pemimpin berkenaan menerusi pengetahuan dan pengalaman politik luas yang dimiliki oleh mereka. Seterusnya, sarjana ini turut menjelaskan kerjasama yang dibentuk secara terancang berupaya memperkuuh kuasa aktor-aktor yang terlibat. Hal ini merujuk kepada proses-proses yang perlu menuruti ciri-ciri khusus seperti yang ditetapkan oleh Deutsch (1949). Proses-proses berkenaan pernah dilalui oleh UMNO dengan PAS sehingga membawa kepada pembentukan Kerajaan Campuran melibatkan kedua-dua parti tersebut pada tahun 1973. Maka kerjasama yang dibentuk berdasarkan kepada proses yang terancang pada waktu tersebut berjaya memperkuuh semula kedudukan dan kuasa orang Melayu-Islam.

Selain itu, analisis teori kerjasama Deutsch (1949, 1973) telah diulas secara terperinci oleh Johnson (1989) yang menyokong peranan teori ini sebagai salah satu pendekatan untuk menangani konflik yang timbul. Bagi Johnson (1989), idea yang

diketengahkan oleh Deutsch (1949, 1973) telah mencetuskan kajian-kajian berterusan berkaitan teori kerjasama sehingga berjaya meningkatkan hasil produktiviti organisasi, keyakinan dan kepercayaan terhadap diri yang tinggi, perubahan psikologi dan hubungan interpersonal yang lebih baik (Johnson, p. 28-29). Malah proses kerjasama berlandaskan kepada kerangka teori yang dikemukakan oleh pengasas pendekatan ini telah menghasilkan sumbangan yang berbentuk konstruktif terhadap penyelesaian konflik.

Meskipun teori kerjasama yang dikemukakan oleh Deustch (1949, 1973) dinilai berupaya untuk menangani konflik yang tercetus dalam organisasi, namun masih terdapat kekurangan dalam pendekatan berkenaan. Kekurangan tersebut dilihat daripada dua perspektif iaitu ketika ketegangan hubungan antara aktor dan usaha penyelesaian konflik. Dalam konteks ketegangan hubungan antara aktor, masing-masing masih mempertahankan prinsip dan hujah mereka serta tidak mengakui kelemahan yang dimiliki. Manakala sepanjang proses kerjasama berlangsung untuk menyelesaikan konflik, terdapat aktor yang diakui menang dan tewas bagi mencapai sebuah kerjasama yang dirancang (Deutsch, p. 29-30). Hal ini memperlihatkan wujudnya kekurangan teori yang dikemukakan oleh Deutsch (1949, 1973) iaitu tidak menjanjikan hasil yang positif kepada aktor-aktor berkonflik. Bahagian berikut membincangkan mengenai konsep kerjasama politik daripada perspektif Islam.

1.8.2 Konsep Kerjasama Politik (*Tahaluf Siyasi*) daripada Perspektif Islam

Terdapat beberapa sarjana Islam dalam bidang *Siasah Syar'Iyyah* telah membincangkan mengenai pendekatan kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) secara meluas antaranya Ibnu Kathir dalam kitabnya *Al-Awdatu ila Nihayati fi Gharibi Al-hadith*, Ibnu Hajar menerusi kitab *Fathul Bari*, Munir Muhammad Al-Ghadbran (2003) dan Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014).

Menurut Munir Muhammad Al-Ghadbran (2003), istilah *tahaluf siyasi* berasal dari perkataan *al-hilf* dan diterjemahkan dari perspektif bahasa sebagai perjanjian antara kaum atau persahabatan, misalnya dua individu yang bersahabat berjanji untuk tidak memutuskan pertalian persahabatan mereka (Munir Muhammad Al-Ghadbran 2003, p.1-2). Apabila dijamakkan, istilah *hilf* ini merujuk kepada *Ahlaf* iaitu kabilah Asad dan Ghatafan yang pernah memeterai perjanjian untuk bekerjasama membantu antara satu sama lain. Di samping itu, beberapa sarjana Islam seperti Ibnu Kathir, Ibnu Hajar turut mengemukakan pendefinisian terminologi *al-hilf* menerusi kitab-kitab terkemuka mereka. Misalnya Ibnu Kathir menerusi kitab *Al-Awdatu ila Nihayati fi Gharibi Al-hadith* menjelaskan maksud perkataan *hilf* adalah merujuk kepada satu sumpah dan pemeteraian perjanjian untuk saling membantu, menolong dan membentuk permuafakatan (Munir Muhammad Al-Ghadbran 2003, p.3-6).

Ibnu Hajar dalam kitabnya *Fathul Bari* mendefinisikan perkataan *al-hilf* dan membahagikannya kepada dua bahagian berdasarkan perbincangan Anas bin Malik iaitu penafian wujudnya perjanjian dalam Islam oleh golongan *jahiliyyah* untuk membantu sekutunya meskipun secara kekerasan bagi tujuan membala dendam. Kedua, perjanjian dalam Islam untuk membantu mangsa-mangsa kezaliman, menegakkan syariat atas dasar persahabatan, persaudaraan dan menjaga perjanjian yang telah wujud (Munir Muhammad Al-Ghadbran 2003, p.7-10). Maka berdasarkan kepada pendefinisian-pendefinisian terperinci dari perspektif bahasa dan terminologi berkenaan, *tahaluf siyasi* dapat dirumuskan sebagai sebuah perjanjian kerjasama politik antara dua atau lebih pihak yang berpandukan kepada syarat-syarat khusus seperti yang ditetapkan oleh Islam.

Bagi Muhammad Fuzi Omar (2007), *Tahaluf Siyasi* didefinisikan sebagai satu kaedah untuk menyatukan beberapa parti politik yang mempunyai perbezaan daripada aspek fahaman perjuangan, merangka strategi dalam berpolitik dan usaha-usaha

kerjasama khususnya dalam persekitaran seteru yang mempunyai persamaan matlamat. Sarjana ini juga menjelaskan bahawa pendekatan ini merupakan satu strategi kecil yang boleh memberi manfaat kepada ummah dan pada masa sama berupaya menjadi wadah kepada penyatuan dua organisasi yang terpisah. Malah menerusi *Tahaluf Siyasi* juga, penyatuan boleh membentuk sebuah kerjasama secara berpasukan sekaligus memperkuuh politik Islam yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan ancaman.

Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014) menerusi penyelidikan PhD bertajuk Peranan *Tahaluf Siyasi* dalam Konteks Ekonomi mendefinisikan konsep kerjasama politik (*Tahaluf Siyasi*) sebagai pendekatan rundingan kerjasama melibatkan dua pihak bagi menangani masalah-masalah atau konflik agar kedua-duanya berjaya mencapai matlamat yang sama serta tidak melanggar syariat Islam. Secara khususnya, beliau menggunakan takrifan kerjasama politik yang diketengahkan oleh Munir Muhammad Al-Ghadbran (2003) dan kemudiannya mengemukakan beberapa rumusan mengenai ciri, dan prinsip bagi pembentukan *Tahaluf Siyasi*. Menurut beliau, terdapat empat ciri penting yang perlu diwujudkan bagi membentuk *Tahaluf Siyasi* iaitu perlu mempunyai dokumen yang jelas, memiliki tempoh yang khusus, penyertaan Allah s.w.t dalam perjanjian dan perjanjian terbatal sekiranya dikhianati.

Menurut sarjana ini, terdapat perintah khusus daripada Allah s.w.t menerusi Al-Quran dan riwayat Hadis mengenai keperluan untuk menetapkan tempoh perjanjian dalam sebarang kerjasama yang dimeterai. Misalnya Allah berfirman dalam Surah At-Taubah iaitu “maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian sehingga habis tempohnya” (Surah At-Taubah ayat 9:4). Seterusnya, terdapat juga petikan daripada Surah Al-A’raaf yang menegaskan mengenai hal ini “sesungguhnya engkau daripada golongan yang diberi tempoh” (Surah Al-A’raaf ayat 7:15).

Di samping penegasan daripada ayat-ayat Al-Quran, sebuah Hadis khusus yang diriwayatkan oleh Abu Daud menyatakan bahawa “maka janganlah ia menguatkan ikatan dan janganlah ia melepaskannya hingga habis waktu” (Riwayat Abu Daud, Nombor Hadis 2378) (Mohd Syakir Mohd Rosdi 2014, p.218). Berdasarkan kepada kedua-dua sumber hukum yang kukuh ini, maka dirumuskan bahawa sebarang kerjasama perlu memiliki tempoh perjanjian dan praktik ini selari dengan kehendak yang ditetapkan oleh Islam.

Kedua, setiap perjanjian perlu disertai dengan sebuah dokumen yang jelas oleh dua atau lebih pihak yang bersetuju untuk menjalankan kerjasama berkenaan. Menurut Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014), terdapat tiga syarat penting dalam menggubal dokumen perjanjian tersebut iaitu; Pertama, dokumen tidak harus menyalahi hukum syariah; Kedua, melibatkan persetujuan tanpa sebarang paksaan daripada kedua-dua pihak dan ketiga, teks perjanjian adalah jelas, terang dan difahami oleh mereka (Mohd Syakir Mohd Rosdi 2014, p.220-230). Selain itu, ciri ketiga yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang bersetuju untuk bekerjasama ialah perjanjian boleh terbatal sekiranya dikhianati. Menurut Sayid Sabiq (2012), setelah kedua-dua atau lebih telah memeterai perjanjian, maka mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menamatkan perjanjian kecuali apabila telah tamat tempoh dan terdapat pihak yang bertindak melanggar perjanjian yang dipersetujui secara bersama sebelumnya.

Keempat, pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian membentuk kerjasama perlu menyertakan Allah s.w.t dalam persetujuan mereka. Hal ini telah diperintahkan oleh Allah s.w.t dalam Al-Quran menerusi empat surah iaitu Surah Al-Anfal, Surah Al-Baqarah, Surah Al-Nisa dan Surah Al-Fath. Dalam Surah Al-Anfal, perintah menyertakan nama Allah s.w.t jelas menerusi firmannya yang bermaksud “Akan tetapi jika mereka bermaksud hendak berkhianat kepadamu, maka sesungguhnya mereka telah berkhianat kepada Allah s.w.t sebelum ini, lalu Allah s.w.t menjadikan (mu) berkuasa

terhadap mereka. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana” (Surah Al-Anfal ayat 8:71).

Manakala menerusi surah Al-Baqarah, Allah s.w.t berfirman yang bermaksud “Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji dari kamu dan Kami angkat gunung (*Thursina*) di atasmu (seraya kami berfirman): peganglah dengan teguh apa yang Kami berikan kepadamu dan ingatlah selalu apa yang ada di dalamnya, agar kamu bertakwa (Surah Al-Baqarah ayat 2:63). Ayat ini secara khususnya untuk mengingatkan kaum Bani Israil yang telah berjanji untuk beriman dan tidak menyekutukan Allah s.w.t malah pada waktu yang sama turut beriman kepada rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka (Abdullah bin Muhammad dalam Tafsir Ibnu Kathir, 2004: jilid 1).


Seterusnya, penyertaan Allah s.w.t dalam perjanjian jelas dalam firmanNya dalam Surah Al-Nisa yang bermaksud “Dan kami telah angkat ke atas (kepala) mereka bukit (*Thursina*) untuk (menerima) perjanjian (yang telah Kami ambil daripada) mereka (Surah Al-Nisa ayat 4:154). Manakala firman Allah s.w.t yang terakhir yang menjelaskan keperluan dalam menyertakan nama Allah s.w.t dalam perjanjian adalah menerusi Surah Al-Fath iaitu “Bahawasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah” (Surah Al-Fath ayat 48:10). Oleh demikian adalah jelas bahawa penyertaan nama Allah s.w.t dalam perjanjian merupakan perintah yang khusus dalam memeterai setiap perjanjian kerjasama (*Tahaluf Siyasi*) oleh mana-mana pihak berlandaskan kehendak syarak. Malah mana-mana institusi yang mendukung kepada asas Islam perlu mematuhi keempat-empat ciri yang ditetapkan di atas dalam setiap perjanjian agar organisasi masing-masing tidak tergelincir daripada landasan syarak yang sebenar.

Selain menetapkan ciri-ciri khusus, sarjana ini turut menekankan terdapat lapan prinsip utama yang bertindak sebagai garis panduan dalam pembentukan kerjasama politik berkenaan, iaitu tiada kompromi melibatkan hal akidah, menjamin kemaslahatan

ummah, harakah Islam berada dalam kedudukan yang kukuh, kepimpinan dan ahli jemaah yang kuat, bertahaluf dengan pihak yang dapat memberikan manfaat kepada umat Islam, jaminan terhadap kebebasan berdakwah, tiada kompromi melibatkan perkara-perkara yang batil dan perjanjian yang sesuai dengan Islam boleh dilaksanakan (Mohd Syakir Mohd Rosdi 2014, p.18-20).

Berdasarkan kepada prinsip dan syarat yang dikemukakan, beliau telah menilai beberapa isu politik, ekonomi dan sosial tempatan menerusi kerangka pendekatan *Tahaluf Siyasi*. Hal ini membuktikan pendekatan *Tahaluf* merentasi disiplin kajian dan dibuktikan menerusi kajian-kajian lalu sarjana ini yang telah diterbitkan. Oleh demikian, berdasarkan kepada pendefinisian konsep *Tahaluf Siyasi* secara terperinci oleh sarjana-sarjana dan penyelidik-penyelidik sebelumnya, maka satu model kajian telah diubahsuai bagi memberi gambaran secara lebih jelas tentang proses pembentukan kerjasama politik dalam konteks hubungan UMNO dengan PAS di negara ini.

Berdasarkan kepada pentakrifan-pentakrifan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat dan Islam, maka secara umumnya dapat dirumuskan bahawa kerjasama antara aktor-aktor boleh diwujudkan menerusi ciri-ciri khusus yang telah ditetapkan. Di samping itu, terdapat elemen dorongan seperti kepimpinan dan isu-isu sepunya yang berperanan menimbulkan bibit-bibit kerjasama antara satu sama lain untuk mencapai matlamat yang sama. Elemen kepimpinan merupakan pemangkin kepada kedua-dua parti atau organisasi yang terlibat untuk membentuk sebuah kerjasama politik. Proses-proses, ciri-ciri dan faktor pendorong yang mempengaruhi kerjasama politik berkenaan kemudiannya diterjemah dalam bentuk sebuah model yang telah diubahsuai berdasarkan perbincangan sarjana-sarjana berkaitan. Berikut merupakan model kerjasama yang dibangunkan untuk menilai proses kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dengan PAS di Malaysia:



Model 1.8: Model Kerjasama Politik Melayu-Islam yang telah diubahsuai semula dari Teori Kerjasama Deutsch (1949, 1973) dan Pendekatan Kerjasama Politik (*Takaluf Siyasi*)

Berdasarkan kepada model di atas, usaha pembentukan kerjasama politik lazimnya bermula setelah tercetusnya konflik politik melibatkan aktor-aktor dalam kalangan masyarakat politik. Menerusi penyelidikan ini, dua aktor dipilih untuk diketengahkan sebagai unit analisis kajian iaitu UMNO yang memperjuangkan agenda Melayu (nasionalisme) dan PAS memilih Islam sebagai asas perjuangan utama parti. Meskipun keahlilan UMNO dan PAS dibuka kepada orang Melayu yang beragama Islam, namun matlamat perjuangan kedua-dua parti tersebut jelas berbeza.

Ketika proses pembentukan kerjasama politik berlangsung, terdapat beberapa ciri perlu dituruti oleh aktor-aktor terlibat dan dibantu oleh satu pembolehubah penting iaitu kepimpinan. Peranan pembolehubah ini penting kerana bibit-bibit kerjasama politik pada peringkat awal perlu dimobilisasikan oleh kepimpinan parti dan hal ini dibuktikan menerusi kerjasama politik sebelum merdeka yang dipelopori oleh Dato'

Onn Jaafar dengan beberapa pemimpin parti dan persatuan Melayu-Islam bagi menentang Malayan Union sehingga membawa kepada penubuhan UMNO pada tahun 1946. Manakala isu kerjasama politik Melayu-Islam semakin rancak diketengahkan pada era pasca merdeka menerusi beberapa situasi misalnya perhubungan antara Dato' Asri Muda dengan Tun Abdul Razak sebelum pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973.

Di samping itu, perkembangan politik semasa yang memperlihatkan keintiman hubungan kedua-dua parti menerusi kehadiran Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dengan Dato' Abdul Hadi Awang dalam Persidangan Serantau Alumni Al-Azhar pada tarikh 6 Februari 2016 di Putrajaya dan kesediaan UMNO menyokong pembentangan Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah di DUN Kelantan pada tahun 2015 dan pindaan Rang Undang-Undang 355 di peringkat Persekutuan memperlihatkan kesungguhan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS untuk membentuk kerjasama politik. Maka, peranan pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti politik adalah penting bagi mencetuskan bibit-bibit kerjasama menerusi pelbagai platform program dan aktiviti bersama yang dapat menggambarkan keintiman hubungan UMNO dengan PAS. Sekiranya aktor-aktor yang terlibat menuruti ciri-ciri yang diketengahkan oleh model berkenaan, maka kerjasama antara politik Melayu-Islam boleh diwujudkan semula di negara ini. Oleh demikian, penyelidikan ini lebih sesuai mengguna pakai model kerjasama politik Melayu-Islam yang telah diubah suai daripada gabungan teori kerjasama Deutsch (1949) dan konsep kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) untuk menilai perkembangan hubungan UMNO dengan PAS di Malaysia.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam melalui analisis hubungan UMNO dengan PAS ini penting untuk diketengahkan semula dalam sebuah penyelidikan

lengkap sebagai panduan kepada parti-parti berkenaan untuk membentuk kerjasama politik. Berdasarkan kepada sejarah kerjasama politik bermula dari tahun 1973 hingga 1978, proses membentuk tindakan-tindakan politik dalam era tersebut merupakan contoh yang sesuai untuk diguna pakai semula oleh pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua parti. Secara umumnya, terdapat beberapa persamaan yang boleh dijadikan sebagai asas kepada pencetus kerjasama politik semula pada hari ini iaitu, pertama: kuasa politik kaum bukan Melayu dalam Dewan Perundangan yang semakin meningkat, kedua, krisis hubungan kaum semakin serius dan ketiga, terdapat tanda-tanda dalam kalangan sebilangan kepimpinan tertinggi UMNO-PAS untuk bekerjasama. Bertitik tolak daripada ketiga-tiga persamaan tersebut, maka analisis mengenai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam masa kini relevan dan penting untuk dijalankan.

Di samping itu, kajian ini berperanan memperkayakan korpus ilmu kajian sejarah politik mengenai kerjasama politik Melayu-Islam di Malaysia khususnya melibatkan hubungan UMNO dengan PAS. Meskipun kajian-kajian lepas pernah membincangkan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam, penyelidikan-penyelidikan berkenaan hanya sekadar membincangkan peristiwa berkaitan secara umum dan tidak menyediakan maklumat yang lengkap. Meskipun demikian, masih terdapat kajian-kajian yang relevan mengenai kerjasama politik UMNO dengan PAS telah dihasilkan misalnya Funston (1980), Mohamed Asri Muda (1993) dan Farish Noor (2014) yang masih boleh diguna pakai sebagai panduan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada penyelidik-penyelidik pada masa akan datang untuk meneruskan analisis mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan hubungan UMNO dengan PAS. Malah kerangka kajian yang telah dibentuk menerusi pembinaan model khas dalam penyelidikan ini boleh diaplikasikan semula terhadap parti-parti politik tempatan lain ataupun daripada luar negara. Hal ini kerana model kerjasama yang diketengahkan

dalam kajian ini dapat disesuaikan dengan mana-mana parti politik yang memiliki persamaan perjuangan tetapi bersaing antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi sumbangan besar kepada parti-parti politik khususnya UMNO dan PAS sebagai panduan membentuk semula kerjasama, memperkayakan korpus ilmu kajian kerjasama politik Melayu-Islam dan kerangka kajian yang dihasilkan menerusi penyelidikan ini boleh diaplikasikan semula oleh penyelidik-penyelidik berikutnya. Bahagian berikut merumuskan perbincangan yang telah dijalankan dalam Bab 1 ini.

1.10 Rumusan

Sejarah hubungan politik Melayu-Islam di negara ini bermula semenjak kedatangan Islam ke negeri Melaka semasa era pemerintahan Parameswara. Penerimaan Islam dengan mudah oleh pemerintah dan penduduk Melaka pada waktu tersebut telah mempercepatkan keintiman hubungan Melayu-Islam berbanding zaman sebelumnya. Proses Islamisasi yang bergerak secara pantas dalam sistem pemerintahan dan budaya kehidupan orang Melayu berjaya melonjakkan kegemilangan empayar Melaka. Pemerintahan berteraskan Melayu-Islam di Melaka gagal dipertahankan apabila berlakunya serangan Portugis sehingga meruntuhkan kegemilangannya pada tahun 1511.

Kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini muncul semula dalam semangat perjuangan orang Melayu apabila timbulnya rancangan pelaksanaan sistem kesatuan yang dinamakan Malayan Union. Kongres Melayu se-Malaya yang dianjurkan pada tahun 1946 bukan sahaja berperanan sebagai platform kerjasama politik malah bertindak sebagai pemangkin kepada kerjasama politik Melayu-Islam terawal selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua. Penganjuran Kongres Melayu se-Malaya tahun 1946, mobilisasi orang Melayu dalam perhimpunan menentang Malayan Union dan penubuhan UMNO tahun 1946 merupakan bibit-bibit kerjasama politik yang muncul sebelum era merdeka. Kemudiannya selepas merdeka, pelbagai peristiwa-peristiwa signifikan berkaitan

Melayu-Islam telah tercetus sekaligus berperanan mempengaruhi hala tuju kerjasama politik UMNO-PAS pada tahun 1973.

Sepanjang tempoh kerjasama tersebut, pelbagai kedinamikan politik kerjasama UMNO dengan PAS muncul dan kemudiannya memberi impak terhadap perkembangan masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Kerjasama politik yang dibelenggu dengan pelbagai kekangan tersebut kemudiannya diketengahkan sebagai permasalahan-permasalahan dalam kajian dan dicadangkan penyelesaiannya menerusi hasil dapatan kajian. Sebuah kerangka model kerjasama dikemukakan dalam kajian ini sebagai panduan menangani krisis dan mewujudkan kembali potensi kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS pada hari ini. Bab berikutnya menyorot kajian-kajian lalu yang pernah membincangkan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam dalam konteks hubungan UMNO-PAS di Malaysia.

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Secara umumnya, perbincangan mengenai kerjasama politik dalam kalangan kaum Melayu-Islam di negara ini boleh dibahagikan kepada dua dimensi yang berbeza iaitu pada zaman kolonialisme dan pasca merdeka. Kerjasama politik Melayu dalam era penjajahan moden bermula setelah timbulnya rancangan oleh pihak British untuk memperkenalkan bentuk baharu pentadbiran negara yang dikenali sebagai Malayan Union. Rancangan British tersebut telah menimbulkan keresahan dalam kalangan orang Melayu yang melihat tindakan berkenaan merupakan satu usaha penjajahan berterusan dan penyingkiran penglibatan mereka dalam institusi pemerintahan. Rentetan daripada rancangan tersebut, tokoh-tokoh, persatuan dan parti politik Melayu telah bersepakat untuk kali pertama menyertai Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946.

Kejayaan penganjuran kongres tersebut memperlihatkan kerjasama politik Melayu-Islam berupaya dibentuk sekiranya organisasi, tokoh dan parti politik Melayu berkongsi matlamat perjuangan yang sama. Perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam memasuki era baru apabila kongres mencadangkan penubuhan parti politik baharu yang menghimpunkan seluruh aktor-aktor Melayu yang dinamakan sebagai United Malays National Organisation (UMNO). Penubuhan UMNO telah memberi saingan kepada parti-parti politik kiri Melayu yang mendakwa parti tersebut merupakan instrumen British untuk mengekalkan legasinya. Perpaduan politik Melayu-Islam yang diasaskan menerusi penubuhan UMNO berakhir apabila tercetusnya krisis politik dalam kalangan ahli parti sehingga mereka bertindak menubuhan wadah baru politik lebih Islamik yang dinamakan Parti Islam se-Malaya (PAS).

Kemunculan PAS telah merancakkan lagi persaingan politik Melayu-Islam di negara ini pada waktu tersebut yang terbahagi kepada tiga aliran utama iaitu kelompok

kip, sederhana dan Islamik. Kerencaman aliran politik Melayu-Islam pada waktu tersebut lebih menyukarkan proses kerjasama politik khususnya terhadap penentangan Malayan Union dan tuntutan kemerdekaan. Namun kepelbagaian aliran politik Melayu-Islam ini tidak menghalang pembentukan agenda kerjasama politik pasca merdeka menerusi pembentukan Kerajaan Campuran dan Kerajaan Gabungan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974. Kerjasama politik Melayu-Islam yang dibentuk menerusi Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974 sukar dipertahankan apabila tercetusnya krisis dalam kerajaan yang dibentuk sehingga mengakibatkan perpecahan kerjasama pada tahun 1977.

Perubahan pola hubungan politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dan PAS ini merupakan salah satu perbincangan yang menarik untuk diketengahkan dalam analisis mengenai politik Melayu. Malah terdapat ramai sarjana luar dan tempatan telah membincangkan mengenai kerjasama politik kedua-dua buah parti politik Melayu-Islam utama di negara ini dari pelbagai perspektif dan analisis. Bahagian berikut menyorot beberapa perbincangan lalu yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana tempatan dan luar negara mengenai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini.

2.2 Perkembangan Kerjasama Politik Melayu-Islam

Kajian mengenai politik etnik merupakan salah satu daripada bidang sosiologi politik yang sering diketengahkan oleh sarjana-sarjana bagi menilai kerencaman pola hubungan politik masyarakat sama ada berbentuk inter maupun intra etnik. Kerencaman pola hubungan politik yang wujud di setiap negara seluruh dunia ini telah berjaya menarik perhatian sarjana-sarjana terlibat untuk mengkaji punca permasalahan dan formula bagi menangani krisis berkenaan. Analisis-analisis mengenai kerjasama politik Melayu-Islam dibahagikan kepada tiga tema khusus iaitu kerjasama politik Melayu-Islam

sebelum merdeka, peristiwa-peristiwa mempengaruhi kerjasama politik UMNO-PAS antara tahun 1957-1972, dan kerjasama politik melayu-islam antara tahun 1973-1978. Bahagian berikut membincangkan dan menganalisis perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam pada era sebelum merdeka.

2.2.1 Kerjasama Politik Melayu-Islam Sebelum Merdeka

Secara tradisinya, perjuangan politik dan kepentingan sosial orang Melayu-Islam sebelum merdeka berlaku secara terpisah antara satu sama lain berdasarkan kepada sempadan geografi dan wilayah tersendiri. Keadaan ini menyebabkan perjuangan organisasi-organisasi politik dan kelompok masyarakat sivil lebih menjurus kepada semangat kedaerahan dan kewilayahannya. Perjuangan yang terpisah akibat kedudukan geografi dan sempadan wilayah ini merupakan cabaran utama terhadap rancangan kerjasama politik orang Melayu sebelum merdeka. Terdapat beberapa sarjana seperti Funston (1980), Ramlah Adam (1998), Anwar Abdullah (2004), dan Ahmat Adam (2013) yang membincangkan secara terperinci corak dan perubahan pola hubungan politik Melayu-Islam pada era sebelum merdeka. Berikut merupakan beberapa sorotan karya lalu daripada perbincangan sarjana-sarjana dan penyelidik-penyalidik mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya pada era sebelum merdeka.

Ramlah Adam (1998) menerusi perbincangannya, Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu menyatakan bahawa perkembangan awal kerjasama politik Melayu-Islam bermula dengan idea penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946. Sarjana ini telah menggariskan empat elemen utama yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam sebelum merdeka iaitu tercetusnya faktor pendesak, peranan aktor berkepentingan, cabaran mewujudkan kerjasama politik dan kejayaan yang diperoleh hasil daripada perjuangan politik kaum Melayu pada waktu tersebut. Secara umumnya, rancangan pelaksanaan Malayan Union memberi kesan yang besar terhadap kuasa dan

kedudukan orang Melayu berbanding dalam tempoh pentadbiran penjajah sebelumnya. Penentangan hebat orang Melayu tercetus apabila British menggunakan pendekatan dan layanan secara paksaan kepada Raja-Raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan persetujuan gagasan Malayan Union. Antara tindakan-tindakan British pada ketika itu ialah dengan mengancam menurunkan Raja-Raja Melayu daripada takhta, sejarah kerjasama dengan pihak Jepun dan rundingan dengan Majlis Mesyuarat Negeri. Usaha mendapatkan tandatangan persetujuan daripada Raja-Raja Melayu secara paksaan ini penting kepada British untuk menguasai sepenuhnya pentadbiran di negara ini dan seterusnya menghapuskan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam pemerintahan. Sebelum idea pembentukan gagasan Malayan Union diperkenalkan, kedaulatan dan peranan Raja-Raja Melayu masih diiktiraf walaupun pentadbiran negara dikuasai oleh British menerusi kerangka sistem pentadbiran Raja in Council (Ramlah Adam 1998, p.43-45). Berdasarkan kerangka sistem pentadbiran ini, Raja-Raja Melayu masih mengekalkan kedaulatannya dan peranan Baginda masih diiktiraf menerusi penggunaan cap mohor Raja-Raja Melayu di peringkat akhir kelulusan undang-undang.

Menurut Ramlah Adam (1998) lagi, pelaksanaan Malayan Union seolah-olah satu tindakan merampas kuasa daripada Raja-Raja Melayu sepenuhnya dan menghapuskan tradisi pemerintahan yang telah lama diamalkan di negara ini. Kehilangan kedaulatan dan kuasa-kuasa Raja-Raja Melayu sepenuhnya ini membimbangkan orang Melayu yang meletakkan institusi tersebut sebagai benteng terakhir kuasa politik mereka di negara ini. Oleh itu, kesedaran politik orang Melayu untuk menentang pelaksanaan gagasan Malayan Union semakin bertambah tinggi apabila sistem pentadbiran baru tersebut dilihat berpotensi melumpuhkan kuasa orang Melayu sepenuhnya dalam politik menerusi penghapusan kuasa Raja-Raja Melayu. Menurut Ramlah Adam (1998), kelompok masyarakat sivil memainkan peranan penting sebagai pemangkin ke arah mewujudkan proses perpaduan politik orang Melayu untuk

menentang Malayan Union. Hal ini dapat dilihat menerusi kelantangan akhbar-akhbar seperti Majlis, Utusan Melayu, Warta Negara mengkritik rancangan pelaksanaan Malayan Union. Tindakan akhbar-akhbar ini mengkritik dan menyuarakan kehendak rakyat mengenai Malayan Union telah berjaya membangkitkan kesedaran politik yang meluas dalam kalangan orang Melayu. Kesedaran politik yang berjaya dicetuskan oleh akhbar-akhbar Melayu tersebut kemudiannya telah disahut sebagai perjuangan utama oleh persatuan-persatuan bukan politik Melayu tempatan.

Antara persatuan bukan politik Melayu terawal yang bergiat secara aktif menganjurkan aktiviti penyatuan orang Melayu misalnya Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) dan Persatuan Melayu Selangor. Penglibatan secara giat kelompok masyarakat civil ini untuk mencetuskan kesedaran dan menganjurkan aktiviti-aktiviti penyatuan orang Melayu pada waktu tersebut menjelaskan kesatuan ini lebih menonjol dalam memobilisasikan proses perpaduan politik Melayu. Malah, usaha gigih kelompok masyarakat civil ini untuk menyatupadukan orang Melayu telah berjaya dilaksanakan menerusi penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 yang menghimpunkan seluruh persatuan dan individu Melayu di negara ini. Hasil daripada penganjuran kongres tersebut, sebuah parti politik Melayu beraliran sederhana pertama yang dinamakan United Malays National Organisation (UMNO) telah berjaya ditubuhkan bagi memperjuangkan penentangan terhadap pelaksanaan Malayan Union. Meskipun UMNO bukanlah parti politik Melayu pertama ditubuhkan berbanding Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), namun pendekatan radikal dan kegagalan PKMM menyatukan pelbagai aliran perjuangan dalam sebuah organisasi telah melambatkan proses perpaduan orang Melayu di negara ini.

Perpaduan politik Melayu yang dibentuk menerusi penubuhan UMNO pada tahun 1946 akhirnya digugat apabila PKMM bertindak menarik diri daripada kerjasama tersebut yang hanya mampu bertahan selama tiga bulan (Ramlah Adam 1998, p.93-94).

Malah langkah PKMM tersebut kemudiannya telah dituruti oleh sebahagian ahli UMNO dalam Biro Hal Ehwal Agama yang bertindak meninggalkan parti setelah timbulnya pergeseran dengan kepimpinan tertinggi sehingga tertubuhnya parti politik baru yang dinamakan Parti Islam se-Malaya (PAS) pada tahun 1951.

Penubuhan PAS pada tahun 1951 bukanlah menandakan bahawa UMNO telah kehilangan identiti Islam dalam budaya dan praktik politiknya, namun imej Islam lebih ditonjolkan dalam perjuangan PAS berbanding UMNO. Malah UMNO yang menerajui pentadbiran Tanah Melayu pada ketika itu telah menggunakan peluangnya sebagai kerajaan untuk memperkuuh kedudukan Islam menerusi penubuhan Jabatan Islam, organisasi ulama pertama dan penggubalan peraturan-peraturan berkaitan hal ehwal Islam (Ramlah Adam 1998, p.158-159). Meskipun sebahagian ahli dalam Biro Agama Hal Ehwal UMNO kemudiannya bertindak menujuhan PAS bagi mengambil alih peranan memperkuuh kedudukan Islam di negara ini, namun tindakan tersebut tidak memberikan impak yang besar terhadap kemajuan Islam.

Hal ini berlaku kerana PAS tidak mempunyai kuasa pentadbiran seperti UMNO yang berupaya daripada aspek kewangan, pengalaman berkerajaan, tenaga kerja dan undang-undang untuk memperkuuh dan melaksanakan agenda kemajuan Islam. Malah kejayaan PAS menguasai Kelantan dan Terengganu dalam pilihan raya umum pertama pada tahun 1959 merupakan satu peluang yang gagal dimanfaatkan oleh parti tersebut bagi membuktikannya matlamatnya untuk melaksanakan pemerintahan berasaskan syariat Islam. Menurut Ramlah Adam (1998), kemunculan PAS dan Parti Negara pada ketika itu telah menyebabkan perpaduan politik Melayu-Islam telah berpecah kepada tiga buah kelompok utama akibat kegagalan orang Melayu mempertahankan kerjasama menerusi UMNO (Ramlah Adam 1998, p.273-274).

Formula politik yang diasaskan melalui pengajuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 merupakan kerjasama politik Melayu-Islam yang terbaik pernah

diketengahkan dalam percaturan politik negara ini sehingga berjaya mewujudkan perpaduan politik menerusi penubuhan UMNO. Penganjuran kongres berkenaan juga membuktikan orang Melayu-Islam daripada pelbagai latar belakang dan fahaman pada era sebelum merdeka berupaya untuk memobilisasikan kerjasama politik. Namun pertembungan prinsip politik yang muncul dalam kalangan beberapa pemimpin UMNO pada waktu tersebut telah mencetuskan perpecahan sehingga tertubuhnya organisasi serpihan seperti Independence of Malaya Party (IMP) dan Parti Islam se-Malaya (PAS). Perbincangan berkronologi dan berbentuk *historical descriptive* yang diketengahkan oleh Ramlah Adam (1998) berjaya membuktikan bahawa kerjasama politik Melayu-Islam telah bermula semenjak sebelum merdeka. Malah sarjana ini melalui perbincangannya mengemukakan beberapa penilaian khusus terhadap tahap hubungan organisasi-organisasi Melayu-Islam sebelum merdeka berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa tertentu. Antara peristiwa-peristiwa signifikan berkaitan perubahan pola hubungan dan kerjasama politik yang dibincangkan oleh sarjana ini misalnya idea penyatuan orang Melayu-Islam menerusi Kongres Melayu se-Malaya, penubuhan parti-parti politik serpihan baru dan penarikan diri Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) daripada UMNO.

Di samping itu, dapat dirumuskan bahawa keseluruhan perbincangan kecuali bab terakhir dalam penyelidikannya adalah berkenaan dengan proses perpaduan politik Melayu-Islam yang dinilai menerusi kemelut politik. Meskipun perbincangan sarjana ini menyentuh setiap perkembangan kemelut politik Melayu semenjak tercetusnya penentangan terhadap Malayan Union, namun terdapat kekaburuan dalam beberapa aspek dan fakta perbincangannya yang perlu diperjelaskan. Misalnya: Pertama, beliau menyatakan bahawa Dato' Onn menubuhkan Parti Negara (PN) sebagai platform baru politik pelbagai kaum di negara ini, namun sarjana ini dalam bahagian lain menggambarkan bahawa PN merupakan salah satu pecahan parti politik pilihan orang

Melayu (Ramlah Adam 1998, p.273-274). Hal ini perlu dijelaskan semula secara terperinci sama ada PN merupakan parti multi etnik ataupun dikuasai oleh orang Melayu meskipun keahliannya terbuka. Kedua, terdapat satu bahagian khusus dalam Bab 11 karya ini yang membincangkan mengenai perkembangan dan perbandingan institusi Raja di Malaysia dan Brunei. Analisis mengenai perkembangan institusi Raja di kedua-dua negara berkenaan tidak sesuai diketengahkan dalam karya ini kerana tidak menepati tema perbincangan.

Malah ulasan Ramlah Adam (1998) dalam bab terakhir mengenai perkembangan institusi Raja di kedua-dua buah negara tersebut jelas janggal kerana tidak berkaitan dengan kemelut politik Melayu-Islam sebelum merdeka. Namun, analisis di bab terakhir ini boleh diperbaiki dan lebih bermutu sekiranya sarjana ini membincangkan peranan institusi Raja dalam mengatasi kemelut politik di Tanah Melayu. Malah beberapa bahagian perbincangan dalam bab-bab tertentu mengenai peristiwa-peristiwa yang boleh menjelaskan peranan dan pengaruh institusi Raja dalam menghadapi kemelut politik pada era sebelum merdeka boleh diketengahkan. Misalnya tindakan British menerusi Harold MacMichael yang mendesak dan memaksa Raja-Raja Melayu untuk menandatangani perjanjian Malayan Union, pemulauan menghadiri majlis pengisytiharan Malayan Union dan pengiriman surat permohonan maaf oleh Sultan Perak kepada Gabenor Malayan Union (Ramlah Adam 1998, p.2-9).

Kepelbagaiannya peristiwa yang tercetus melibatkan peranan institusi Raja dalam menghadapi kemelut politik ini sepatutnya melatari perbincangan dalam bab terakhir karya sarjana ini. Namun beliau hanya memfokuskan analisis perbandingan bidang kuasa institusi Raja di Malaysia dan Brunei berbanding membincangkan mengenai penglibatan institusi tersebut dalam kemelut politik di Tanah Melayu. Meskipun terdapat beberapa bahagian perbincangan sarjana ini yang tidak konsisten, namun

kelemahan analisis dalam bahagian-bahagian yang dinyatakan tersebut boleh diperbaiki oleh penyelidik-penyelidik berikutnya.

Funston (1980) dalam kajiannya, *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS* membincangkan secara khusus perkembangan dan cabaran yang dihadapi politik Melayu di negara ini dalam tesis sarjananya. Menerusi analisisnya, pergerakan politik orang Melayu sebelum merdeka berhadapan dengan cabaran yang sukar apabila kerajaan penjajah bertindak mengharamkan organisasi-organisasi yang memperlihatkan kecenderungan mereka menentang penjajah. Hal ini dapat dilihat menerusi tindakan Jepun membubarkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan menaja penubuhan organisasi baru yang mesra terhadap dasar pemerintah. Malah kerajaan British juga mengambil tindakan yang sama dengan mengharamkan Angkatan Pemuda Insaf (API) pada tahun 1947 dengan alasan yang sama (Funston 1980, p.35-43).

Tindakan pengharaman ini dilakukan oleh kerajaan-kerajaan penjajah adalah bertujuan untuk menyekat kebangkitan dan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu. Namun, tindakan pengharaman tersebut sebenarnya tidak berjaya menyekat usaha pemimpin-pemimpin Melayu dan ahli-ahlinya bagi meneruskan perjuangan mereka menamatkan penjajahan. Semangat perjuangan orang Melayu yang tidak terhenti tersebut dapat dilihat menerusi penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945. Sokongan orang Melayu kepada PKMM amat memberangsangkan sehingga keahliannya dianggarkan mencecah hampir 100,000 orang meskipun parti tersebut dilabel sebagai organisasi berhaluan kiri (Funston 1980, p.39:44). Peningkatan jumlah keahlian ini dipengaruhi oleh ketiadaan platform khusus selain PKMM sebagai wadah memperjuangkan hak dan penindasan yang dialami oleh orang Melayu. Penubuhan PKMM merupakan satu peristiwa penting kepada perkembangan politik orang Melayu menerusi penyatuan pelbagai latar belakang ahli dalam sebuah parti. Malah, PKMM juga telah berjaya menyusun strategi untuk menarik

orang Melayu menyertai organisasinya menerusi pembahagian dua kumpulan ahli yang khusus iaitu keanggotaan wanita dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan penyertaan kelompok muda dalam Angkatan Pemuda Insaf (API).

Namun, orang Melayu secara majoritinya masih sukar menerima perjuangan radikal PKMM sehingga tercetusnya idea menganjurkan kongres yang mengumpulkan organisasi-organisasi dan tokoh-tokoh Melayu yang lebih sederhana. Oleh itu, sebuah kongres kali pertama yang bertujuan memobilisasi gerakan perjuangan hak Melayu yang lebih sederhana untuk menentang Malayan Union telah dianjurkan pada tahun 1946. Penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 merupakan bukti penting kepada penajah British bahawa orang Melayu juga berupaya memperjuangkan hak mereka menerusi kaedah perundingan. Malah penganjuran kongres tersebut bukan saja sekadar berakhir dengan perbincangan, malah sebuah parti politik berhaluan kanan yang dinamakan UMNO telah berjaya ditubuhkan. Hakikatnya, penubuhan UMNO memberikan impak yang penting terhadap perubahan corak berpolitik orang Melayu daripada berbentuk radikal kepada beraliran sederhana.

Perbincangan Funston (1980) mengenai perkembangan politik Melayu di negara ini khususnya melibatkan perjuangan UMNO dan PAS. Kajian mengenai sejarah dan perjuangan parti politik Melayu-Islam di negara ini menjelang merdeka adalah signifikan serta sesuai dikaitkan dengan pergelutan politik yang ditempuhi oleh UMNO dan PAS. Di peringkat awal perbincangan, sarjana ini menerangkan secara terperinci perkembangan hierarki pemerintahan tradisional Melayu pasca Perang Dunia Kedua yang berasaskan kepada konsep penaungan. Namun sistem pemerintahan tradisi tersebut semakin terancam setelah munculnya parti-parti politik Melayu beraliran kiri dan rancangan pelaksanaan sistem pentadbiran baru oleh British. Secara umumnya, sistem pentadbiran tradisi Melayu pada ketika itu semakin gagal menangani pelbagai permasalahan dan perjuangan membela hak orang Melayu sehingga mendesak golongan

muda terpelajar untuk mengasaskan beberapa pertubuhan yang lebih radikal seperti Belia Malaya dan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Malah masa depan sistem politik tradisi tersebut juga kian terancam menerusi cadangan pembentukan Malayan Union oleh British pada tahun 1946. Situasi politik kritikal yang melanda orang Melayu-Islam pada ketika itu telah mencetuskan idea perubahan corak berpolitik tradisi kepada pendekatan yang lebih terbuka. Meskipun terdapat usaha yang dilakukan oleh golongan muda untuk melakukan perubahan terhadap kaedah berpolitik yang lebih bebas dan terbuka, namun tindakan tersebut kurang mendapat sambutan daripada orang Melayu.

Secara tradisinya, orang Melayu masih berpegang kuat kepada budaya berpolitik sederhana dan berdiplomasi berbanding pendekatan penentangan secara terbuka. Oleh itu, pada tahun 1946 terdapat sekelompok pemimpin dan organisasi Melayu daripada seluruh negara menyertai Kongres Melayu se-Malaya sebagai reaksi terhadap cadangan British untuk melaksanakan Malayan Union. Penganjuran kongres tersebut telah disambut baik oleh orang Melayu yang masih mendukung pendekatan sederhana berbanding PKMM yang akhirnya menarik diri daripada gagasan kerjasama politik tersebut. Hakikatnya, analisis yang diketengahkan oleh Funston (1980) di peringkat awal perbincangannya memperlihatkan bahawa majoriti orang Melayu-Islam masih berpegang kepada prinsip perundingan dan kesederhanaan. Namun masih terdapat kelompok-kelompok tertentu dalam kalangan orang Melayu yang terpengaruh dengan perjuangan rakan-rakan mereka di negara jiran yang memilih pendekatan radikal untuk memperjuangkan hak mereka.

Di bahagian akhir perbincangannya, sarjana ini menegaskan bahawa perpecahan politik yang tercetus dalam kalangan orang Melayu-Islam melibatkan UMNO dengan PAS disebabkan oleh wujudnya perbezaan jurang sosioekonomi yang besar. Jurang sosioekonomi ini berlaku apabila kepimpinan parti khususnya UMNO dikuasai oleh kelompok aristokrat, manakala PAS pula dipimpin oleh kelompok yang berlatar

belakangkan pendidikan tinggi agama. Hujah ini tepat sekiranya kajian mengenai faktor-faktor yang menghalang kerjasama politik Melayu-Islam melibatkan UMNO dengan PAS dijalankan pasca merdeka. Namun perbezaan prinsip perjuangan antara kepimpinan tertinggi UMNO dengan ahli-ahli dalam Biro Hal-Ehwal Agamanya merupakan pencetus perpecahan dan berakhirnya perpaduan politik Melayu-Islam pada tahun 1951. Oleh itu, faktor sosioekonomi merupakan sebahagian daripada pemangkin terhadap pergolakan dalaman UMNO dan perpecahan perpaduan politik Melayu-Islam yang berlaku pada tahun 1951 (Funston 1980, p.92-95).

Di samping itu, sarjana ini juga berjaya menonjolkan beberapa peristiwa penting yang menonjolkan kerjasama politik orang Melayu misalnya melalui pengajuran kongres dan penubuhan UMNO. Namun sarjana ini tidak mengetengahkan elemen-elemen kerjasama politik dengan jelas apabila hanya sekadar membincangkan peristiwa-peristiwa yang disokong dengan fakta sejarah. Di samping itu, analisis yang dijalankan oleh beliau dalam tesis sarjananya ini tidak terlalu kritikal dan tersusun secara berkronologi. Misalnya latar belakang politik Melayu dalam era penghujung Perang Dunia Kedua diletakkan pada Bab II, manakala isu-isu berkaitan hal ehwal Melayu pasca merdeka dibincangkan pada Bab I. Analisis yang tidak tersusun ini telah menghasilkan satu kajian yang melompat-lompat daripada satu peristiwa kepada isu perbincangan yang lain sekaligus menyukarkan pembacaan dan penilaian. Malah, beliau juga secara berulang kali membincangkan latar belakang penubuhan, matlamat perjuangan dan ideologi PAS dalam bab keempat, keenam, ketujuh dan kesembilan. Lazimnya, perbincangan yang berulang-ulang merupakan penyelidikan tidak konsisten dan memiliki sumber maklumat yang terhad dalam menjalankan kajian. Walaupun terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam analisis Funston, namun masih terdapat fakta-fakta sejarah dalam teks yang boleh dirujuk dalam perbincangan isu-isu berkaitan.

Anwar Abdullah (2004) dalam Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu turut membincangkan mengenai perkembangan politik Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Meskipun karyanya bertemakan biografi tokoh politik berkenaan, namun perbincangan penulis tidak terlepas daripada menyentuh mengenai pergelutan dan kerjasama politik yang dialami oleh orang Melayu. Menerusi karya ini, orang Melayu sebelum penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 berada dalam keadaan berpecah antara satu sama lain dan British pada ketika itu sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pentadbiran yang berpusat dikenali sebagai Malayan Union. Namun kesedaran politik yang dicetuskan secara berperingkat oleh sebilangan pemimpin Melayu tempatan seperti Dato' Onn telah mula menimbulkan kebangkitan orang Melayu untuk menentang rancangan British. Bagi Dato' Onn, Tanah Melayu sedang berhadapan dengan ancaman serius seperti yang dialami Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Ancaman ini boleh bukan sahaja menggugat hak keistimewaan orang Melayu, malah kuasa Raja-raja Melayu turut terjejas akibat daripada penubuhan Malayan Union. Di samping itu, status kedudukan Tanah Melayu akan berubah menjadi sebuah negara takluk British sepenuhnya dengan penyerahan secara mudah negara ini oleh Raja-raja Melayu kepada Harold MacMichael menerusi pelbagai helah.

Oleh demikian, usaha menyelamatkan Tanah Melayu perlu disegerakan dengan menggembungkan gerakan rakyat untuk mendesak British menyemak semula rancangan penubuhan Malayan Union. Langkah permulaan orang Melayu pada ketika itu ialah dengan menganjurkan pertemuan bersama dengan pemimpin-pemimpin Melayu yang disertai oleh Dato' Onn, Syed Abdul Kadir, Syed Alwee al-Hadi, Haji Mohamed Noah dan Haji Anwar pada bulan November 1945 bertempat di Batu Pahat. Antara intipati utama perbincangan dalam pertemuan tersebut ialah bertujuan untuk merancang penentangan dan pembubaran Malayan Union seperti yang dirancang oleh pihak British bagi mewujudkan sebuah pentadbiran baru berbentuk kesatuan. Meskipun sejarah lalu

membuktikan bahawa perjuangan menentang penjajah sukar mencapai kejayaan, namun pemimpin-pemimpin yang hadir yakin rancangan tersebut boleh berjaya sekiranya seluruh orang Melayu bersatu bagi mencapai matlamat berkenaan. Langkah pertama yang diambil oleh Dato' Onn pada ketika itu ialah mewujudkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu mengenai perlunya penentangan terhadap pelaksanaan Malayan Union oleh pihak British. Penentangan tersebut perlu dilakukan dalam sebuah gerakan yang kuat dan teratur bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan oleh orang Melayu kepada British dihormati oleh penjajah berkenaan. Bagi Dato' Onn, kerencaman pelbagai latar belakang organisasi Melayu pada ketika itu perlu disatukan menerusi sebuah kerjasama yang baru (Anwar Abdullah 2004, p.138-140).

Persetujuan yang dicapai dalam pertemuan tersebut telah disebarluaskan kepada seluruh orang Melayu menerusi sepucuk surat oleh Dato' Onn kepada akhbar Utusan Melayu yang mengandungi kata-kata yang membangkitkan semangat dan penentangan segera orang Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union. Susulan daripada kebangkitan semangat orang Melayu yang semakin memuncak tersebut, satu penganjuran kongres telah dicadangkan bagi menghimpunkan sebanyak mungkin persatuan-persatuan Melayu daripada seluruh negara. Persatuan Melayu Selangor pada ketika itu telah bersetuju untuk bertindak sebagai tuan rumah dalam menganjurkan kongres berkenaan dan kemudiannya diikuti dengan persidangan-persidangan berikutnya. Kehebatan pemimpin Melayu seperti Dato' Onn menggembung semangat kebangkitan dan penentangan terhadap Malayan Union menerusi sebuah organisasi pendesak telah berjaya mengelakkan tercetusnya pertumpahan darah. Hal ini kerana terdapat beberapa individu telah menyatakan kesediaan mereka untuk melancarkan gerakan penentangan secara bersenjata dan membunuh MacMichael susulan kebiadapan wakil penjajah tersebut kepada orang Melayu (Anwar Abdullah 2004, p.139-141).

Tindakan ini memperlihatkan kemarahan orang Melayu yang telah memuncak sehingga sanggup untuk mengangkat senjata menentang langkah British terhadap usaha-usaha penubuhan Malayan Union. Kongres Kebangsaan yang dirancang tersebut telah dianjurkan bermula 1 hingga 4 Mac 1946 bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur dengan dihadiri pemimpin-pemimpin Melayu tempatan dan persatuan-persatuan yang dianggarkan 37 buah (Anwar Abdullah 2004, p.146-148). Namun, PKMM yang turut memperjuangkan orang Melayu menerusi gerakan kiri pada ketika itu telah mengambil pendirian yang berbeza apabila menyokong usaha British untuk menukuhkan Malayan Union. Malah sebuah Kongres Melayu se-Malaya turut dianjurkan oleh PKMM untuk membincangkan mengenai usaha merealisasikan gagasan Malayan Union. Namun, penganjuran kongres berkenaan oleh PKMM didakwa telah ditunjangi oleh orang bukan Melayu khususnya Tan Cheng Lock yang merupakan sahabat kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy selaku Yang di-Pertua PKMM. Malah rantaian hubungan Dr. Burhanuddin tidak terhenti menerusi hubungan baik dengan Tan Cheng Lock tersebut tetapi turut melibatkan pegawai-pegawai British seperti Malcolm MacDonald dan Edward Gent.

Akhirnya, British dan orang bukan Melayu dinilai sebagai dalang penting dalam menentukan hala tuju PKMM sepanjang penglibatannya dalam pergelutan politik negara. Secara keseluruhannya, perbincangan ini menyentuh mengenai tokoh Melayu yang telah berjasa dalam memperjuangkan hak dan kedudukan orang Melayu sebelum merdeka. Selain membincangkan mengenai perkembangan perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy, buku ini wajar disorot sebagai salah satu sumber kajian dalam menilai titik permulaan kerjasama politik Melayu-Islam sebelum merdeka. Oleh demikian, perbincangan Anwar Abdullah (2004) dalam bahagian tercetusnya penentangan Malayan Union boleh dimuatkan dalam penyelidikan ini bagi memperlihatkan kronologi perjuangan kerjasama politik Melayu di negara ini. Namun, secara

keseluruhannya penulisan Anwar Abdullah (2004) hanya memfokuskan mengenai biografi Dato' Onn dan maklumat mengenai kerjasama politik Melayu-Islam adalah terbatas.

Fatini Yaacob (2010) menerusi Natrah: Cinta, Rusuhan dan Air Mata telah membincangkan kerjasama politik orang Melayu menentang tindakan kuasa penjajah terhadap hak penjagaan Natrah. Penentangan yang tercetus berlaku merentasi wilayah sempadan negara termasuklah dari Indonesia apabila Menteri Agamanya, Wahid Hashim membantah keputusan hakim-hakim tersebut yang mengekalkan penyerahan hak penjagaan Natrah kepada keluarga kandung dan pemisahan daripada suaminya. Bagi beliau, tindakan penjajah-penjajah berkenaan merupakan satu bentuk penindasan terhadap kaum Melayu dan agama Islam (Fatini Yaacob 2010, p.159-161). Di samping itu, masyarakat politik tempatan turut bersama-sama memobilisasikan gerakan penentangan dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Natrah (JKTN) yang menaungi seluruh orang Melayu-Islam. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam organisasi tersebut antaranya Dr. Burhanuddin al-Helmy (Yang di-Pertua Agung PKMM), Karim Ghani (Pengerusi Liga Islam), Sardon Jubir (pegawai Natrah dan penyokong UMNO), Mohd Taha Kalu (bekas timbalan Yang di-Pertua PKMM).

Penglibatan tokoh-tokoh politik berkenaan memperlihatkan bahawa masyarakat politik berperanan penting dalam membentuk kerjasama antara satu sama lain khususnya ketika menghadapi isu-isu yang mencabar maruah orang Melayu-Islam. Perjuangan membela kebajikan Natrah semakin memuncak apabila tercetusnya rusuhan pada 11 Disember 1950 oleh orang Melayu di Singapura sehingga menyebabkan pihak polis dan tentera bertindak menggunakan kekerasan untuk meredakan keadaan. Namun di sebalik rusuhan yang berlaku, penyelidik menyatakan bahawa telah wujud kerjasama antara parti politik bagi menggembungkan tenaga menentang tindakan penjajah pada ketika itu. Malah terdapat ramai ahli parti politik seperti PKMM, UMNO dan Hizbul Muslimin

bersama-sama orang Melayu lain menyertai rusuhan meskipun terdapat larangan yang diberikan oleh pemimpin parti mereka. Misalnya, Dato' Onn Jaafar telah menasihatkan ahli-ahli UMNO agar tidak menyertai rusuhan berkenaan, namun nasihat tersebut tidak dipedulikan oleh ahli-ahlinya. Bagi penyelidik, rusuhan tersebut berjaya menyatukan orang Melayu-Islam dari pelbagai latar belakang kehidupan semata-mata untuk membentuk sebuah solidariti memperjuangkan isu Natrah (Fatini Yaacob 2010, p.199-202).

Meskipun penentangan yang dimobilisasikan oleh masyarakat dan pemimpin Melayu-Islam pada ketika itu gagal mencapai matlamatnya, namun kesediaan mereka untuk bersatu dalam sebuah gerakan pada ketika itu merupakan simbol penting bermulanya bibit-bibit kerjasama dalam era sebelum merdeka. Hal ini diakui oleh Haja Maideen (1989) yang turut membincangkan sejarah pergelutan hak penjagaan Natrah dalam buku *The Nadra Tragedy: the Maria Hertogh Controversy*. Menerusi perbincangannya, Haja Maideen menyatakan salah satu situasi yang memperlihatkan kesungguhan masyarakat politik Melayu-Islam bekerjasama memperjuangkan isu Natrah ialah ketika sesi penerangan oleh Karim Ghani pada tahun 1950. Yang turut hadir menyertai perhimpunan kecil tersebut antaranya Persatuan Dakwah Islamiah se-Malaya Persatuan Pemuda Islam, UMNO, Liga Islam dan pelbagai pertubuhan orang Melayu-Islam lain (Haja Maideen 1989, p.148-150).

Berdasarkan kepada perbincangan kedua-dua penyelidik berkenaan, kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu boleh dicapai sekiranya terdapat isu-isu sekepentingan yang mencabar hak dan maruah mereka. Meskipun orang Melayu pada ketika itu terpisah antara satu sama lain berdasarkan sempadan organisasi dan wilayah, namun isu Natrah telah berjaya memadamkan garisan yang memisahkan hubungan antara satu sama lain. Oleh demikian, perbincangan yang dihasilkan oleh kedua-dua penyelidik ini telah memberi sumbangan yang besar terhadap perbincangan kerjasama

politik melibatkan orang Melayu-Islam khususnya pada era sebelum merdeka. Namun, kedua-dua penulisan ini perlu dirujuk secara selari kerana terdapat sumber-sumber maklumat yang tidak diketengahkan oleh salah seorang sarjana tetapi dimuatkan oleh sarjana lain.

Ahmat Adam (2013) dalam Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa turut memuatkan perbincangan mengenai kerjasama politik dan perpaduan yang pernah dicapai dalam kalangan orang Melayu sebelum merdeka. Di awal perbincangannya, sarjana ini secara terperinci menjelaskan latar belakang penduduk alam Melayu dan asal usul kaum terbabit di negara ini. Menurut beliau, penduduk alam Melayu pada awalnya terdiri daripada dua ras geografi manusia iaitu Austro-Melanesian dan Mongoloid. Kaum Melayu digolongkan dalam kelompok Mongoloid dan menggunakan bahasa pertuturan Austronesia (Ahmat Adam 2013, p.1-3). Berdasarkan kepada aspek latar belakang kehidupan, orang Melayu dibahagikan kepada suku-suku etnik tertentu, mempunyai beberapa dialek tertentu dan bahasa yang boleh dikategorikan sebagai kumpulan serumpun. Daripada aspek sejarah politik, kaum Melayu pada suatu ketika dulu pernah membentuk beberapa tamadun gemilang yang memiliki empayar pemerintahan yang luas antaranya kerajaan Srivijaya, Palembang, Malaya dan Sulu (Ahmat Adam 2013, p.42-44). Kejayaan membentuk tamadun-tamadun gemilang ini membuktikan bahawa orang Melayu berupaya untuk mewujudkan sebuah kesatuan yang digembleng daripada kerjasama antara rakyat dan pemerintah.

Tamadun Melayu semakin berkembang dengan kedatangan Islam yang telah mula bertapak seawal abad ke-8 dan ke-9 sekaligus memperkuuh dan memangkin kegemilangan dalam kalangan orang Melayu dalam rantau ini. Kegemilangan ini juga turut diperkuatkan lagi menerusi keintiman hubungan tradisi antara pemerintah dengan rakyat sehingga mampu mewujudkan ikatan politik antara satu sama lain. Keadaan

inilah yang dinilai sebagai asas kepada kestabilan, kemajuan dan kesediaan orang Melayu bersatu dalam tamadun-tamadun sebelum ini. Namun, hubungan yang terbentuk secara turun temurun tersebut semakin luntur apabila munculnya ideologi-ideologi dan kedatangan penjajah yang menerapkan keunggulan peranan rakyat dalam sesebuah pemerintahan (Ahmat Adam 2013, p.49-51). Di samping itu, budaya kehidupan tradisi orang Melayu yang terpisah berdasarkan kepada sempadan negeri, perjuangan tersendiri dan kepentingan kelompok turut menyukarkan usaha penyatuan dalam kalangan orang Melayu berbanding sebelumnya. Meskipun kerjasama dalam kalangan orang Melayu sukar dimobilisasikan semula setelah keruntuhan beberapa tamadun Melayu sebelumnya, namun kerjasama berkenaan berjaya dikembalikan semula apabila timbulnya rancangan oleh penjajah British pada tahun 1946 untuk memperkenalkan pentadbiran Malayan Union.

Rancangan British tersebut telah mendapat perhatian khusus oleh orang Melayu sehingga berjaya memobilisasikan sebuah kerjasama untuk menentang pertubuhan Malayan Union. Idea penentangan ini telah dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar bersama-sama beberapa pemimpin Melayu yang lain dan kemudiannya diterjemahkan menerusi penganjuran sebuah Kongres Melayu seluruh Malaya pada 1 hingga 4 Mac 1946. Matlamat untuk memobilisasikan kerjasama dan mewujudkan kembali perpaduan dalam kalangan orang Melayu merentasi sempadan kenegerian, politik dan fahaman berjaya dibuktikan apabila 41 buah pertubuhan Melayu hadir dan menyertai kongres berkenaan. Susulan kejayaan penganjuran kongres pertama ini, sebuah lagi kongres kemudiannya telah dianjurkan pada 11 hingga 12 Mei 1946 bertempat di Johor Bahru yang merupakan peristiwa bersejarah kepada orang Melayu dengan lahirnya parti politik Melayu baru dinamakan sebagai United Malays National Organisation (UMNO) (Ahmat Adam 2013, p.50-53). Kejayaan memobilisasikan orang Melayu daripada pelbagai negeri, pertubuhan dan individu dalam kedua-dua kongres berkenaan

memperlihatkan keupayaan kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu. Keupayaan ini muncul apabila timbulnya ancaman yang mencabar kedudukan hak keistimewaan dan *status quo* kaum berkenaan oleh elemen-elemen asing. Akhirnya, British terpaksa membubarkan pentadbiran Malayan Union akibat desakan dan tekanan kuat yang diberikan oleh orang Melayu hasil kerjasama politik mereka sebelumnya. Secara keseluruhannya, karya Ahmat Adam (2013) dihasilkan berdasarkan kepada analisis perspektif sejarah yang turut menyentuh mengenai perbincangan peristiwa-peristiwa politik penting melibatkan orang Melayu. Sorotan daripada analisis sejarah diketengahkan dalam penyelidikan ini bagi memperlihatkan wujudnya hubungan antara peristiwa-peristiwa penting yang pernah tercetus dengan kerjasama politik. Hubungan yang selari ini membuktikan bahawa sarjana ini tidak sekadar menghasilkan perbincangan berbentuk deskriptif, tetapi turut memuatkan sumber-sumber sejarah dalam analisisnya.

Di samping itu, perbincangan yang dihasilkan oleh sarjana ini berbeza jika dibandingkan dengan analisis penyelidik-penyelidik lain apabila turut memuatkan reaksi kaum Cina terhadap usaha membentuk budaya kebangsaan yang berteraskan keMelayuan. Penulisan mengenai reaksi ini dimuatkan oleh sarjana ini dalam bab kesepuluh dengan mengemukakan beberapa bukti penting seperti pandangan dan tindakan kaum Cina dalam peristiwa 13 Mei 1969, respon terhadap Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971, penganjuran Seminar Ekonomi Nasional oleh MCA pada tahun 1989. Perbincangan sarjana ini yang turut mengambil kira reaksi kaum Cina terhadap usaha memperkuuh kedudukan kaum Melayu merupakan dimensi baru analisis mengenai unsur-unsur luar yang berupaya mempengaruhi usaha untuk membentuk kerjasama sekaligus menyatukan orang Melayu di negara ini. Oleh demikian, karya sarjana ini telah memberi sumbangan penting kepada penyelidik-penyelidik lain untuk melihat dimensi analisis yang berbentuk holistik dan tidak hanya

memfokuskan kepada kelemahan kaum Melayu sahaja. Meskipun penulisan sarjana ini sarat dengan sumber sejarah dan dianalisis secara deskriptif, namun kaedah tersebut belum memadai untuk memperolehi analisis yang kukuh. Oleh demikian, tesis ini menjalankan temu bual dengan informan-informan terpilih bagi memperkuatkan perbincangan sumber sejarah dan analisis deskriptif.

Di samping menyorot karya-karya sarjana dan penyelidik yang memfokuskan perbincangan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam sebelum merdeka, kajian ini turut memuatkan sorotan yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana dan penyelidik-penyelidik lain mengenai kerjasama politik berkenaan dalam era pasca merdeka. Dalam konteks ini, sorotan karya-karya mengenai kerjasama politik pasca merdeka difokuskan bermula semenjak tahun tahun 1957 sehingga penghujung tahun 1977. Pendekatan ini bagi memperlihatkan wujudnya kesinambungan dan pengaruh peristiwa-peristiwa penting terhadap usaha pembentukan kerjasama politik Melayu-Islam dalam tempoh tersebut. Oleh itu, bahagian berikut memperuntukkan perbincangan khusus mengenai dinamika peristiwa-peristiwa kerjasama politik pasca merdeka yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam pada tahun 1973.

2.2.2 Peristiwa-Peristiwa Mempengaruhi Kerjasama Politik UMNO-PAS antara Tahun 1957-1972

Selain memfokuskan analisis dalam pada era sebelum merdeka, terdapat sebahagian sarjana lain turut menilai perubahan dan dinamika hubungan politik Melayu-Islam pasca merdeka. Antara sarjana-sarjana tersebut misalnya Mauzy (1983), Hussin Mutalib (1990), Alias Muhammad (1975), Alias Muhammad(1994), Kamarulnizam Abdullah (2003), Farish Noor (2004), Syed Husin Ali (2008), A. Effendy Choirie (2008), Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun (2011) dan Abdul Rahman Ibrahim (2011).

Hussin Mutalib (1990) menerusi *Islam and Ethnicity in Malay Politics* menilai dinamika perkembangan hubungan Melayu-Islam bertujuan mengenalpasti elemen-elemen untuk memperkuuh kaum Melayu di negara ini. Bagi sarjana ini, Islam dan Melayu sering berintegrasi & memiliki fleksibiliti antara satu sama lain malah kadangkala berupaya menjadi pemangkin kepada kekuatan elemen yang lain. Misalnya, perpecahan dalam kalangan orang Melayu boleh ditangani menerusi perpaduan Islam yang melangkaui batasan suku kaum, bahasa dan fahaman politik. Malah pendekatan telah lama dialami dan dipraktikkan oleh orang Melayu terdahulu yang berjaya melonjakkan kegemilangan dan perpaduan antara satu sama lain melalui integrasi kedua-dua elemen berkenaan. Hal ini dapat dilihat menerusi kegemilangan empayar Melaka yang berjaya berperanan sebagai sebuah kerajaan Melayu-Islam yang mahsyur berbanding sebelum kedatangan Islam. Malah kegemilangan integrasi Melayu-Islam dalam empayar Melaka kembali diketengahkan menerusi penubuhan UMNO pada tahun 1946 yang berjaya menyatukan kerencaman ideologi politik dan perjuangan berasaskan kewilayahana.

Era pasca merdeka memperlihatkan kesinambungan integrasi politik Melayu-Islam yang lebih dinamik menerusi kerjasama politik dalam Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974. Dalam era tersebut, Islam semakin berkembang apabila PAS yang mengakui memperjuangkan Islam telah mengambil kesempatan sebagai salah satu komponen penting kerajaan untuk memperluaskan praktik Islam. Bagi mencapai tujuan tersebut, parti PAS mengoptimumkan wakilnya yang memegang jawatan penting dalam kerajaan seperti Menteri, Timbalan Menteri, dan Setiausaha Parlimen. Namun kerjasama politik Melayu-Islam melalui kerjasama UMNO dengan PAS pada ketika itu telah memecahkan kesatuan ahli-ahli dalam PAS yang sebelumnya tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut. Misalnya, Abu Bakar Hamzah yang merupakan salah seorang pemimpin penting PAS telah mengkritik

tindakan Asri sebagai Yang di-Pertua untuk bekerjasama dengan UMNO atas kapasiti perpaduan Islam. Bagi beliau, tindakan Asri tersebut telah menonjolkan kepimpinan yang “kekurangan modal”, malah telah menguntungkan UMNO menerusi dominasi Melayu dalam Kerajaan Campuran (Hussin Mutalib 1990, p.109-111).

Pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 telah memberi kelebihan kepada UMNO untuk memperkuuh semula kedudukannya sekaligus meningkatkan dominasinya sebagai parti politik Melayu. Dominasi UMNO yang meningkat dalam Barisan Nasional akhirnya menyebabkan parti PAS tersingkir daripada Kerajaan Gabungan pada tahun 1978. Penyingkiran PAS pada tahun 1978 menandakan berakhirnya kerjasama politik Melayu-Islam yang berjaya dicapai selepas tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Perbincangan Hussin Mutalib (1990) menarik untuk diteliti dan diketengahkan kerana sarjana ini menilai hubungan Islam dan etnik dalam konteks politik Melayu. Beliau juga berjaya menyentuh beberapa aspek penting yang tidak dikemukakan oleh sarjana-sarjana lain misalnya fleksibiliti dan keupayaan intergrasi Melayu-Islam dalam kehidupan orang Melayu dan pengaruhnya terhadap organisasi-organisasi bukan politik di negara ini. Namun terdapat kelemahan dalam analisis yang dijalankan oleh sarjana ini apabila memuatkan fakta-fakta jelas misalnya nama-nama wakil PAS yang dilantik dalam Kabinet kerajaan Persekutuan semasa tempoh pembentukan Kerajaan Campuran 1973 dan Kerajaan Gabungan 1974. Penulis sepatutnya memuatkan maklumat yang jelas mengenai fakta yang diketengahkan agar karya yang diketengahkan tepat.

Sanib Said (1985) dalam *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy* membincangkan sejarah asal usul Melayu di negeri Sarawak yang sebelumnya bernaung di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei. Penyelidik seterusnya menyatakan bahawa orang Melayu-Islam di Sarawak merupakan satu-satunya kelompok masyarakat Melayu yang bersifat *heterogenus* iaitu terdiri

daripada pelbagai suku kaum berbanding di semenanjung (Sanib Said 1985, p.6-10). Hakikatnya, struktur politik Melayu di Sarawak berbeza dengan negeri-negeri di semenanjung setelah Kesultanan Brunei bertindak menyerahkan wilayah tersebut kepada keluarga Brooke. Penyerahan Sarawak kepada keluarga Brooke telah menamatkan penguasaan institusi pemerintahan tradisi Melayu tempatan. Malah pembesar-pembesar Melayu berketurunan diraja Brunei turut dihalau daripada Sarawak kerana dikhuatiri mengancam kedudukan James Brooke sebagai pemerintah. Namun ancaman tersebut menjadi kenyataan apabila pembesar-pembesar Melayu tempatan seperti Syarif Masahor Haji Abdul Ghafur membentuk gerakan pada tahun 1853 untuk menamatkan pemerintahan Brooke (Sanib Said 1985, p.18-20).

Kerjasama politik orang Melayu di Sarawak semakin bertambah kuat menerusi penentangan terhadap tindakan Vyner Brooke yang menyerahkan pemerintahannya kepada kerajaan Britain pada tahun 1946. Justeru, beberapa organisasi telah ditubuhkan seperti Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Pergerakan Pemuda Melayu khususnya di Sibu dan Miri. Kerjasama politik Melayu di Sarawak memasuki dimensi baru setelah munculnya idea pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1961. Menerusi rancangan tersebut, Sarawak dan Sabah akan diberikan kemerdekaan melalui penyertaannya bersama Malaysia pada tahun 1963. Rancangan tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat sehingga menyebabkan orang Melayu di Sarawak berpecah antara satu sama lain dan menubuhkan parti PANAS dan Barisan Anak Jati Sarawak (BARJASA). Malah tindakan menubuhkan BARJASA pada ketika itu adalah bagi menentang perjuangan PANAS yang menyokong Tunku Abdul Rahman untuk membentuk Malaysia. Hubungan BARJASA dan PANAS semakin bertambah tegang apabila kedua-dua parti berkenaan bertindak meletakkan calon masing-masing menentang antara satu sama lain dalam pilihan raya negeri pada tahun 1963.

Persetujuan politik tersebut kemudiannya cuba ditangani menerusi tindakan membawa masuk UMNO ke Sarawak untuk menyatukan PANAS dan BARJASA. Namun rancangan tersebut sukar dilaksanakan kerana terdapat dua halangan utama yang mengekang pelaksanaannya, iaitu wujudnya persepsi penguasaan orang semenanjung terhadap politik di Sarawak dan keahlian yang bertentang dengan Perlembagaan UMNO. Oleh itu, satu langkah alternatif bagi tujuan menyatupadukan kedua-dua seteru politik Melayu di Sarawak berjaya dicapai pada tahun 1966 menerusi penubuhan sebuah parti politik baru. Parti politik baru yang dinamakan Parti Pesaka Bumiputera (PBB) kemudiannya telah berjaya berperanan sebagai sebuah platform penting kepada parti-parti Melayu yang berseteru untuk mengenepikan pertentangan politik antara mereka dalam sebuah gabungan parti (Sanib Said 1985, p.143-150).

Berdasarkan kepada analisis sarjana ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat kerencaman bentuk, hubungan dan peristiwa yang mempengaruhi tahap kerjasama dan perpaduan politik Melayu di Sarawak. Di samping itu, penyelidik berjaya mengetengahkan keunikan asal usul Melayu di negeri tersebut yang timbul menerusi prinsip “masuk Melayu” setelah memeluk Islam. Menerusi prinsip tersebut, Melayu di Sarawak dikategorikan sebagai kelompok *heterogenus* kerana terdiri daripada pelbagai suku kaum yang memeluk Islam dan seterusnya dikenali sebagai Melayu. Sarjana ini berjaya mengenal pasti dimensi baru analisisnya berbanding kajian-kajian sebelum ini kerana berjaya mengolah perbincangan mengenai asal usul Melayu di Sarawak dengan menarik. Kebanyakan kajian-kajian terdahulu yang diketengahkan oleh sarjana-sarjana sebelum ini hanya memfokuskan analisis kepada teori kedatangan Islam berbanding Melayu. Meskipun terdapat beberapa penyelidik seperti Mahayudin Haji Yahaya (2001) dan Ahmad Jelani Halimi (2008) yang mengkaji mengenai asal usul Melayu di negara ini tetapi perbincangan mereka tidak memfokuskan kepada asal usul dan perkembangan politik Melayu di Sarawak. Namun secara keseluruhannya analisis Sanib Said (1985)

juga masih tidak sempurna dan boleh diperbaiki daripada aspek pengisian kajian perbandingan kerjasama politik Melayu-Islam di semenanjung. Oleh itu, kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan perkembangan hubungan UMNO-PAS ini merupakan kajian terbaru yang diketengahkan bagi mengisi kekurangan analisis penyelidik-penyelidik sebelum ini.

Mohd Asri Muda (1993) menerusi memoir politiknya membincangkan mengenai sejarah penglibatan beliau dalam parti PAS selama 29 tahun bermula sebagai Setiausaha Kerja sehingga meletak jawatan sebagai Yang di-Pertua pada 23 Oktober 1982. Perkembangan politik Mohd Asri yang berliku-liku dalam PAS wajar diketengahkan dalam bahagian sorotan ini memandangkan pelbagai peristiwa menarik muncul semasa beliau menerajui parti berkenaan. Bahagian awal memoir politik Mohd Asri memperkenalkan latar belakang penglibatan beliau dalam beberapa pertubuhan Melayu tempatan dan peringkat nasional antaranya Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK), Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) bagi cawangan Kelantan dan Hizbum Muslimin sebelum menyertai PAS pada tahun 1953.

Pengalaman Mohd Asri ketika terlibat dengan pelbagai peringkat kepimpinan pertubuhan-pertubuhan tersebut merupakan persediaan terbaik kepada beliau sebelum diberikan tanggungjawab kemudiannya memimpin sebuah parti Islam terbesar di negara ini. Meskipun beliau diberikan jawatan-jawatan penting semasa menganggotai pertubuhan-pertubuhan sebelumnya, namun Mohd Asri selaku Setiausaha Kerja di Pejabat PAS hanya menjalankan tugas-tugas ringan seperti menyapu sampah, menyediakan minit mesyuarat dan mengemas pejabat. Namun tanggungjawab kecil yang diberikan kepada Mohd Asri merupakan platform permulaan kepada beliau untuk meningkatkan kerjaya politiknya sehingga berjaya menjawat jawatan nombor satu dalam parti pada tahun 1969.

Kematian Dr. Burhanuddin al-Helmy telah membuka laluan kepada Mohd Asri untuk menerajui kepimpinan parti selaku Yang di-Pertua PAS ketiga pada tahun 1969. Semasa menerajui PAS, pelbagai peristiwa menarik melibatkan perkembangan politik parti tersebut telah muncul misalnya penyertaan PAS dalam Kerajaan Campuran pada tahun 1973, pergolakan dalaman parti sehingga berlakunya pemecatan pemimpin kanan, penglibatan PAS dalam gabungan kerajaan Barisan Nasional tahun 1974 dan pengunduran Mohd Asri Muda sebagai Yang di-Pertua pada tahun 1982. Meskipun Mohd Asri menghadapi pelbagai cabaran sukar ketika memimpin PAS, namun halangan yang dihadapi beliau berjaya ditanganinya sehingga melonjakkan kemenangan parti tersebut khususnya ketika bekerjasama dengan UMNO menerusi Kerajaan Campuran dan BN. Kejayaan menempuh pelbagai cabaran semasa memimpin PAS sukar dipertahankan apabila Mohd Asri terpaksa mengundurkan diri sebagai Yang di-Pertua pada tahun 1982 menerusi tekanan dan desakan daripada perwakilan yang telah mula menolak kepimpinannya.

Pengunduran Mohd Asri sebagai Yang di-Pertua pada ketika itu merupakan penamat kepada kerjaya politik beliau bersama PAS dan beliau meninggalkan parti tersebut dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan. Setelah beberapa bulan mengundurkan diri dan digantung keahliannya, beliau kemudiannya bertindak menukuhan sebuah parti baru yang dinamakan sebagai Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) pada tarikh 24 Mac 1983. Pengkisahan perjalanan politik Mohd Asri Muda dalam memoir politiknya juga merupakan sejarah perkembangan politik yang dilalui PAS sepanjang kepimpinan tokoh tersebut. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh Mohd Asri berkenaan pelbagai peristiwa politik yang dihadapinya semasa menerajui PAS merupakan sumber penting dari seorang pemimpin parti. Oleh demikian, memoir politik Mohd Asri Muda merupakan salah satu sumber maklumat yang perlu diketengahkan dalam setiap perbincangan dan analisis yang dijalankan oleh

penyelidik-penyalidik mengenai sejarah perkembangan PAS di negara ini. Meskipun penghasilan memoir Mohd Asri Muda berdasarkan kepada pengalamannya sepanjang terlibat dalam PAS, namun penulisan ini boleh diperbaiki menerusi kajian ilmiah lain yang tidak memihak.

Farish Noor (2004) dalam *Islam Embedded : The Historial Development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)* memfokuskan mengenai perkembangan kegiatan politik PAS sebagai parti berteraskan Islam di negara ini. Secara terperincinya, sarjana ini membincangkan peristiwa-peristiwa penting melibatkan perkembangan politik Melayu-Islam bermula dengan pergolakan dalaman UMNO sehingga mewujudkan gerakan penubuhan parti baru yang dinamakan PAS. Penyelidik pada peringkat awal kajiannya cuba menjelaskan dan melenyapkan kekeliruan mengenai kedudukan PAS yang sering didakwa sebagai parti politik Islam pertama di negara ini. Bagi Farish, Parti Orang Muslim Malaya (Hizbul Muslimin) merupakan parti politik berteraskan perjuangan Islam pertama yang ditubuhkan pada 17 Mac 1948 hasil daripada persidangan kedua Persatuan Islam se-Malaya. Namun kelangsungan politik Hizbul Muslimin tidak kekal apabila pengaruh gerakan kiri mula mempengaruhi aktivitinya sekaligus menyebabkan British menahan pemimpin-pemimpin utama parti tersebut (Farish Noor 2004, p.58-61).

Tindakan British tersebut gagal melumpuhkan gerakan politik Islam secara keseluruhannya, namun perjuangan tersebut diteruskan oleh ahli-ahli dalam Biro Hal Ehwal Agama UMNO. Namun perselisihan prinsip perjuangan yang semakin ketara antara ahli-ahli biro dengan kepimpinan tertinggi parti telah mencetuskan pergolakan dalaman sehingga kelompok tersebut bertindak menubuhkan PAS. Ulas Farish lagi, penubuhan PAS tidak berlaku secara spontan sebaliknya melalui pelbagai proses panjang menerusi pengajuran kongres dan persidangan bagi membincangkan sehingga matang hala tuju gerakan Islam pada waktu tersebut. Malah kelompok dalam biro Hal

Ehwal Agama UMNO mengambil masa sehingga lima bulan bermula daripada Kongres Ulama kedua pada 23 Ogos 1951 hingga bulan November dalam tahun yang sama untuk mewujudkan sebuah wadah politik baharu menggantikan UMNO. Penubuhan PAS menandakan berakhirnya kerjasama politik Melayu-Islam yang diasaskan oleh parti-parti politik, tokoh-tokoh dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Melayu menerusi UMNO pada tahun 1946.

Hakikatnya, penyelidik dengan jelas menyatakan bahawa kerjasama politik Melayu-Islam masih lagi berterusan meskipun setelah UMNO mengalami perpecahan. Proses kerjasama politik Melayu-Islam antara antara UMNO dengan PAS masih lagi berlangsung secara berterusan, malah kedua-dua parti tersebut berjaya membuktikan komitmen tinggi untuk mencapai kerjasama politik melalui penubuhan kerajaan gabungan pada tahun 1974. Kerjasama politik yang berjaya disemai semula menjelang pembentukan Kerajaan Gabungan pada tahun 1974 telah memberikan pelbagai impak dan perubahan kepada kemajuan orang Melayu-Islam di negara ini. Malah, penyelidik juga menyatakan bahawa kerjasama politik pada waktu tersebut berjaya mencetuskan proses Islamisasi dan meningkatkan kemajuan orang Melayu-Islam apabila berlakunya genjatan krisis pertelaghan politik antara UMNO dengan PAS.

Di samping itu, kejayaan penubuhan Kerajaan Gabungan BN-PAS tahun 1974 telah membuktikan fleksibiliti hubungan politik yang wujud dalam praktik politik orang Melayu-Islam di negara ini. Secara keseluruhannya, kajian Farish (2004) mengenai sejarah pergelutan politik PAS di Malaysia merupakan sebuah perbincangan lengkap untuk menilai tahap perkembangan sesebuah parti politik. Namun analisis sarjana ini sama seperti penyelidik-penyelidik lain yang tidak memfokuskan tema khusus mengenai kerjasama politik Melayu-Islam melainkan hanya membincangkannya dalam bahagian-bahagian tertentu sahaja. Perbincangan yang terhad tersebut boleh diperkayakan semula dalam kajian ini menerusi analisis isu-isu terbaru yang

mempengaruhi pola perubahan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan perkembangan hubungan UMNO dan PAS dalam konteks masa kini.

Alias Muhammad (1975) menerusi Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan telah membincangkan mengenai perkembangan dan cabaran politik yang dilalui PAS khususnya di Kelantan. Di awal perbincangannya, penyelidik secara terperinci mengetengahkan latar belakang masyarakat dan politik tradisi orang Melayu yang merupakan majoriti penduduk di Kelantan. Sistem politik feudal tradisi di Kelantan mula berkembang sebagai sebuah pentadbiran yang moden pada era pemerintahan Sultan Muhammad IV apabila baginda pada tahun 1903 telah bertindak menubuhkan dan mempengerusikan sendiri sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri. Selain baginda, organisasi pentadbiran moden tersebut pada ketika itu turut dianggotai oleh keluarga diraja yang lebih tua, Penasihat Inggeris dan Menteri Besar. Penubuhan organisasi berkenaan merupakan perintis kepada pembentukan sistem pentadbiran negeri yang lebih moden berbanding era sebelumnya penubuhan pasukan polis, Mahkamah, unit pengurusan dan pentadbiran tanah.

Perubahan sistem pentadbiran negeri turut memberi kesan terhadap perkembangan pembangunan Kelantan yang sentiasa dibelenggu dengan kemelut ekonomi. Hal ini kerana Kelantan memiliki sumber ekonomi yang terhad berbanding dengan negeri-negeri lain dan kerajaan negeri sentiasa mengalami kekangan dalam membangunkan negeri akibat masalah berkenaan. Oleh demikian, PAS yang kebetulannya mendapat peluang mentadbir Kelantan untuk tempoh masa yang panjang telah dipertanggungjawabkan dengan bebanan tersebut. Tambah Alias Muhammad lagi, masalah ekonomi di Kelantan sebenarnya berpunca daripada kemelut politik yang menghalang kepada perubahan. Kemelut politik berkenaan berpunca daripada persaingan antara dua parti politik Melayu-Islam utama iaitu UMNO dengan PAS untuk meraih sokongan orang Melayu yang majoritinya merupakan penduduk Kelantan.

Kedua-dua parti ini memiliki perbezaan perjuangan yang jelas iaitu UMNO mempercayai kepentingan hal-hal material, manakala PAS cenderung kepada pegangan dan amalan non-material.

Bagi UMNO, aspek pembangunan dan kehidupan masyarakat yang lebih moden merupakan indikator penting dalam menilai kemajuan masyarakat. Namun, prinsip sebaliknya diperjuangkan oleh PAS apabila menolak pembangunan berbentuk keduniaan semata-mata dan meletakkan elemen-elemen ketuhanan sebagai asas perjuangannya. Malah PAS dinilai berusaha untuk mengelak melaksanakan pembangunan yang drastik di Kelantan kerana boleh mengancam kedudukan politiknya dan mencetuskan perubahan aliran sokongan kepada UMNO. Hal ini ditegaskan oleh penyelidik dalam karyanya yang menyatakan bahawa hanya Mohd Asri Muda dan kerajaan PAS Kelantan sahaja dapat mengubah dan melakukan perubahan terhadap setiap aspek kehidupan penduduk Kelantan.

Akhirnya, keengganan PAS melakukan perubahan politik dan pembangunan di Kelantan menyebabkan sebilangan penduduknya mengambil keputusan untuk berhijrah ke negeri-negeri lain untuk mengelakkan berlakunya masalah kebuluran. Misalnya penyelidik mendedahkan gadis-gadis dan janda yang berasal dari Kelantan telah keluar mencari pekerjaan di Pahang, Kuala Lumpur dan Terengganu, pembukaan tanah untuk pertanian yang terhad sepanjang 12 tahun pentadbiran Mohd Asri Muda sebagai Menteri Besar di Ayer Lanas, penglibatan seramai 7000 penarik beca dalam kalangan belia yang berusia 17 hingga 35 tahun dan ketiadaan bantuan asrama kepada pelajar di Kelantan sehingga menyebabkan mereka terpaksa menyewa bilik-bilik yang harganya terlalu mahal di sekitar Kota Bharu merupakan sebahagian kelemahan kerajaan PAS yang dapat dilihat dengan jelas semasa pentadbirannya.

Belenggu masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di Kelantan akibat kesukaran membentuk kerjasama politik antara kedua-dua parti tersebut akhirnya

semakin berjaya ditangani menerusi pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Bagi Alias Muhammad, terdapat beberapa faktor yang bertindak sebagai pemangkin kepada pembentukan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS di Kelantan sehingga membawa kepada penubuhan Kerajaan Campuran. Pertama, PAS sedang berhadapan dengan kemerosotan sokongan khususnya di Kelantan selepas Pilihan Raya Umum pada tahun 1969, saranan daripada sayap Pemuda PAS Kelantan untuk bekerjasama dengan UMNO setelah parti itu dilihat semakin tergelincir daripada landasan Al-Quran dan Sunnah dan ancaman politik yang muncul dalam PAS khususnya daripada sayap Pemuda semasa era pentadbiran Mohd Asri Muda.

Oleh demikian, PAS mengambil keputusan menyertai undangan UMNO membentuk Kerajaan Campuran sebagai tenaga politik Melayu yang baru untuk menghadapi cabaran politik masa depan. Malah tenaga politik Melayu ini dapat mengekang arus cauvinis yang dipelopori oleh kaum minoriti di Malaysia pada ketika itu. Hakikatnya, penubuhan Kerajaan Campuran sebenarnya bukan bertujuan untuk menamatkan perbalahan politik kedua-dua parti tetapi adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah orang Melayu menerusi kaedah yang lebih matang dan menyeluruh. Kompromi yang berjaya dirintis oleh UMNO dengan PAS menerusi pembentukan Kerajaan Campuran dan BN juga mampu menentukan hala tuju politik negara berteraskan kepada kuasa politik Melayu.

Berdasarkan kepada penyelidikan Alias Muhammad ini, didapati perbincangan di peringkat awalnya memfokuskan kepada isu-isu membabitkan pembangunan dan perkembangan politik Melayu khususnya melibatkan UMNO dengan PAS di Kelantan. Namun bermula dari bab kesembilan hingga kedua belas, penyelidik telah meluaskan perbincangannya mengenai kerjasama politik antara kedua-dua parti tersebut secara lebih umum. Perubahan corak perbincangan yang dilakukan oleh penyelidik ini telah mengganggu tumpuan analisis terhadap sejarah, politik dan pembangunan Kelantan yang

ditekankan semenjak di awal analisis dalam bab pertama. Seterusnya, penyelidik tidak mengemukakan sumber-sumber maklumat dan fakta untuk menyokong analisisnya, misalnya beliau menyatakan bahawa terdapat pembukaan tanah pertanian yang terhad sepanjang pentadbiran Mohd Asri Muda tetapi tidak disertakan jumlah berkenaan.

Di samping itu, penyelidik tidak menyatakan secara jelas tahun berlakunya kemunculan penarik-penarik beca dalam kalangan belia di Kelantan yang menggambarkan kemelesatan ekonomi dihadapi oleh masyarakat Kelantan. Meskipun penyelidik menyatakan berhujah bahawa ekonomi penduduk Kelantan semasa di bawah pentadbiran kerajaan PAS bermasalah, namun kebenarannya sukar disahkan kerana tidak dibuktikan menerusi tarikh dan sumber yang jelas oleh penyelidik. Di akhir bukunya, penyelidik tidak menyediakan satu senarai sumber rujukan yang jelas dan tepat mewakili seluruh penyelidikan yang melebihi seratus muka surat. Malah penyelidik hanya menyenaraikan hanya 23 sumber rujukan sahaja yang terdiri daripada laporan akhbar, buku-buku dan penyata tahunan parti. Hal ini menyukarkan penyelidik-penyalidik seterusnya kerana perlu merujuk kepada sumber-sumber lain untuk mengesahkan maklumat yang dinyatakan dalam karyanya ini. Namun secara keseluruhannya, analisis Alias Muhammad dapat membantu penyelidik untuk memperoleh gambaran sebenarnya mengenai sejarah dan perkembangan politik yang berlaku di Kelantan secara berkronologi. Kelemahan-kelemahan yang terbit dalam karya Alias Muhammad tersebut boleh diperbaiki menerusi perbincangan dan analisis tesis ini.

Alias Muhammad (1978) dalam Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema menyatakan bahawa buku tersebut merupakan kesinambungan perbincangan dari karya beliau sebelumnya iaitu Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan (1975). Dalam Bab 1, penyelidik memuatkan perbincangannya mengenai dimensi corak perjuangan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak yang berbeza semasa menerajui UMNO.

Menurut Alias Muhammad (1978), keekstriman perjuangan dan ideologi kedua-dua parti politik Melayu-Islam tersebut sebenarnya bergantung kepada corak kepimpinannya. Misalnya ketika menerajui UMNO, Tunku Abdul Rahman dinilai kurang memberi perhatian terhadap hak dan kepentingan orang Melayu (Alias Muhammad 1978, p.2-4). Keadaan ini berlaku disebabkan corak dan dasar pentadbiran Tunku yang lebih cenderung kepada pendekatan untuk mewujudkan kerjasama dan hubungan yang erat antara kaum. Hal ini kerana beliau hanya mempercayai bahawa menerusi formula ini sahaja dapat meyakinkan penjajah untuk memberikan kemerdekaan dan peluang kepada masyarakat tempatan untuk memimpin negara mereka sendiri.

Hakikatnya, tindakan Tunku pada ketika itu telah mencetuskan ketidakselesaan dalam kalangan sebahagian masyarakat dan pemimpin-pemimpin Melayu yang konservatif. Namun masih terdapat pemimpin-pemimpin Melayu yang mendapat manfaat daripada kedudukan mereka semasa era pentadbiran Tunku Abdul Rahman tetapi faedah tersebut hanya dinikmati oleh golongan tersebut sahaja. Meskipun limpahan kekayaan hanya dinikmati oleh golongan tertentu sahaja, tetapi isu-isu yang membabitkan kepentingan orang Melayu masih menjadi prioriti mereka. Antara isu tersebut misalnya gerakan menuntut kemerdekaan, hak kewarganegaraan, kedudukan bahasa Melayu dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Namun masa depan politik orang Melayu semakin berubah apabila tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969 dan peralihan kepimpinan yang berlaku dalam UMNO daripada Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak pada tahun 1970. Hakikatnya, rusuhan antara kaum dalam Tragedi 13 Mei 1969 merupakan titik permulaan kepada transisi dasar politik Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak. Peralihan kepimpinan kepada Tun Abdul Razak telah memberi keyakinan baru kepada orang Melayu untuk mendominasi semula kuasa politik dan ekonomi negara. Keyakinan tersebut diperkuuh menerusi tindakan Tun Abdul Razak melantik tokoh-tokoh ultra Melayu yang masih

muda dan berfikiran moden seperti Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh dan Musa Hitam untuk menggangotai Kabinetnya. Namun keadaan sebaliknya berlaku dalam PAS apabila kepimpinan parti pada ketika itu mengalami kekeliruan identiti apabila terpaksa mengubah corak perjuangannya mengikut kehendak politik semasa. Malah percanggahan sikap turut dialami oleh pemimpin-pemimpin PAS apabila mereka menggesa ahli-ahli tidak mengutamakan kehidupan dunia walhal persaingan jawatan dan kekayaan lebih serius dalam kalangan mereka (Alias Muhammad 1978, p.14-16). Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi beberapa peristiwa kemelut politik yang serius dalam parti tersebut bermula dengan pemilihan calon Menteri Besar di Terengganu dan Kelantan pada tahun 1961 serta 1977 dan krisis pemecatan Mohamad Nasir pada tahun 1977.

Hakikatnya kemunculan krisis-krisis politik pada ketika itu disebabkan oleh tindakan-tindakan pemimpin PAS yang tidak mencerminkan norma-norma perjuangan yang sebenarnya dituntut dalam Islam. Keadaan ini berlaku kerana terdapat sekumpulan pemimpin PAS yang sanggup mengenepikan prinsip Islam semata-mata untuk mencapai matlamat dan kuasa politik mereka. Secara keseluruhannya, analisis yang diketengahkan oleh Alias Muhammad (1978) ini menjadi rujukan penting dalam membincangkan sejarah pergelutan politik yang dilalui oleh PAS sebelumnya. Malah analisis penyelidik-penyelidik selepasnya boleh dianggap tidak lengkap sekiranya mereka tidak memetik perbincangan yang dihasilkan oleh Alias Muhammad. Perbincangan beliau diperkuuh dengan fakta-fakta yang jelas misalnya kejatuhan PAS di Kelantan dalam pilihan raya umum tahun 1978 akibat gagal menyaingi pengaruh Mohamad Nasir yang menu buhkan parti Barisan Jemaah Islamiah Malaysia (BERJASA).

Parti BERJASA yang diterajui Mohamad Nasir telah memenangi 11 kerusi DUN di Kelantan setelah berjaya menewaskan calon-calon daripada PAS dalam pilihan

raya umum tersebut. Senarai nama calon-calon BERJASA dan BN turut dipaparkan dalam karya ini sebagai sumber penting yang boleh membantu penyelidik-penyalidik untuk mengetahui dengan lebih terperinci perkembangan dan maklumat politik di Kelantan pada tahun 1978. Di samping itu, penyelidik juga melampirkan gambar-gambar yang sukar diperoleh daripada sumber-sumber lain misalnya demonstrasi oleh penyokong-penyokong Mohamad Nasir pada tahun 1977 di Kota Bharu dan sambutan mahasiswa-mahasiswa di Lapangan Terbang Subang pada 26 September 1977. Oleh demikian, karya Alias Muhammad (1978) wajar disoroti sebagai salah satu sumber penting dalam menilai sejarah dan perkembangan politik yang diharungi oleh PAS khususnya dalam menghadapi pelbagai kemelut dalamannya. Di samping itu, karya ini boleh diperbaiki dengan memuatkan temu bual dengan individu-individu yang pernah terlibat dalam peistiwa-peristiwa yang dinyatakan oleh penulis sekaligus dapat menghasilkan satu karya yang menarik dan lengkap.

Alias Muhammad (1994) menerusi *PAS Platform Development and Change: 1951-1986* membincangkan mengenai perkembangan dan perubahan politik parti PAS dalam beberapa era kepimpinan. Sarjana ini dalam perbincangannya menilai beberapa peristiwa yang memberi kesan terhadap hubungan UMNO dan PAS khususnya bagi memperkuuh perpaduan politik Melayu-Islam di negara ini. Di awal perbincangannya, sarjana ini mengambil pendekatan yang sama seperti sarjana-sarjana lain membincangkan mengenai latar belakang penubuhan PAS sebagai sebuah parti politik Islam di negara ini. Pendekatan ini dipilih bagi memastikan perbincangan mengenai latar belakang penubuhan PAS dijalankan secara berkronologi dan teratur supaya analisis-analisis berkaitan mudah difahami. Sebagai sebuah parti politik serpihan UMNO, PAS menyedari bahawa parti tersebut turut berperanan dalam proses kemajuan dan perpaduan politik Melayu-Islam. Kesedaran untuk menjalinkan kerjasama politik khususnya dengan UMNO ini semakin terserlah selepas tercetusnya Peristiwa 13 Mei

1969. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi yang berjaya menjadi pemangkin kepada proses memulihkan semula krisis politik berpanjangan melibatkan UMNO dengan PAS. Pelbagai rundingan dua hala antara kepimpinan parti dan kerajaan Persekutuan dengan Negeri Kelantan sebelum penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 merupakan elemen-elemen penting yang membentuk kerjasama politik kedua-dua parti. Malah beberapa pemimpin kanan daripada kedua-dua parti menyokong kuat kerjasama politik dan pembentukan Kerajaan Campuran atas kapasiti solidariti umat Melayu yang menjadi asas kepada penyatuan rakyat berbilang kaum di negara ini (Alias Muhammad 1994, p.120-122).

Seperti kajian-kajian lain, penyelidik ini juga mengetengahkan pelbagai peristiwa signifikan yang menguji ketuhan PAS untuk bertahan sebagai satu-satunya parti politik berteraskan perjuangan Islam hingga hari ini. Di samping itu, penyelidik secara khusus membahagikan kajiannya kepada beberapa era khusus bagi mengetengahkan pelbagai peristiwa yang tercetus dan impaknya terhadap kepimpinan parti. Selain itu, penyelidik juga memperuntukkan satu bab khusus untuk menilai hubungan dan kerjasama antara UMNO dengan PAS dalam Kerajaan Campuran. Meskipun penyelidik hanya memperuntukkan satu bab sahaja bagi membincangkan isu dan perkembangan kerajaan campuran, namun penyelidik menyediakan analisis yang menyeluruh dari pelbagai sudut perbincangan. Misalnya penyelidik memperincikan setiap nama dan peranan pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam proses pembentukan Kerajaan Campuran seperti Abdullah Ahmad, Harun Idris, Syed Jaafar Albar, Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah (Alias Muhammad 1994, p.118-121). Walaupun pendekatan ini turut digunakan oleh penyelidik-penyelidik lain, namun kelebihan analisis penyelidik ini ialah beliau memperincikan penulisannya secara lebih tersusun dan berpandukan kerangka waktu. Secara keseluruhannya, penulisan sarjana ini sesuai dirujuk dalam perbincangan berkaitan dan analisisnya semakin terperinci sekiranya

sarjana ini turut menyenaraikan jawatan-jawatan pemimpin yang terlibat dalam pembentukan Kerajaan Campuran agar penyelidik berikutnya memperolehi maklumat informatif yang menyeluruh.

Syed Husin Ali (2008) dalam perbincangannya iaitu *The Malays: Their Problems and Future* memerihalkan latar belakang dan perkembangan kehidupan orang Melayu dalam pelbagai sudut analisis. Di awal perbincangannya, sarjana ini menilai bahawa orang Melayu berhadapan dengan pelbagai cabaran sukar untuk meneruskan kelangsungan hidupnya malah keadaan bertambah rumit apabila kedatangan penjajah telah memecahkan rumpun kesatuan orang Melayu kepada beberapa kelompok tertentu. Tindakan penjajah ini telah memberi impak yang besar terhadap hubungan dalam kalangan orang Melayu yang kemudiannya terpisah antara satu sama lain berdasarkan kepada batasan wilayah dan negara. Impaknya, orang Melayu semakin terpesong daripada landasan adat dan kebudayaan Melayu dalam pelbagai aspek sehingga berkonflik antara satu sama lain meskipun berasal dari rumpun yang sama.

Krisis identiti yang melanda orang Melayu sehingga hari ini merupakan kesan daripada tindakan pemisahan politik oleh penjajah turut menjelaskan keintiman hubungan Melayu-Islam dalam pelbagai aspek khususnya di Malaysia. Hal ini semakin jelas apabila hubungan Islam dipisahkan daripada institusi politik dan pemerintahan sehingga memerlukan satu tindakan penjenamaan semula untuk meyakinkan masyarakat. Proses ini dapat dilihat menerusi tindakan kerajaan semasa di bawah pentadbiran Dr. Mahathir yang bertindak mengisyiharkan Malaysia sebagai negara Islam dan pengenalan konsep Islam Hadhari dalam era Abdullah Ahmad Badawi (Syed Husin Ali 2008, p.78-81). Malah sehingga hari ini, ciri-ciri Islam semakin sukar dihubungkaitkan dalam kehidupan orang Melayu sehingga perlu memasukkan nama Islam sebagai sebahagian tanda pengenalan misalnya Parti Islam se-Malaysia (PAS), Islam Hadhari dan NGO Muslim. Jurang hubungan Melayu-Islam yang semakin melebar ini turut

dihadapi oleh parti-parti politik Melayu di negara ini sehingga mencetuskan krisis yang berpanjangan antara satu sama lain. Krisis yang berlarutan ini hanya berjaya direddakan apabila timbulnya keperluan kerjasama politik antara parti UMNO dan PAS selepas tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969. Kerjasama politik yang berjaya dicapai antara kedua-dua parti telah melahirkan sebuah Kerajaan Campuran pertama pasca merdeka yang didominasi oleh orang Melayu-Islam. Meskipun penubuhan Kerajaan Campuran merupakan hasil kejayaan persefahaman dan kerjasama antara pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS, namun kebanyakannya ahli di peringkat akar umbi masih lagi bergelut dengan masalah perpecahan (Syed Husin Ali 2008, p.46-51).

Sebagai seorang sarjana sosiologi politik, Syed Husin melihat masalah perpecahan di peringkat akar umbi merupakan penghalang utama kepada usaha untuk mewujudkan perpaduan politik. Sekiranya kerjasama dan perpaduan politik berjaya dicapai seperti peristiwa penentangan Malayan Union dan kejayaan pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974, maka orang Melayu berupaya mendominasi kuasa politik negara. Sarjana ini juga bersetuju dengan beberapa pandangan sarjana lain seperti Ramlah Adam (1998) dan Farish Noor (2004) bahawa kemajuan orang Melayu-Islam hanya bergantung kepada kejayaan perpaduan politik. Oleh itu, pelbagai elemen kerjasama politik Melayu-Islam perlu dipupuk dan diketengahkan dalam setiap lapisan hierarki orang Melayu agar menjadi pemangkin kepada proses perpaduan politik. Sekiranya masyarakat politik masih mengekalkan kerjasama politik berorientasikan hubungan kerjasama, maka hubungan tersebut sukar dipertahankan bagi tempoh yang panjang. Kegagalan ini dapat dilihat menerusi peristiwa perpecahan Kerajaan Gabungan Barisan Nasional pada tahun 1977 akibat terlalu bergantung kepada hubungan kerjasama berbanding matlamat perpaduan politik.

Satu perbincangan menarik telah ditimbulkan oleh sarjana ini dalam analisisnya iaitu impak langkah-langkah perpaduan politik terhadap kaum lain di negara ini. Malah

sarjana ini menyatakan bahawa sekiranya usaha-usaha untuk mewujudkan perpaduan Melayu-Islam disalahtafsirkan oleh kaum-kaum lain, maka tindakan tersebut mampu mengundang kepada krisis perkauman. Namun, perpaduan politik orang Melayu-Islam yang dicapai menerusi penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 adalah hasil perjuangan orang Melayu, manakala kaum-kaum lain tidak menonjolkan diri secara berlebihan. Situasi yang sama turut berlaku ketika pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974 apabila kerjasama politik hanya diketengahkan selepas tercetusnya pergaduhan antara kaum dalam Peristiwa 13 Mei 1969. Oleh itu, usaha untuk mencapai kerjasama dan perpaduan politik Melayu-Islam di negara ini tidak memberi ancaman besar terhadap hubungan kaum tetapi perpecahan antara kaum timbul sekiranya melibatkan elemen-elemen perhitungan perkauman (Syed Husin Ali 2008, p.50-52).

Secara umumnya, pendekatan yang digunakan sarjana ini berbeza dengan kaedah analisis yang telah diguna pakai oleh sarjana-sarjana lain yang mengemukakan perbincangan berkronologi. Namun sarjana sosiologi politik ini memilih pendekatan menilai setiap perkaitan hal ehwal masalah orang Melayu sebagai subjek analisis. Penilaian mengenai masalah-masalah orang Melayu ini juga turut meliputi era kolonialisme yang melatari perbincangan awal beliau untuk melihat perkembangan hubungan Melayu-Islam di negara ini. Di samping itu, sarjana ini juga memperbanyakkan analisis berbanding fakta sejarah bagi menjawab setiap permasalahan yang melanda orang Melayu di negara ini. Pendekatan sedemikian perlu diimbangi dengan analisis kritikal agar penulisan-penulisan seterusnya tidak hanya sarat dengan fakta sejarah

Tunku Abdul Rahman (1969) dalam karyanya *May 13: Before and After* membincangkan secara khusus dan berkronologi mengenai tragedi rusuhan antara kaum yang tercetus dalam peristiwa 13 Mei 1969. Secara umumnya, peristiwa ini dikaitkan

dengan agenda politik parti-parti pembangkang yang mencetuskan provokasi setelah berjaya mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum ketiga pada tahun 1969. Dalam pilihan raya tersebut, PERIKATAN yang dianggotai hanya tiga buah parti iaitu UMNO, MCA dan MIC telah berhadapan dengan penentangan sengit oleh enam parti pembangkang iaitu PAS, GERAKAN, DAP, PPP, Parti Rakyat, Pertubuhan Cina Malaysia Bersatu (UMCO) dan calon-calon BEBAS. Tempoh berkempen yang ditetapkan selama tujuh hari telah dimanipulasikan sepenuhnya oleh calon-calon pembangkang untuk meniup semangat perkauman dan penentangan terhadap PERIKATAN. Susulan daripada provokasi dan kempen perkauman tersebut yang tidak terkawal, terdapat sebilangan pengundi telah terpengaruh dengan dakyah-dakyah pembangkang dan pada waktu yang sama agen-agen Parti Komunis Malaya (PKM) turut mengambil kesempatan menyebarkan unsur-unsur kebencian dalam kempen-kempen pilihan raya.

Tindakan PKM pada ketika itu bertujuan untuk mewujudkan perasaan kebencian terhadap PERIKATAN yang menerajui kerajaan sekaligus berusaha menjatuhkannya sebagai kerajaan. Impaknya, keputusan pilihan raya umum ketiga pada 10 Mei 1969 telah mencetuskan gelombang tsunami politik Cina apabila calon-calon daripada parti pembangkang berjaya meraih sokongan besar pengundi dan meningkatkan jumlah kerusi masing-masing di peringkat Persekutuan dan negeri. Misalnya di Pulau Pinang, GERAKAN berjaya membentuk kerajaan negeri yang pertama dan hampir menguasai majoriti kerusi DUN di negeri Perak dan Selangor sekaligus menggoyahkan kedudukan kerajaan pimpinan PERIKATAN. Susulan mencapai kejayaan besar dalam pilihan raya berkenaan, parti pembangkang khususnya GERAKAN telah memohon kepada pihak berkuasa untuk menganjurkan perarakan meraikan kemenangan mereka tersebut. Namun, perarakan yang kemudiannya gagal dikawal telah mencetuskan perhimpunan

haram dan pergaduhan antara kaum sehingga mendesak kerajaan untuk bertindak mengisytiharkan Perintah Darurat pada tarikh 14 Mei 1969.

Tragedi rusuhan antara kaum ini telah mengakibatkan ramai rakyat tercedera, terkorban dan kehilangan harta benda yang berpunca daripada keangkuhan politik perkauman yang tidak terkawal. Menerusi perbincangan ini, pelbagai maklumat mengenai Peristiwa Rusuhan 13 Mei 1969 dapat diketengahkan kepada masyarakat sebagai panduan untuk mewujudkan praktik politik yang lebih baik berbanding sebelumnya. Namun, terdapat maklumat-maklumat yang dikemukakan menerusi karya Tunku Abdul Rahman (1969) ini bertentangan dengan fakta yang dilaporkan dalam Kertas Putih Tragedi 13 Mei 1969 yang disediakan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Misalnya Tunku menyatakan bahawa dua penunggang motorsikal berbangsa Cina telah diserang oleh orang Melayu di Jalan Raja Muda sehingga mati (Tunku Abdul Rahman 1969, p.83-84). Namun, laporan Kertas Putih mengemukakan fakta sebaliknya iaitu sebuah van yang dinaiki oleh dua orang Cina telah diserang dan dibakar sehingga menyebabkan kematian mereka (Laporan Kertas Putih Tragedi 13 Mei 1969, p.56-58). Oleh demikian, maklumat yang dikemukakan dalam penulisan Tunku ini perlu disemak semula berdasarkan kepada sumber-sumber penulisan lain agar perbincangan yang dihasilkan adalah betul dan tepat.

A. Effendy Choirie (2008) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk Islam dan Nasionalisme: Kajian Perbandingan Mengenai Perjuangan Politik UMNO dan PKB telah menjalankan kajian perbandingan untuk menilai perkembangan politik Islam dan Melayu di Malaysia dan Indonesia. Di bahagian awal perbincangannya, penyelidik menyatakan bahawa terdapat perbezaan tahap penerimaan ideologi politik kebangsaan dan Islam di Malaysia dan Indonesia meskipun memiliki jumlah orang Melayu beragama Islam adalah ramai. Secara tradisinya, prinsip kebangsaan (nasionalisme) telah begitu lama menjadi teras perjuangan dalam kehidupan masyarakat di Indonesia

menerusi ideologi Pancasila, bahkan pengaruh golongan sekular turut menghalang perkembangan elemen-elemen Islam di negara berkenaan. Namun keadaan sebaliknya berlaku di Malaysia apabila parti pemerintah membenarkan parti-parti politik dan organisasi yang beraliran Islam untuk menjalankan kegiatan mereka. Meskipun ruang kegiatan berpolitik diberikan, parti pemerintah telah menghadkan ruang berkenaan bagi mengekang penyebaran pengaruh parti PAS dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks politik di Malaysia, penyelidik memetik perbincangan Funston (1980) mengenai politik Melayu di Malaysia yang mengandaikan krisis politik antara UMNO dan PAS disebabkan oleh faktor sosioekonomi berbanding perbezaan kelas. Namun hujah beliau ini dipetik dalam bahagian kesimpulan kajian Funston tanpa menilai dengan lebih terperinci faktor utama yang mencetuskan pergolakan dalaman UMNO dalam bahagian awal kajiannya.

Menurut Funston, pergolakan dalaman sehingga mewujudkan parti PAS disebabkan oleh perbezaan prinsip perjuangan dalam pelbagai isu agama antara ahli-ahli dalam Biro Hal-Ehwal Agama UMNO dengan kepimpinan tertinggi parti (Funston 1980, p.92-95). Oleh itu, perbezaan prinsip perjuangan politik antara kepimpinan tertinggi parti dan ahli-ahli Biro Hal-Ehwal Agama adalah punca utama perpecahan yang berlaku dalam UMNO pada tahun 1951. Manakala elemen sosioekonomi merupakan salah satu faktor lain yang menyukarkan kerjasama dan mewujudkan kerjasama politik antara kedua-dua parti utama Melayu-Islam tersebut pasca merdeka. Di samping itu, penyelidik turut menilai perubahan kepimpinan politik khususnya PAS yang telah beralih kepada penguasaan ulama berbanding gandingan Islam dan nasionalisme semasa di bawah pentadbiran Dr. Burhanuddin Helmy dan Mohd Asri Muda. Malah ketika Dr. Burhanuddin mengetuai PAS, beliau telah bertungkus-lumus memperjuangkan agenda perpaduan politik Islam dengan aliran kebangsaan secara agresif (A. Effendy Choirie 2008, p.96-99). Meskipun terdapat beberapa kekurangan dalam kajian sarjana ini, tetapi

analisis yang perbandingan mengenai politik Melayu-Islam di Malaysia dan Indonesia merupakan pendekatan baru yang digunakan untuk menilai dinamika dan perubahan politik Melayu dalam konteks dua negara.

Kamarulnizam Abdullah (2003) menerusi analisisnya dalam *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia* turut menilai hubungkait Islam dan etnik dalam perkembangan politik Melayu. Beliau membahagikan perbincangannya kepada lapan bahagian utama yang memfokuskan kepada dinamika hubungan dan perubahan kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini. Dalam bahagian awal perbincangannya, sarjana ini membezakan analisis beliau dengan mengutarakan beberapa persoalan penting mengenai pengertian perpaduan dan sumbangsan Islam bagi tujuan berkenaan. Malah sarjana ini turut memiliki kecenderungan untuk menghubungkait antara perpaduan Melayu dengan keselamatan nasional yang dilihat beliau sebagai asas utama kestabilan negara. Sebagai kelompok kaum yang terbesar di negara ini, orang Melayu yang diwakili oleh UMNO dan PAS dilihat sebagai aktor penting dalam menentukan sama ada kerjasama ataupun perpaduan politik tersebut berjaya dicapai. Seperti sarjana-sarjana lain, penyelidik turut menimbulkan impak Peristiwa 13 Mei 1969 sebagai salah satu pencetus kepada usaha kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini. Meskipun cabaran kerjasama politik Melayu-Islam pasca merdeka berhadapan dengan era kepelbagaian etnik, namun keadaan tersebut tidak menghalang usaha ke arah matlamat tersebut. Malah kerjasama politik Melayu-Islam yang dicapai telah berjaya melonjakkan kemajuan orang Melayu yang sebelumnya ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain.

Sarjana ini turut meluaskan perbincangannya dengan mengetengahkan peranan beberapa badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan gerakan Melayu-Islam dalam meningkatkan kemajuan ekonomi dan kefahaman Islam. Kemunculan kedua-dua pertubuhan ini telah memberikan impak yang besar khususnya dalam membangunkan

semula kegembiran orang Melayu-Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks persaingan politik, UMNO dan PAS pula dilihat sedang bersaing untuk membuktikan kedua-dua parti menjuarai pelbagai isu yang berkaitan dengan Islam dan nasionalisme.

Hal ini tidak ditonjolkan oleh sarjana-sarjana sebelum ini yang hanya memfokuskan sejarah dan persaingan kedua-dua parti dalam konteks politik. Bagi tujuan tersebut, UMNO semakin mendekatkan parti tersebut dengan Islam dan melaksanakan pelbagai proses Islamisasi dalam pelbagai sektor pada zaman pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Antara proses-proses Islamisasi yang berimpak tinggi terhadap hubungan Melayu-Islam pada ketika itu ialah penubuhan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Malah UMNO juga memperkuuh partinya dengan memberikan ruang kepada tokoh-tokoh Islam tempatan seperti Abdul Hamid Zainal Abidin, Yusof Noor, Anwar Ibrahim dan Fadhil Hanafi dalam kepimpinan parti. Penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO telah melemahkan momentum gerakan Islam khususnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang sebelumnya semakin berpengaruh.

Strategi politik Dr. Mahathir yang mempelawa Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO berjaya memperkuuh perpaduan politik Melayu-Islam apabila aktivis-aktivis Islam dan ahli-ahli PAS pada ketika itu turut mengikut jejak langkah beliau. Oleh itu, penyelidik ini berjaya membuktikan bahawa kerjasama politik Melayu-Islam boleh dicapai sekiranya terdapat perkongsian matlamat dan cita-cita oleh aktor-aktor politik yang berseteru. Hal ini dapat dilihat apabila Dr. Mahathir menunjukkan minat terhadap peranan Islam dalam melonjakkan kemajuan orang Melayu, manakala Anwar Ibrahim aktivis Islam berpengaruh pada ketika itu dan berupaya merealisasikan aspirasi kerjasama tersebut. Analisis yang dikemukakan oleh sarjana ini dengan jelas membincangkan hubungkait dan perkembangan kerjasama Melayu-Islam dalam era

kontemporari. Malah kajian beliau yang memuatkan peristiwa-peristiwa dan data-data terkini juga relevan dengan perkembangan politik Melayu-Islam semasa. Di samping itu juga, penyelidik menganalisis hubungan kerjasama politik Melayu-Islam berdasarkan kerangka konsep etnisiti yang jelas berbeza sarjana-sarjana lain. Pemilihan kerangka konsep etnisiti ini menunjukkan bahawa analisis mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan hubungan UMNO dengan PAS ini boleh dinilai daripada pelbagai dimensi yang berbeza. Namun dimensi yang dipilih perlu disesuaikan dengan tema analisis bagi mengelakkan penulisan tersasar daripada landasan perbincangan yang ditetapkan.

Abdul Rahman Ibrahim (2011) membincangkan mengenai perkembangan hubungan kaum bermula sebelum merdeka sehingga tercetusnya Peristiwa Rusuhan Kaum 13 Mei 1969. Di awal penulisan, penyelidik menelusuri sejarah dan asal usul kemasukan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu pada abad ke-18 sehingga ke-20 yang kemudiannya membentuk sebuah masyarakat majmuk di negara ini. Kaum-kaum yang membentuk masyarakat majmuk ini hidup secara bersendirian dan terpisah antara satu sama lain khususnya dalam aspek budaya, fahaman dan falsafah hidup mereka (Abdul Rahman Ibrahim 2011, p.5-8). Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang hubungan antara kaum seterusnya mencetuskan syak wasangka yang boleh menggugat kestabilan negara. Malah peningkatan jumlah imigran ke Tanah Melayu sebelum merdeka juga menimbulkan situasi monopoli oleh kaum tertentu misalnya dalam aspek ekonomi oleh kaum Cina.

Peningkatan jumlah kaum minoriti dan monopoli yang berterusan telah merangsang mereka untuk menyuarakan tuntutan hak dan kepentingan di negeri-negeri Selat. Kelantangan kaum minoriti menimbulkan tuntutan berkenaan dan provokasi yang berterusan menyebabkan orang Melayu mulai tercabar sehingga mendesak mereka untuk bertindakbalas dalam Peristiwa 13 Mei 1969.

Selain ancaman daripada kelompok minoriti, orang Melayu juga berhadapan dengan perpecahan dalaman apabila wujudnya dua parti politik utama Melayu-Islam iaitu United Malays National Organisation (UMNO) dan Parti Islam se-Malaya (PAS). Kedua-dua parti ini saling bersaing antara satu sama lain untuk meraih dan mendominasi sokongan daripada orang Melayu sepanjang masa. Oleh demikian, pelbagai usaha dilakukan khususnya oleh PAS dengan mewujudkan hubungan dalam kalangan parti-parti pembangkang untuk menentang UMNO-PERIKATAN dalam pilihan raya umum tahun 1969. Pertembungan antara UMNO dengan PAS berlaku sengit di kawasan-kawasan yang berkepadatan pengundi Melayu tinggi seperti di negeri Kedah dan Kelantan. Dalam pilihan raya umum tersebut, UMNO hanya memenangi 14 buah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding 23 buah kerusi dalam pilihan raya umum sebelumnya. Situasi ini memperlihatkan kedudukan UMNO sebagai parti dominan orang Melayu semakin tergugat akibat persaingan politik dalam kalangan parti Melayu-Islam lain. Meskipun UMNO menerusi PERIKATAN masih mengekalkan kedudukannya sebagai kerajaan di peringkat Pusat dan negeri (kecuali Kelantan dan Pulau Pinang), namun kekalahan besar dalam pilihan raya umum tahun 1969 merupakan isyarat kuasa politik orang Melayu semakin lemah.

Susulan daripada keputusan pilihan raya umum berkenaan, kaum-kaum minoriti khususnya Cina yang diwakili oleh parti-parti seperti DAP dan GERAKAN telah mula mencetuskan provokasi ke atas orang Melayu. Provokasi yang ditimbulkan pada ketika itu telah merebak dan seterusnya sukar dikawal sehingga menyebabkan tercetusnya rusuhan antara kaum bermula pada 13 Mei 1969. Ketika provokasi dan rusuhan sedang memuncak, orang Melayu telah dilemparkan dengan pelbagai cemuhan oleh peserta-peserta demonstrasi sekaligus meledakkan ketegangan yang telah lama terpendam antara satu sama lain. Bagi menangani rusuhan yang semakin memuncak, kerajaan telah bertindak mengisyiharkan Perintah Darurat dan menubuhkan Majlis Gerakan Negara

(MAGERAN) untuk mentadbir Malaysia yang sedang mengalami keadaan huru hara (Abdul Rahman Ibrahim 2011, p.114-116).

Hakikatnya, Peristiwa 13 Mei 1969 telah memperlihatkan gambaran sebenar tahap hubungan antara kaum dan kegagalan formula British dalam menyediakan sebuah negara yang stabil selepas penjajahannya. Namun, menerusi peristiwa ini juga memberi peluang kepada orang Melayu menilai semula keperluan untuk bekerjasama dan mengenepikan perseteruan politik bagi memperjuangkan maruah kaumnya yang telah dicemuh secara berterusan. Hal ini dapat dilihat apabila orang Melayu secara beramai-ramai berkumpul di kediaman Dato' Harun Idris untuk mewujudkan kesepakatan bertindakbalas terhadap ancaman dan cabaran yang dihadapi mereka.

Kepedulian orang Melayu terhadap ancaman dan cabaran yang dihadapi mereka pada ketika itu merupakan pencetus kepada bermulanya kerjasama politik yang sebelumnya sukar dimobilisasikan. Secara keseluruhannya, perbincangan yang diketengahkan oleh penyelidik mengenai Peristiwa 13 Mei 1969 adalah selari dengan perbincangan penulis-penulis sebelumnya mengenai tragedi yang sama. Namun, penyelidik telah memperbaharui intipati perbincangan dengan menemubual beberapa informan awam yang terlibat secara langsung dalam tragedi berkenaan. Namun, pada masa yang sama penyelidik merujuk kepada sumber-sumber fakta boleh dipertikaikan. Misalnya fakta penunggang motorsikal berbangsa Cina telah diserang oleh orang Melayu di Jalan Raja Muda sehingga mati dalam karya Tunku Abdul Rahman, Mei 13 Sa-belum dan Sa-lepas (Tunku Abdul Rahman 1969, p.83-84). Oleh demikian, penyelidik perlu menjalankan semakan fakta berkaitan menerusi Laporan Tragedi 13 Mei 1969 yang diterbitkan oleh MAGERAN. Bahagian berikut membincangkan mengenai kerjasama politik UMNO-PAS dalam tempoh 1973 sehingga 1978.

2.2.3 Kerjasama Politik UMNO-PAS Dari Tahun 1973-1978

Selain membincangkan mengenai peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi arah kerjasama politik Melayu-Islam pada tahun 1973, terdapat beberapa sarjana yang menghasilkan perbincangan-perbincangan lain mengenai perkembangan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dari tahun 1968 hingga 1978 juga sesuai diketengahkan. Antara sarjana-sarjana tersebut misalnya Mauzy (1983), Alias Mohamed (1984), Alias Mohamed (2003), dan Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013).

Mauzy (1983) di awal penulisannya membincangkan secara umum latar sejarah sosiopolitik masyarakat berbilang kaum yang menjadi kerangka asas kepada kerjasama dan kerjasama politik di negara ini. Bagi Mauzy, faktor kemasukan penajah khususnya British telah menyebabkan masyarakat di negara ini terbahagi dan hidup dalam kelompok tersendiri. Pembahagian kelompok kaum ini berlaku menerusi pemisahan segmen ekonomi apabila kaum Melayu digalakkan untuk terus mengekalkan kegiatan pertanian di kawasan-kawasan kampung manakala kaum Cina dan India pula terlibat dengan perusahaan perlombongan serta perladangan. Hakikatnya, pemisahan masyarakat menerusi sektor ekonomi ini juga telah melebarkan jurang hubungan sosial antara satu kaum dengan kaum yang lain. Tindakan ini sengaja dilakukan oleh pihak British agar setiap kaum memfokuskan kegiatan mereka hanya kepada proses kelangsungan hidup sekaligus melemahkan usaha untuk berpolitik.

Berdasarkan perbincangan awal Mauzy ini, kerjasama politik antara kaum yang dibina melalui kerjasama yang kolektif merupakan formula kepada kestabilan politik di negara ini. Rentetan daripada itu, sarjana ini kemudiannya mengetengahkan sejarah kerjasama politik terawal bermula di negara ini bermula di negeri Sarawak pada tahun 1970 sehinggalah terbubarnya kerajaan gabungan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1978. Sorotan terhadap kajian Mauzy (1983) ini penting bagi melihat elemen-elemen utama yang dikongsi bersama oleh parti-parti politik bagi membentuk dan mewujudkan

kerjasama politik. Meskipun sarjana ini tidak memfokuskan kajiannya mengenai kerjasama politik Melayu, namun analisis beliau mengenai hubungan UMNO dengan PAS dalam tempoh waktu sebelum, semasa dan pasca penubuhan kerajaan gabungan BN adalah signifikan dengan penyelidikan ini.

Berdasarkan kepada analisis Mauzy, terdapat faktor persamaan dan pendesak yang mempengaruhi perubahan pola hubungan kedua-dua parti politik utama Melayu-Islam tersebut. Faktor persamaan tersebut ialah UMNO dan PAS memperjuangkan Melayu dan Islam malah keintiman perjuangan kedua-dua parti tersebut semakin terserlah selepas tercetusnya rusuhan kaum pada tragedi 13 Mei 1969. Selain itu, terdapat beberapa faktor pendesak yang menjadi pemangkin kepada kerjasama kedua-dua parti iaitu kegiatan politik PAS yang semakin terhad selepas Akta Hasutan 1971 diluluskan, dana kewangan kerajaan Kelantan yang merosot, krisis kepimpinan PAS di Kelantan semakin bertambah buruk dan ganjaran yang ditawarkan setelah menggangotai pentadbiran kerajaan Persekutuan.

Perubahan dan perkongsian matlamat politik mirip parti UMNO ketika era Asri Muda memimpin PAS merupakan elemen kerjasama politik yang muncul sehingga mewujudkan sebuah kerajaan gabungan. Elemen-elemen kerjasama politik Melayu-Islam dalam perbincangan Mauzy ini menarik untuk diketengahkan dan dianalisis dengan lebih lanjut berbanding sekadar berperanan menyokong fakta sejarah. Secara umumnya, kajian penyelidik ini dilakukan secara tersusun dan berkronologi sekaligus memudahkan penyelidik-penyalidik lain memahami isu dan kerangka konsep yang diketengahkan. Di samping itu, penyelidik juga dalam bahagian-bahagian tertentu analisisnya menegaskan peristiwa-peristiwa politik misalnya siri rundingan antara Asri Muda dengan Tun Abdul Razak dan pembentukan BN merupakan usaha penyatuan UMNO dan PAS atas platform Melayu-Islam. Namun penyelidik dilihat berhujah secara bersendirian mengenai kejayaan peranan rundingan antara Mohd Asri Muda dengan

Tun Abdul Abdul Razak tanpa memperkuuhkan analisisnya dengan merujuk perbincangan sarjana-sarjana lain. Oleh demikian, kelompongan ini boleh diperbaiki dengan memuatkan analisis daripada penyelidik-penyalidik dan sarjana lain dalam isu yang berkaitan.

Alias Mohamed (1984) memfokuskan perbincangannya mengenai perkembangan politik di bawah pentadbiran PAS di Kelantan dalam bukunya bertajuk Kelantan di Bawah PAS Masalah Tanah dan Rasuah. Di bahagian awal karyanya, penyelidik memuatkan perbincangannya latar belakang sosiobudaya dan ekonomi orang Melayu di negara berkenaan. Beliau menyatakan Kelantan adalah sebuah negeri yang termiskin di negara ini dan pentadbiran kerajaan negeri sentiasa berhadapan dengan kesulitan dalam aspek pengurusan kewangan sehingga menjaskan urus tadbir kerajaan. Hal ini dapat dilihat menerusi tindakan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Mohd Asri Muda pada tahun 1967 yang melakukan pinjaman dana daripada bank tempatan sebanyak RM5 juta dan pada tahun yang sama turut menemui Tunku Abdul Rahman bagi memohon bantuan kewangan sebanyak RM1.5 juta bagi tujuan pembayaran gaji kakitangan kerajaan negeri. Malah pada tahun berikutnya, belanjawan kerajaan negeri mengalami defisit sebanyak RM10 juta sekaligus mengundang kritikan daripada Kerajaan Persekutuan yang meragui cara pengurusan kewangan di negeri berkenaan (Alias Mohamed 1984, p. 34-38).

Masalah yang dialami oleh pentadbiran kerajaan Kelantan pada ketika itu adalah berpunca daripada kelemahan urus tadbir di bawah kepimpinan PAS yang mengambil kesempatan untuk mengaut manfaat dan kekayaan. Hal ini dapat dilihat menerusi pendedahan yang dilakukan oleh penyelidik mengenai pemberian hak milik tanah kepada syarikat-syarikat dan pembalakan yang berleluasa sehingga mengurangkan sumber pendapatan kerajaan negeri. Keadaan ini diakui oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1974 yang mengesahkan bahawa Kelantan tidak mempunyai tanah lagi untuk

diusahakan oleh rakyatnya berbanding sebelum penerokaan. Di samping itu, Mohamad Nasir yang mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri selaku Menteri Besar pada tahun 1974 turut mendedahkan bahawa pendahulunya iaitu Mohd Asri Muda telah menyerahkan konsesi kawasan hutan kepada sebuah syarikat daripada Singapura untuk diusahakan dengan kegiatan pembalakan dan perlombongan (Alias Mohamed 1984, p. 23-29).

Salah guna kuasa dalam kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri semakin berleluasa apabila terdapat sebuah syarikat yang diterajui oleh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bersama-sama ahli lembaga pengarahnya yang juga ADUN-ADUN PAS telah diberikan tanah seluas 23,000 ekar. Malah satu dakwaan telah tersebar menerusi risalah-risalah pada tahun 1969 yang mendedahkan bahawa 22,000 ekar tanah di Sungai Durian dan Batu Lapan telah dipindah hak pemilikannya kepada sebuah syarikat milik bersama bekas Menteri Besar dan rakan-rakannya (Alias Mohamed 1984, p. 15-18). Tindakan-tindakan ini menjelaskan bahawa kepimpinan PAS di Kelantan tidak terkecuali daripada salah laku seperti yang didakwa mereka dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Penyelidik juga menjelaskan bahawa sebilangan pemimpin-pemimpin PAS mengabsahkan salah laku mereka tersebut atas nama agama sekaligus bertujuan untuk menutup kelemahan yang dilakukan selama penguasaan pentadbirannya di negeri Kelantan.

Malah tindakan mereka menjalinkan kerjasama politik menerusi pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dengan UMNO/PERIKATAN telah dibolehkan oleh pemimpin-pemimpin parti tersebut atas nama perpaduan Melayu dan diizinkan oleh Islam. Di samping itu, tindakan PAS meninggalkan BN pada tahun 1977 dilakukan setelah mereka melihat bahawa wujudnya pengkhianatan yang dilakukan oleh UMNO terhadap Islam dan Al-Quran (Alias Mohamed 1984, p.16-18). Meskipun penyelidik memuatkan perbincangannya berbentuk kritikan, namun beliau di awal bahagian

karyanya menjelaskan bahawa penulisannya ini adalah bertujuan mendedahkan sikap sebenar sebilangan pemimpin-pemimpin PAS khususnya di Kelantan yang rakus terhadap hasil bumi negeri berkenaan. Oleh demikian UMNO sering dipersalahkan oleh PAS sebagai gagal dalam melaksanakan tugasnya walhal kerajaan pimpinannya di Kelantan turut berhadapan situasi yang sama. Perbincangan penyelidik mengenai perkembangan corak politik PAS di Kelantan dan Pusat ketika dalam Kerajaan Campuran dan BN tidak terhenti menerusi penghasilan buku ini sahaja tetapi analisis penyelidik ini berkesinambungan dalam penulisan-penulisan beliau seterusnya. Maka perbincangan beliau dalam buku ini merupakan sebahagian kecil pandangan dan analisis beliau mengenai PAS di Kelantan dan penyelidik-penyelidik lain dapat mengikuti analisisnya yang lebih kritis serta berfakta dalam buku-buku seterusnya.

Chamil Wariya (1985) dalam Siapa Kuasa UMNO turut menyentuh mengenai perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini dalam zaman yang berbeza. Pertama, sarjana ini membincangkan mengenai pergelutan politik orang Melayu sebelum kejayaan kerjasama politik menerusi penubuhan UMNO pada tahun 1946. Bagi beliau, orang Melayu sebelum penubuhan UMNO masih mengamalkan sistem politik feudalisme yang keseluruhannya dikuasai oleh golongan pemerintah dan istana. Praktik ini kemudiannya semakin terhakis dengan kedatangan Inggeris apabila kuasa Raja-raja Melayu diserahkan secara paksa dan sukarela oleh penjajah kepada mereka (Chamil Wariya 1985, p.14-16). Keadaan ini menyebabkan berlakunya perubahan sistem politik tempatan ke arah sistem politik ala Barat yang cenderung kepada penguasaan penjajah dan penglibatan golongan bukan istana dalam pemerintahan. Namun, penguasaan dan campur tangan penjajah dalam sistem politik tempatan telah menyebabkan sebilangan orang Melayu yang memiliki latar belakang pendidikan Barat dan Timur Tengah berusaha untuk menyebarkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu menentang kolonialisme berkenaan. Hal ini kerana mereka terpengaruh dengan idea

kebebasan dan peristiwa revolusi di negara-negara tertentu untuk mengubah kedudukan orang Melayu yang dikatakan telah ketinggalan jauh terkebelakang. Oleh demikian, kesedaran politik untuk membebaskan negara daripada penguasaan penjajah semakin rancak disebarluaskan mereka sehingga memuncak dalam peristiwa penentangan terhadap penubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Penentangan terhadap Malayan Union sehingga membawa kepada penubuhan UMNO merupakan pencapaian penting perjuangan orang Melayu yang berjaya disatukan dalam sebuah organisasi politik formal.

Meskipun terdapat parti-parti dan pertubuhan politik Melayu lain yang lebih awal ditubuhkan sebelum UMNO seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), namun pembentukan UMNO berbeza dengan organisasi-organisasi sebelumnya. Perbezaan ini kerana UMNO ditubuhkan menerusi kerjasama organisasi-organisasi Melayu, parti politik dan individu dalam sebuah parti yang mendukung penentangan terhadap Malayan Union secara sederhana. Oleh demikian, orang Melayu memberi sokongan dan kepercayaan sepenuhnya kepada parti berkenaan untuk memperjuangkan masa depan mereka yang semakin tertindas. Pendekatan sederhana yang dipilih oleh UMNO untuk menentang Malayan Union ini menyebabkan PKMM bertindak menarik keluar penyertaan mereka dalam parti tersebut kerana mendakwanya sebagai alat kepada penjajah. Meskipun tanpa PKMM, UMNO berjaya memperjuangkan hak orang Melayu menerusi rundingan dan desakan keras mereka kepada penjajah sehingga kemudiannya membawa kepada pembubaran Malayan Union pada tahun 1948. Perbincangan mengenai perkembangan perjuangan orang Melayu sebelum merdeka oleh penyelidik ini merupakan asas penting kepada analisis beliau seterusnya terhadap corak politik pada era pasca merdeka. Penyelidik menumpukan analisisnya pada zaman pasca merdeka dengan membincangkan

perkembangan politik UMNO di bawah empat kepimpinan iaitu bermula daripada era Tunku Abdul Rahman sehingga Mahathir Mohamad.

Perbincangan mengenai perkembangan politik UMNO pasca merdeka ini khususnya pada zaman kepimpinan Tun Abdul Razak memuatkan pelbagai peristiwa berkaitan dengan sejarah kerjasama politik yang telah dilalui oleh orang Melayu. Pada era tersebut, pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS telah merintis satu kerjasama politik yang memberi pelbagai manfaat kepada perubahan sikap berpolitik dan pembangunan orang Melayu di negara ini. Menurut penyelidik, Tun Abdul Razak berpendirian pada ketika itu bahawa budaya politik sedia ada perlu diubah kerana rakyat sentiasa dibelenggu dengan politiking sepanjang masa sekiranya tiada sebarang tindakan dilakukan (Chamil Wariya 1985, p.188-192). Oleh demikian, sejurus selepas tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969, beliau telah bertindak merintis satu pendekatan politik baru dengan menjemput parti-parti pembangkang termasuklah PAS untuk membincangkan rancangan kerjasama politik dalam kalangan parti-parti di negara ini. Parti PAS kemudiannya secara berterusan menyambut saranan Tun Abdul Razak untuk menjalinkan kerjasama politik khususnya melibatkan UMNO dengan PAS sehingga membawa kepada pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974.

Persetujuan membentuk kerjasama politik Melayu-Islam ini berlangsung di peringkat negeri dan Pusat sekaligus membuktikan kedua-dua parti ini berupaya mengenepikan perseteruan politik semata-mata untuk kepentingan dan manfaat umat. Bagi penyelidik, kerjasama politik yang dibentuk antara UMNO/PERIKATAN dengan PAS dalam tempoh tersebut juga dapat memberikan ruang kepada kerajaan menumpukan sepenuhnya rancangan dan pelaksanaan pembangunan berbanding sebelumnya. Namun kejayaan membentuk kerjasama politik berkenaan sukar dipertahankan apabila berlakunya peralihan kuasa dalam kepimpinan UMNO yang

diterajui oleh Hussein Onn pada tahun 1976 setelah kematian mengejut Tun Abdul Razak. Peralihan kuasa dalam UMNO pada ketika itu menandakan bermulanya era baru pendekatan politik sehingga mencetuskan kemelut politik dalam BN yang mengakibatkan PAS disingkirkan daripada gabungan berkenaan pada tahun 1977. Malah impak kemelut politik tersebut turut dialami oleh PAS apabila parti tersebut mengalami perpecahan dalaman yang serius sehingga menyebabkan Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua pada ketika itu meninggalkan partinya dan menujuhkan sebuah lagi parti serpihan baru yang dinamakan HAMIM. Selain mengalami perpecahan dalaman yang serius, PAS juga telah kehilangan penguasaannya terhadap pentadbiran kerajaan negeri Kelantan apabila perintah darurat dikuatkuasakan pada tahun 1977 dan pilihan raya berikutnya menyaksikan BN berjaya mengambil alih pentadbiran di negeri berkenaan.

Bagi penyelidik, kerjasama politik yang berjaya dilaksanakan telah memberikan dua kesan penting kepada perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini iaitu mengurangkan politiking dan melumpuhkan pengaruh parti-parti pembangkang. Malah kedua-dua kesan tersebut berupaya dicapai kerana orang Melayu pada ketika itu memiliki pemimpin berkaliber seperti Tun Abdul Razak yang dapat mengawal corak perjuangan UMNO secara lebih terbuka. Hal ini dibuktikan apabila beliau langsung tidak merujuk kepada Perhimpunan Agung UMNO yang merupakan ruang kepada pemimpin-pemimpin untuk memperoleh keabsahan tindakan politik mereka dalam sebarang situasi. Malah keadaan ini membuktikan keberanian Tun Abdul Razak dalam melaksanakan tindakan politiknya semata-mata untuk manfaat orang Melayu dan kemudiannya mendapat sokongan kuat daripada partinya (Chamil Wariya 1985, p.188-192). Secara keseluruhannya perbincangan penyelidik selari dengan pandangan dan analisis sarjana lain seperti Ramlah Adam (1998) dan Alias Mohamed (2003) mengenai latar belakang perjuangan orang Melayu dan perkembangan kerjasama politik antara

UMNO dengan PAS di negara ini. Oleh demikian, perbincangan yang dikemukakan oleh Chamil Wariya (1985) boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan analisis mengenai sejarah perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini.

Abu Bakar Hamzah (1992) menerusi kompilasi makalah-makalah dalam Kegemilangan Islam dan Kedaulatan Bangsa: Zaman UMNO-PAS Bersatu memuatkan respon pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti berkenaan. Secara umumnya, Abu Bakar Hamzah melalui kata pengantar dalam karya ini menyatakan bahawa matlamat perpaduan antara kedua-dua parti tersebut telah lama diketengahkan, namun proses ke arah menjayakannya dibelenggu dengan pelbagaikekangan, kemelut, persaingan dan perpecahan. Meskipun terdapat pelbagai cabaran, pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti masih memberi respon positif terhadap usaha membentuk kerjasama politik tersebut selepas peristiwa penyingkiran PAS dari BN pada tahun 1977. Antara pemimpin-pemimpin tersebut misalnya Fadzil Noor (Yang di-Pertua PAS), Nik Aziz Nik Mat (Ketua Dewan Ulama), Annuar Musa (Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan), Ghafar Baba (Timbalan Perdana Menteri), dan Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Ahli Majlis Tertinggi UMNO).

Berdasarkan kepada analisis perbincangan dan laporan-laporan dalam makalah ini, proses membentuk semula kerjasama politik antara UMNO dengan PAS berlaku menerusi tiga peringkat iaitu cadangan, pertemuan dan perlaksanaan. Antara contoh-contoh proses berkenaan misalnya pemimpin-pemimpin tertinggi dari kedua-dua parti seperti kenyataan Nik Aziz Nik Mat selaku Ketua Dewan Ulama yang menyatakan bahawa hubungan kerjasama politik boleh diwujudkan meskipun berbeza fahaman politik. Hal yang sama turut dipersetujui oleh Tajol Rosli Ghazali selaku ahli Majlis Tertinggi UMNO (MT) pada ketika itu yang bersedia untuk mencadangkan kepada badan tertinggi institusi tersebut untuk menganjurkan pertemuan melibatkan kedua-dua parti politik Melayu-Islam berkenaan.

Proses kerjasama politik yang pada awalnya hanya berbentuk cadangan-cadangan telah direalisasikan menerusi komunikasi yang lebih efektif apabila kedua-dua pemimpin mula mengadakan pertemuan sama ada antara kerajaan negeri Kelantan dengan Persekutuan mahupun kepimpinan UMNO dengan PAS pelbagai peringkat. Misalnya pertemuan antara Nik Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan dengan Dr. Mahathir pada tahun 1991 bagi membincangkan program pembangunan dan permohonan bantuan melibatkan dana daripada kerajaan Persekutuan (Abu Bakar Hamzah 1992, p.65-66). Meskipun pertemuan antara kedua-dua pemimpin kerajaan ini bukanlah sesuatu peristiwa yang luar biasa kerana pernah dilakukan ketika era pemimpin sebelumnya, namun tindakan tersebut mencerminkan wujudnya kembali bibit-bibit kerjasama politik antara kedua-dua parti. Pertemuan tersebut kemudiannya menjadi perintis terhadap pelaksanaan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS menerusi pembentukan institusi khusus misalnya jawatankuasa bersama dan kepelbagaian bantuan dari kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, terdapat satu keadaan yang memperlihatkan wujudnya pelaksanaan kerjasama politik antara kedua-dua parti ini iaitu menerusi pembentukan sebuah Jawatankuasa Tetap Perpaduan Ummah yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 5 Disember 1991 (Abu Bakar Hamzah 1992, p.48-51). Kejayaan membentuk jawatankuasa tersebut merupakan satu peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Melayu-Islam di Malaysia apabila usul yang dikemukakan oleh Wan Abdul Muttalib Embong iaitu ADUN PAS bagi kawasan Batu Burok diluluskan oleh DUN. Bagi memastikan matlamatnya untuk membentuk perpaduan Melayu-Islam tercapai, Syed Omar selaku Yang di-Pertua Dewan menyarankan agar jawatankuasa berkenaan dianggotai oleh empat orang wakil dari UMNO dan PAS. Antara wakil-wakil yang dicalonkan oleh PAS ialah Wan Muttalib Embong (ADUN Batu Burok), Harun Taib (ADUN Manir), Harun Jusoh (ADUN Tanggol) dan Tengku Seri Paduka Raja

(ADUN Tanggol). Manakala BN, mencalonkan Abu Bakar Daud (ADUN Ladang), Abdul Rashid Ngah (ADUN Seberang Takir), Ahmad Sidi Ismail (ADUN Telemong) dan Abdul Rahman Mohammad (ADUN Teluk Pasu).

Kesediaan kedua-dua parti menyertai jawatankuasa yang diluluskan oleh DUN ini memperlihatkan semakin jelas bibit-bibit kerjasama politik secara rasmi telah berjaya diwujudkan kembali bagi menangani masalah perpecahan dalam kalangan orang Melayu-Islam khususnya di Terengganu pada waktu itu. Secara umumnya, kompilasi kenyataan akhbar dan perbincangan mengenai kegemilangan Islam dan kedaulatan Melayu ini kaya dengan sumber maklumat dan data yang boleh membantu memperkuuh analisis oleh penyelidik-penyalidik lain. Namun penghasilan buku ini boleh mengelirukan pembaca kerana nama penyusun artikel-artikel tidak dinyatakan secara jelas pada muka hadapannya dan keadaan tersebut memperlihatkan seolah-olah Abu Bakar Hamzah menulis secara keseluruhan kandungan makalah ini. Di samping itu, terdapat beberapa artikel yang tidak menyatakan nama penulisnya dan hanya mempunyai nama akhbar serta tarikh artikel berkenaan disiarkan. Misalnya artikel yang bertajuk *Nik Aziz Masih Tunggu Jawapan Dr. M Pas Sedia Sertai BN* pada halaman 62 hingga 63 yang disiarkan oleh akhbar WATAN pada tarikh 15 November 1990.

Tindakan memuatkan artikel dan laporan akhbar tanpa memaklumkan nama penulisnya menyukarkan penyelidik lain untuk mengesahkan kesahihan maklumat yang dikemukakan sekaligus menyebabkan sumber maklumat berkenaan meragukan. Meskipun terdapat beberapa kelemahan dalam penulisan dan penyusunan artikel-artikel, namun masih terdapat sumber-sumber maklumat kukuh yang boleh dirujuk dalam perbincangan tesis ini. Oleh demikian, sorotan terhadap makalah ini relevan untuk diketengahkan, namun perlu diimbangi dengan rujukan daripada sumber-sumber perbincangan sarjana dan penyelidik lain.

Alias Mohamed (2003) menerusi Abu Bakar Hamzah dalam Kenangan membincangkan mengenai latar belakang perjuangan pemimpin PAS berkenaan sepanjang tempoh penglibatannya dalam politik. Penulis telah membahagikan perbincangannya kepada lima bab termasuklah satu bab khusus mengenai sejarah pembabitan PAS dalam Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Dalam perbincangan tersebut, penulis menyatakan bahawa penglibatan Abu Bakar Hamzah dalam politik bermula ialah sebagai ahli UMNO selama tiga tahun dari tahun 1952 sehingga 1955 (Alias Mohamed 2003, p.45-47). Karier politiknya dalam UMNO semakin berkembang apabila dilantik menerajui sayap perhubungan Pemuda UMNO negeri Perlis pada tahun 1952. Namun beliau mengambil keputusan drastik meninggalkan UMNO pada tahun 1955 dan seterusnya menyertai PAS pada tahun yang sama meskipun memegang jawatan penting di peringkat negeri Perlis. Tindakan tersebut dilakukan setelah beliau sukar untuk menyebarkan ideologi Islam dalam UMNO, malah Sardon Jubir selaku Ketua Pemuda UMNO Malaya menasihatkan agar Abu Bakar Hamzah mendiamkan diri sehingga selepas pilihan raya umum tahun 1955.

Halangan sedemikian telah merencatkan usaha dan tindakan Abu Bakar Hamzah untuk memasukkan elemen-elemen Islam dalam UMNO yang dikenali sebagai parti nasionalis. Kerancakan PAS memperjuangkan Islam dalam politik negara pada ketika itu telah berjaya menarik perhatian Abu Bakar Hamzah dan seterusnya beliau mendaftar sebagai ahli langsung di Kuala Lumpur (Alias Mohamed 2003, p.103-105). Seperti UMNO, karier politik Abu Bakar Hamzah dalam PAS turut melonjak sehingga beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung parti tersebut pada tahun 1972. Semasa beliau menggalas tanggungjawab sebagai Setiausaha Agung, PAS dengan PERIKATAN khususnya UMNO telah berjaya membentuk sebuah kerjasama politik kali pertama selepas merdeka. Kerjasama politik berkenaan telah memberi banyak keuntungan

kepada pemimpin-pemimpin PAS termasuklah Abu Bakar Hamzah yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kerjasama politik yang terjalin antara UMNO dengan PAS kemudiannya diteruskan dalam konteks hubungan baru apabila timbulnya cadangan untuk membentuk Barisan Nasional (BN) menggantikan Kerajaan Campuran pada tahun 1974. Rancangan ini telah mendapat bantahan daripada Abu Bakar Hamzah kerana bertentangan dengan persetujuan awal antara UMNO dengan PAS. Bagi beliau, penubuhan BN telah merendahkan taraf PAS sebagai salah sebuah parti komponen dalam gabungan berkenaan berbanding Kerajaan Campuran-PAS sebelumnya. Oleh demikian, beliau telah bertindak menulis pelbagai surat kepada kepimpinan parti menyatakan penolakannya terhadap rancangan PAS untuk menyertai BN pada tahun 1974. Tindakan beliau itu telah mengundang reaksi negatif dan kemarahan pemimpin-pemimpin PAS tertentu sehingga menyebabkan beliau dipecat sebagai ahli parti pada 26 April 1974 (Alias Mohamed 2003, p.114-116). Meskipun PAS telah mendakwa pemecatan Abu Bakar Hamzah dilakukan atas sebab beliau meninggalkan tugas sebagai Setiausaha Agung dengan menetap di luar negara, namun hakikatnya beliau dipecat akibat wujudnya perbalahan dalam kalangan pemimpin PAS pada waktu tersebut.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh penulis, Abu Bakar Hamzah sebenarnya telah kembali daripada luar negara pada penghujung bulan Julai 1973 dan masih menjalankan tugasnya sebagai Setiausaha Agung dan Setiausaha Parlimen. Beliau dipecat pada tahun berikutnya kerana menolak tindakan Mohd Asri Muda untuk menyertai BN dan kegelinciran PAS daripada landasan asal perjuangan akibat diterajui oleh pemimpin-pemimpin bukan ulama. Oleh demikian, beliau mencadangkan agar setiap keputusan parti perlu mendapat persetujuan Dewan Ulama dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS pada bulan September 1973. Cadangan beliau telah ditentang oleh pemimpin-pemimpin PAS yang hadir dalam mesyuarat berkenaan kerana mereka

pada ketika itu telah dipengaruhi dengan pelbagai kepentingan dalam kerajaan (Alias Mohamed 2003, p.115-117). Malah Abu Bakar Hamzah kemudiannya dipinggirkan dan tidak dipedulikan oleh kepimpinan PAS sehingga menyebabkan beliau mengambil keputusan meninggalkan negara bagi menyambung pengajian dengan bantuan biasiswa kerajaan.

Bantuan biasiswa diperoleh atas bantuan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Musa Hitam, Tun Hussein Onn, Mahathir Mohamad dan Abdul Kadir Yusof. Malah hanya Yusof Rawa sahaja yang memberi perhatian kepada situasi yang dialami oleh Abu Bakar Hamzah pada waktu tersebut dengan memberi sumbangan kewangan berbanding pemimpin-pemimpin PAS yang lain (Alias Mohamed 2003, p.118-110). Keadaan ini memperlihatkan wujudnya elemen permusuhan yang serius setelah Abu Bakar Hamzah dipecat daripada PAS, malah beliau kini telah dianggap seteru ketat Mohd Asri Muda berbanding sebelumnya. Di samping itu, beliau juga telah menerima kecaman yang keras dalam Muktamar PAS pada tahun 1975 apabila digelar *taghut*, kafir dan menyeleweng (Alias Mohamed 2003, p.122-124).

Meskipun Abu Bakar Hamzah dikeluarkan sebagai ahli PAS secara paksa, namun beliau akhirnya kembali menyertai PAS pada bulan Februari 1983 setelah pengunduran Mohd Asri Muda sebagai Yang di-Pertua. Penyertaan semula Abu Bakar Hamzah sebagai ahli PAS membuktikan wujudnya pertembungan matlamat politik antara beliau dengan Mohd Asri Muda ketika krisis dalam parti tersebut tercetus. Namun pada waktu yang sama, kedua-dua pemimpin ini memperlihatkan kepentingan bersama untuk mewujudkan kerjasama antara UMNO dengan PAS bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu-Islam.

Hal ini berjaya direalisasikan ketika pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 tetapi kebersamaan idea sukar dipertahankan apabila timbulnya idea baru dalam membentuk hubungan baru menerusi BN. Perbincangan Alias Mohamed (2003)

mengenai latar perjuangan Abu Bakar Hamzah ini menyediakan maklumat mengenai penglibatan beliau dan PAS dalam proses pembentukan kerjasama politik menerusi Kerajaan Campuran. Di samping itu, karya ini juga membantu penyelidik mengesahkan fakta-fakta daripada sumber lain mengenai faedah dan jawatan yang diperoleh oleh PAS sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung. Secara keseluruhannya, karya ini sesuai disorot bagi menilai tahap perkembangan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS menerusi pandangan pemimpin parti, namun analisis lebih kukuh sekiranya perbincangan turut memuatkan lebih banyak pandangan daripada pemimpin-pemimpin seangkatannya. Hal ini bagi mengelakkan wujudnya sentimen individu yang boleh berubah berdasarkan kepada keadaan persekitaran politiknya.

Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013) menerusi PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama 1982-2004 dalam Bab Pertama turut membincangkan secara khusus mengenai kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Dalam perbincangannya, penyelidik menyatakan terdapat tiga pemimpin UMNO telah mencadangkan agar sebuah kerjasama politik dirintis antara UMNO dengan PAS pada waktu berkenaan. Ketiga-tiga pemimpin tersebut terdiri daripada Abdul Samad Idris iaitu Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada 12 Disember 1970, Abdul Ghafar Baba selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada 29 April 1972 dan Tun Abdul Razak ketika ucapan dasar Presiden semasa Perhimpunan Agung UMNO kali ke-23 bermula 24 hingga 25 Jun 1972. Dalam ucapan dasarnya, Tun Abdul Razak secara terbuka menyatakan UMNO sedia untuk bekerjasama dengan parti-parti pembangkang dan membentuk Kerajaan Campuran di Kelantan bersama PAS. Malah beliau turut menawarkan pembentukan Kerajaan Campuran yang sama di Kedah dan Terengganu atas kepentingan negara dan kemajuan rakyat (Kamarul Zaman Yusoff 2013, p.87-89). Cadangan yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO tersebut telah segera

disambut oleh Mohd Asri Muda dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ke-18 pada 28 hingga 29 Julai 1972 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menerusi responnya itu, Mohd Asri Muda menjelaskan tawaran yang dikemukakan oleh UMNO merupakan satu formula untuk menangani masalah keselemanan dan pembangunan negara yang telah terancam akibat tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Susulan ucapan Mohd Asri Muda tersebut, para perwakilan yang hadir dalam mesyuarat itu telah meluluskan satu usul memberi kebenaran kepada Jawatankuasa Kerja Agung parti untuk memulakan proses perundingan dengan kepimpinan UMNO. Hasilnya, satu perundingan telah diadakan antara pemimpin-pemimpin PAS yang terdiri daripada Mohd Asri Muda, Hassan Adli dan Abu Bakar Hamzah dengan pemimpin UMNO iaitu Tun Abdul Razak dan Dr. Ismail pada 16 Ogos 1972 (Kamarul Zaman Yusoff 2013, p.90).

Perundingan yang berjaya diadakan pada ketika itu telah berjaya mencapai beberapa kesepakatan bersama misalnya jangka hayat tempoh kerajaan yang dibentuk bersama, tawaran jawatan pentadbiran dan peranan PAS dalam mengembangkan tugas-tugas dakwah di negara ini. Di samping rundingan melibatkan kepimpinan daripada kedua-dua parti, Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972 turut menuahkan sebuah jawatankuasa kecil berperanan sebagai urusetia perundingan yang dijalankan. Setelah melalui pelbagai peringkat proses perundingan, akhirnya satu perundingan untuk memuktamadkan bentuk kerjasama dan persetujuan tawaran yang dicapai oleh kedua-dua parti dijalankan pada 4 Disember 1972. Kedua-dua parti kemudiannya bersetuju agar kerjasama politik membentuk Kerajaan Campuran antara UMNO dengan PAS bermula secara rasminya pada 1 Januari 1973. Selain itu, perbincangan sarjana ini turut menyentuh mengenai kerjasama politik UMNO-PAS dalam bentuk yang baru menerusi penubuhan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974. Menurut Kamarul Zaman Yusoff (2013), idea penubuhan kerajaan BN tercetus dalam

mesyuarat yang dihadiri oleh parti-parti yang membentuk Kerajaan Gabungan pada 17 Januari 1974 dan telah didaftarkan secara rasmi pada 1 Jun 1974. Namun, usaha Mohd Asri Muda untuk meneruskan kerjasama politik dengan UMNO dalam bentuk baru telah ditentang oleh beberapa individu yang sebelumnya merupakan pemimpin kanan parti. Misalnya Abu Bakar Hamzah dan Mohd Fakhruddin Abdullah telah dipecat sebagai ahli PAS kerana menentang tindakan Mohd Asri Muda membawa parti itu bersama BN. Meskipun tindakan penentangan muncul pada ketika itu, namun kerjasama politik antara UMNO dengan PAS berjaya diteruskan dan dipertahankan menerusi BN sehingga tahun 1978. Dalam tesis yang sama, sarjana ini turut memperihalkan masalah-masalah yang timbul sehingga mewujudkan ketegangan hubungan dan menggugat kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam BN. Misalnya sarjana ini menjelaskan ketegangan hubungan mula wujud apabila para perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-21 mempersoalkan pembahagian kerusi yang semakin berkurangan kepada PAS, pemberian jawatan dalam syarikat-syarikat dan institusi berkaitan kerajaan, permintaan jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua dan penambahan jawatan kabinet lain.

Tuntutan-tuntutan berlaku setelah Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976 dan gagal ditangani dengan sebaiknya oleh pengganti beliau iaitu Hussein Onn. Kegagalan Hussein Onn bersama-sama dengan Mohd Asri Muda menangani masalah-masalah yang menggugat keutuhan kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan sebelumnya telah mencetuskan ketegangan hubungan sedia ada. Akhirnya, keretakan hubungan tersebut menyebabkan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam BN ditamatkan menerusi penyingkiran PAS sebagai salah sebuah parti komponennya pada tarikh 13 Disember 1977.

Analisis yang dijalankan oleh Kamarul Zaman Yusoff (2013) mengenai kerjasama politik UMNO dengan PAS dalam Bab 1 tesisnya ini sesuai untuk dirujuk

sebagai salah satu sumber bagi membincangkan mengenai bibit-bibit kerjasama, permasalahan dan perkembangannya. Hal ini kerana analisis sarjana ini disokong oleh sumber-sumber rujukan yang kukuh seperti minit mesyuarat parti dan teks ucapan pemimpin-pemimpin PAS yang terlibat secara langsung sepanjang peristiwa berkenaan. Meskipun sarjana ini hanya memperuntukkan hanya sebahagian kecil perbincangannya mengenai kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam Bab I, namun hasil analisisnya sangat penting dan membantu penyelidik-penyelidik lain untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Sumber primer yang diguna pakai oleh penyelidik ini memperkuuh analisisnya berbanding perbincangan-perbincangan sarjana dan penyelidik lain yang hanya bergantung kepada maklumat daripada sumber sekunder sahaja.

Selain itu, Mohd Hasbie Muda (2014) menjelaskan bahawa kerjasama politik yang dibentuk antara UMNO dengan PAS pada tahun 1973 merupakan satu pendekatan untuk memperkuuh perpaduan orang Melayu-Islam di negara ini. Oleh demikian, kerjasama antara parti-parti politik Melayu merupakan formula penting untuk mencapai matlamat berkenaan meskipun PAS terpaksa mengorbankan cita-cita politiknya untuk bertanding lebih banyak kerusi dalam pilihan raya seperti era sebelumnya. Dalam pilihan raya umum tahun 1974, PAS terpaksa menerima keputusan pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) yang hanya memperuntukkan 14 kerusi Parlimen untuk ditandinginya (Mohd Hasbie Muda 2014, p.28-30). Hal ini berbeza ketika sebelum PAS menyertai BN pada tahun 1974 apabila PAS bertanding di 62 buah kawasan Parlimen di seluruh negara.

Hakikatnya, kesediaan PAS mengorbankan cita-cita politik untuk bertanding di lebih banyak kerusi dalam pilihan raya telah melemahkan kedudukannya. Hal ini diakui oleh Mohd Hasbie Muda (2014) yang menegaskan bahawa kekuatan sesebuah parti politik adalah tertakluk kepada jumlah kerusi yang dimenangginya dalam pilihan raya.

Tindakan BN yang hanya memperuntukkan 14 buah kerusi Parlimen untuk ditandingi PAS adalah strategi untuk melemahkan kedudukannya secara tanpa disedari (Mohd Hasbie Muda 2014, p.28-30). Penulisan dan perbincangan yang sarat dengan fakta ini sesuai diketengahkan dalam mana-mana perbincangan untuk menyokong analisis mengenai pencapaian PAS dalam pilihan raya khususnya pada tahun 1974. Malah kajian beliau mengenai pencapaian PAS begitu terperinci dengan menyenaraikan nama-nama wakil rakyat PAS di peringkat Parlimen dan DUN yang menang dalam setiap pilihan raya umum. Penyenaraian nama-nama wakil rakyat PAS dalam setiap pilihan raya dapat membantu penyelidik-penyalidik lain untuk melakukan kajian dengan lebih mudah dan pantas. Meskipun kajian sarjana tidak difokuskan kepada hanya satu pilihan raya umum yang khusus, namun beliau masih melakukan perbincangan secara terperinci dan diperkuuhkan dengan statistik data yang lengkap. Namun masih terdapat beberapa kekurangan dalam karya ini yang boleh diperbaiki misalnya, Pertama; penyelidik tidak menyenaraikan nama-nama calon UMNO yang menang dalam setiap pilihan raya umum sebaliknya hanya mengemukakan statistik calon PERIKATAN/BN yang menang secara keseluruhan.

Kaedah sedemikian menyukarkan penyelidik-penyalidik lain untuk melakukan kajian perbandingan pencapaian UMNO dengan PAS sepanjang pilihan raya umum yang dijalankan di negara ini. Kelomongan (*lacunae*) kedua yang ditemui menerusi perbincangan penyelidik ini ialah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian PAS dalam setiap pilihan raya tidak dibincangkan secara jelas dan terperinci. Bagi sesebuah kajian akademik, penjelasan yang terperinci adalah penting untuk menerangkan faktorfakta dan statistik yang dikemukakan dalam penulisan. Oleh demikian, tesis ini cuba memperbaiki kedua-dua kelemahan yang terdapat dalam kajian Mohd Hasbie Muda (2014) tersebut sebagai usaha untuk memperkayakan perbincangan yang sedia ada.

Abdul Halim Mahmood (1983) menerusi karyanya Asri Dalam Dilema membincangkan secara terperinci perkembangan dan kemerosotan kepimpinan Mohd Asri Muda sebagai Yang di-Pertua PAS. Di permulaan bab pertama perbincangannya, penyelidik mengetengahkan peristiwa peletakan jawatan Yang di-Pertua secara tidak diduga oleh Mohd Asri Muda. Desakan terhadap peletakan jawatan beliau pada ketika itu telah lama disuarakan oleh pemimpin-pemimpin yang menolak tindakannya untuk mengorak langkah bekerjasama dengan UMNO khususnya selepas Tragedi 13 Mei 1969. Desakan berterusan yang dihadapi oleh Mohd Asri Muda berjaya ditangani menerusi tindakan pemecatan dan pengunduran beberapa pemimpin PAS daripada parti berkenaan. Meskipun gelombang penentangan terhadap kepimpinan Mohd Asri Muda sentiasa berubah, namun beliau akhirnya terpaksa akur terhadap kehendak perwakilan yang bersidang dalam Muktamar pada 23 Oktober 1982.

Keakuran beliau pada ketika itu didorong oleh tiga sebab utama iaitu wujudnya tuduhan fitnah kepada beliau sebelum berlangsungnya muktamar sehingga berjaya mempengaruhi sokongan perwakilan, konspirasi untuk menjatuhkan beliau sebagai Yang di-Pertua PAS dan corak perjuangan parti yang semakin tersasar dari landasan matlamat asalnya. Meskipun Mohd Asri Muda mempertahankan tindakannya meletak jawatan disebabkan oleh ketiga-tiga faktor luaran berkenaan, namun bagi Abdul Halim Mahmood (1983) pergolakan dalaman PAS pada ketika itu sebenarnya berpunca daripada kelemahan kepimpinan Mohd Asri Muda. Hal ini bermula apabila Mohd Asri Muda dilihat mula mengamalkan pentadbiran mengikut kehendaknya apabila menetapkan keputusan-keputusan penting tanpa memperoleh kesepakatan menyeluruh daripada pemimpin-pemimpin kanan parti. Misalnya rancangan pembentukan Kerajaan Campuran, penyertaan Barisan Nasional (BN) dan penyingkiran Muhammed Nasir daripada PAS pada 15 Oktober 1977 (Abdul Halim Mahmood 1983, p.57-59).

Tindakan Mohd Asri Muda menggunakan kuasanya secara berleluasa dan mencipta musuh-musuh politik baru di sekelilingnya ketika itu telah menyebabkan beliau akhirnya terpaksa mengundurkan diri. Pengunduran Mohd Asri Muda tidak meredakan pergolakan dalaman PAS yang sedang berlaku, malah keadaan semakin meruncing apabila Jawatankuasa Disiplin PAS pada 23 Januari 1983 telah bertindak menggantung keahlian beliau dan penyokong-penyokongnya serta mengeluarkan amaran dan memecat beberapa individu yang lain. Bagi PAS, tindakan disiplin yang dikenakan kepada individu-individu tersebut wajar kerana mereka telah bertindak melanggar peraturan dan perlembagaan parti sehingga menjatuhkan maruah kepimpinannya (Abdul Halim Mahmood 1983, p.116-119).

Rentetan daripada keputusan tersebut, Mohd Asri Muda bersama-sama dengan penyokongnya telah bertindak membentuk sebuah gerakan yang dikenali sebagai “Kumpulan 18”. Tujuan penubuhan gerakan tersebut adalah untuk membela nasib yang dialami Mohd Asri Muda dan pada masa yang sama menyediakan sebuah platform ke arah pembentukan sebuah parti baru yang terus dipimpin oleh beliau. Secara umumnya, penulisan yang diketengahkan oleh penyelidik ini sarat dengan sejarah perjalanan kerjaya politik Mohd Asri Muda bermula semenjak menyertai PAS sehingga beliau meninggalkan parti berkenaan pada tahun 1977. Meskipun karya ini dihasilkan sebelum penerbitan Memoir Politik Asri Muda yang dikarang sendiri oleh Mohd Asri, namun penulisan ini lebih lengkap berbanding karya beliau. Hal ini kerana karya turut disertakan sumber maklumat dan statistik berkaitan peristiwa-peristiwa yang telah dihadapi kepimpinan parti. Misalnya nama individu-individu yang terlibat dalam setiap peristiwa dan statistik rusuhan yang tercetus di Kelantan akibat pemecatan Mohamed Nasir sebagai Menteri Besar pada tahun 1977.

Namun terdapat satu kelemahan yang berjaya dikenal pasti menerusi buku ini iaitu penyelidik tidak melakukan perbincangan secara berkronologi dan setiap

penyelidikan bab melompat dari satu peristiwa ke peristiwa yang lain. Pendekatan ini menyukarkan penyelidik dan pembaca untuk menghayati pembacaan secara teratur sekaligus memerlukan mereka untuk menyelak semula bab-bab sebelumnya untuk mengetahui maklumat yang berkaitan. Secara keseluruhannya, buku ini sesuai disorot dan diketengahkan sebagai salah satu sumber rujukan penting dalam membincangkan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS sepanjang kepimpinan Mohd Asri Muda sebagai Yang di-Pertua. Bahagian berikut membincangkan mengenai analisis teori yang dipilih dan digunakan untuk menilai kerjasama politik Melayu-Islam melibatkan hubungan UMNO dengan PAS dari tahun 1968 hingga 1978. Analisis teori dalam bahagian berikut berperanan memandu perbincangan agar lebih analitikal dan tidak tersasar daripada landasan perbincangan yang dijalankan.

2.3 Rumusan

Kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam khususnya analisis terhadap hubungan UMNO dengan PAS telah mendapat perhatian dan analisis meluas oleh sarjana-sarjana dan penyelidik-penyalidik luar negara dan tempatan. Antara sarjana-sarjana tersebut misalnya Funston (1980) dan Ramlah Adam (1998) yang menilai beberapa peristiwa penting dalam sejarah negara yang mencetuskan babit-bibit kerjasama politik Melayu-Islam sebelum merdeka. Selain itu, beberapa penyelidik lain seperti Mauzy (1983), Hussin Mutualib (1990), Alias Mohamed (1994), Kamarulnizam Abdullah (2003), Farish A. Noor (2004), Syed Husin Ali (2008) A. Effendy Choirie (2008) dan Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013) turut mengkaji dinamika kerjasama politik Melayu-Islam dalam pasca merdeka.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang diketengahkan oleh beberapa penyelidik dan sarjana sebelum ini memfokuskan analisis mereka mengenai kerjasama politik Melayu-Islam berdasarkan kepada empat peristiwa utama iaitu, penganjuran

Kongres Melayu se-Malaya tahun 1946, pergolakan dalaman UMNO yang mengundang penubuhan PAS pada tahun 1951, pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973, penubuhan Kerajaan Barisan Nasional tahun 1974 dan penyingkiran PAS daripada komponen gabungan tahun 1978. Meskipun secara keseluruhannya penyelidik-penyelidik tidak menyebut secara khusus teori kerjasama dalam perbincangan-perbincangan mereka, namun analisis peristiwa-peristiwa tertentu telah menonjolkan kewujudan ciri-ciri kerjasama politik Melayu-Islam. Terdapat juga beberapa penyelidik lain seperti Kamarulnizam Abdullah (2003) dan A. Effendy Choirie (2008) telah memilih kerangka konsep kajian yang berbeza untuk menilai dinamika kerjasama politik Melayu-Islam di Malaysia. Namun kajian-kajian ini tidak mengkhususkan perbincangannya kepada era kerjasama, justeru penyelidikan ini mengisi ruang kekosongan yang ditinggalkan oleh kajian sebelumnya.

Akhirnya, perbezaan penggunaan terminologi pendekatan kerjasama dalam kajian-kajian lalu oleh penyelidik-penyelidik boleh ditangani dengan merujuk analisis sarjana-sarjana berkaitan. Oleh demikian, kajian ini berperanan mengetengahkan definisi sebenar pendekatan kerjasama secara jelas agar penyelidik-penyelidik seterusnya dapat mengaplikasikan dengan tepat dalam penyelidikan. Bab seterusnya membincangkan mengenai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dengan PAS pada era pasca merdeka.

BAB 3: PERKEMBANGAN POLITIK MELAYU-ISLAM DARI TAHUN 1957 HINGGA 1969

3.1 Pendahuluan

Penganjuran Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 merupakan kayu ukur bagi menilai kemampuan orang Melayu untuk membentuk kerjasama politik sebelum merdeka. Hasil daripada penganjuran kongres tersebut, jurang hubungan orang Melayu semakin rapat antara satu sama lain sehingga berjaya membentuk sebuah kerjasama politik Melayu dalam sebuah parti dinamakan sebagai United Malays National Organisation (UMNO). Kerjasama politik Melayu menerusi penubuhan UMNO pada ketika itu telah berperanan sebagai wakil orang Melayu untuk mendesak British membubarkan Malayan Union. Kejayaan memperjuangkan penentangan Malayan Union tersebut telah menjadi pemangkin kepada orang Melayu meneruskan gerakan menuntut kemerdekaan yang akhirnya menjadi kenyataan pada 31 Ogos 1957.

Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 menandakan bermulanya dimensi baru kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS dalam era pasca merdeka. Dalam era tersebut, proses dan usaha pembentukan kerjasama politik Melayu-Islam lebih tertumpu kepada corak hubungan kedua-dua parti yang terlibat. Hubungan ini boleh dinilai menerusi pelbagai peristiwa yang tercetus misalnya pergelutan politik di Terengganu, penubuhan Malaysia tahun 1963, rusuhan kaum tahun 1964 di Singapura dan tragedi 13 Mei 1969. Kemunculan peristiwa-peristiwa ini kemudiannya mempengaruhi kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Bahagian ini membincangkan dan menilai secara terperinci tahap perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam yang berjaya dicapai oleh UMNO dan PAS pada era berkenaan.

3.2 Pilihan Raya Umum 1959: Kuasa Melayu Bertambah, Kerjasama Politik Melayu-Islam Semakin Lemah

Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 telah membuka lembaran baru perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya selepas pilihan raya umum pertama pada tahun 1959. Pengajuran pilihan raya umum pertama tersebut menandakan bermulanya perseteruan politik secara rasmi dalam perebutan kuasa pemerintahan antara UMNO dengan PAS. Kedua-dua parti tersebut pada ketika itu berusaha mengarusperdanakan kedudukan dan memperluaskan pengaruh parti masing-masing dalam kalangan orang Melayu.

Pilihan raya umum pada tahun 1959 merupakan satu peristiwa yang paling signifikan bagi menilai perkembangan politik orang Melayu-Islam di negara ini selepas merdeka. Hal ini kerana orang Melayu pada waktu itu telah mula berpecah kepada dua aliran politik utama iaitu nasionalisme dan gerakan Islam yang masing-masing diperjuangkan oleh UMNO dengan PAS. Kedua-dua parti ini berusaha meraih sokongan dari kelompok orang Melayu yang sedang mencari hala tuju perjuangan selepas kemerdekaan. Oleh itu, UMNO dan PAS telah mengemukakan beberapa matlamat perjuangan berkaitan isu-isu orang Melayu-Islam untuk meraih sokongan dan kejayaan yang besar dalam pilihan raya umum tahun 1959. Bahagian berikut membincangkan perkembangan hubungan UMNO dengan PAS dan isu-isu yang cuba diperjuangkan oleh kedua-dua parti berkenaan menjelang pilihan raya umum pertama tahun 1959.

3.2.1 Hubungan UMNO dengan PAS dari Tahun 1957 Sehingga 1959

Perkembangan hubungan UMNO dan PAS pasca merdeka adalah menarik untuk dianalisis apabila kedua-dua parti politik utama Melayu-Islam tersebut semakin memperlihatkan perseteruan politik yang ketara berbanding pada era sebelum merdeka. Hal ini kerana matlamat untuk menuntut kemerdekaan yang diperjuangkan oleh kedua-

dua parti berkenaan telah berjaya dicapai pada 31 Ogos 1957 sekaligus mempengaruhi perubahan hala tuju politik UMNO dan PAS selepas merdeka.

Secara umumnya, jurang hubungan UMNO dan PAS selepas merdeka sehingga sebelum pilihan raya umum pertama pada tahun 1959 semakin meluas berdasarkan kepada beberapa peristiwa politik yang tercetus dalam tempoh tersebut. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap hubungan kedua-dua parti tersebut misalnya peralihan kepimpinan parti PAS, keyakinan UMNO meraih kemenangan besar dalam pilihan raya dan pelbagai dakwaan negatif pemimpin-pemimpin UMNO kepada pengundi-pengundi. Bagi faktor yang pertama, PAS di bawah pentadbiran Dr. Abbas Elias sebagai Yang di-Pertua kedua lebih menumpukan kepada proses pengukuhan dan pembangunan parti berbanding terlibat secara langsung dalam pilihan raya semenjak tahun 1955. Hal ini kerana, parti PAS pada ketika itu sedang mengalami masalah dalaman apabila berhadapan dengan kekurangan dana dan kakitangan sehingga menggugat kelincinan proses pentadbiran berbanding UMNO. Oleh itu, pelbagai pendekatan dilakukan oleh Dr. Abbas Elias untuk memperkuatkan semula PAS dengan bertindak memohon sumbangan daripada tokoh-tokoh korporat Melayu dan berceramah ke seluruh negara tanpa dibiayai oleh parti. Di samping itu, British yang masih menguasai pentadbiran kerajaan telah memberi amaran kepada Dr. Abbas Elias untuk dipecat daripada jawatannya sekiranya beliau masih terlibat secara aktif dalam aktiviti berpolitik (Farish Noor 2004, p.82-85). Tekanan yang diberikan oleh British ini merupakan satu tindakan yang menguntungkan UMNO khususnya setelah parti tersebut bersama-sama dalam PERIKATAN berjaya membentuk kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Sememangnya Tunku Abdul Rahman yang memimpin UMNO pada waktu tersebut tidak menyenangi kewujudan PAS untuk menyainginya dalam meraih sokongan kaum Melayu-Islam di negara ini.

Tekanan yang dikenakan terhadap Dr. Abbas Elias akhirnya menyebabkan beliau bertindak untuk melepaskan dan menyerahkan jawatan Yang di-Pertua kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam kongres kelima pada 25 Disember 1956 (Farish Noor 2004, p.94-96). Tindakan Dr. Abbas melepaskan jawatannya memperlihatkan bahawa UMNO berusaha untuk mengekang perkembangan PAS melalui British yang masih berpengaruh dalam kerajaan persekutuan Tanah Melayu. Namun PAS kembali memperkuatkannya kedudukannya sebagai pesaing utama politik Melayu-Islam khususnya terhadap UMNO melalui pelantikan Dr. Burhanuddin. Pelantikan Dr. Burhanuddin ini telah mewujudkan kembali perseteruan yang sengit antara UMNO dengan PAS berdasarkan kepada sejarah tindakan beliau yang menarik kembali penyertaan parti itu bersama UMNO semasa mengetuai PKMM pada tahun 1946.

Kemunculan semula Dr. Burhanuddin dalam pergolatan politik tempatan telah memberi cabaran dan impak yang besar kepada UMNO serta PAS khususnya menjelang pilihan raya umum pada tahun 1959. Bagi UMNO, kehadiran Dr. Burhanuddin dilihat mampu menggugat pengaruh parti tersebut memandangkan beliau merupakan pemimpin politik yang memiliki prinsip gabungan kebangsaan Melayu dan Islam. Justeru itu, imej PAS sebagai parti orang kampung yang dipimpin oleh ‘Tok Haji dan Pak Lebai’ pondok semasa diterajui oleh beliau semakin hilang (Farish Noor 2004, p.83-85). Menyedari saingan politik yang semakin sengit ketika PAS diterajui oleh Dr. Burhanuddin, UMNO telah bertindak menabur janji-janji politik di kawasan-kawasan majoriti pengundi Melayu khususnya di Kelantan dan Terengganu. Hal ini dapat dilihat di Kelantan menjelang pilihan raya umum pada tahun 1959 apabila UMNO menjanjikan pembinaan jambatan untuk menghubungkan Seberang Pasir Mas dengan Pasir Mas menyeberangi Sungai Kelantan (Farish Noor 2004, p.153-156).

Berdasarkan kepada keyakinan bahawa UMNO mampu meraih kemenangan besar dalam pilihan raya tersebut, maka UMNO telah bertindak melancarkan projek

pembinaan jambatan tanpa mempertimbangkan risiko keputusan dalam pilihan raya berkenaan. Selain UMNO, PAS juga melipatgandakan persiapan menjelang pilihan raya umum pada tahun 1959 dengan mengetengahkan 58 orang calon untuk bertanding di kerusi-kerusi peringkat Parlimen manakala 200 orang calon lagi di kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara (Mohd Hasbie Muda 2014, p.56-88). Pertambahan calon-calon mewakili PAS dalam pilihan raya pada tahun 1959 secara mendadak memperlihatkan bahawa Dr. Burhanuddin merupakan tokoh politik Melayu-Islam yang berkaliber dalam menyusun atur strategi politik semenjak beliau bergiat aktif dalam PKMM. Malah atas dasar penyatuan dan kerjasama Melayu-Islam, beliau semasa memimpin PKMM bersama-sama dengan organisasi lain menyokong penubuhan UMNO pada tahun 1946. Namun pendekatan politik beliau yang tegas menyebabkan PKMM menarik diri daripada menyertai UMNO yang sering bertolak ansur terhadap desakan British.

Dalam politik Melayu-Islam di negara ini, perubahan tahap hubungan antara UMNO dengan PAS merupakan kayu ukur penting dalam menilai pola perubahan kerjasama politik Melayu sepanjang masa. Oleh itu, tindakan PAS meningkatkan jumlah calon yang bertanding dalam pilihan raya tahun 1959 berbanding tahun 1955 telah menimbulkan satu persepsi politik baru bahawa jurang kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini semakin bertambah.⁸ Malah tindakan tersebut tidak pernah sesekali

⁸Ketika Pilihan Raya Majlis Perundangan pada tahun 1955, PAS hanya mencalonkan 11 orang wakilnya untuk bertanding dalam pilihan raya tersebut kerana menghadapi kekangan daripada aspek kewangan dan keyakinan untuk menang memandangkan parti tersebut baru ditubuhkan. Daripada 11 calon tersebut, PAS hanya menang di satu kerusi yang ditandinginya iaitu di kawasan Parlimen Krian, Perak melalui calonnya Ahmad Tuan Hussain yang menewaskan calon daripada UMNO, Sulaiman Palestin menerusi majoriti sebanyak 450 undi. Keadaan sebaliknya berlaku dalam pilihan raya umum pada tahun 1959 apabila PAS melipatgandakan calonnya untuk bertanding dalam pilihan raya pertama selepas merdeka dengan mencalonkan 58 orang calon untuk menentang calon-calon daripada Perikatan. Namun, PAS masih sukar untuk menyaingi sokongan yang diperolehi Perikatan apabila hanya menang di 13 buah kerusi Parlimen sahaja. Antara kerusi-kerusi Parlimen yang dimenangi oleh calon-calon PAS ialah di Tumpat, Kelantan Hilir, Pasir Mas Hilir, Kota Bharu Hilir, Bachok, Kota Bharu Hulu, Pasir Mas Hulu, Pasir Putih, Tanah Merah, Besut, Kuala Terengganu Utara, Dungun, dan Terengganu Tengah. Semua kerusi yang dimenangi oleh calon-calon PAS dalam pilihan raya umum berkenaan terletak di Kelantan dan Terengganu. Kejayaan besar PAS di kedua-dua negeri berkenaan telah memberikan peluang kali pertama kepada parti tersebut untuk membentuk kerajaan negeri selepas empat tahun ditubuhkan secara rasmi sekaligus menggenepikan Perikatan untuk mentadbir di Kelantan dan Terengganu. Antara faktor yang mempengaruhi kemenangan PAS di kedua-dua negeri berkenaan ialah ketegasan parti berkenaan memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan Islam, peratusan pengundi Melayu yang ramai dan ketokohan Dr. Burhanuddin Al-Helmy semasa mengetuai PAS. Melihat kepada corak sokongan yang semakin memihak kepada PAS di Kelantan dan Terengganu, maka PAS bertindak mula menyusun strategi meletakkan beberapa pemimpin tertinggi parti seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Zulkifli Muhammad, Hasan Adli Arshad dan Khatijah Sidek untuk bertanding di kedua-dua negeri berkenaan. Strategi tersebut berjaya mencapai matlamatnya apabila pemimpin-

berlaku semenjak PAS ditubuhkan, namun peristiwa berkenaan memperlihatkan secara jelas bahawa kerjasama politik yang dibentuk menerusi Kongres Melayu se-Malaya pada tahun 1946 semakin sukar dikekalkan.

Bagi UMNO, parti PAS tidak memberikan cabaran politik yang besar kepada parti tersebut semenjak tercetusnya pergolakan dalaman parti tersebut sehingga mewujudkan penubuhan parti Islam-Melayu yang baru pada tahun 1951. Malah, kemenangan UMNO dalam Pilihan Raya Umum Persekutuan pada tahun 1955 telah memberikan keyakinan yang tinggi kepada parti tersebut untuk meneruskan kejayaannya dalam pilihan raya seterusnya. Meskipun PAS semenjak penubuhannya tidak memberikan saingan yang sengit kepada UMNO, namun sokongan kepada parti tersebut semakin meningkat khususnya selepas pengunduran Dr. Abbas Elias sebagai Yang-di-Pertua. Sokongan ini diterjemahkan menerusi keputusan pilihan raya umum pertama pasca merdeka pada tahun 1959 khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu yang menyaksikan UMNO kehilangan peluang memerintah di negeri yang majoritinya merupakan pengundi Melayu-Islam. Bahagian berikut mengetengahkan perbincangan mengenai tercetusnya peristiwa persaingan politik secara besar-besaran buat kali pertama antara dua parti politik utama Melayu-Islam dalam pilihan raya umum di negara ini.

3.2.2 Peralihan Sokongan daripada UMNO Kepada PAS dalam Pilihan Raya Umum Tahun 1959

Persaingan politik yang sengit antara UMNO dengan PAS dalam pilihan raya umum pertama tahun 1959 menarik untuk dianalisis berdasarkan kepada satu premis utama iaitu kuasa politik Melayu bertambah tetapi pada masa yang sama kerjasama politik Melayu-Islam semakin lemah. Kerjasama politik Melayu-Islam yang semakin longgar

pemimpin parti yang bertanding di Kelantan dan Terengganu berjaya di kerusi-kerusi Parliment yang ditandingi oleh mereka. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013) dan Mohd Hasbie Muda (2014).

ini memberikan kesan kepada usaha untuk mengurangkan persaingan politik dalam pilihan raya umum sekaligus menjadikan hubungan antara UMNO dengan PAS semakin tegang.

Dalam Pilihan Raya Umum tahun 1959, UMNO melalui Perikatan telah mencalonkan 70 orang calon bagi kerusi peringkat Parlimen, manakala PAS pula mempertaruhkan 58 orang calon mewakilinya dalam pilihan raya tersebut. Maka berdasarkan kepada jumlah calon yang diketengahkan oleh kedua-dua parti, dapat dilihat bahawa wujudnya pertembungan politik yang sengit dalam kalangan orang Melayu. Malah penyertaan PAS dalam pilihan raya tersebut bertujuan untuk menentang dan menewaskan UMNO sebagai parti utama dalam pemerintahan. Tindakan ini membuktikan bahawa PAS dalam pilihan raya tersebut sebenarnya tidak memberikan fokus kepada usaha untuk mengambil alih pemerintahan negara, tetapi lebih terdorong kepada usaha untuk menggantikan UMNO sebagai parti yang mewakili orang Melayu di negara ini. Namun PAS hanya memenangi 13 buah kerusi Parlimen di Tumpat, Kelantan Hilir, Pasir Mas Hilir, Kota Bharu Hilir, Bachok, Kota Bharu Hulu, Pasir Mas Hulu, Pasir Puteh, Tanah Merah, Besut, Kuala Terengganu Utara, Dungun dan Terengganu Tengah. Meskipun PAS gagal untuk memenangi separuh daripada kerusi yang ditandinginya, namun parti tersebut telah berjaya mencatatkan sejarah apabila berupaya meningkatkan jumlah kerusinya berbanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955. Pada ketika itu, Dr. Burhanuddin al-Helmy selaku Yang di-Pertua PAS turut bertanding di kerusi Parlimen Besut dan berjaya memenangi kerusi tersebut dengan majoriti sebanyak 5,722 undi (Ramlah Adam 2003, p.172-175).

Di samping berjaya meningkatkan jumlah kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum berkenaan, PAS untuk kali pertama berjaya memperoleh mandat untuk mentadbir negeri Kelantan dan Terengganu apabila menguasai majoriti kerusi di Dewan

Undangan Negeri (DUN) di kedua-dua negeri tersebut. Di Kelantan, PAS berjaya meraih 28 buah kerusi DUN manakala PERIKATAN yang diwakili UMNO hanya sekadar memenangi dua kerusi menerusi calonnya di Ulu Kelantan dan Bandar Hilir (Mohd Hasbie Muda 2014, p.62-65). Susulan kemenangan tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Ketereh iaitu Ishak Lotfi Omar telah dilantik sebagai Menteri Besar pertama mewakili PAS. Selain kemenangan di Kelantan, PAS juga diberikan mandat oleh pengundi-pengundi di negeri Terengganu untuk mengambil alih pentadbiran negeri daripada PERIKATAN.

Dalam pilihan raya tersebut, PAS hanya sekadar memperoleh 13 daripada 24 buah kerusi DUN, manakala selebihnya dikuasai oleh PERIKATAN dan Parti Negara. Namun kerajaan negeri pimpinan PAS di Terengganu hanya bertahan tidak melebihi tempoh tiga tahun setelah tercetusnya kemelut dalaman parti sehingga menumbangkan kerajaan negeri pada 30 Oktober 1961 (Kamarul Zaman Yusoff 2013, p.56-58). Meskipun PAS gagal mempertahankan kedudukannya di Terengganu, namun parti tersebut berjaya mencatatkan sejarah politiknya apabila untuk kali pertama mencapai kejayaan untuk membentuk kerajaan. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa parti tersebut berupaya memberikan saingan yang sengit kepada UMNO meskipun usia penubuhannya hanya sekitar lapan tahun. Di samping itu, kejayaan tersebut juga turut dipengaruhi oleh pengalaman luas Dr. Burhanuddin dalam menyusun strategi politik semenjak beliau terlibat secara aktif dalam perjuangan kemerdekaan negara menerusi Kesatuan Melayu Muda (KMM), Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Pusat Tenaga Rakyat-Al Malaya Council for Joint Action (PUTERA-AMCJA).

Susulan daripada keputusan pilihan raya pada tahun 1959 tersebut, hubungan parti-parti Melayu-Islam yang sentiasa dalam keadaan renggang kemudiannya semakin bertambah tegang. Ketegangan hubungan ini berlaku apabila UMNO mula menyalahkan

pengundi-pengundi Melayu di Kelantan dan Terengganu sebagai punca kepada kekalahan mereka di kedua-dua negeri berkenaan. Malah Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri telah menggelarkan mereka sebagai pengkhianat kepada UMNO yang selama ini memperjuangkan kemerdekaan negara dan Melayu. Sebagai balasannya, pemimpin-pemimpin UMNO dan kerajaan persekutuan telah bertindak membatalkan pembinaan projek jambatan yang menghubungkan Seberang Pasir Mas dengan Pasir Mas walaupun proses pembinaan telah dimulakan (Farish Noor 2004, p.155-157). Bagi mereka, kekalahan tersebut amat memalukan UMNO di Kelantan dan peringkat nasional kerana pemimpin-pemimpinnya sangat yakin bahawa kemenangan berpihak kepada parti tersebut.

Berdasarkan kepada pandangan UMNO, kerajaan pimpinan PAS tidak memiliki kemampuan untuk meneruskan pembinaan tersebut sekaligus memperlihatkan hanya kerajaan yang diterajui UMNO sahaja berupaya melaksanakan pembangunan dan pemodenan kepada rakyat. Namun, kerajaan PAS akhirnya meneruskan projek tersebut meskipun terpaksa menanggung kos pembinaan yang tinggi dan tempoh pembinaannya lebih lama. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kedua-dua parti sukar membentuk kerjasama politik atas kapasiti Melayu-Islam berbanding meneruskan kemelut antara satu sama lain bagi kepentingan politik. Maka dapat dirumuskan bahawa kuasa politik Melayu semakin bertambah selepas pilihan raya umum tahun 1959, namun keputusan pilihan raya tersebut juga telah melemahkan kerjasama politik Melayu-Islam. .

Kegagalan PAS mengekalkan kuasa pentadbirannya di Terengganu merupakan satu peristiwa penting yang boleh dinilai sebagai kemuncak berakhirnya kerjasama politik Melayu-Islam. Keadaan ini muncul apabila wujudnya keghairahan dalam kalangan parti-parti politik Melayu-Islam untuk berkuasa berbanding mengenal pasti pendekatan lain bagi memperkuuh kerjasama. Misalnya di Terengganu semua calon daripada PAS, PERIKATAN dan Parti Negara yang memenangi kerusi-kerusi di DUN

Terengganu merupakan individu-individu Melayu-Islam. Persamaan ini merupakan kelebihan yang sepatutnya menjadi platform kepada pembentukan kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam khususnya di negeri Terengganu. Namun keadaan sebaliknya berlakunya apabila kerajaan PAS tumbang setelah usul undi tidak percaya dikemukakan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 30 Oktober 1961.

3.3 Konfrantasi Politik Melayu-Islam Dari Tahun 1961 Hingga 1969

Kerjasama politik Melayu-Islam khususnya membabitkan hubungan UMNO dengan PAS berhadapan dengan cabaran baru dalam tempoh selepas pilihan raya umum tahun 1959 sehingga peralihan pentadbiran kerajaan PAS di Terengganu pada tahun 1961. Cabaran-cabaran tersebut timbul menerusi beberapa peristiwa dan kemelut politik yang menguji hala tuju kedua-dua parti terbesar orang Melayu-Islam berkenaan sama ada membentuk semula kerjasama ataupun meneruskan perseteruan politik tradisinya.

Antara isu bukan politik yang mencetuskan kemelut sehingga menghalang proses kerjasama politik misalnya sekatan polisi, manipulasi terhadap institusi pentadbiran Islam dan undang-undang. Oleh demikian, bahagian berikut menilai secara terperinci beberapa kemelut yang tercetus sehingga menyukarkan pembentukan kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS semenjak tahun 1961 hingga 1969.

3.3.1 Peralihan Kerajaan Terengganu Tahun 1961

Keazaman untuk membentuk kerjasama politik Melayu-Islam teruji selepas pilihan raya umum pada tahun 1959 khususnya di Terengganu apabila buat pertama kalinya negeri berkenaan ditadbir oleh parti PAS. Kemelut politik melibatkan orang Melayu khususnya di Terengganu bermula setelah PAS memenangi 13 daripada 24 buah kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihan Raya Umum Pertama Tanah Melayu pada tahun 1959.

Manakala UMNO yang menerajui PERIKATAN dan Parti Negara (PN) masing-masing hanya memenangi tujuh dan empat kerusi yang ditandingi mereka dalam pilihan raya tersebut.

Kejayaan menguasai majoriti bilangan kerusi tersebut membolehkan parti PAS untuk kali pertama membentuk kerajaan negeri di Terengganu dengan majoriti mudah. Oleh demikian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS bagi kawasan Setiu iaitu Mohd Daud Abdul Samad telah dipilih sebagai Menteri Besar pertama mewakili parti tersebut menerajui kerajaan Terengganu. Namun pemilihan Mohd Daud sebagai Menteri Besar telah mencetuskan kemelut politik dalaman PAS sehingga menggugat kestabilan dan kelancaran pentadbiran kerajaan negeri. Kemelut berkenaan tercetus akibat daripada ketidakpuasan hati yang timbul dalam kalangan ahli dan pemimpin PAS berkenaan dengan pemilihan Mohd Daud sebagai Menteri Besar Terengganu. Pemilihannya sebagai Menteri Besar pada ketika itu dilihat mengenepikan Ahmad Azam Napiah selaku Pesuruhjaya PAS negeri dan ADUN bagi kawasan Jeram yang sepatutnya menjawat jawatan tersebut. Penolakan pelantikan Ahmad Azam pada ketika itu adalah berpunca daripada wujudnya sentimen kenegerian yang menebal kerana beliau merupakan warga kelahiran Perak (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.48-55). Kemunculan sentimen kenegerian dalam krisis pelantikan Menteri Besar Terengganu ini telah mencemarkan imej PAS yang sebelumnya tidak membezakan antara satu sama lain. Peristiwa tersebut telah mewujudkan bibit-bibit perpecahan dalam kalangan ADUN-ADUN PAS di Terengganu sehingga mencetuskan kebimbangan mengenai kestabilan kerajaan yang dikuasainya.

Keadaan yang tidak menentu di Terengganu ini telah dinilai sebagai peluang terbaik oleh UMNO untuk menggulingkan kerajaan yang ditadbir oleh PAS meskipun kerajaan yang sedia ada diterajui oleh orang Melayu. Hal ini berlaku kerana UMNO dan PAS masih tidak menyedari keperluan untuk mewujudkan kerjasama politik antara satu

sama lain bagi memperkuatkan orang Melayu. Gerakan menggulingkan Mohd Daud sebagai Menteri Besar semakin bertambah agresif apabila terdapat beberapa cawangan PAS Terengganu telah bertindak menulis dan menyebarkan sepucuk surat layang yang bertarikh 18 Jun 1969 kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah. Antara kandungan surat layang berkenaan ialah terdapat dakwaan Menteri Besar Terengganu berada dalam keadaan tidak siuman dan sering berbual berseorangan ketika dirawat di Hospital Kuala Terengganu. Susulan masalah kesihatan tersebut, Mohd Daud turut didakwa gagal menjalankan tugasnya sebagai Menteri Besar semenjak bulan April tahun 1961. Malah beliau juga cuba mengelak untuk bertemu dengan Sultan Terengganu walaupun telah dititahkan berulang kali mengadap baginda (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.57-58).

Kemunculan surat layang tersebut dan penyebarannya yang berleluasa telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat Terengganu mengenai hala tuju pentadbiran kerajaan negeri. Susulan daripada ketidakstabilan keadaan politik pada ketika itu, UMNO telah berusaha untuk menggulingkan kerajaan PAS di Terengganu dengan melarikan dan menyembunyikan dua ADUN PAS iaitu Wan Said Mohd Noor (Kuala Besut) dan Abdul Kader Mohamed (Kuala Terengganu). Selepas beberapa hari disembunyikan, kedua-dua ADUN PAS tersebut telah tampil mengisyiharkan diri mereka menyertai UMNO pada 30 Oktober 1960 (Ramlah Adam 2003, p. 176-177). Tujuan utama UMNO melarikan kedua-dua ADUN PAS ialah untuk mengurangkan sokongan kepada kerajaan PAS ketika sesi sidang pembentangan usul undi tidak percaya dibentangkan. Malah UMNO telah mempengaruhi kedua-dua wakil rakyat ini agar bertindak melompat parti setelah didorong oleh tawaran ganjaran yang besar berbanding terus kekal dalam PAS tanpa sebarang kemewahan. Malah UMNO pada masa yang sama turut menghasut pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan yang dihantar bertugas di negeri Terengganu untuk menolak dasar-dasar kerajaan negeri.

Di samping itu, UMNO juga turut mempengaruhi empat ADUN PN untuk menyertai rancangan mereka bagi menggulingkan kepimpinan Mohd Daud yang semakin goyah. Bagi UMNO, sekiranya ADUN PN bersetuju menyertainya, maka kerajaan PERIKATAN di Terengganu yang dibentuk kemudiannya merupakan sebuah kerajaan stabil dan sukar digugat. Hal ini kerana, parti-parti politik di Terengganu memerlukan sekurang-kurangnya 14 buah kerusi DUN untuk membentuk sebuah kerajaan yang mempunyai majoriti yang kuat. Meskipun Mohd Daud telah berusaha sedaya upaya mempertahankan kedudukannya, namun kerajaan PAS akhirnya tumbang apabila satu usul undi tidak percaya telah dikemukakan oleh ADUN PN, Wan Daud Wan Ahmad semasa sidang DUN pada 30 Oktober 1961 (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.70-80). Pada hari yang sama, kedua-dua ADUN PAS yang dilarikan dan disembunyikan oleh UMNO tampil menyatakan sokongan mereka kepada parti berkenaan dan mengisyiharkan keluar parti.

Usul yang dibentangkan dalam sidang DUN Terengganu pada ketika itu telah disokong oleh dua ADUN PAS sendiri iaitu Ahmad Azam Napiah iaitu ADUN kawasan Jeram dan Mat Ismail iaitu ADUN Jerteh. Manakala ADUN bagi kawasan Ulu Terengganu Barat, Omar Abdul Rahman telah dihalang oleh Speaker DUN, Mohd Taib Sabri untuk menyertai sesi pengundian berkenaan. Halangan yang dilakukan oleh Speaker pada ketika itu merupakan helah politik yang sengaja dilakukan bagi mengurangkan jumlah sokongan dalam sesi pengundian. Malah Speaker DUN Terengganu yang merupakan ahli PAS telah bertindak secara mengejut dengan mengumumkan menyertai UMNO sekaligus memudahkan rancangan untuk menumbangkan kerajaan PAS yang diterajui oleh Mohd Daud (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.57-60 dan Ramlah Adam 2003, p.207-209). Setelah rancangan menggulingkan pentadbiran Mohd Daud berjaya dicapai, UMNO bersama-sama bekas ADUN-ADUN PAS dan PN mengumumkan pembentukan sebuah kerajaan negeri

PERIKATAN yang diterajui Ibrahim Fikri sebagai Menteri Besar. Penggulingan Mohd Daud sebagai Menteri Besar menandakan berakhirnya kerajaan pimpinan PAS yang hanya mampu bertahan selama tiga tahun sahaja.

Peristiwa kejatuhan kerajaan PAS di Terengganu memperlihatkan kerjasama politik antara pemimpin-pemimpin Melayu dari parti yang sama merupakan asas kepada kerjasama politik yang lebih meluas dengan parti-parti lain. Oleh demikian, penyelidik mendapati bahawa perlu wujud dua bentuk corak hubungan untuk membentuk kerjasama politik Melayu-Islam iaitu hubungan yang kukuh antara pemimpin dan ahli dalam sebuah parti dan hubungan antara satu parti dengan parti lain yang memiliki persamaan perjuangan dan ideologi. Sekiranya kedua-dua corak hubungan ini gagal dibentuk, maka kerjasama politik Melayu-Islam sukar dicapai seterusnya mengundang krisis politik yang tercetus di Terengganu pada tahun 1961. Hakikatnya, kemelut politik yang mengakibatkan kejatuhan kerajaan negeri Terengganu pada tahun 1961 sendiri disebabkan oleh sabotaj dan ketidaksefahaman dalam kalangan wakil rakyat PAS. Kedua, perpecahan dalaman parti juga menyebabkan wujudnya kesukaran untuk berkomunikasi secara efektif antara PAS dengan UMNO dan PN. Keadaan ini juga memberi kesempatan kepada kedua-dua parti pembangkang di Terengganu pada ketika itu untuk berusaha menyingkirkan PAS sebagai kerajaan di negeri berkenaan.

Kesukaran untuk mewujudkan kerjasama antara ketiga-tiga parti ini akhirnya telah memisahkan hubungan dalam kalangan orang Melayu-Islam yang berorientasikan kepentingan politik tempatan. Oleh itu, kerjasama politik Melayu-Islam di Terengganu hanya berupaya diwujudkan sekiranya PAS atau mana-mana parti politik yang lain dapat menguasai sokongan pengundi yang besar dalam pilihan raya. Persitiwa ini merupakan krisis yang mencetuskan perseteruan berterusan politik Melayu-Islam di negara ini selepas merdeka yang lebih terdorong kepada persaingan kuasa berbanding menjalin hubungan antara satu sama lain. Bahagian berikut mengemukakan

perbincangan selanjutnya mengenai ketegangan hubungan politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS dalam peristiwa *Turn About* di Kelantan.

3.3.2 Ketegangan Hubungan dalam Peristiwa *Turn About* di Kelantan

Selepas peristiwa penggulingan Menteri Besar Terengganu pada tahun 1961, kejadian yang sama turut dialami oleh pentadbiran kerajaan PAS di Kelantan pada tahun 1968. Ketegangan hubungan antara UMNO dengan PAS yang pernah tercetus di Terengganu sebelumnya telah merebak ke Kelantan sehingga menggugat kestabilan politik di negeri berkenaan. Kemerosotan hubungan tersebut bermula selepas Pilihan Raya Umum tahun 1964 menerusi tiga pilihan raya kecil dan peristiwa *Turn About* pada tahun 1968. Hubungan kedua-dua parti politik yang lemah pada ketika itu menyukarkan proses mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik Melayu-Islam melalui UMNO dan PAS.

Secara umumnya, kemelut politik di Kelantan hanya melibatkan persaingan dua parti Melayu sahaja iaitu antara UMNO dengan PAS. Pertembungan dua seteru politik tradisi Melayu di Kelantan tersebut masih lagi berlaku meskipun pilihan raya umum ke-2 telah berlalu. Hal ini kerana, terdapat tiga pilihan raya kecil telah diadakan selepas pilihan raya umum tahun 1964 iaitu bagi kawasan Bachok, Kelantan Hilir dan Pasir Mas Hulu. Ketiga-tiga kawasan ini dalam pilihan raya umum sebelumnya telah ditandingi oleh kedua-dua parti Melayu tersebut tetapi kerusi-kerusi berkenaan dimenangi oleh PAS. Pilihan raya kecil pertama selepas pilihan raya umum tahun 1964 diadakan selepas kematian mengejut penyandang kerusi bagi kawasan Parlimen Bachok Zulkifli Muhammad dalam satu kemalangan jalan raya pada tarikh 7 Mei 1964.⁹

⁹Zulkiflee Muhammad merupakan Timbalan Yang di-Pertua PAS dan penyandang kerusi Parlimen bagi kawasan Bachok, Kelantan. Tarikh penyertaannya sebagai ahli PAS masih tidak diketahui, namun beliau lebih awal menyertai parti berkenaan berbanding Burhanudin Al-Helmy kerana telah bertanding mewakili PAS dalam pilihan raya umum tahun 1955 dan dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Politik menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung pada 13 hingga 14 Januari 1956 (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.49-51). Penglibatan Zulkiflee dalam pilihan raya bermula apabila beliau telah diberi peluang untuk bertanding mewakili PAS dalam pilihan raya umum pada 27 Julai 1955 di kawasan Selangor Tengah, Klang menentang Lee Eng Teh dan Atan Cik bin Leng Keng masing-masing dari PERIKATAN dan Parti Negara. Namun beliau tewas dalam pilihan raya umum tersebut dengan hanya perbezaan majoriti 4341 undi kepada calon daripada PERIKATAN. Pencalonan beliau bagi kerusi Selangor Tengah pada ketika itu merupakan satu peristiwa yang menarik apabila Ismail Abdul Hamid selaku Ketua UMNO Bahagian Klang telah

Pilihan raya kecil kali kedua di Kelantan berlaku sekali lagi pada tahun 1967 apabila penyandang kerusi Parlimen bagi kawasan Kelantan Hilir, Ahmad Abdullah turut terkorban dalam satu kemalangan jalan raya. Dalam pilihan raya kecil ini, pengundi-pengundi telah ditawarkan dengan ganjaran kewangan berjumlah RM80 juta oleh kerajaan persekutuan yang diterajui oleh UMNO sekiranya calonnya berjaya menewaskan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mewakili PAS. Hakikatnya, bibit-bibit kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pada ketika itu adalah mustahil untuk direalisasikan kerana UMNO lebih mengutamakan kemenangan dan kuasa politik berbanding kepentingan orang Melayu. Malah UMNO boleh menolak untuk menyertai pertandingan dalam pilihan raya kecil berkenaan sekiranya parti itu mendahuluikan kerjasama dan kestabilan politik dalam kalangan orang Melayu. Pilihan raya kecil kali ketiga juga berlaku di Kelantan iaitu di kawasan parlimen Pasir Mas Hulu berikutkan kematian penyandangnya Abdul Samad Gul Ahmad Mianji pada tarikh 2 Julai 1967 (Mohamed Asri Muda 1993, p.71-74).

Berbeza dengan kematian Zulkifli Muhammad dan Ahmad Abdullah yang berpunca daripada kemalangan jalan raya, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji telah mati dibunuh akibat kecederaan di kepala yang serius setelah diserang dengan kapak oleh

bertindak sebagai pencadangnya semasa proses penamaan calon. Tindakan Ismail Abdul Hamid ketika itu mencetuskan pergolakan dalam PERIKATAN apabila terdapat ahli komponen yang bertindak menjadi wakil bagi pihak parti lawan. Langkah melawan arus yang dilakukan oleh Ismail Abdul Hamid pada ketika itu menyebabkan UMNO kemudiannya bertindak memecat keahlian beliau serta merta. Walaupun tindakan Ismail dinilai bertentangan dengan pendirian UMNO, namun langkah beliau pada ketika itu memperlihatkan wujudnya hubungan politik antara beliau dengan Zulkifli sehingga menyebabkan beliau sanggup menawarkan diri sebagai pencadang bagi pencalonan wakil PAS tersebut. Malah tindakan Ismail pada ketika itu juga dipercayai didorong oleh semangat kemelayuan yang tinggi dengan menyokong hanya pencalonan wakil Melayu di kerusi berkenaan. Kekalahan dalam pilihan raya umum tahun 1955 tidak menghalang Zulkifli untuk terus bertanding dalam pilihan raya umum berikutnya pada tahun 1959. Namun dalam pilihan raya umum tersebut, beliau telah beralih tempat pertandingan ke kawasan Bachok, Kelantan dan berjaya menewaskan calon daripada PERIKATAN iaitu Nik Mohamed Ali dengan majoriti yang besar iaitu 10,119 undi. Meskipun berjaya memperoleh kemenangan yang cemerlang dalam pilihan raya umum tahun 1959, sokongan terhadap beliau dalam pilihan raya umum tahun 1964 merosot berbanding sebelumnya. Dalam pilihan raya umum tahun 1964, Zulkifli masih mengekalkan kemenangannya menentang calon dari PERIKATAN, Hassan Mohamed namun mengalami kemerosotan majoriti dengan hanya memperoleh 4,381 undi sahaja. Kemerosotan sokongan ini berlaku disebabkan oleh kesan peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia menerusi dakwaan penglibatan beberapa pemimpin PAS seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Raja Abu Hanafiah dengan pihak Indonesia pada ketika itu. Impak dari kemelut tersebut, PAS tewas tujuh kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum tahun 1964 (Mohamed Asri Muda 1993, p.61-63). Meskipun berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Bachok, beliau tidak sempat melaksanakan tanggungjawabnya untuk tempoh yang lama apabila terbabit dalam kemalangan maut selepas 13 hari keputusan pilihan raya umum tahun 1964 diumumkan. Kemalangan yang berlaku pada 7 Mei 1964, telah mengakibatkan kenderaan yang dipandu oleh Zulkifli Muhammad merempuh dan bertembung dengan sebuah kenderaan jenis Land Rover di kilometer 4/1, Jalan Kuantan-Kuala Lumpur. Beliau pada ketika itu sedang dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur daripada Kelantan yang turut disertai oleh isterinya, Aishah Kamaruddin, dua orang anak perempuannya iaitu Rohana dan Noraini dan Othman Ismail iaitu ADUN kawasan Bachok. Kemalangan tersebut telah menyebabkan Zulkifli dan isterinya terbunuh, manakala kedua-dua anaknya dan Othman Ismail hanya mengalami kecederaan ringan. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Mohamed Asri Muda (1993), Abu Hanifah Haris dan Redzuan Othman (2013) dan Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013).

penyerang yang tidak dikenali. Peristiwa tersebut berlaku selepas beliau menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Pejabat Perhubungan PAS Kelantan, Kota Bharu. Serangan dilakukan oleh penyerang sebaik sahaja membuka pintu kenderaan yang diletakkan di Jalan Hulu Market, Kota Bharu dan beliau telah disahkan meninggal dunia ketika sedang menerima rawatan di Hospital Besar (Mohamed Asri Muda 1993, p.64). Kematian Abdul Samad dalam peristiwa tersebut telah menggemparkan seluruh negara kerana melibatkan pembunuhan ahli politik yang pertama di negara ini selepas merdeka.

Pembunuhan wakil rakyat PAS pada ketika itu menandakan bermulanya perkembangan politik kekerasan semata-mata atas dasar perseteruan politik dalam kalangan orang Melayu. Hal ini menyukarkan pembentukan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS yang mula berseteru secara kekerasan berbanding memilih saluran pilihan raya. Bagi mengisi kekosongan kerusi Parlimen bagi kawasan Pasir Mas Hulu pada ketika itu, satu pilihan raya kecil telah diumumkan pada 19 Ogos tarikh 1967. Dalam pilihan raya tersebut, calon PAS Tengku Zaid Tengku Ahmad berjaya menewaskan calon daripada UMNO iaitu Dusuki Ahmad dengan memperoleh majoriti 2,802 undi. Meskipun berjaya mengekalkan kemenangannya dalam pilihan raya kecil tersebut, namun majoriti yang diperolehi PAS merosot sebanyak 1,559 undi berbanding pilihan raya umum sebelumnya (Mohamed Asri Muda 1993, p.72-74). Hal ini berlaku disebabkan oleh impak peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia yang masih mempengaruhi sokongan pengundi-pengundi dan fokus sepenuhnya yang diberikan oleh jentera UMNO-PERIKATAN dari seluruh negara dalam pilihan raya kecil tersebut. Walaupun pilihan raya kecil bagi kawasan Pasir Mas Hulu telah berakhir, namun ketegangan hubungan UMNO dan PAS masih sukar diredukan. Malah ketegangan hubungan kedua-dua parti Melayu ini membelenggu usaha membentuk kerjasama

politik dua hala sehingga mencetuskan kemelut politik yang lebih serius pada tahun 1968 dalam peristiwa *Turn About* di Kelantan.

Peristiwa *Turn About* tercetus susulan daripada ketegangan hubungan antara UMNO dengan PAS yang berlarutan di Kelantan selepas UMNO berjaya mencapai peningkatan sokongan dalam pilihan raya umum tahun 1964. Dalam pilihan raya umum tersebut, UMNO berjaya meraih sembilan kerusi DUN berbanding dua sebelumnya, manakala bilangan kerusi PAS merosot kepada 21 kerusi sahaja. Meskipun mengalami kemerosotan sokongan daripada pengundi-pengundi dalam pilihan raya umum tahun 1964, PAS masih mengekalkan kedudukannya sebagai kerajaan negeri di Kelantan. Namun, di sebalik mengekalkan pentadbiran di Kelantan, jurang perseteruan politik dalam kalangan orang Melayu semakin meluas apabila peralihan sokongan berlaku kepada UMNO pada dalam pilihan raya umum tersebut. Malah hubungan kedua-dua parti bertambah renggang berikutan berlangsungnya tiga siri pilihan raya kecil di negeri berkenaan, sekaligus menyukarkan proses pembentukan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Kemelut baru politik di Kelantan tercetus apabila lima wakil rakyat daripada PAS telah dilarikan dan ditahan pada tahun 1968 oleh seteru politiknya dengan bantuan pihak polis (Mohamed Asri Muda 1993, p.71-72).

Kelima-lima ADUN PAS terbabit ialah Abdul Rahman Salleh, Yusoff Abdul Latiff, Saiful Idris, Abdullah Yusof dan Omar Mohammad telah ditahan oleh pihak polis menerusi dalam sekatan jalan raya di Kelantan. Selepas berjaya ditahan, kelima-kelima ADUN berkenaan telah dibawa ke sebuah kediaman di Kuala Lumpur dan dikenakan tahanan rumah selama sebulan. Penahanan kelima-lima ADUN PAS ini merupakan usaha terancang oleh UMNO bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang telah dimanipulasi untuk menjayakan rancangan menggulingkan kerajaan negeri Kelantan. Malah sepanjang dalam tempoh tahanan, kelima-lima ADUN PAS berkenaan memaklumkan telah dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin UMNO, polis dan pegawai-

pegawai kerajaan bagi mempengaruhi dan mendesak mereka untuk menyertai UMNO. Selain itu, mereka juga telah ditawarkan dengan pelbagai ganjaran lumayan dan sekiranya mereka menolak, maka kelima-lima wakil rakyat ini diancam dengan pelbagai tindakan seperti dikenakan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Mohamed Asri Muda 1993, p.72-74).

Ancaman yang diberikan pada waktu itu merupakan usaha terdesak oleh UMNO untuk merampas pentadbiran Kelantan yang dikuasai oleh PAS menerusi mandat pengundi dalam pilihan raya yang sah. Namun, UMNO telah mendapati peralihan kuasa di Kelantan sukar dilakukan kerana negeri tersebut merupakan kubu kuat PAS semenjak parti itu terlibat dalam pilihan raya pertama. Pengaruh PAS yang kuat di Kelantan dapat dinilai menerusi kejayaannya memperolehi 68.3 peratus undi dalam pilihan raya umum pertama pada tahun 1959 berbanding UMNO yang sekadar meraih 31.7 peratus undi sahaja. Malah sokongan kepada PAS terus meningkat dalam pilihan raya umum berikutnya dengan meraih 118,700 undi (Abdul Halim Mahmood 1983, p.36-39). Keadaan ini memperlihatkan pengaruh dan kekuatan PAS di Kelantan sukar disaingi oleh UMNO meskipun dibantu dengan jentera dan dana kewangan daripada kerajaan persekutuan.

Atas kesukaran ini, UMNO telah mengancam wakil-wakil rakyat PAS tersebut sekiranya enggan mengisyiharkan penyertaan sebagai ahli UMNO sekaligus dapat menggulingkan kerajaan pimpinan PAS di Kelantan. Setelah dipersetujui, kelima-lima ADUN berkenaan dikehendaki mengumumkan penyertaan mereka bersama UMNO menerusi media untuk disiarkan ke seluruh negara. Mereka kemudiannya telah dihantar pulang ke Kelantan pada 17 Ogos 1968 iaitu tiga hari sebelum persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) berlangsung. Tujuan utama kelima-lima ADUN berkenaan dibawa pulang ke Kelantan ialah untuk memastikan mereka hadir memberi sokongan kepada usul undi tidak percaya terhadap kerajaan PAS pada sidang DUN 20 Ogos 1968.

Meskipun telah bersetuju untuk menyertai UMNO, kelima-lima ADUN terbabit masih dikenakan tahanan rumah dan tidak dibenarkan untuk mengakses sebarang komunikasi dengan pihak luar. Namun, salah seorang ADUN yang terlibat iaitu Abdul Rahman Salleh telah berjaya keluar daripada tahanan rumahnya secara rahsia. Beliau kemudiannya dibawa menuju ke kediaman Menteri Besar di JKR 10 untuk mengadakan pertemuan dengan Mohamed Asri Muda selaku Menteri Besar dan Ishak Lotfi, Timbalan Menteri Besar. Sepanjang pertemuan berkenaan, Abdul Rahman telah mendedahkan beliau telah dipaksa, diancam dan diarahkan untuk membuat pengakuan dan perisyiharan meninggalkan PAS (Mohamed Asri Muda 1993, p.73-75).

Pertemuan yang diaturkan di JKR 10 tersebut telah berjaya memperkuuhkan semula pentadbiran kerajaan PAS di Kelantan apabila Abdul Rahman pada malam yang sama telah memperakukan kembali keahliannya bersama PAS dan pengakuannya diserahkan kepada setiap ADUN pada hari persidangan DUN. Pada tarikh 20 Ogos 1968 iaitu hari Persidangan DUN berlangsung, suasana tegang tercetus di luar dan dalam Istana Balai Besar, Kota Bharu yang menempatkan DUN negeri Kelantan. Penyokong-penyokong UMNO telah berhimpun di sekitar kawasan Istana Balai Besar dengan mengangkat sepanduk-sepanduk provokasi mengenai peralihan pentadbiran kerajaan Kelantan daripada PAS kepada UMNO. Pada ketika ini, pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti tidak berusaha untuk memainkan peranan untuk meredakan ketegangan politik dalam kalangan mereka yang hadir dalam perhimpunan berkenaan. Sekiranya pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS meletakkan kepentingan orang Melayu sebagai keutamaan mereka, maka perebutan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan tidak berlaku. Malah kebarangkalian tercetusnya peristiwa *Turn About* yang memperjudikan masa depan orang Melayu tidak berlaku jika pemimpin-pemimpin Melayu pada ketika itu menyedari peralihan kerajaan di Kelantan tidak menghasilkan sebarang perubahan dan masih tetap dikuasai oleh orang Melayu.

Manakala di dalam dewan persidangan, surat pengakuan Abdul Rahman Salleh untuk menyertai semula sebagai ahli PAS telah diedarkan kepada setiap ADUN yang hadir pada hari itu. Selain itu, bagi membuktikan beliau telah kembali menyertai PAS, Abdul Rahman bertindak mengubah kedudukan tempat duduknya daripada blok UMNO kepada posisi kerajaan negeri. Tindakan Abdul Rahman tersebut menyebabkan Abdullah Yusoff selaku Speaker DUN yang telah menyertai UMNO bertindak menangguhkan sesi persidangan pada hari berkenaan (Mohamed Asri Muda 1993, p.73-75). Penangguhan persidangan berkenaan dipercayai berlaku setelah beliau mendapati rancangan asal untuk menggulingkan kerajaan Kelantan pada ketika itu sukar dilakukan apabila Abdul Rahman Salleh menyertai semula PAS. Selepas melihat tindakan Abdul Rahman kembali bersama parti asalnya, dua lagi bekas wakil rakyat PAS iaitu Omar Muhammad dan Yusoff Latif turut bertindak sedemikian. Namun, dua lagi bekas ADUN PAS iaitu Abdullah Yusoff selaku Speaker DUN dan Sufi Idris terus mengekalkan keahlian mereka bersama UMNO (Mohamed Asri Muda 1993, p.74-75). Tindakan kedua-dua ADUN ini mengekalkan keahlian mereka disebabkan oleh kegusaran mengenai ugutan dan habuan yang diterima dalam menguruskan ADUN-ADUN PAS lain yang melompat parti sebelumnya.

Kedua-dua wakil rakyat ini dipercayai telah terlibat sebagai orang tengah dalam peristiwa *Turn About* meskipun digambar turut menjadi mangsa kegopohan UMNO untuk merampas kuasa pentadbiran di Kelantan (Mohamed Asri Muda 1993, p.74-75). Misalnya Abdullah Yusof selaku Speaker DUN merupakan individu yang penting kepada UMNO pada ketika itu kerana beliau memiliki kuasa yang luas dalam menentukan perjalanan dan keputusan dalam sidang DUN. Oleh demikian, beliau telah disasarkan oleh UMNO untuk menjalankan perancangan mempengaruhi wakil-wakil rakyat PAS untuk keluar sekaligus menumbangkan kerajaan negeri. Namun pusingan kembali (*turn about*) oleh Abdul Rahman, Omar Muhammad dan Yusoff Latif

menyertai PAS telah menggagalkan rancangan UMNO seterusnya mengekalkan pentadbirannya di Kelantan. Matlamat UMNO untuk mengambil alih pentadbiran kerajaan Kelantan daripada PAS menerusi undi tidak percaya di DUN seperti di Terengganu akhirnya tidak berlaku seperti dirancangkan. Namun sepanjang tempoh tersebut, UMNO dan PAS gagal mewujudkan babit-babit kerjasama bagi memperjuangkan masa depan orang Melayu kerana masing-masing lebih mengutamakan kepentingan dan perebutan kuasa pemerintahan.

3.3.3 Penubuhan Malaysia: dari Perselisihan Parti kepada Konflik Kerajaan

Kejayaan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan satu lagi peristiwa yang bersejarah dalam perkembangan politik di negara ini selepas merdeka. Idea penubuhan Malaysia ini mula diketengahkan ketika pengajuran Persidangan Persatuan Luar Negeri Asia Tenggara pada 27 Mei 1961 di Singapura. Bagi memastikan idea penubuhan Malaysia tidak terkubur setelah berakhirnya persidangan tersebut, sebuah Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang diterajui oleh Donald Stephen telah ditubuhkan bagi memberi penerangan mengenai rancangan pembentukan Malaysia kepada rakyat.

Di samping itu, kerajaan turut melantik setiap wakil dewan perundangan daripada wilayah-wilayah terbabit untuk menganggotai jawatankuasa untuk memberi penerangan kepada rakyat di kawasan masing-masing. Namun proses penerangan dan rundingan tersebut lebih tertumpu kepada wilayah-wilayah terbabit sahaja dan tidak melibatkan secara khusus negeri-negeri di bawah pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Rentetan daripada itu, pihak kerajaan persekutuan Tanah Melayu bersama-sama kerajaan British bertindak membentuk Suruhanjaya Cobbold pada 17 Januari 1962 setelah disyorkan oleh jawatankuasa untuk meninjau pandangan dari pelbagai pihak khususnya dari wilayah Borneo Utara dan Sarawak. Hasil dari tinjauan dan

pengumpulan pandangan yang dijalankan, suruhanjaya telah mendapati bahawa 80 peratus daripada penduduk di kedua-dua wilayah tersebut menyokong usaha ke arah kemerdekaan menerusi penyertaan dalam Malaysia (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.58-60).

Di samping itu, terdapat beberapa syor yang telah dikemukakan oleh pihak suruhanjaya untuk dipertimbangkan oleh kerajaan sebelum memutuskan sama ada meneruskan penubuhan Malaysia ataupun sebaliknya. Sebuah jawatankuasa akhir untuk menilai cadangan yang dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya telah dibentuk dan diketuai oleh Tunku serta beberapa Menteri lain dalam Kabinet. Jawatankuasa Kabinet tersebut akhirnya bersetuju dengan laporan yang dihasilkan oleh suruhanjaya sekaligus membuka peluang kepada proses rundingan dengan kerajaan British yang berlarutan selama dua minggu. Rundingan berkenaan berjaya mencapai persetujuan daripada organisasi Komanwel yang beribu pejabat di Malborough, London sekaligus menyaksikan berlangsungnya acara menandatangan pembentukan Malaysia melibatkan wakil dari Sabah, Sarawak, Tanah Melayu, Singapura dan Komanwel pada tarikh 9 Julai 1963 dan pengisytiharan penubuhan dijalankan pada 16 September 1963.

Secara umumnya, matlamat penubuhan Malaysia dirangka bagi menepati tiga tujuan utama iaitu mewujudkan hubungan politik dan ekonomi, mengekang perkembangan pengaruh Komunis yang semakin meluas di Singapura dan mempercepatkan proses kemerdekaan wilayah-wilayah yang terlibat. Malah faktor penyebaran fahaman Komunis yang semakin meluas dan menyelinap masuk dalam parti-parti politik di Singapura telah membimbangkan Tunku Abdul Rahman sekaligus merupakan tekanan kepada beliau untuk merealisasikan penubuhan Malaysia. Pada peringkat awalnya, rancangan penubuhan Malaysia dipersetujui oleh parti PAS menerusi Mesyuarat Agung Khas yang telah dijalankan pada 15 Oktober 1961 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.60-65). Mesyuarat ini

dianjurkan secara khusus bagi membincangkan mengenai penubuhan Persekutuan Melayu Raya yang merangkumi Indonesia dan wilayah-wilayah Melayu lain di Filipina.

Keputusan mesyuarat agung khas PAS tersebut dilihat bertentangan dengan rancangan asal Tunku yang hanya ingin melibatkan negeri Sarawak, Borneo Utara (Sabah), Brunei dan Singapura dalam pembentukan Malaysia (Penyata Rasmi Parlimen 1961). Meskipun matlamat politik Dr. Burhanuddin sering bertentangan dengan parti pemerintah semenjak sebelum merdeka, namun beliau tetap secara berterusan memperjuangkannya. Pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua PAS dan kejayaan memenangi kerusi Parlimen Besut pada tahun 1959 merupakan peluang terbaik kepadanya untuk merealisasikan semula penubuhan kesatuan Melayu Raya. Oleh itu, beliau bertindak mengemukakan satu usul persendirian untuk melibatkan Indonesia dan beberapa wilayah Melayu di sekitar Filipina dalam pembentukan Malaysia semasa sesi sidang Dewan Rakyat pada tarikh 15 Oktober 1961. Namun majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat khususnya daripada PERIKATAN telah bertindak menolak usul persendirian yang dikemukakan oleh Dr. Burhanuddin.¹⁰ Kegagalan Dr. Burhanuddin untuk

¹⁰Dr. Burhanuddin al-Helmy telah dipilih sebagai Yang di-Pertua PAS ketiga menggantikan Dr. Abbas Elias yang meletak jawatan pada tahun 1956 kerana kedudukannya sebagai pegawai kerajaan. Sebelum dipilih untuk mengetuai PAS pada tahun 1956, Dr. Burhanuddin merupakan tokoh yang memperjuangkan secara aktif penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia bagi membentuk Kesatuan Melayu Raya semenjak dari Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ketokohan dan karisma beliau sebagai pemimpin politik Melayu menjadikan beliau satu-satunya individu yang tidak pernah mengasaskan parti politik di negara ini, sebaliknya beliau telah dijemput mengetuai dua buah parti politik Melayu sebelum dan pasca merdeka iaitu PKMM dan PAS. Di samping itu, beliau telah mendapat pendidikan awal agama di beberapa institusi terkemuka antaranya sekolah pondok Pulau Pisang, Kedah dan Madrasah Al-Mashor di Pulau Pinang sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Ismaeliah Medical College serta Aligarh Muslim University, India. Beliau merupakan satu-satunya pemimpin parti politik Melayu sebelum merdeka yang memiliki kelulusan akademik tertinggi dalam bidang perubatan berbanding pemimpin-pemimpin parti dan organisasi Melayu yang lain. Setelah PKMM diharamkan pada 18 Jun 1948, beliau mengambil keputusan untuk berehat seketika daripada menyertai mana-mana parti politik sehingga dalah dipelawa untuk menerajui PAS pada tahun 1956. Penyertaan beliau dalam PAS telah mencetuskan satu gelombang baru perkembangan politik Melayu-Islam bagi menyaingi UMNO sebagai parti politik Melayu paling berpengaruh pada waktu tersebut. Meskipun Dr. Burhanuddin memilih sebuah parti Islamis sebagai wadah baru perjuangannya pada tahun 1956, namun beliau tidak menghadapi sebarang masalah untuk terus memperjuangkan prinsip politik Melayu-Islam dan pembentukan sebuah Kesatuan Melayu Raya yang bertujuan menyatukan seluruh orang Melayu dalam sebuah negara. Malah semangat perjuangan kemelယuan beliau semakin terserlah dan mendapat sokongan yang kuat daripada ahli-ahli dan kepimpinan parti khususnya ketika waktu penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Karier politik Dr. Burhanuddin dalam PAS semakin terserlah apabila beliau menang untuk kali pertama dalam pilihan raya umum pada tahun 1959 menentang calon Perikatan di kerusi Parlimen Besut, Terengganu. Peluang yang dimiliki sebagai salah seorang penggubal undang-undang di Parlimen telah digunakan secara maksimum oleh beliau untuk memperjuangkan isu-isu membabitkan kedudukan dan masa depan orang Melayu serta Islam sejagat. Namun kelantangan beliau menentang penubuhan Malaysia telah memberi impak yang buruk kepada masa depannya dalam politik apabila beliau dikaitkan dengan satu kes pecah amanah ketika terlibat sebagai penggerusi syarikat Malay-German Shipping yang menguruskan jemaah haji. Kes tersebut telah dibicarakan di mahkamah dan beliau telah didapati bersalah serta dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,500.00. Meskipun beliau mengemukakan rayuan terhadap hukuman yang dikenakan tersebut, namun pihak mahkamah menolak rayuan Dr. Burhanuddin sekaligus menyebabkan kedudukannya sebagai ahli Parlimen terbatal secara automatik. Kes yang dihadapi oleh beliau ini dikaitkan dengan usaha parti pemerintah untuk menyingsirkan penglibatannya dalam politik dan hujah ini dibuktikan menerusi tindakan bekas setiausaha syarikat berkenaan, Syeikh Yahya Karim yang berpaling tada untuk menjadi saksi pendakwaan. Cabaran yang dihadapi oleh Dr. Burhanuddin ketika memimpin PAS semakin sukar apabila beliau kemudiannya telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana disyaki turut serta dalam pembentukan kerajaan buangan di Indonesia pada tahun 1964. Beliau telah ditangkap bersama-sama Aziz Ishak dan Ishak

mendapat sokongan tersebut menandakan bermulanya penentangan PAS terhadap penubuhan Malaysia.

Meskipun Dewan Rakyat menolak usul persendirian berkenaan, namun PAS masih lagi tidak berputus asa apabila bertindak mengadakan satu lagi mesyuarat pada tarikh 5 hingga 6 Januari 1962 sebagai reaksi segera terhadap keputusan Dewan Rakyat. Intipati penting penganjuran mesyuarat tersebut ialah untuk mendesak satu pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan dilakukan segera oleh kerajaan untuk melindungi dan menjamin hak keistimewaan orang Melayu melalui penubuhan Malaysia. Usul desakan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah dikemukakan oleh wakil PAS, Hasan Adli Arshad pada 5 Oktober 1962, namun perbahasan usul tersebut tidak disambung pada hari berikutnya. Penolakan kerajaan terhadap desakan dan cadangan PAS menyebabkan parti tersebut melaksanakan pendekatan memboikot sebarang aktiviti dan sambutan penubuhan Malaysia. Malah PAS menerusi kerajaan pimpinannya di Kelantan telah bertindak secara perundangan berkaitan kes penubuhan Malaysia dengan mengheret kerajaan persekutuan ke mahkamah.

Kemelut yang mengheret kedua-dua kerajaan ke mahkamah ini berlaku kerana menurut kerajaan Kelantan, pindaan Perlembagaan bagi membolehkan penubuhan Malaysia telah membatalkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pindaan tersebut juga menyebabkan Kelantan diberi kuasa untuk mentadbir secara mutlak negerinya seperti sebelum penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini juga telah memberikan peluang kepada kerajaan Kelantan untuk menentukan sebarang keputusan pentadbiran dan tidak terikat dengan kerajaan Persekutuan. Oleh itu, kerajaan Kelantan telah bertindak memfailkan pengisytiharan pembatalan Akta Malaysia dan memohonan penangguhan penubuhannya buat

Haji Mohamad pada 26 Januari 1965 dan menjalani tempoh tahanan tanpa bicara selama lima tahun di Kamunting, Taiping, Perak. Dr. Burhanuddin telah meninggal dunia pada 10 Oktober 1969 akibat penyakit batu karang yang dihidapinya selepas sebulan dibebaskan. Untuk maklumat lanjut rujuk Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013) dan Ramlah Adam (1998).

sementara waktu bagi menyekat pelaksanaan Perjanjian Malaysia pada tahun 1963 sehingga kes berkenaan diselesaikan.¹¹ Namun pada 14 September 1963, Ketua Hakim Malaysia iaitu Thompson C.J. telah membuat keputusan bahawa permohonan penangguhan sementara yang dimohon oleh kerajaan Kelantan ditolak. Meskipun pengisytiharan penubuhan Malaysia tetap diteruskan pada 16 September 1963, namun hujah kerajaan PAS di Kelantan memfailkan kes ini ke mahkamah bertujuan untuk mempertahankan kuasa dan kedudukan orang Melayu-Islam di negara ini.

Bagi PAS, penubuhan Malaysia perlu diimbangi dengan penyertaan Indonesia dan wilayah-wilayah lain dari sekitar Filipina memandangkan populasi penduduk Cina yang besar di Singapura. Sekiranya Tunku tidak melibatkan kedua-dua wilayah yang dicadangkan PAS tersebut, maka kedudukan orang Melayu yang sebelumnya mendominasi kuasa politik negara semakin tergugat. Namun, Tunku melihat penyertaan Singapura dari perspektif kepentingan keselamatan bagi mengawal perkembangan pengaruh fahaman Komunis yang semakin menular di negeri tersebut. Ancaman Komunis yang mampu merebak ke Semenanjung Tanah Melayu semakin serius apabila tercetusnya krisis dalam parti PAP di Singapura dan kemenangan calon prokomunis, Ong Eng Guan dan David Marshall dalam pilihan raya kecil kawasan Hong Lim serta Anson pada April 1961 (Zainal Abidin Abdul Wahid 1996, p.352-354).

Kejayaan kedua-dua calon ini menyebabkan kelompok kiri dalam PAP merancang untuk menyingkirkan Lee Kuan Yew daripada kedudukannya sekaligus dapat mengubah kepimpinan parti dan kerajaan kepada prokomunis. Namun rancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan atas dasar kebimbangan British akan menunda

¹¹Konsep federalisme secara idealnya merupakan sebuah sistem pemerintahan yang membahagikan bidang kuasa antara kerajaan Pusat dan Negeri yang bersifat setara serta bebas menurut peruntukan Perlembagaan (Wheare 1967, p.46). Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan secara jelas beberapa bahagiannya yang mendukung konsep federalisme misalnya Bahagian Enam iaitu Perkara 73-95E serta Jadual Kesembilan. Namun, praktik federalisme di negara ini mula dicabar apabila kerajaan negeri Kelantan bertindak memfailkan penangguhan pengisytiharan penubuhan Malaysia pada tahun 1963 atas hujah kerajaan negeri tidak dirunding mengenai penubuhannya. Tindakan kerajaan negeri Kelantan memfailkan kes ini ke Mahkamah telah mencatatkan sejarah dalam sistem perundangan negara apabila buat pertama kalinya sebuah kerajaan negeri mencabar tindakan kerajaan Persekutuan. Kes ini boleh dirujuk Malayan Law Journal [1963] M.L.J 29 dalam K.L Civil Suit No. 567, 1963. Rujuk Mohamed Asri Muda (1993).

pengisytiharan kemerdekaan untuk Singapura. Bagi Tunku, kemenangan calon-calon prokomunis berkenaan telah membimbangkan beliau, dan keadaan tersebut wujud akibat kegagalan parti PAP mengawal perkembangan komunis di Singapura. Sekiranya keadaan ini tidak ditangani dengan segera, maka fahaman komunis di Singapura boleh dihidupkan kembali khususnya di semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu, Tunku melihat penyertaan Singapura bersama Malaysia merupakan satu langkah penting bagi mengekang perkembangan semula fahaman komunis yang gagal dikawal oleh parti PAP.

Meskipun PERIKATAN dengan PAS berbeza pandangan mengenai kerelevanan penyertaan Singapura, namun telahan dan penentangan di peringkat awal PAS terhadap penguasaan kaum Cina menjadi kenyataan. Kerakusan PAP untuk menguasai politik semenanjung Malaysia terserlah apabila parti tersebut telah mula merancang untuk menyingkirkan MCA dan berusaha untuk memujuk Tunku membentuk politik PERIKATAN-PAP. Namun Tunku menolak idea yang diketengahkan oleh PAP sekaligus menyebabkan PAP mengkritik pendekatan politik PERIKATAN dan termasuk penggabungannya dengan Malaysia. Di samping itu, PAP telah memperkenalkan dan menawarkan formula “Malaysian Malaysia” bagi menggantikan dasar politik berbilang kaum yang diketengahkan selama ini oleh PERIKATAN. Kemelut politik dua wilayah semakin bertambah serius apabila PAP telah bertindak meletakkan calonnya untuk bertanding di kawasan yang ditandingi oleh calon MCA.

Tindakan PAP ini secara terang-terangan memperlihatkan Lee Kuan Yew mengingkari janjinya dengan Tunku sebelum penubuhan Malaysia untuk tidak bertanding di semenanjung Tanah Melayu dan UMNO tidak meletakkan calonnya di Singapura.¹² Malah sebelum berlangsungnya pilihan raya umum tersebut, Lee Kuan

¹²Lee Kuan Yew yang ditemui bual dalam makalah mengenai perkembangan politik parti PAP telah menyatakan bahawa wujud perjanjian beliau dengan Tunku Abdul Rahman di sebuah padang golf untuk tidak bertanding di kerusi-kerusi semenanjung Tanah Melayu. Malah UMNO juga tidak sesekali bertindak untuk meletakkan calonnya untuk bertanding dalam pilihan raya di wilayah

secara terbuka menyatakan bahawa “*we want to show the MCA that even if the PAP keeps out of the elections on the mainland, the MCA will still lose*” (Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Abdul Halim Ramli 2012, p.72-94). Namun PAP telah bertindak sebaliknya apabila meletakkan 11 orang calonnya di beberapa buah kerusi yang ditandingi PERIKATAN di semenanjung Tanah Melayu. Tindakan PAP tersebut dilihat sebagai satu usaha untuk menyingkirkan dan melemahkan pengaruh MCA sebagai parti tunggal yang mendominasi sokongan orang Cina di Tanah Melayu.

3.3.4 Rusuhan Kaum 1964 di Singapura: Kerjasama Mengatasi Perkauman

Selepas Singapura menyertai Malaysia, tahap hubungan kaum dalam tempoh dua tahun berkenaan semakin bertambah buruk berbanding era sebelumnya sehingga mencetuskan ketegangan dan peristiwa rusuhan kaum yang tidak pernah dijangka. Bibit-bibit ketegangan hubungan kaum khususnya melibatkan kaum Cina dengan Melayu ini mula kelihatan apabila PAP secara berterusan membangkitkan sentimen perkauman apabila mula mempertikaikan atas pemerintahan dan ketuanan Melayu ketika menjadi sebahagian daripada Malaysia. Malah Lee Kuan Yew pada 4 Ogos 1964 secara terbuka mengutuk dan mendesak slogan “Melayu Mesti Bersatu” yang dilaungkan oleh UMNO digantikan dengan “Malaysia Mesti Bersatu” (Mohamed Nordin Sopiee 1976, p.194-195). Kelantangan Kuan Yew semakin terserlah menerusi ucapannya menyatakan bahawa orang Melayu merupakan kelompok penghijrah dan bukan penduduk peribumi sekaligus tidak layak mendapat status keistimewaan:

Singapura. Namun persetujuan tersebut berakhir apabila PAP telah bertindak meletakkan 11 orang calonnya untuk bertanding di semenanjung Tanah Melayu menerusi kerusi Parlimen Batu, Setapak, Bangsar, Bukit Bintang, Damansara, Tanjong, Seremban Timor, Bandar Melaka, Kluang Utara, Johore Bahru Timor dan Johore Bahru Barat. Tindakan PAP mencalonkan wakilnya di kerusi-kerusi berkenaan menandakan bermulanya usaha parti tersebut untuk menyingkirkan MCA sebagai parti yang mendominasi sokongan kaum Cina di semenanjung Tanah Melayu. Semua 11 kerusi yang ditandingi oleh calon PAP tersebut merupakan kerusi yang diperuntukkan oleh Perikatan kepada calon-calon MCA, namun PAP hanya berjaya menang di kerusi Parlimen Bangsar sahaja. Di kerusi kawasan Parlimen Bangsar, telah berlaku pertandingan empat penjurur antara calon Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) yang diwakili David S. Vethamuthu, Devan Nair dari parti PAP, Koh Pooi Kee mewakili Perikatan dan Chew Choo Soot daripada parti PPP. Calon daripada PAP telah menang dalam pilihan raya umum tersebut dengan memperoleh 13,494 undi menewaskan calon-calon lain melalui perbezaan majoriti 808 undi. Kegagalan PAP memenangi kerusi-kerusi lain yang ditandinginya merupakan satu tamparan hebat kepada parti berkenaan sekaligus mewujudkan perseteruan khususnya melibatkan MCA dengan PAP. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Mohammad Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Abdul Halim Ramli (2012).

Malay began to migrate to Malaysia to noticeable numbers only about 700 years ago. Of the 39 percent Malays in Malaysia today, about one third are comparatively new immigrants like the Secretary General of UMNO, Dato' Syed Jaafar Albar who come to Malay from Indonesia just before the war at the age more than 30 years. Therefore it is wrong to and illogical for the particular racial group to think that they are more justified to be called Malaysian and the others can become Malaysian only through their favour. (Fletcher 1969, p.32-35)

Tindakan Lee Kuan Yew yang berterusan mempertikai ketuanan dan kedudukan istimewa orang Melayu ini telah mencetuskan kemarahan pemimpin-pemimpin UMNO seperti Syed Jaafar Hasan Albar dan Othman Abdullah. Malah kedua-dua pemimpin ini menyelar ucapan berbaur perkauman oleh Lee Kuan Yew yang lebih teruk berbanding penjajah Inggeris yang tidak pernah mempersoalkan hak Melayu ke atas negara ini.

Kebiadapan Lee Kuan Yew tersebut akhirnya telah membentuk satu kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu khususnya di Singapura yang mula bangkit mengecam ucapan-ucapan beliau secara berterusan mempersoalkan kedudukan orang Melayu. Sebagai reaksinya, Syed Jaafar Albar telah bertindak menganjurkan sebuah persidangan yang menghimpunkan 450 wakil daripada daripada 123 organisasi Melayu di Pasir Panjang, Singapura pada 12 Julai 1964 bagi memperlihatkan semangat solidariti orang Melayu. Menerusi ucapan balasnya, Syed Jaafar Albar menyatakan bahawa penganjuran persidangan tersebut merupakan platform penyatuan demi kepentingan orang Melayu untuk menebus semula kejatuhan kaum berkenaan dalam sektor ekonomi, pelajaran dan sektor-sektor yang lain. Menurut beliau lagi, keadaan ini berlaku kerana PAP memberikan layanan yang tidak adil kepada orang Melayu di Singapura dan mengecam kelantangan Lee Kuan Yew yang dilabel oleh beliau sebagai punca kepada tercetusnya ketegangan kaum pada waktu tersebut (Mohammad Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Abdul Halim Ramli 2012, p.76-77).

Di akhir persidangan tersebut, satu resolusi bersama telah dicapai dan diisyiharkan iaitu seluruh organisasi Melayu tidak akan menyertai pertemuan dengan

Lee Kuan Yew pada tarikh 19 Julai 1964. Rentetan daripada penganjuran persidangan tersebut, Lee Kuan Yew dan Seenivasagam telah bertindak mengkritik Syed Jaafar Albar semasa sesi sidang Parlimen pada 13 Julai 1964 kerana meniupkan sentimen perkauman dalam kalangan orang Melayu. Malah Lee Kuan Yew turut memohon kerajaan untuk menyekat kemasukan Syed Jaafar Albar ke Singapura daripada terus menghasut dan meniupkan semangat orang Melayu untuk menentang PAP. Desakan Lee Kuan Yew ini memperlihatkan bahawa kerjasama politik Melayu yang berjaya digembeleng oleh Syed Jaafar Albar berjaya menggugat keberanian pemimpin PAP tersebut yang selama ini lantang bersuara menentang ketuanan Melayu. Kebangkitan orang Melayu di Singapura tidak berakhir dengan penganjuran persidangan yang diketuai oleh Syed Jaafar Albar, tetapi momentum kerjasama berkenaan berkesinambungan pada 19 Julai 1964 apabila 900 pemimpin daripada 103 organisasi bukan politik Melayu bertindak bertemu dengan Lee Kuan Yew bagi mendapatkan penjelasan mengenai intipati perjanjian beliau yang didakwa menafikan kedudukan istimewa orang Melayu ketika pembentukan Malaysia (Mohammad Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Abdul Halim Ramli 2012, p.77-79).

Ketika pertemuan berkenaan berlangsung, Lee Kuan Yew menyatakan bahawa kerajaan Singapura tidak akan mewujudkan sistem kuota dalam sektor pekerjaan, pemberian lesen dan peruntukan tanah rizab yang khusus kepada orang Melayu. Malah menurut beliau lagi, perkara ini telah dipersetujui dalam Perlembagaan sebelum penubuhan Malaysia pada tahun 1963, namun Singapura di bawah pimpinan kerajaan PAP tidak akan menutup peluang dan pemberian latihan kepada orang Melayu untuk menjawat jawatan penting dalam kerajaan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kerajaan PAP hanya bersedia membuka ruang persaingan antara orang Melayu dengan kaum-kaum lain di Singapura tanpa memberikan perlindungan khusus. Dasar kerajaan PAP ini semakin melemahkan kedudukan orang Melayu di Singapura yang semakin

terpinggir memandangkan kuasa politik di wilayah berkenaan didominasi oleh kaum Cina. Tekanan politik dan diskriminasi yang berterusan ini akhirnya mencetuskan satu peristiwa rusuhan kaum pada 21 Julai 1964 iaitu dua hari selepas pertemuan pemimpin-pemimpin Melayu dengan Lee Kuan Yew.

Peristiwa rusuhan kaum berkenaan tercetus semasa berlangsungnya perarakan majlis Maulidur Rasul yang disertai sekurang-kurangnya 21 ribu orang Melayu-Islam di Singapura. Ketika perarakan tersebut sedang berlangsung, terdapat seorang individu yang tidak dikenali telah bertindak melempar botol kaca ke arah peserta-peserta yang sedang berarak melalui kawasan Lorong 12, Jalan Geylang. Tindakan individu berkenaan menyebabkan unit polis Simpanan Persekutuan (FRU) melencengkan arah perarakan ke kawasan Kallang dan Kampung Poo Soo, sekaligus mencetuskan pertempuran secara tiba-tiba di kawasan berkenaan. Pertempuran yang tidak dijangka tersebut semakin bertambah buruk menjelang waktu petang sehingga menimbulkan suasana huru-hara dan premis-premis perniagaan serta bangunan di sekitarnya dibakar dengan sewenang-wenangnya oleh perusuh. Kejadian rusuhan pada hari pertama telah menyebabkan empat orang penduduk terbunuh, manakala 178 orang lagi mengalami kecederaan (Mohamed Nordin Sopiee 1976, p.192-194).

Rusuhan yang bermula dari kawasan Geylang telah merebak dengan pantas ke kawasan-kawasan lain seperti Chinatown, Tanjung Pagar dan Arab Street. Keadaan keselamatan yang tidak terkawal ini telah mewujudkan rasa bimbang dalam kalangan orang Melayu kerana mereka pada bila-bila masa sahaja boleh menjadi mangsa rusuhan yang semakin meruncing. Oleh itu, penduduk-penduduk Melayu di kawasan Queenstown telah bertindak meninggalkan kediaman mereka untuk mencari tempat perlindungan yang lebih selamat. Bagi memastikan keadaan tidak semakin meruncing, kerajaan Singapura telah bertindak mengerahkan pasukan polis dan tentera untuk mengawal kawasan-kawasan yang terlibat serta mengenakan perintah berkurung

bermula pada jam 9.30 malam sehingga 6.00 pagi. Meskipun kerajaan melaksanakan perintah berkurung, namun masih terdapat 24 insiden pergaduhan telah dilaporkan berlaku sepanjang tempoh berkurung dikuatkuasakan. Kejadian rusuhan yang berterusan dalam tempoh berkurung menandakan bahawa ketegangan hubungan kaum di Singapura berada pada tahap yang serius. Tragedi berkenaan telah mengorbankan 22 nyawa manakala 461 orang mangsa mengalami kecederaan dan keseluruhan individu yang terbabit terdiri daripada kaum Melayu dan Cina (Mohamed Nordin Sopiee 1976, p.195-198). Meskipun mangsa-mangsa rusuhan terdiri daripada individu pelbagai kaum, namun kerajaan Singapura mendakwa bahawa orang Melayu yang dipimpin oleh UMNO merupakan dalang utama yang mencetuskan kejadian berkenaan.

Kebangkitan orang Melayu khususnya menjelang dan semasa peristiwa rusuhan berkenaan merupakan kemuncak kemarahan kaum tersebut terhadap PAP yang gagal menghormati janji untuk tidak bertanding di kawasan semenanjung. Di samping itu, orang Melayu juga memperlihatkan kerjasama dalam kalangan mereka untuk bangkit membela hak dan ketuanan yang telah dipertikaian oleh kaum lain. Malah sentimen perkauman yang sering dibangkitkan PAP sepanjang keanggotaannya dalam Malaysia pada waktu tersebut telah melebarkan jurang hubungan antara kaum Cina dengan Melayu. Tindakan Lee Kuan Yew yang menyerang dan mempertikai secara berterusan kedudukan dan keistimewaan orang Melayu telah menimbulkan perbalahan yang semakin serius melibatkan PAP dan UMNO. Kebimbangan PAS mengenai dominasi Cina menerusi PAP sebelum penubuhan Malaysia jelas menjadi kenyataan apabila PAP bertindak bertanding di semenanjung dan sering mempertikai ketuanan Melayu selepas penubuhan Malaysia. Oleh demikian, PAS lebih awal berjaya menyedari bahawa PAP mempunyai agenda politik tersembunyi untuk menyertai Malaysia berbanding

PERIKATAN untuk memperkuuh kestabilan negara.¹³ Impaknya, hubungan kaum di Singapura dan semenanjung Malaysia mengalami kemerosotan yang serius sehingga mencetuskan pergaduhan kaum pada tahun 1964. Rusuhan yang tercetus tersebut berlaku setelah timbulnya kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk membentuk kerjasama politik menentang ketidakadilan pemerintahan PAP di Singapura.

Akhirnya, Tunku Abdul Rahman mengambil keputusan untuk menyingkirkan Singapura daripada Malaysia sebagai langkah penyelesaian terhadap perseteruan politik dua hala yang sekian lama berlarutan. Usul penyingkiran Singapura telah dikemukakan oleh Tunku semasa sesi sidang Parlimen pada 9 Ogos 1965 menerusi rang undang-undang yang dinamakan ‘The Constitution and Malaysia (Singapore Amendment Bill)’. Setelah hampir dua jam dibahaskan, usul berkenaan telah diluluskan secara sebulat suara oleh keseluruhan 126 orang Parlimen tanpa mendapat sebarang bantahan daripada blok pakatan parti pembangkang (Kin Wah Chin 1983:104-107).

3.4 Peristiwa 13 Mei 1969: Kemuncak Hubungan Politik Melayu-Islam

Penyingkiran Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 menandakan bermulanya perkembangan baru politik khususnya cabaran dan masa depan melibatkan politik orang Melayu-Islam di negara ini. Secara umumnya, orang Melayu pada ketika itu masih berhadapan dengan kelompok cauvinisme yang sama, namun aktor pencabarnya adalah berbeza iaitu Democratic Action Party (DAP). Selain berhadapan dengan cabaran

¹³Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 15 Ogos 1963, terdapat beberapa ahli Parlimen daripada PAS seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Zulkifli Muhammad dan Khadijah Sidek telah menyuarakan dengan lantang membantah penyertaan Singapura bersama Malaysia. Pemimpin-pemimpin ini secara umumnya bimbang pembentukan Malaysia kelak berupaya menggugat kuasa dan kedudukan politik orang Melayu di negara ini. Misalnya, Dr. Burhanuddin Al-Helmy selaku Yang di-Pertua PAS menegaskan bahawa Singapura diibaratkan seperti seekor kancil yang akan mengecewakan kedudukan bangsa Melayu. Di samping itu, beliau juga menyatakan kemasukan Singapura merupakan ‘racun’ yang mampu merosakkan kegemilangan Melayu di negara ini. Manakala Zulkifli Muhammad, ahli Parlimen PAS bagi kawasan Bachok pula menyatakan bahawa pembentukan Malaysia yang dirancang oleh pentadbiran Tunku Abdul Rahman pada ketika itu tidak boleh menyelamatkan orang Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu. Menurutnya lagi, pembentukan Malaysia hanya melibatkan proses menandatangan perjanjian di London pada bulan Julai 1963 tanpa melibatkan referendum untuk mendapatkan mandat daripada rakyat. Di samping itu, ahli Parlimen PAS kawasan Dungun, Che Khadijah Mohd Sidek semasa sidang yang sama turut bersetuju bahawa penubuhan Malaysia tidak melambangkan aspirasi Melayu yang sepatutnya diperkuuhkan terlebih dahulu, malah tindakan Tunku pada waktu tersebut bakal mengundang bahaya terhadap kedudukan Melayu. Hakikatnya, berdasarkan kepada kenyataan ketiga-tiga pemimpin PAS ini dapat dinilai kedudukan Melayu secara keseluruhannya terancam sekiranya Singapura turut serta dalam pembentukan Malaysia. Malah dalam hal ini, PAS pada ketika itu dilihat lebih ke hadapan untuk membela hak dan kedudukan orang Melayu berbanding UMNO. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Rosli Mohd Yusoff (2008).

cauvinisme, orang Melayu pada ketika itu juga mengalami perpecahan serius kerana PAS cuba mengambil kesempatan atas ketegangan perkauman untuk meraih pengaruh dan sokongan.

Kedua-dua cabaran yang dihadapi oleh orang Melayu ini telah berlarutan sehingga pasca pilihan raya umum pada tahun 1969 sehingga mengekang usaha membentuk kerjasama. Gerakan cauvinisme kembali muncul untuk mencabar ketuanan politik Melayu selepas penyingkiran Singapura pada tahun 1965 apabila ahli Parlimen Bangsar, Devan Nair bertindak menukuhkan DAP bagi menggantikan PAP. Pada peringkat permulaannya, usaha pendaftaran DAP oleh beliau pada bulan Oktober 1965 telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). Penolakan tersebut berpunca daripada penggunaan nama Parti Tindakan Demokratik Malaysia yang dikemukakan oleh jawatankuasa penaja parti baru. Bagi ROS, penolakan penggunaan nama tersebut wajar kerana boleh mengelirukan rakyat Malaysia selepas PAP bersama Singapura disingkirkan pada tahun 1965.

Justeru, ROS hanya meluluskan pendaftaran parti berkenaan pada tarikh 18 Mac 1966 setelah pindaan nama baru parti iaitu Democratic Action Party (DAP) dilakukan oleh jawatankuasa penajanya. Meskipun parti baru yang dicadangkan masih tidak diluluskan, namun pengaruh perjuangan cauvinis Cina yang ditinggalkan oleh PAP masih lagi kuat walaupun tanpa kehadiran sebuah parti. Hal ini dapat dilihat menerusi kejayaan calon tajaannya Chen Man Hin yang bertanding atas tiket Bebas menewaskan dua lagi calon dalam pilihan raya kecil DUN Rahang pada 11 Disember 1965.¹⁴

¹⁴Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Rahang telah dijalankan pada 11 Disember 1965 berikutan kematian penyandang kerusi iaitu Han Hiu Fong dari parti MCA-PERIKATAN. Dalam pilihan raya kecil tersebut, calon PERIKATAN dari parti MCA Lan Kok Kwan telah ditentang oleh calon Bebas tajaan parti DAP iaitu Chen Man Hin dan Yim Chee Chong dari parti Front Sosialis. Langkah Dr. Chen Man Hin bertanding atas tiket Bebas disebabkan Pendaftar Pertubuhan (ROS) masih menangguhkan kelulusan pendaftaran parti DAP. Penolakan kelulusan pendaftaran parti DAP oleh ROS berlaku sebanyak dua kali iaitu, pertama; disebabkan oleh cadangan menggunakan nama Parti Tindakan Rakyat Malaysia bagi menggantikan parti PAP yang boleh mengelirukan masyarakat dan kedua; perlembagaan parti yang dicadangkan tidak mematuhi peraturan seperti ditetapkan oleh ROS. Meskipun pendaftaran ditangguhkan, Dr. Chen Man Hin tetap meneruskan rancangannya bertanding dalam pilihan raya kecil berkenaan dan menggunakan lambang buah ceri bagi menggantikan simbol parti. Walaupun beliau bertanding atas tiket Bebas, namun sokongan terhadapnya langsung tidak terjejas malah beliau telah berjaya menewaskan dua calon yang lain dengan majoriti 1,538 undi. Kejayaan meraih majoriti yang besar dalam pilihan raya kecil ini memperlihatkan PAP masih berpengaruh dalam politik

Kejayaan beliau menewaskan calon PERIKATAN dalam pilihan raya kecil berkenaan membuktikan pengaruh PAP dalam DAP masih lagi kuat dan pada masa yang sama kaum Cina telah mula menolak MCA kerana tindakannya yang masih berkompromi dengan PERIKATAN mengenai isu hak ketuanan Melayu.

Selepas dua tahun penubuhan DAP, sebuah parti politik baru yang dikenali sebagai Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) muncul dengan matlamat perjuangan yang sama seperti DAP. Namun, keadaan yang sama turut dialami GERAKAN apabila keahlian parti kemudiannya dimonopoli oleh kaum Cina bermula di peringkat akar umbi sehingga kepada peringkat kepimpinan tertinggi parti sekaligus menyebabkan kedudukan kaum lain semakin terpinggir. Monopoli kaum Cina menerusi GERAKAN dan DAP telah memberi peluang kepada kelompok cauvinis Cina untuk merancakkan penyebaran sentimen perkauman dalam kalangan masyarakat khususnya menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1969. Malah Bagi pendukung-pendukung perjuangan cauvinisme, kedua-dua parti berkenaan merupakan platform penting kepada mereka yang diwarisi daripada PAP untuk meneruskan agenda menghapuskan dasar ketuanan Melayu dalam sistem politik di negara ini.

Keghairahan DAP menentang dasar ketuanan Melayu di Malaysia semakin terserlah menerusi pengisytiharan Deklarasi Setapak pada 29 Julai 1967 meskipun usia penubuhannya baru mencecah tempoh setahun (Means 1970, p.319). Tindakan DAP pada ketika itu memperlihatkan bahawa parti berkenaan telah menunjukkan keberaniannya menentang hak-hak kaum lain secara terbuka. Hakikatnya, dasar ketuanan Melayu dan Bumiputera sebenarnya telah dipersetujui bersama ketiga-tiga kaum lain dalam rundingan menjelang kemerdekaan. Bagi orang Melayu dan Bumiputera, hak-hak istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Malaysia selepas penyingkiran Singapura. Untuk maklumat lanjut mengenai hal ini, rujuk Lim Kit Siang (1978) dan Chew Huat Hock (1984) dan New Straits Times 9 November 1965.

merupakan satu bentuk perlindungan yang tidak seharusnya dipertikai oleh mana-mana pihak. Namun langkah DAP tersebut telah membangkitkan kembali sentimen perkauman dalam kalangan masyarakat, malah ketegangan antara kaum semakin meruncing menjelang pilihan raya umum ketiga pada tahun 1969. Bahagian berikut membincangkan perkembangan pilihan raya umum pada tahun 1969 dan pengaruh peristiwa 13 Mei 1969 terhadap usaha kerjasama politik Melayu-Islam secara rasmi pertama di Malaysia.

3.4.1 Pilihan Raya Umum 1969

Ketegangan hubungan antara kaum Melayu dengan Cina semakin meningkat selepas pembubaran Parlimen pada 30 Mac 1969 menerusi penganjuran pelbagai program ceramah, provokasi dalam akhbar dan kelantangan kritikan yang berbaur perkauman. Kegiatan politik yang sukar dikawal ini mulai mempengaruhi sikap dan kelakuan masyarakat khususnya menjelang pilihan raya umum yang bakal berlangsung pada tarikh 10 Mei 1969. Susulan peningkatan sentimen perkauman yang tidak terkawal ini, ramai penyokong parti komponen PERIKATAN secara beransur-ansur menukar sokongan mereka kepada parti-parti pembangkang. Peralihan sokongan pada ketika itu turut memberi kesan kepada kedudukan UMNO yang merupakan parti utama dalam PERIKATAN. Malah lebih membimbangkan lagi apabila perseteruan politik orang Melayu menerusi UMNO dan PAS semakin serius sekaligus melemahkan proses ke arah mewujudkan kerjasama politik.

Menurut Tunku Abdul Rahman, dalam hal ini PAS sepatutnya dipersalahkan kerana parti tersebut merupakan punca utama kepada perpecahan orang Melayu di negara ini. Malah Tunku turut mendakwa PAS tidak memiliki asas perjuangan dan hala tuju yang jelas dalam politik serta hanya bergantung kepada agenda Islam semata-mata untuk meraih sokongan daripada orang Melayu. Lebih mengejutkan lagi, Tunku telah

melabel PAS sebagai aktor pemecah belah hubungan antara orang Melayu sehingga memberi peluang kepada kaum Cina khususnya DAP pada ketika itu untuk mendesak kerajaan supaya tunduk terhadap tuntutan mereka (Tunku Abdul Rahman 1969, p.30-33). Bagi Tunku, pentadbiran kerajaan yang diterajui oleh beliau sebelumnya jauh lebih baik memperjuangkan orang Melayu dan meningkatkan syiar Islam berbanding slogan kosong yang dilaungkan PAS dalam setiap ceramah serta kempen politiknya. Hal ini dapat dilihat menerusi kejayaan penganjuran kali pertama Persidangan Negara-negara Islam di Kuala Lumpur bagi membincangkan dan mencari langkah penyelesaian terhadap isu-isu membabitkan umat Islam sejagat.

Di samping itu, Tunku memaklumkan bahawa kerajaan Persekutuan pada ketika itu turut memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan fizikal masyarakat Islam di negara ini dengan membina masjid, surau dan sekolah agama di seluruh negara. Malah kerajaan Persekutuan masih meneruskan penyaluran peruntukan kewangan kepada negeri Kelantan bagi tujuan pembangunan umat Islam meskipun ditadbir oleh kerajaan PAS. Keadaan ini membuktikan PAS tidak berupaya untuk menyediakan pembangunan dan sekadar bergantung kepada bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan persekutuan (Tunku Abdul Rahman 1969, p.44-48).

Meskipun Tunku meletakkan beban kesalahan sepenuhnya kepada PAS kerana gagal memajukan Kelantan, namun kerajaan Kelantan tidak sepatutnya menanggung segala kelemahan tersebut memandangkan negeri berkenaan tidak memiliki sumber kewangan yang mencukupi. Malah terdapat beberapa buah negeri selain Kelantan turut menerima peruntukan kewangan daripada kerajaan persekutuan tetapi masalah kewangan negeri-negeri tidak dihebahkan oleh Tunku kerana negeri-negeri tersebut ditadbir oleh PERIKATAN. Keadaan ini memperlihatkan bahawa sukarnya untuk mewujudkan sebuah komunikasi efektif antara kerajaan Persekutuan dengan Kelantan khususnya pada era pemerintahan Tunku Abdul Rahman. Bagi Tunku, PAS masih lagi

kekal sebagai seteru politik UMNO dan penyaluran bantuan kewangan hanya melibatkan urusan antara kerajaan persekutuan dengan negeri.

Ketegangan hubungan antara kaum semakin jelas selepas proses penamaan calon pada tarikh 5 April 1969. Malah telah wujud pertembungan dua aliran politik utama iaitu: pertama, antara parti-parti politik Melayu dan kedua, parti yang dikuasai oleh kaum Cina dengan Melayu. Pertembungan antara dua parti politik Melayu iaitu UMNO dengan PAS telah berlaku di 185 buah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 130 kerusi Parlimen di seluruh negara (Mohd Hasbie Muda 2014, p.113-115). Meskipun orang Melayu pada ketika itu berhadapan dengan serangan politik perkauman daripada gerakan cauvinis Cina, namun pertandingan dua penjuru antara UMNO dengan PAS pada ketika itu membuktikan matlamat politik lebih penting berbanding kerjasama politik. Malah kedua-dua parti ini masih berterusan menyerang antara satu sama lain sepanjang tempoh berkempen menerusi pelbagai tuduhan bagi mempengaruhi pengundi-pengundi untuk menyokong parti masing-masing.

Antara tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh pemimpin UMNO misalnya Tun Abdul Razak mendakwa PAS gagal dan tidak berupaya untuk membangunkan negeri sepanjang tempoh pentadbirannya di Kelantan. Malah PAS turut terikut-ikut dengan sikap UMNO dengan menuduh kerajaan Persekutuan telah menyogok rakyat Kelantan menerusi peruntukan sebanyak RM548 juta sekiranya berjaya mengambil alih pemerintahan di negeri Kelantan (Alias Muhammad 1975, p.92-96). Ketegangan hubungan UMNO dengan PAS menerusi polemik-polemik pertikaian ini telah menyukarkan pembentukan kerjasama politik UMNO dengan PAS dan memberi kesan kepada pencapaian kepada kedua-dua parti dalam pilihan raya umum tersebut. Dalam pilihan raya umum pada 10 Mei 1969 tersebut, PERIKATAN hanya memenangi 67 buah kerusi, manakala 49 buah kerusi Parlimen yang lain dimenangi oleh parti-parti pembangkang. Jadual berikut menunjukkan perbandingan bilangan kerusi Parlimen

yang dimenangi parti-parti PERIKATAN, PAS, DAP dan GERAKAN pada pilihan raya umum tahun 1964 dengan 1969:

Jadual 3.1: Pecahan Kerusi Parlimen yang Dimenangi oleh Parti-Parti Politik Utama dalam Pilihan Raya Umum tahun 1969

Parti		Bilangan Kerusi Parlimen (1964)	Bilangan Kerusi Parlimen (1969)
PERIKATAN	UMNO	59	52
	MCA	27	13
	MIC	3	2
DAP		-	13
GERAKAN		-	8
PAS		9	12

Berdasarkan jadual di atas, PERIKATAN yang bertanding dalam pilihan raya umum pada tahun 1969 mengalami kemerosotan pencapaian apabila bilangan kerusi Parlimen yang dimenangi berkurang berbanding sebelumnya. Kemerosotan pencapaian ini berpunca daripada tiga faktor utama iaitu pertambahan bilangan kerusi Parlimen dari 104 buah kepada 144 buah kerusi, kempen-kempen pilihan raya yang berbaur perkauman dan penubuhan parti-parti pembangkang baru. Berbanding pilihan raya umum tahun 1969, pencapaian PERIKATAN adalah lebih baik dalam pilihan raya umum sebelumnya dengan memenangi 89 buah kerusi daripada 104 manakala parti PAS hanya sekadar memenangi sembilan buah kerusi sahaja.

Kejayaan memperoleh 2/3 majoriti kerusi di Dewan Rakyat dalam pilihan raya umum tahun 1964 sekaligus memberi peluang kepada PERIKATAN untuk membentuk sebuah kerajaan yang kuat dan kukuh. Namun, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada tahun 1966 telah menjalankan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya dengan membuat penambahan 44 buah kerusi Parlimen (Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali 2012, p. 201-

2013).¹⁵ Lazimnya, penambahan kerusi Parlimen menerusi proses persempadan semula memberi kelebihan kepada parti pemerintah untuk memperkuuh kedudukannya sebagai kerajaan. Namun keadaan sebaliknya berlaku apabila proses persempadan semula pada tahun 1966 tidak memberi kelebihan kepada PERIKATAN dalam pilihan raya umum tahun 1969. Hal ini dapat dilihat menerusi pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh gabungan tersebut daripada 89 buah kerusi Parlimen kepada 67 kerusi sahaja. Malah pencapaian UMNO dalam pilihan raya umum tersebut turut merosot apabila sekadar memenangi 52 buah kerusi berbanding 59 buah kerusi dalam pilihan raya umum sebelumnya.

Secara umumnya, kemerosotan pencapaian PERIKATAN dan UMNO dalam pilihan raya umum ketiga sebenarnya berpunca daripada tiga faktor utama. Antara faktor tersebut ialah wujudnya sentimen perkauman yang semakin menebal dalam kalangan rakyat, kemunculan dua parti politik baru yang dikuasai oleh kaum Cina dan kempen-kempen parti politik yang berleluasa. Keadaan yang tidak dibendung oleh pihak pemerintah ini menyebabkan berlakunya peralihan sokongan secara besar-besaran khususnya dalam kalangan pengundi-pengundi Cina. Oleh demikian, sebuah gelombang

¹⁵Proses persempadan semula kawasan pilihan raya (*gerrymandering*) diperkenalkan oleh Elbridge Gerry, Gabenor Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 1812 sebagai satu tindakan muslihat untuk memberi kemenangan Parti Republikan. Penggunaan istilah *gerrymandering* ini muncul apabila proses persempadan semula yang meliputi perubahan peta kawasan pengundian seolah-olah seperti seekor salamander. Dari segi praktiknya, proses ini dijalankan secara penyusunan dan pengaturan semula kawasan-kawasan pengundian dengan tujuan untuk menewaskan calon-calon daripada parti pembangkang. Terdapat tiga kaedah utama yang digunakan dalam proses persempadan semula yang diperkenalkan tersebut iaitu pertama, secara *excess vote* dengan mencairkan sokongan terhadap seteru politik melalui sekatan dan had memperluaskan pengaruh ke kawasan-kawasan yang berdekatan. Misalnya Barisan Nasional (BN) selepas pilihan raya umum tahun 2008 berusaha mengawal gelombang perubahan politik di Selangor yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat agar tidak tersebar ke negeri-negeri jiran seperti Perak, Negeri Sembilan dan Pahang. Menerusi kaedah ini, negeri-negeri di sekitar Selangor akan diberi perhatian yang khusus oleh BN menerusi penggunaan jentera-jentera kerajaan dan sumber kewangan yang besar bagi mengekalkan kedudukannya sebagai pemerintah. Kedua, pemerintah boleh menggunakan kaedah *wasted vote* iaitu menerusi pengurangan undi dan menghalang pembangkang untuk meraih undi yang besar dengan mengubah suai kawasan-kawasan pilihan raya yang terdapat di sekitar kawasan terlibat. Tindakan ini dilakukan dengan membawa masuk kawasan yang mengandungi peratusan pengundi propemerintah yang tinggi ke dalam kawasan kubu parti-parti pembangkang. Keadaan ini menyebabkan undi yang diterima daripada calon-calon parti pembangkang dalam pilihan raya berikutnya merosot sekaligus memberi peluang kepada calon parti pemerintah untuk memenangi kerusi yang ditandinginya. Kaedah terakhir ialah menerusi wang *stacked* yang digunakan oleh parti-parti pemerintah bagi memenangi hati pengundi-pengundi yang terhutang budi dengan pemberian bantuan kewangan oleh kerajaan. Pemberian bantuan kewangan ini dilakukan oleh parti-parti pemerintah di kawasan-kawasan pedalaman yang terdiri daripada pengundi-pengundi miskin dan berpendapatan rendah yang sering bergantung kepada sumbangan kewangan untuk menampung kehidupan mereka. Tindakan ini menyebabkan pengundi-pengundi secara berterusan memberi sokongan kepada parti pemerintah dan sukar mengubah pendirian politik kerana beranggapan sumber bantuan kewangan mereka boleh terjejas sekiranya bertindak menyokong calon-calon parti pembangkang. Malaysia tidak terkecuali daripada melaksanakan proses persempadan semula kawasan pilihan raya semenjak selepas merdeka dan tugas berkenaan dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) setiap 10 tahun sekali. Sepanjang tempoh pasca merdeka, SPR telah melaksanakan enam kali proses persempadan semula iaitu bermula pada tahun 1958, 1966, 1974, 1983, 1992 dan tahun 2003. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Grofman (1990) dan Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2012).

perubahan politik Cina pertama di negara ini telah tercetus sekaligus memberi kemenangan besar kepada parti DAP dan GERAKAN dalam pilihan raya umum 1969. Kejayaan yang dicapai dalam pilihan raya umum tersebut telah diraikan oleh kedua-dua parti berkenaan menerusi perarakan secara besar-besaran pada tarikh 11 dan 12 Mei 1969. Bermula dengan kebenaran perarakan ini, sebuah tragedi pergaduhan antara kaum terbesar telah tercetus di Malaysia dan impak daripada peristiwa ini kemudiannya telah mempengaruhi usaha kerjasama politik Melayu-Islam secara rasmi di negara ini pasca merdeka. Bahagian berikut membincangkan perkembangan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 dan reaksi orang Melayu mengenai peristiwa berkenaan.

3.4.2 Peristiwa Rusuhan Kaum 13 Mei 1969

Tanda-tanda tercetusnya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 bermula apabila Tan Chee Khoon selaku Setiausaha Agung GERAKAN telah diisyiharkan memenangi kerusi Parlimen Batu pada 12 Mei 1969. Berdasarkan kepada keputusan pilihan raya umum tersebut, Tan Chee Khoon telah berjaya menewaskan calon PERIKATAN iaitu Yap Chin Kwee dengan majoriti 13,948 undi (Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar 2012, p.69-71). Kemenangan besar calon GERAKAN tersebut memperlihatkan wujudnya peralihan sokongan secara besar-besaran daripada calon parti pemerintah kepada calon parti pembangkang. Susulan kejayaan tersebut, Tan Chee Khoon kemudiannya mengemukakan permohonan permit kepada pihak polis untuk menganjurkan perarakan pada tarikh 13 Mei 1969. Tujuan perarakan berkenaan dianjurkan ialah untuk menzahirkan tanda penghargaan kepada pengundi-pengundi di kawasan Batu yang menyokongnya dalam pilihan raya umum tersebut. Pihak polis telah meluluskan permohonan permit perarakan berkenaan dengan mengenakan syarat iaitu perarakan di kawasan yang ditetapkan sahaja. Pada mulanya, perarakan berlangsung dengan keadaan terkawal, namun kemudiannya menjadi tidak terkawal

apabila terdapat segelintir peserta-peserta meneruskan perarakan melebihi tempoh yang ditetapkan. Malah, peserta-peserta yang mengingkari arahan polis mula berarak menuju ke jalan-jalan yang tidak dibenarkan khususnya menghala ke Kampung Baru (Tunku Abdul Rahman 2007, p.667-69).

Tindakan tersebut telah mengundang provokasi antara satu sama lain memandangkan kawasan berkenaan merupakan penempatan terbesar orang Melayu di Kuala Lumpur. Selain menganjurkan perhimpunan haram, peserta-peserta secara sengaja turut menimbulkan provokasi dengan mengejek dan menghina orang Melayu dengan pelbagai kecaman. Antara kecaman-kecaman yang melampau dan berbaur perkauman tersebut misalnya ‘Melayu mati’, ‘Melayu bodoh’ dan ‘tidak berkuasa’ telah ditujukan kepada orang Melayu di sekitar kawasan Kampung Baru. Kecaman-kecaman yang melampau tersebut telah membangkitkan semangat dan kemarahan orang Melayu di sekitar Kuala Lumpur sekaligus mengundang tindak balas drastik oleh mereka. Tindak balas berkenaan bermula apabila ahli-ahli UMNO dengan orang-orang Melayu berkumpul secara beramai-ramai pada petang 13 Mei 1969 di kediaman Harun Idris untuk mendesak beliau mengepalai perarakan balas meraikan kejayaan PERIKATAN. Kesediaan orang Melayu yang terdiri daripada pelbagai fahaman politik berkumpul bersama-sama pada ketika itu memperlihatkan wujudnya kedinamikan politik baru setelah timbulnya ancaman dan cabaran terhadap kedudukan mereka. Susulan daripada desakan tersebut, Harun Idris selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor telah bersetuju untuk mengadakan perarakan berkenaan. Namun, ketika perhimpunan sedang berlangsung, orang Melayu dikejutkan dengan maklumat satu serangan telah dilancarkan oleh sekumpulan kaum Cina di Setapak. Penyebaran maklumat tersebut telah membangkitkan kemarahan orang Melayu yang sebelumnya meluap-luap sehingga mereka bertindak menyerang dua penunggang motosikal yang terdiri daripada orang

Cina.¹⁶ Kedua-dua individu tersebut telah terbunuh serta merta sekaligus mencetuskan rusuhan dan ketegangan antara kaum yang semakin serius di negara ini.

Rusuhan yang semakin berleluasa dan tidak terkawal tersebut kemudiannya telah merebak ke negeri-negeri berhampiran termasuklah di Selangor dan Melaka. Keadaan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman bertindak mengambil keputusan untuk membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan mencadangkan agar Tun Abdul Razak menerajui institusi pentadbiran kerajaan sementara tersebut. Susulan keadaan yang semakin meruncing berkenaan, Tunku pada tarikh 16 Mei 1969 di sebelah malam telah memohon mengadap Yang di-Pertuan Agong untuk memohon perkenan baginda mengenai persiytiharan darurat dan pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Pengarah MAGERAN (Tunku Abdul Rahman 2007, p.87-90). Meskipun pelantikan Tun Abdul Razak dipertikaikan oleh segelintir penyelidik sebagai usaha untuk menyingkirkan Tunku daripada kuasanya, namun beliau telah menafikannya. Hal ini dapat dilihat apabila Tunku sendiri mengakui beliau masih sebagai Perdana Menteri, malah Tun Abdul Razak tidak mengenepikan beliau sepanjang tempoh menerajui MAGERAN (Tunku Abdul Rahman 2007, p.91-92). Pelaksanaan perintah darurat oleh Tunku pada ketika itu merupakan formula tepat untuk mengembalikan kententeraman dan kestabilan politik dalam tempoh yang singkat. Secara keseluruhannya, tindakan menubuahkan pentadbiran MAGERAN telah berjaya menangani kemelut politik perkauman dengan pantas, namun rakyat pelbagai kaum terpaksa menanggung kesan yang serius akibat tercetusnya peristiwa tersebut. Impaknya, semenjak tarikh 13 Mei hingga 31 Julai 1969, seramai 196 orang terbunuh di seluruh negara dan kaum Cina mencatatkan jumlah

¹⁶Terdapat pelbagai versi mengenai kisah kematian dua individu Cina ini. Pertama, Tunku Abdul Rahman (2007) dalam perbincangannya menyatakan rusuhan bermula apabila dua penunggang motosikal berbangsa Cina yang kebetulan melalui Jalan Raja Muda, Kampung Baru telah diserang dan dibunuh oleh orang Melayu di kawasan tersebut. Manakala sumber kedua yang dipetik daripada Laporan Kertas Putih Peristiwa 13 Mei 1969 yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan mendekahkan dua individu Cina tersebut telah dibunuh dan van mereka telah dibakar oleh peserta-peserta perhimpunan yang berkumpul di rumah Harun Idris. Semasa rusuhan tersebut berlaku, Harun Idris telah memanjat ke atas bumbung sebuah bas yang terdapat di kawasan berkenaan dan menyampaikan ucapan meminta peserta-peserta bersabar. Malah, Ahmad Razali selaku Setiausaha Politiknya turut serta bersama Harun merayu kepada semua yang hadir untuk mengawal perasaan dan kemarahan tetapi tidak dipedulikan (Laporan Kertas Putih Peristiwa 13 Mei 1969, p.56-59). Meskipun wujud perbezaan fakta mengenai kejadian tersebut, namun dapat dirumuskan kejadian berkenaan merupakan pencetus kepada peristiwa rusuhan kaum yang lebih besar kemudiannya.

kematian tertinggi berbanding dengan kaum-kaum lain iaitu seramai 123 orang (Laporan Kertas Putih 13 Mei 1969, p.97-99).

3.5 Rumusan

Kerjasama politik Melayu-Islam pasca merdeka melalui pelbagai perkembangan yang menarik untuk diketengahkan khususnya bagi menilai tahap perubahan yang berlaku dalam kalangan orang Melayu. Perkembangan kerjasama politik berkenaan muncul dalam beberapa peristiwa penting antaranya ketika PERIKATAN tewas kepada PAS di Kelantan dan Terengganu dalam pilihan raya umum tahun 1959, peralihan pentadbiran daripada PAS kepada PERIKATAN di Terengganu pada tahun 1961, pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dan rusuhan kaum antara orang Melayu dengan Cina di Singapura pada tahun 1964. Peristiwa-peristiwa berkenaan memiliki kesiginikan yang tersendiri untuk diketengahkan dalam perbincangan yang berkaitan dengan perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam.

Penilaian terhadap peristiwa-peristiwa tersebut bertujuan memperlihatkan wujudnya peranan faktor-faktor dan bentuk-bentuk kerjasama politik berbeza yang dialami oleh orang Melayu. Faktor-faktor terlibat telah menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu untuk membentuk kerjasama yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran dan kepentingan politik kaum tersebut. Meskipun orang Melayu-Islam berjaya memperjuangkan pelbagai kepentingan politiknya dari tahun 1961 hingga 1969, namun kejayaan tersebut dicapai setelah berhadapan dengan pelbagai cabaran sehingga mengakibatkan ratusan mangsa terkorban.

Politik Melayu-Islam memasuki dimensi baru selepas peristiwa penyingkiran Singapura pada tahun 1965, namun orang Melayu masih mengekalkan faktor ancaman kaum sebagai asas pembentukan kerjasama politik di negara ini. Secara keseluruhannya,

perbincangan bab ini telah menjelaskan bahawa peristiwa-peristiwa yang tercetus tersebut mempengaruhi arah kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Bahagian berikut membincangkan mengenai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini pada era pasca peristiwa 13 Mei 1969.

BAB 4: KEDINAMIKAN POLITIK UMNO-PAS DARI TAHUN 1968 HINGGA 1978

4.1 Pendahuluan

Bahagian ini membincangkan secara terperinci perkembangan politik Melayu-Islam pasca penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965. Tindakan Tunku Abdul Rahman menyingkirkan Singapura atau secara lebih tepat parti PAP pada asalnya bertujuan untuk mengurangkan ketegangan hubungan kaum yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Namun keadaan sebaliknya berlaku apabila sentimen perkauman dalam masyarakat Malaysia menjadi semakin menebal dan kemudiannya mempengaruhi kecenderungan pengundi-pengundi dalam pilihan raya umum pada tahun 1969. Kesannya, parti UMNO dan gabungannya dalam PERIKATAN telah mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya umum berkenaan, manakala parti-parti baru pembangkang seperti DAP dan GERAKAN berjaya mencapai kemenangan yang membanggakan.

Kejayaan yang dicapai oleh parti-parti pembangkang berkenaan telah diraikan menerusi penganjuran perarakan yang sarat dengan elemen provokasi perkauman sekaligus menyebabkan ketegangan kaum khususnya melibatkan orang Melayu dengan Cina. Akhirnya, ketegangan kaum yang sukar dikawal telah mencetuskan tragedi 13 Mei 1969 sekaligus menandakan berakhirnya kesepaduan antara kaum yang dibentuk semenjak era sebelum merdeka. Bahagian ini turut membincangkan bibit-bibit kerjasama politik antara UMNO dengan PAS yang muncul selepas peristiwa 13 Mei 1969 sehingga membawa kepada penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973.

4.2 Kerajaan Campuran 1973: Perjuangan Berbeza Kepada Politik Kerjasama

Keputusan pilihan raya umum tahun 1969 telah memberikan impak yang besar terhadap kestabilan politik negara apabila tercetusnya peristiwa rusuhan antara kaum bermula pada 13 Mei 1969. Rusuhan yang semakin meruncing menyebabkan kerajaan bertindak mengisytiharkan darurat pada 16 Mei 1969 dan menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai Tun Abdul Razak. Pelantikan beliau sebagai Pengarah MAGERAN merupakan satu kepercayaan dan penghormatan besar yang diberikan oleh Tunku berdasarkan kepada pengalaman serta kesungguhannya sepanjang terlibat dalam pentadbiran negara (Tunku Abdul Rahman 2007, p.90-92).

Sebagai Pengarah MAGERAN, Tun Abdul Razak telah diberikan kuasa yang luas khususnya dalam menggubal polisi dan arahan keselamatan bagi meredakan ketegangan rusuhan pada waktu tersebut. Peruntukan kuasa yang besar kepada Tun Abdul Razak pada ketika itu membolehkan beliau menggunakan kesempatan berkenaan untuk bertindak di luar kebiasaan tradisi politik di negara ini menerusi pembinaan hubungan dengan seteru politiknya khususnya parti PAS. Praktik politik sedemikian tidak pernah diguna pakai oleh Tunku Abdul Rahman dalam mana-mana krisis politik sebelum tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 memandangkan beliau menolak kemunculan PAS dalam arena politik negara ini. Hal sebaliknya dilakukan oleh timbalannya apabila Tun Abdul Razak membuktikan keterbukaan politiknya apabila menjemput Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS ke Kuala Lumpur pada 16 Mei 1969 sejurus selepas tercetusnya peristiwa rusuhan kaum berkenaan. Bagi memperlihatkan kesungguhan politiknya pada ketika itu, Tun Abdul Razak telah bertindak mengutuskan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Hamzah Abu Samah ke Kelantan untuk menjemput Mohd Asri Muda ke Kuala Lumpur (Mohd Asri Muda 1993, p.89-91). Tindakan Tun Abdul Razak mengutuskan seorang ahli kabinet ke Kelantan menandakan pertemuan yang bakal dijalankan adalah melibatkan perkara yang serius

dan tidak pernah dilakukan dalam sejarah politik UMNO. Malah tindakan tersebut memperlihatkan wujudnya kedinamikan politik antara kedua-dua pemimpin tersebut semata-mata untuk mengembalikan kekuatan dan kepentingan orang Melayu di negara ini.

Setelah Mohd Asri Muda menyatakan persetujuannya untuk ke Kuala Lumpur, pihak kerajaan telah menyediakan kawalan keselamatan yang ketat kepada beliau dan layanan istimewa tersebut merupakan kemudahan kali pertama diberikan oleh kerajaan kepada pemimpin parti pembangkang. Seperti dirancangkan kerajaan, Mohd Asri Muda telah diterbangkan dari Kelantan menerusi pesawat khas tentera dan beliau kemudiannya ditempatkan di Hotel Merlin, Kuala Lumpur. Lazimnya, hanya pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin negara sahaja yang layak untuk memperoleh kemudahan istimewa tersebut, namun atas faktor keselamatan dan langkah permulaan kepada perubahan pendekatan politik menyebabkan Tun Abdul Razak bertindak sedemikian. Setibanya Asri di Kuala Lumpur, beliau terus dibawa melawat ke sekitar kawasan yang terlibat seperti Kampung Baru untuk menyaksikan kesan rusuhan dan kerosakan harta benda yang masih wujud. Meskipun Kampung Baru menjadi sasaran utama perusuh, namun terdapat beberapa kawasan lain seperti Jalan Bangsar, Foch Avenue dan Kampung Pandan turut terjejas teruk akibat kejadian berkenaan (Mohamed Asri Muda 1993, p.89-90). Lawatan Mohd Asri Muda ke Kampung Baru pada ketika itu amat signifikan memandangkan kampung tersebut didiami oleh penduduk Melayu dan penduduknya merupakan penyokong kuat UMNO sekaligus menjadi sasaran utama perusuh bagi mencetuskan huru-hara yang lebih serius.

Setelah meninjau suasana kemusnahan di sekitar kawasan rusuhan tersebut, Asri dengan segera memberi respon menyatakan beliau terkejut dan kesal kerana tidak menjangkakan rusuhan berkenaan boleh mengakibatkan kerosakan sedemikian (Mohd Asri Muda 1993, p.91). Kerosakan yang disaksikan sendiri oleh Asri kemudiannya

dijadikan bahan perbincangan utama antara beliau dengan Tun Abdul Razak ketika pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan di bangunan Parlimen. Kesediaan kedua-dua pemimpin parti politik Melayu-Islam untuk bertemu dan berbincang mengenai kemelut perkauman yang sedang melanda negara merupakan satu kejayaan komunikasi efektif melibatkan pemimpin-pemimpin berkenaan. Hakikatnya, perbezaan ideologi politik boleh diketepikan sekiranya kedua-dua pemimpin dari UMNO dan PAS saling mempercayai antara satu sama lain. Malah kepercayaan yang berjaya disemai dalam kalangan pemimpin tersebut kemudiannya telah mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Hal ini dapat dinilai menerusi beberapa tindakan susulan yang diambil oleh UMNO dan PAS selepas pertemuan bersejarah antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda sebelumnya.

4.2.1 Bantuan Penyelesaian Hutang Kerajaan Negeri Kelantan

Semenjak penubuhan parti PAS pada tahun 1951, parti tersebut dilihat cuba untuk menjadi pesaing utama UMNO dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dan kedudukan Islam di negara ini. Namun, perseteruan politik antara kedua-dua parti berkenaan semakin berkurangan selepas tercetusnya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, sekaligus menandakan bermulanya era baru kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dengan PAS.

Era baru kerjasama politik dapat dilihat menerusi komunikasi yang semakin rancak antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda menerusi pelbagai rundingan dan perbincangan melibatkan isu-isu kepentingan orang Melayu-Islam. Salah satu hasil kerjasama politik antara UMNO dengan PAS yang dirintis menerusi rundingan selepas peristiwa rusuhan kaum tersebut ialah membabitkan projek pembinaan sebuah jambatan di Kelantan. Rancangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Kota Bharu dengan Pasir Pekan di negeri Kelantan timbul ketika PAS menerajui pentadbiran negeri selepas

pilihan raya umum tahun 1959 (Mohamed Asri Muda 1993, p.89-91). Bagi kerajaan negeri, pembinaan sebuah jambatan yang menghubungkan kedua-dua kawasan berkenaan penting bagi menyelesaikan kesukaran perhubungan dan menjamin keselamatan penduduk. Hal ini kerana penduduk-penduduk di sekitar kawasan berkenaan sering menggunakan perkhidmatan feri dan perahu untuk merentasi Sungai Kelantan. Keupayaan pengangkutan air berkenaan semakin terbatas apabila berlaku peningkatan kenderaan dan permintaan dari penduduk-penduduk sekitar yang setiap hari menyeberangi sungai berkenaan.

Namun rancangan pembinaan jambatan berkenaan sukar dilaksanakan meskipun terdapat keperluan mendesak memandangkan kos keseluruhan projek tersebut dianggarkan mencecah RM3 juta (Mohammad Agus Yusoff 2006, p.336-337).¹⁷ Oleh demikian, kerajaan negeri telah memutuskan untuk mengemukakan permohonan bantuan peruntukan sebanyak RM5 juta daripada kerajaan persekutuan bagi menampung kos projek berkenaan. Pada peringkat awalnya, Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri menyatakan kerajaan persekutuan bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan bantuan kewangan bagi membiayai pembinaan jambatan berkenaan. Namun permohonan tersebut kemudiannya tidak diluluskan oleh kerajaan persekutuan atas alasan kerajaan negeri tidak menyerahkan pelan pembinaan

¹⁷Kerajaan negeri Kelantan mengakui memiliki sumber kewangan yang terhad kerana kekurangan hasil mahsul yang boleh membantu meningkatkan pendapatan negeri untuk menampung perbelanjaan pengurusan seperti negeri-negeri lain. Kekangan kewangan ini menyebabkan kerajaan pimpinan parti PAS pernah menghadapi kesulitan untuk melakukan pembayaran gaji kepada kakitangannya semasa di bawah teraju Mohd Asri Muda sebagai Menteri Besar. Oleh demikian, kerajaan negeri pada ketika itu memohon bantuan kewangan berjumlah RM 1.5 juta daripada kerajaan persekutuan bagi menyelesaikan masalah pembayaran gaji tertunggak berkenaan. Tindakan kerajaan negeri tersebut telah digembira gemburkan oleh media prokerajaan bagi menggambarkan kelemahan pengurusan kerajaan negeri di bawah pimpinan parti PAS. Namun nasib yang berbeza dialami oleh kerajaan PERIKATAN di negeri Kedah apabila media-media prokerajaan mengambil pendekatan berdiam diri meskipun kerajaan negeri tersebut turut memohon pinjaman kewangan sebanyak RM 1 juta daripada kerajaan persekutuan (Funston 1980, p.57-60). Layanan berbeza yang diberikan oleh media-media prokerajaan kepada kerajaan Kelantan memperlihatkan wujudnya sikap pilih kasih dan kawalan terhadap peranan media oleh pihak kerajaan bagi melemahkan imej seterus politiknya sebagai kerajaan negeri. Keadaan ini masih berlaku dalam praktik politik di Malaysia hari ini apabila media-media arus perdana masih dikawal oleh pihak kerajaan sebagai alat memperkuuh hegemoni dan kedudukan politiknya ketika berhadapan dengan parti-parti pembangkang. Kawalan terhadap media-media utama seperti rangkaian radio dan televisyen (RTM), syarikat Media Prima Berhad yang mengendalikan stesen televisyen TV3, NTV, 8TV dan syarikat-syarikat akhbar dilakukan menerusi pegangan saham terbesar oleh anak-anak syarikat milik kerajaan dan Barisan Nasional (BN) (Yow Cong Lee 2014, p.145-147). Malah kerajaan pada tahun 1998 telah mengetarkan lagi kawalannya terhadap institusi media dengan menubuhkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sebagai langkah menghadkan peranan media dalam proses pendemokrasian di Malaysia. Sepanjang era pasca kemerdekaan, kerajaan telah bertindak dengan pelbagai langkah kekerasan terhadap institusi dan pengamal media dengan mengehadkan penerbitan akhbar milik seterus politiknya seperti Harakah yang dimiliki oleh parti PAS ketika era pentadbiran Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan penahanan wartawan Sin Chew Daily di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 2008. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Funston (1980), Jeniri Amir & Hamedи Mohd Adnan (2013) dan Yow Cong Lee (2014).

kepada Jabatan Kerja Raya (JKR). Meskipun bantuan pembiayaan ditolak, namun kerajaan negeri tetap meneruskan rancangan pembinaannya apabila kerja-kerja asas di tapak projek mula dijalankan oleh kontraktor bermula pada 14 September 1962.

Sebagai alternatifnya, kerajaan Kelantan telah bertindak mengemukakan permohonan pinjaman pembiayaan daripada Bank Perdagangan untuk menampung kos keseluruhan pembinaan jambatan berkenaan. Akhirnya, projek tersebut telah berjaya disempurnakan pada tahun 1964 selepas tempoh dua tahun pembinaan jambatan dilancarkan. Kesannya, jambatan yang berjaya dibina tersebut telah memberi manfaat yang besar terhadap perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat tempatan setelah sekian lama penantian yang berpanjangan. Namun, kejayaan yang dikehendaki menerusi pembinaan jambatan berkenaan hanya kekal bagi tempoh sementara apabila kerajaan negeri mula dibelenggu dengan bebanan hutang kepada pihak bank. Kerajaan Kelantan pimpinan PAS terpaksa menanggung bebanan hutang berkenaan sehingga timbulnya kesediaan Tun Abdul Razak untuk membantu melangsikan pembiayaan tersebut. Kesediaan kerajaan persekutuan tersebut timbul selepas UMNO menilai bahawa wujudnya keperluan kerjasama dengan PAS bagi memperkuat kedudukan politik Melayu pasca peristiwa 13 Mei 1969. Keperluan untuk bekerjasama pada ketika itu telah diterjemahkan menerusi perbincangan dan rundingan melibatkan kedua-dua pemimpin sehingga berjaya menyelesaikan masalah-masalah tertunggak dan sedang dihadapi oleh orang Melayu-Islam di negara ini.¹⁸ Kejayaan proses perbincangan dan

¹⁸Keakraban hubungan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda dapat dilihat menerusi kekerapan pertemuan dan perbincangan antara kedua-dua pemimpin tersebut khususnya mengenai perkembangan hal ehwal orang Melayu-Islam. Malah hubungan erat kedua-dua pemimpin pada ketika itu telah melangkau sempadan urusan kerajaan apabila Mohd Asri Muda bertindak di luar kebiasaan sebagai pemimpin parti dengan meminta pandangan dan nasihat daripada Tun Abdul Razak dalam menguruskan dakwaan PAS terlibat dan menyokong aktiviti keganasan. Parti PAS pada ketika itu telah dituduh bersekongkol dan menyokong gerakan Pembebasan Wilayah Thai Selatan yang menuntut pemisahan daripada kerajaan Thailand. Tuduhan yang dilemparkan kepada PAS tersebut semakin menjelaskan imej parti berkenaan menjelang lawatan Mohd Asri Muda ke Thailand atas jemputan pemerintah negara tersebut. Oleh demikian, beliau dengan segera setelah dinasihatkan oleh Tun Abdul Razak memanggil satu sidang akhbar sebelum berlepas ke Thailand bagi menjelaskan kedudukan dan pendirian PAS mengenai isu di wilayah Selatan Thailand. Menerusi kenyataan akhbar tersebut, Mohd Asri menegaskan PAS tidak akan berkompromi dengan isu keganasan dan pada waktu yang sama tidak pernah terlibat menyalurkan bantuan kewangan serta persenjataan kepada kumpulan-kumpulan pemisah di kawasan berkenaan. Namun, beliau menyatakan bahawa PAS berasa simpati terhadap nasib yang dialami oleh umat Islam di wilayah-wilayah berkenaan apatah lagi parti yang memerintah Kelantan ketika itu hanya dipisahkan menerusi sempadan sungai dengan wilayah berkenaan. Terdapat lima wilayah selatan Thailand yang majoritinya penduduknya beragama Islam, namun hanya wilayah Narathiwat sahaja yang bersempadan dengan negeri Kelantan dan dipisahkan oleh Sungai Golok. Meskipun Kelantan dan Narathiwat kini dipisahkan secara fizikal oleh sempadan dua buah negara, namun masyarakat di kedua-dua wilayah tersebut sebenarnya

rundingan berkenaan sekali lagi membuktikan kedinamikan politik antara UMNO dengan PAS yang muncul pada ketika itu mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul sebelumnya.

4.2.2 Pembentukan Kerajaan Campuran Tahun 1973

Perubahan pendekatan politik pemimpin UMNO dan PAS pasca 13 Mei 1969 tidak hanya tertakluk kepada bantuan menyelesaikan kesulitan yang dialami oleh pentadbiran kerajaan masing-masing, namun perubahan tersebut semakin terserlah apabila timbulnya idea untuk mewujudkan kerjasama politik secara rasmi. Idea pembentukan kerjasama rasmi tersebut muncul setelah 22 tahun perseteruan politik antara UMNO dan PAS berlalu. Perseteruan kedua-dua parti pada asalnya hanya melibatkan percanggahan matlamat asas perjuangan mereka, namun perbezaan tersebut bertukar kepada pergelutan kuasa politik apabila UMNO dengan PAS mula menentang antara satu sama lain dalam pilihan raya umum. Keadaan ini semakin menyukarkan usaha kerjasama antara UMNO dengan PAS sehingga tercetusnya rusuhan antara kaum menerusi peristiwa 13 Mei 1969.

Tragedi tersebut akhirnya telah menyedarkan pemimpin UMNO dan PAS untuk mengenepikan perseteruan mereka selama ini semata-mata untuk kepentingan orang Melayu-Islam. Oleh demikian, wujud gesaan terbuka oleh Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda ketika menyampaikan ucapan kepada penyokong-penyokong masing-masing supaya kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dimobilisasikan segera. Misalnya Tun Abdul Razak menerusi ucapannya ketika Perasmian Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun 1972 menyatakan kesediaan untuk membentuk Kerajaan Campuran berasaskan kepada pengekalan identiti parti masing-masing. Manakala Mohd Asri Muda pada 13 Julai 1972 bersetuju dengan idea pembentukan Kerajaan Campuran tetapi

memiliki corak budaya dan agama yang sama kerana pada asalnya berada dalam jajahan negeri Patani. Untuk maklumat lanjut, rujuk Mohd Asri Muda (1993).

mencadangkan agar kerjasama berkenaan meliputi pelbagai aspek politik (Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun 2011, p. 364-367). Idea-idea yang dilontarkan secara lisan oleh pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti tersebut akhirnya diterjemahkan menerusi beberapa siri rundingan rasmi dan tidak rasmi. Bagi memastikan usaha rundingan yang bakal diadakan tersebut mendapat mandat daripada perwakilan, Muktamar PAS pada tarikh 18 Julai 1972 secara sebulat suara telah memberikan usaha berkenaan (Abu Bakar Hamzah 1992, p.20-21).

Oleh demikian, satu rundingan tidak rasmi yang terawal melibatkan kepimpinan UMNO dan PAS telah diatur pada penghujung bulan September 1972, di Switzerland. Rundingan tidak rasmi tersebut telah disertai Tun Abdul Razak sebagai Presiden UMNO/PERIKATAN, manakala Abu Bakar Hamzah selaku Setiausaha Agung PAS mewakili parti Islam berkenaan. Matlamat utama pertemuan tersebut adalah bagi memberi peluang kepada kedua-dua parti mengemukakan permintaan-permintaan masing-masing sebelum pembentukan Kerajaan Campuran (Abu Bakar Hamzah 1992, p.2-3). Kunjungan pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti ke Switzerland tersebut memperlihatkan wujudnya proses komunikasi efektif melibatkan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS. Malah kesediaan masing-masing ke Switzerland membuktikan kesungguhan dan komitmen pemimpin-pemimpin UMNO serta PAS untuk mewujudkan kerjasama politik pada waktu tersebut. Perbincangan yang berjaya dijalankan di Switzerland tersebut kemudiannya disusuli dengan beberapa siri pertemuan dan rundingan rasmi antara kedua-dua parti di tanah air. Perseteruan politik yang sebelumnya mengundang ketegangan hubungan antara kedua-dua parti kini berubah kepada persahabatan politik yang semakin akrab.

Bagi merealisasikan rancangan kerjasama politik menerusi pembentukan Kerajaan Campuran berkenaan, PAS sekali lagi memanggil perwakilannya untuk mendapatkan mandat dan kebenaran menerusi Muktamar Khas pada 21 Disember 1972.

Muktamar yang bertujuan mendapatkan konsensus perwakilan akhirnya telah menimbulkan pelbagai pandangan yang berbentuk sokongan, kritikan dan penolakan terhadap rancangan kepimpinan tertinggi parti. Akhirnya, muktamar yang berlangsung selama tujuh jam dalam suasana tegang telah memberikan kebenaran kepada kepimpinan PAS untuk membentuk Kerajaan Campuran bersama UMNO/PERIKATAN. Kebenaran yang diberikan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut iaitu kerajaan persekutuan perlu menyalurkan peruntukan pembangunan kepada negeri Kelantan, kerajaan persekutuan mestilah melantik Mohd Asri Muda sebagai ahli kabinet, pelantikan dua wakil UMNO sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di negeri Kelantan, pemimpin PAS dilantik mengisi jawatan-jawatan tertentu dalam Kerajaan, pemilihan dua wakil PAS sebagai EXCO di negeri Kedah dan Terengganu, penetapan rundingan antara kerajaan persekutuan dengan PAS sebelum penggubalan dasar penting negara, peluang sama rata kepada ahli PAS untuk dilantik menyertai pentadbiran kerajaan, dan PAS diberikan kebebasan untuk menyatakan pendirian serta pandangan mereka khususnya melibatkan hal ehwal agama. Di akhir muktamar, satu pengundian telah diadakan dengan seramai 194 perwakilan bersetuju dengan rancangan menyertai Kerajaan Campuran, 90 menolak dan 30 perwakilan mengambil pendirian untuk berkecuali (Paridah Abd. Samad 2001, p.122-128).

Rundingan bagi mewujudkan kerjasama politik secara rasmi diteruskan oleh kepimpinan dari kedua-dua parti dan dalam tempoh tersebut pelbagai saranan dikemukakan oleh wakil masing-masing. Antara cadangan tersebut misalnya Tun Dr. Ismail mencadangkan hanya negeri Kelantan sahaja membentuk Kerajaan Campuran. Namun Mohd Asri Muda berpandangan sebaliknya apabila beliau menyatakan pembentukan Kerajaan Campuran di Kelantan untuk memperkuuh kedudukan orang Melayu tidak perlu kerana keseluruhan kerusi DUN dikuasai oleh orang Melayu.

(Mauzy 1983, p.69-71). Pada ketika itu, kedudukan PAS di DUN Kelantan sangat kukuh apabila berjaya menguasai 19 kerusi, manakala UMNO hanya berjaya memperoleh 11 kerusi dalam pilihan raya umum pada tahun 1969. Oleh demikian, beliau mencadangkan agar kerjasama politik rasmi menerusi pembentukan Kerajaan Campuran tidak hanya terhad di Kelantan tetapi meliputi pelbagai peringkat bermula dari pentadbiran negeri sehingga persekutuan (Mohamed Asri Muda 1993, p.89-91). Bagi Mohd Asri, pembentukan Kerajaan Campuran antara UMNO dengan PAS perlu pada ketika itu untuk menyatukan dan memangkin kemajuan orang Melayu selain menangani ancaman keselamatan negara oleh pihak Komunis yang masih berleluasa. Namun, hujah Mohd Asri Muda tersebut dinilai sebagai retorik politik apabila beliau berhadapan dengan ahli-ahli PAS yang masih kurang jelas mengenai matlamat kerjasama politik berkenaan (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.89-91).

Meskipun timbul perbezaan pandangan dalam kalangan pemimpin parti mengenai corak kerjasama politik, namun percanggahan berkenaan kemudiannya berjaya diatasi menerusi komunikasi efektif. Komunikasi secara formal antara pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS telah diwujudkan menerusi pembentukan sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Tun Dr. Ismail (UMNO), Mohd Asri Muda (PAS), Muhammad Dali Muin (PAS), Kassim Ahmad (PAS) dan Abu Bakar Umar (PAS). Menurut Farish Noor (2004), penubuhan jawatankuasa tersebut bertujuan melicinkan proses penyertaan PAS ke dalam Kerajaan Campuran yang bakal dibentuk bersama PERIKATAN (Farish Noor 2004, p.253-256). Di samping itu, pembentukan sekretariat berkenaan memperlihatkan kesediaan dan kesungguhan pemimpin-pemimpin daripada UMNO dan PAS untuk merealisasikan matlamat penubuhan Kerajaan Campuran. Hakikatnya, penubuhan jawatankuasa khusus dan rundingan yang berkala masih lagi sukar mengenepikan kecurigaan dalam kalangan beberapa pemimpin daripada PERIKATAN mengenai idea penubuhan Kerajaan Campuran. Hal ini dapat

dilihat menerusi kenyataan Setiausaha Kerja PERIKATAN, Michael Chen yang menjangkakan Kerajaan Campuran hanya mampu bertahan untuk tempoh masa yang singkat sahaja. Manakala Tun Abdul Razak pernah mengakui kebimbangan mengenai risiko pembentukan Kerajaan Campuran, namun beliau kemudiannya yakin manfaat yang bakal diperoleh orang Melayu kelak (Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun 2011, p.357-367). Kebimbangan yang disuarakan oleh kedua-dua pemimpin berkenaan menjelaskan perseteruan politik yang berpanjangan antara PERIKATAN khususnya UMNO masih lagi mempengaruhi keyakinan masing-masing untuk bekerjasama dengan PAS.

Proses rundingan bagi membentuk kerjasama politik UMNO dengan PAS yang berpanjangan tiba di kemuncaknya pada 27 Disember 1972, apabila Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda mengadakan pertemuan terakhir bagi memutuskan terma-terma kandungan perjanjian. Akhirnya, pada 28 Disember 1972 sebuah perjanjian bersejarah yang mengandungi 13 perkara telah dimeterai antara Tun Abdul Razak (Yang di-Pertua UMNO) dengan Mohd Asri Muda (Yang di-Pertua PAS) untuk membentuk Kerajaan Campuran. Perjanjian rasmi yang berjaya dimeterai ini merupakan asas kepada pembentukan Kerajaan Campuran yang berjaya dibentuk hasil komitmen pemimpin UMNO dan PAS. Oleh demikian, bermulalah era baru politik Melayu-Islam di negara ini melalui kerjasama antara UMNO dengan PAS yang berjaya mengalah penglibatan mereka dalam politik Malaysia daripada kekal menjadi seteru kepada sekutu politik kukuh bagi memperjuangkan dan mengembalikan kedudukan orang Melayu-Islam di negara ini. Menerusi perjanjian yang dimeterai tersebut, terdapat empat ciri khusus yang menepati kehendak pendekatan kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) yang dianjurkan oleh Islam iaitu wujudnya dokumen perjanjian yang jelas, perjanjian terbatal apabila dikhianati, terdapat tempoh perjanjian dan penggunaan nama Allah s.w.t dalam dokumen perjanjian. Kehadiran dokumen yang jelas dalam perjanjian berkenaan penting

sebagai panduan kepada kedua-dua parti untuk bekerjasama atas landasan yang betul dan berperanan sebagai formula penyelesaian sekiranya timbul konflik melibatkan kedua-dua parti pada masa akan datang.

Di samping itu, kedua-dua parti telah memulakan ungkapan nama dan memuji Allah s.w.t menerusi pernyataan bersama mereka mengenai Kerajaan Campuran (Mohd Asri Muda 1993, p.94). Tindakan ini memperlihatkan kerjasama politik yang dirintis oleh panduan perubahan politik yang ingin dilaksanakan. Ketiga, kedua-dua pemimpin berkenaan menetapkan persetujuan tempoh masa perjanjian menerusi Perkara 11 yang menyatakan tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi pilihan raya umum yang bakal dihadapi pada masa akan datang. Oleh demikian, kedua-dua parti hanya tertakluk kepada perjanjian selagi pilihan raya umum belum ditentukan dan tindakan selanjutnya hanya dirunding sekiranya timbul keperluan. Terakhir, perjanjian kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) menurut perspektif Islam telah terbatal apabila kerajaan persekutuan mengisyiharkan Perintah Darurat di Kelantan tanpa dipersetujui oleh PAS. Maka perjanjian yang dimeterai oleh kedua-dua pemimpin pada waktu tersebut sebenarnya adalah bersifat menyeluruh menepati kerangka pendekatan Barat dan Islam.

Dengan termeterainya perjanjian tersebut, maka bermulalah era baru perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS. Komitmen Tun Abdul Razak untuk melaksanakan perubahan dan memperkuuhkan kedudukan politik orang Melayu semakin jelas apabila beliau terus merombak barisan Kabinet sejurus selepas memeterai perjanjian berkenaan. Menerusi rombakan tersebut, PAS memperoleh laba politik yang besar apabila diperuntukkan beberapa jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri dan persekutuan. Berikut merupakan jawatan-jawatan yang disandang oleh wakil-wakil PAS di peringkat kerajaan persekutuan selepas pembentukan Kerajaan Campuran bermula 1 Januari 1973:

Jadual 4.1: Senarai Wakil Rakyat PAS yang dilantik Menganggotai Pentadbiran Kerajaan Campuran

Nama	Jawatan Kerajaan	Jawatan parti
Mohd Asri Muda	Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas	Yang di-Pertua
Yusof Rawa	Timbalan Menteri Perusahaan Utama	Ahli Jawatankuasa Kerja Agung
Abu Bakar Hamzah	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	Setiausaha Agung

Berdasarkan jadual di atas, Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS merupakan satu-satunya wakil dari parti tersebut yang dilantik sebagai Menteri penuh di peringkat persekutuan. Manakala Haji Yusof Rawa, Ahli Jawatankuasa Kerja Agung telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan Abu Bakar Hamzah, Setiausaha Agung menjawat jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di peringkat negeri, dua ADUN daripada UMNO di negeri Kelantan iaitu Hussain Ahmad dan Mohamed Idris telah dipilih sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Manakala wakil-wakil rakyat PAS di Kedah dan Terengganu turut dilantik menganggotai pentadbiran kerajaan negeri yang dikuasai oleh UMNO-PERIKATAN.

Misalnya Abu Bakar Umar dan Ismail Kassim di Kedah, manakala Kassim Ahmad dan Omar Shukri Embong turut dilantik sebagai EXCO kerajaan negeri di Terengganu. Pelantikan ADUN-ADUN berkenaan sebagai EXCO telah berkuatkuasa bermula 1 hingga 6 Januari tahun 1973. Namun seorang EXCO PAS di Kedah iaitu Abu Bakar kemudiannya meletakkan jawatan selepas Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang bermesyuarat pada 3 Mei 1974 telah bersetuju menamakan beliau sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan yang baru menggantikan Abu Bakar Hamzah yang dipecat keahliannya sebagai ahli PAS pada tarikh 25 April 1974. Susulan pelantikan tersebut, Abu bakar Umar telah bertindak meletakkan jawatannya sebagai EXCO Kerajaan Kedah dan kekosongan kerusi yang diperuntukkan

kepada wakil PAS telah diisi oleh iaitu Harun Jusoh yang juga merupakan ADUN daripada PAS (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.94-96).

Pelantikan wakil-wakil rakyat PAS berkenaan merupakan satu perubahan awal yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak untuk mengkoordinasi pembahagian tugas selepas persetujuan dicapai untuk membentuk Kerajaan Campuran. Malah tindakan Tun Abdul Razak melantik Mohd Asri Muda sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas telah memberi kelebihan kepada PAS untuk memperkuuh kedudukan parti tersebut dalam kalangan penyokongnya. Hal ini kerana majoriti penyokong-penyokong parti PAS merupakan komuniti yang berpegang kuat kepada Islam mendiami kawasan-kawasan perkampungan dan pedalaman di seluruh negara.

Kecenderungan kelompok berkenaan menyokong PAS disebabkan oleh wujudnya persamaan corak kehidupan dan perjuangannya berbanding dengan ideologi nasionalisme yang diketengahkan oleh UMNO. Bagi PAS, Islam tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia termasuklah dalam konteks politik. Hal ini jelas tertera dalam perlembagaan parti dalam Bab Ketiga, Fasal 5 yang menyatakan tujuan penubuhan parti tersebut untuk membentuk masyarakat dan pemerintahan berteraskan kepada hukum Islam agar diredhai oleh Allah s.w.t (Perlembagaan Parti Islam se-Malaysia 2011, p.1-2). Oleh demikian, UMNO menilai bahawa PAS memiliki kekuatannya yang tersendiri dan kerjasama daripada PAS amat diperlukan untuk mengukuhkan semula kuasa politik orang Melayu-Islam yang terjejas dalam pilihan raya umum sebelumnya. Sebagai langkah memperkuuhkan semula sokongan orang Melayu-Islam, UMNO telah memberi peluang kepada wakil-wakil PAS untuk menerajui jawatan-jawatan penting dalam institusi agama dan memperluaskan lagi program-program yang berkaitan dengan pembangunan Islam di negara ini. Malah bagi menilai tahap sokongan rakyat kepada usaha kerjasama politik yang dirintis oleh Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda pada ketika itu, satu perhimpunan bersama telah

dianjurkan pada tarikh 20 April 1973 bertempat di Temerloh, Pahang. Penganjuran perhimpunan tersebut telah mencipta sejarah dalam perkembangan politik Melayu-Islam selepas merdeka apabila kedua-dua pemimpin yang berseteru sebelumnya berjaya disatukan dalam sebuah pentas yang sama. Susulan kejayaan tersebut, satu lagi perhimpunan yang menampilkan pemimpin-pemimpin sama turut dianjurkan pada tarikh 9 Mei 1974 di Kota Bharu, Kelantan. Kehadiran peserta-peserta perhimpunan di Kota Bharu pada waktu tersebut dianggarkan mencecah 80,000 orang sekaligus menjadi lambang kepada sokongan rakyat kepada kerjasama politik yang sedang berlangsung (Kamarul Zaman Haji Yusoff 2013, p.97-99). Penganjuran siri perhimpunan tersebut adalah untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada rakyat mengenai usaha dan perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam yang dirintis oleh UMNO dengan PAS. Bahagian berikut membincangkan sumbangan-sumbangan penting pembentukan Kerajaan Campuran terhadap pembangunan politik dan sosial orang Melayu di Malaysia.

4.3 Parti PAS dalam Kerajaan Gabungan BN Tahun 1974

Kerjasama politik Melayu-Islam semakin bertambah kukuh selepas setahun kejayaan pembentukan Kerajaan Campuran apabila Tun Abdul Razak telah mengemukakan idea untuk mewujudkan landskap politik baru di negara ini. Idea kerjasama politik baru ini diketengahkan apabila Tun Abdul Razak berpandangan bahawa wujudnya keperluan untuk membentuk sebuah gabungan politik yang lebih besar dan merentasi sempadan perkauman. Meskipun Tun Abdul Razak mencadangkan idea sedemikian, namun beliau masih memerlukan komitmen PAS dalam pembentukan gabungan kerjasama politik baru yang bakal diketengahkan. Pengekalan PAS dalam gabungan kerjasama politik baru kelak penting bagi memastikan kejayaan kerjasama politik diteruskan bagi

memperkuat kedudukan orang Melayu-Islam dan kestabilan politik yang telah dicapai sebelumnya.

Oleh demikian, satu mesyuarat Majlis Tertinggi PERIKATAN yang diadakan pada 17 Januari 1974 telah membincangkan secara serius mengenai usaha untuk memperluaskan lagi kerjasama politik sedia ada. Dalam mesyuarat tersebut, Mohd Asri Muda telah mencadangkan agar satu proses penjenamaan semula gabungan politik PERIKATAN dilaksanakan bagi mewujudkan imej baru kerjasama tersebut (Mohd Asri Muda 1993, p.97-100). Beliau memberi saranan agar nama PERIKATAN ditukar sebagai Barisan Nasional (BN) manakala simbol kapal layar turut digantikan dengan logo dacing yang berlatar belakangkan warna biru tua. Penjenamaan baru penting bagi menjelaskan PAS tidak membubarkan organisasinya untuk menyertai PERIKATAN tetapi bersama-sama dengan parti lain membentuk BN. Malah penyertaan PAS bersama BN merupakan satu kelebihan kepada parti berkenaan untuk meraih sokongan pengundi Melayu dan bukan Melayu khususnya menjelang pilihan raya umum pada tahun 1974.

Parti PAS menerusi mesyuarat Jawatankuasa Agung pada tahun 1974 telah menetapkan kerjasama politik sebelumnya masih boleh diteruskan melalui penyertaannya bersama BN. Malah, hasil mesyuarat jawatankuasa juga turut menyatakan bahawa tiada keperluan kepada parti untuk mengadakan semula muktamar bagi mendapatkan semula persetujuan daripada para perwakilan memandangkan matlamat asal kerjasama politik kedua-dua parti masih tidak berubah (Mohamed Asri Muda 1993, p.97-98). Oleh demikian, pihak parti secara rasminya merestui usaha Mohd Asri Muda untuk meneruskan kerjasama politik dengan UMNO melalui pembentukan gabungan kerjasama politik baru yang dinamakan sebagai BN. Meskipun ketetapan dan mandat rasmi telah diberikan oleh parti kepada Mohd Asri untuk meneruskan kerjasama politik melalui BN, namun telah tercetus gerakan penentangan yang dipelopori oleh beberapa pemimpin parti terhadap keputusan berkenaan.

Antara pemimpin yang mengorak langkah kehadapan menentang keputusan parti PAS pada ketika itu misalnya Abu Bakar Hamzah (mantan Setiausaha Agung), Amaluddin Darus, Mohd Fakaruddin Abdullah dan Sukurnain Ahmad. Bagi mereka, penentangan dilakukan kerana tindakan Mohd Asri Muda yang direstui oleh parti telah bercanggah dengan Perkara 11 perjanjian kerjasama politik antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda. Menurut mereka lagi, Perkara 11 dengan jelas menyatakan bahawa sebarang kerjasama dan ikatan tamat sekiranya bertujuan menghadapi pilihan raya umum berikutnya. Malah Mohd Asri juga dilihat telah menggadai perjuangan asal dan tidak membincangkan hal penyertaan PAS ke dalam BN secara rasmi dengan pemimpin-pemimpin kanan parti. Akhirnya, Mohd Asri Muda bertindak dengan tegas menyingkirkan penentang-penentang beliau daripada parti sekaligus meredakan pergelutan dalaman yang semakin berkembang meluas dalam PAS. Tindakan tersebut menyebabkan beliau dilabel sebagai seorang pemimpin autokratik dan menggelar parti berkenaan sebagai Parti Asri Sekeluarga (PAS). Gelaran tersebut diberikan kerana terdapat pemimpin-pemimpin parti memiliki hubungan kekeluargaan dengan Mohd Asri seperti isterinya Sakinah Junid sebagai Ketua Dewan Muslimat, Ishak Lotfi, anak saudaranya sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Salahuddin Abdullah, ipar Mohd Asri selaku Setiausaha Perhubungan PAS di Kelantan (Farish Noor 2004, p.254-257).

Hakikatnya, pergolakan dalaman PAS tersebut sukar melemahkan kerjasama politik antara parti berkenaan dengan UMNO dalam BN, malah hubungan kedua-dua parti semakin kukuh khususnya menjelang pilihan raya umum pada tahun 1974. Bagi PAS, pilihan raya umum yang bakal dihadapi pada 24 Ogos 1974 merupakan pilihan raya pertama yang disertainya bersama dengan gabungan BN. Oleh demikian, PAS dilihat mampu mencapai kemenangan yang mudah di kerusi-kerusi yang bakal ditandinginya memandangkan gabungan parti pemerintah dibantu oleh jentera-jentera kerajaan yang kuat.

Selain itu, kedudukan BN sebagai kerajaan di peringkat persekutuan merupakan satu kelebihan kepada PAS yang bakal menghadapi pilihan raya umum pertama bersama gabungan tersebut. Meskipun PAS berpengalaman memenangi pilihan raya dan membentuk kerajaan di peringkat negeri Kelantan dan Terengganu pada tahun 1959, namun situasi politiknya adalah berlainan berbanding di peringkat persekutuan. Kejayaan PAS dalam pilihan raya di negeri Kelantan dan Terengganu pada ketika itu adalah didorong oleh sentimen Islam dan kemelayuan yang tebal di kedua-dua negeri berkenaan. Oleh demikian, PAS menjadi pilihan pengundi-pengundi tempatan kerana perjuangan parti berkenaan memiliki persamaan dengan latar kehidupan masyarakat yang berpegang kuat kepada agama dan nilai kemelayuan di negeri-negeri tersebut. Corak politik PAS yang berbentuk sedemikian sukar diterima dan berkembang di negeri-negeri lain, maka penyertaan PAS dalam pilihan raya umum tahun 1974 menerusi BN boleh mengurangkan penolakan pengundi-pengundi dalam pilihan raya tersebut.

Setelah menilai kedudukan dan perkembangan politik BN dalam negara yang semakin kukuh, Tun Abdul Razak akhirnya mengambil keputusan untuk membubarkan Parlimen pada 31 Julai 1974 selepas diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Rentetan daripada pembubaran Parlimen tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kemudiannya telah menetapkan tarikh penamaan calon diadakan pada 8 Ogos 1974 manakala pilihan raya dijalankan pada 24 Ogos 1974 di kerusi-kerusi yang dipertandingkan. Penyertaan parti-parti komponen BN dalam pilihan raya umum berkenaan menjadi perhatian utama khususnya melibatkan pembahagian kerusi antara UMNO dengan PAS. Menjelang tarikh penamaan calon, BN telah menyelesaikan proses pembahagian kerusi dengan memperuntukkan 14 kerusi Parlimen dan 51 kerusi DUN kepada PAS di seluruh negara kecuali Johor, Sabah dan Sarawak (Mohd Hasbie Muda 2014, p.56-88). Manakala UMNO diperuntukkan dengan jumlah kerusi yang lebih

berbanding parti-parti komponen BN lain iaitu sebanyak 61 buah kerusi Parlimen. Peruntukan jumlah kerusi yang besar kepada UMNO dalam pilihan raya merupakan praktik politik yang lazim bermula semenjak penubuhan PERIKATAN sebelum merdeka.

Berdasarkan kepada pengagihan kerusi untuk pilihan raya berkenaan, jumlah kerusi yang ditandingi oleh PAS merosot 48 buah kerusi berbanding pilihan raya umum sebelumnya. Meskipun BN mengurangkan jumlah kerusi yang ditandingi oleh PAS dalam pilihan raya umum tahun 1974, namun tindakan tersebut dinilai sebagai satu strategi untuk memperkuatkan kedudukan politik parti tersebut. Tindakan PAS meletakkan calon di 62 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum tahun 1969 sebenarnya merugikan sumber tenaga dan kewangan parti apabila hanya sekadar memenangi 12 kerusi sahaja. Oleh demikian, adalah lebih baik kedua-dua sumber berkenaan dialih kepada kerusi-kerusi yang berpotensi untuk dimenangi berbanding meletakkan ramai calon untuk bertanding dalam pilihan raya.

Strategi mengurangkan calon dan meningkatkan kemenangan ini berjaya direalisasikan dalam pilihan raya umum tahun 1974 apabila PAS menang di semua 14 kerusi Parlimen yang ditandinginya.¹⁹ Keputusan ini membuktikan strategi politik PAS berjaya meningkatkan bilangan kerusi yang dimenangi parti tersebut berbanding pilihan raya umum tahun 1969 sebelum menyertai BN. Strategi yang digunakan oleh BN

¹⁹Dalam pilihan raya umum 24 Ogos 1974, PAS yang merupakan salah sebuah parti komponen Barisan Nasional telah diperuntukkan sebanyak 14 buah kerusi Parlimen untuk ditandingi di empat buah negeri iaitu di Kelantan, Perak, Kedah dan Terengganu. Jumlah kerusi yang diperuntukkan oleh BN kepada PAS kali ini lebih kecil jika dibandingkan semasa PAS bertanding secara sendirian sebagai parti pembangkang pada pilihan raya umum tahun 1969. Biarpun demikian, PAS masih mencatatkan peningkatan kemenangannya dalam pilihan raya umum ke-4 apabila berjaya menguasai 14 kerusi Parlimen dan 50 kerusi DUN berbanding pilihan raya umum sebelumnya. Di Kelantan, PAS berjaya memenangi 7 kerusi Parlimen (kecuali Bachok menang tanpa bertanding) dengan undi majoriti yang besar iaitu di Pengkalan Chepa (8561 undi), Pasir Mas (12180 undi), Rantau Panjang (8485 undi), Nilam Puri (11327 undi), Kuala Kerai (7530 undi) dan Pasir Putih (8138 undi) (Mohd Hasbie Muda 2004:120-121). Peratusan undi majoriti besar yang diperoleh calon-calon PAS tersebut berlaku memandangkan negeri Kelantan merupakan kubu kuat PAS dan memiliki peratusan pengundi Melayu-Islam yang lebih besar berbanding di negeri-negeri lain. Oleh demikian, tidak menghairankan jika PAS berupaya memenangi kawasan-kawasan tersebut dengan mudah dan terus menerajui pentadbiran Kelantan menerusi gabungan BN selepas pilihan raya umum tahun 1974 berkenaan. Manakala di Kedah, calon-calon PAS turut berjaya menewaskan calon dari parti pembangkang di kawasan parlimen Kota Setar, Padang Terap dan telah menang tanpa bertanding di kawasan Parlimen Ulu Muda melalui calonnya Yusof Rawa. Kejayaan yang sama turut dicapai PAS di Terengganu dengan menguasai kerusi Parlimen bagi kawasan Kuala Terengganu, Ulu Neris dan Dungun. Di samping itu, PAS terus mengekalkan kemenangan sebuah kerusi Parlimen di negeri Perak seperti pilihan raya umum sebelumnya, namun di kawasan yang berlainan iaitu dari kawasan Parlimen Parit ke Bagan Datoh. Untuk maklumat lanjut, rujuk Kamarul Zaman Haji Yusoff (2013) dan Mohd Hasbie Muda (2014).

khususnya kepada PAS ini tidak pernah dibincangkan oleh sarjana-sarjana yang melakukan kajian mengenai kerjasama politik UMNO dengan PAS. Namun kejayaan PAS dalam pilihan raya umum tahun 1974 sebenarnya telah dibantu oleh pengaruh UMNO dan penggunaan logo “Dacing” oleh PAS sekaligus melenyapkan identiti parti yang diwakili oleh setiap calon yang bertanding. Semasa hari penamaan calon, BN telah mencatatkan kemenangan tanpa bertanding di 47 buah kerusi Parlimen dan 43 kerusi DUN di seluruh negara. Malah, tiga calon PAS iaitu Mohd Zain Abdullah (calon bagi kawasan Parlimen Bachok), A. Shukri Syukur (calon bagi kawasan Parlimen Padang Terap) dan Yusof Rawa (calon bagi kawasan Parlimen Ulu Muda) turut menang kerusi-kerusi yang dicalonkan tanpa bertanding (Mohd Asri Muda 1993, p.102-104). Menariknya dalam pilihan raya umum tersebut, terdapat segelintir bekas pemimpin kanan yang tidak bersetuju dengan tindakan Mohd Asri Muda menyertai BN telah bertindak bertanding atas tiket Bebas menentang calon PAS. Kelompok pemimpin dan ahli PAS yang bertindak demikian telah menggelar kumpulan mereka sebagai Bebas Bersatu sebagai langkah protes terhadap tindakan Mohd Asri yang semakin mengenepikan peranan parti dalam tindakan politiknya.

Gerakan Bebas Bersatu ini telah diketuai oleh Ahmad Fakharuddin Abdullah, (Ahli Parlimen PAS) manakala Abu Bakar Hamzah, Amaluddin Darus dan Daud Yatimi turut menyokong gerakan berkenaan. Meskipun calon-calon Bebas ini gagal menewaskan calon-calon dari parti PAS, namun mereka telah berjaya meraih 20 peratus jumlah keseluruhan undi yang dimenangi dalam pilihan raya umum berkenaan (Alias Muhammad 1978, p.72-75). Keadaan ini memperlihatkan bahawa ahli-ahli akar umbi PAS menyokong agenda yang diperjuangkan oleh bekas pemimpin-pemimpin parti berkenaan untuk menentang keputusan menyertai BN pada tahun 1974. Pergolakan dalaman PAS semakin serius apabila Mohd Asri kemudiannya bertindak menyingkirkan penentang-penentang beliau dengan memecat 15 pemimpin kanan parti di beberapa

buah negeri seluruh negara. Antara pemimpin-pemimpin berkenaan ialah Abdul Karim Idris (Bendahari PAS Perak), Sukurnain Ahmad (Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak) dan Mahmud Zainal Abidin (ADUN) (Farish Noor 2004, p.254-257). Bagi Mohd Asri, pemecatan pemimpin-pemimpin dan pergolakan parti merupakan masalah dalam biasa yang dihadapi oleh mana-mana parti di negara ini (Alias Muhammad 1978, p.73). Kenyataannya ini memperlihatkan seolah-olah Mohd Asri semakin tidak menghiraukan masalah yang melanda PAS memandangkan beliau pada ketika itu lebih mementingkan hubungannya dengan BN.

Di samping itu, kemenangan PAS di semua kerusi Parlimen yang ditandinginya dalam pilihan raya umum pada tahun 1974 memperkuatkan lagi tindakan Mohd Asri sebelumnya untuk menyertai BN. Oleh demikian, beliau akhirnya berjaya mematahkan hujah-hujah penentangnya bahawa PAS diperguna untuk memperkuuh semula kedudukan UMNO yang terjejas teruk dalam pilihan raya umum tahun 1969. Malah peranan PAS dalam kerajaan semakin meluas apabila beberapa jawatan tambahan telah diperuntukkan kepada wakil-wakilnya selepas pilihan raya umum tahun 1974. Hakikatnya, kerjasama politik UMNO dengan PAS menerusi kerajaan BN pada ketika itu telah memberikan banyak kelebihan kepada pembangunan dalam pelbagai aspek dan pengukuhan kuasa politik orang Melayu-Islam di negara ini. Oleh demikian, bahagian berikut meneliti dan membincangkan secara terperinci kelebihan-kelebihan yang diperoleh orang Melayu-Islam hasil kerjasama politik UMNO-PAS sepanjang tempoh wujudnya gabungan kerajaan BN.

4.3.1 Pembangunan Melayu-Islam Hasil Kerjasama UMNO-PAS dalam BN

Kerjasama politik UMNO dengan PAS menerusi BN telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pencapaian politik PAS dalam pilihan raya umum ke-4 dan pembangunan orang Melayu-Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Hakikatnya,

terdapat pelbagai perubahan yang dialami oleh orang Melayu-Islam selepas pilihan raya umum ke-4 menerusi kerjasama politik yang dipelopori oleh kedua-dua parti berkenaan. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Mohd Asri Muda yang menyatakan kerjasama politik yang dicapai dalam pilihan raya umum tahun 1974 merupakan simbol kepada perpaduan orang Melayu-Islam. Malah beliau secara terbuka mengakui calon-calon PAS sukar untuk menang di kawasan yang ditandinginya dalam pilihan raya umum tersebut sekiranya mereka bertanding sendirian (Mohamed Asri Muda 1993, p.97-100).

Kejayaan PAS yang memberangsangkan dalam pilihan raya umum ke-4 telah memberi peluang kepada parti tersebut untuk memperkuatkannya dalam kerajaan. Rentetan daripada kejayaan tersebut, PAS telah diperuntukkan tambahan dua jawatan bagi jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di peringkat Persekutuan. Jadual 4.2 berikut merupakan senarai wakil-wakil dari parti PAS yang dilantik menganggotai pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri:

Jadual 4.2: Senarai Wakil PAS yang dilantik Menganggotai Pentadbiran Kerajaan Pimpinan Tun Abdul Razak Pasca Pilihan Raya Umum tahun 1974

Nama	Jawatan Kerajaan	Jawatan Parti
Mohd Asri Muda	Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah	Yang di-Pertua
Hasan Adli	Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan	Timbalan Yang di-Pertua
Abu Bakar Umar	Timbalan Menteri Kesihatan	Pesuruhjaya Pas Kedah
Mustapha Ali	Timbalan Menteri Sains dan Teknologi	Pemuda PAS
Zahari Awang	Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri	Ketua Pemuda PAS Kuala Krai
Abdul Wahab Yunus	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan	Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu
Salmah Sheikh Mohsein	Ahli Dewan Negara	Muslimat PAS
Yusof Rawa	Duta Malaysia ke Iran dan Turki	Mursyidul Am PAS

Tindakan Tun Abdul Razak menambah jumlah wakil PAS dalam Kabinetnya dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada parti berkenaan atas kesediaan untuk meneruskan kerjasama politik dengan UMNO meskipun terdapat segelintir pemimpin dan ahlinya menentang tindakan tersebut. Penyertaan lebih ramai wakil PAS dalam kerajaan merupakan peluang terbaik untuknya bertindak dengan lebih realistik terhadap dasar-dasar yang dirancang dan diperjuangkan sebelumnya.

Di samping dipilih menjawat jawatan utama di peringkat persekutuan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS yang menang di kerusi-kerusi DUN di beberapa buah negeri seperti di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu Perak dan Kelantan turut dilantik sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Berikut merupakan ADUN-ADUN parti PAS yang telah dipilih menyertai pentadbiran Kerajaan Campuran sebagai EXCO di negeri-negeri seluruh Malaysia:

Jadual 4.3: Senarai ADUN parti PAS dilantik sebagai EXCO di Negeri-negeri Seluruh Negara

Nama	Negeri	Kawasan DUN
Sudin Wahab	Kedah	Langgar
Ismail Kassim	Kedah	Kangkong Bukit Raya
Awang Bakar	Terengganu	Jeram
Harun Jusoh	Terengganu	Wakaf Mempelam
Ahmad Long	Perlis	Sanglang
Zabidi Ali	Pulau Pinang	Sungai Dua
Muhammad Junid	Perak	Lubok Merbau

Pelantikan ADUN-ADUN parti PAS sebagai EXCO kerajaan negeri bersesuaian dengan semangat kerjasama politik kedua-dua parti Melayu tersebut yang bersifat menyeluruh dan tidak terhad di peringkat kerajaan persekutuan sahaja. Malah peluang untuk terlibat serta dalam pentadbiran kerajaan negeri merupakan platform yang penting kepada PAS untuk memperkuuh kedudukan politiknya sehingga ke peringkat akar umbi khususnya di negeri-negeri yang majoritinya merupakan penduduk Melayu. Selain itu, kerajaan pimpinan PAS di Kelantan turut melantik tiga ADUN dari UMNO sebagai EXCO seperti yang dilakukan oleh UMNO di lima buah negeri yang dikuasainya. Pelantikan

ADUN UMNO tersebut di Kelantan merupakan langkah merealisasikan kerjasama politik yang dijalankan antara UMNO dengan PAS bagi memperkuuh semula kuasa politik orang Melayu-Islam di negara ini. Namun, kerjasama politik tersebut sukar dipertahankan apabila tercetusnya krisis politik dalaman PAS khususnya di negeri Kelantan sehingga menimbulkan ketegangan hubungan antara parti tersebut dengan UMNO. Akhirnya, ketegangan hubungan tersebut menyebabkan PAS disingkirkan daripada BN sekaligus menamatkan kerjasama politik secara rasmi yang dibentuk oleh kedua-dua parti berkenaan. Bahagian berikut membincangkan perkembangan peristiwa penyingkiran PAS daripada BN yang berlaku pada tarikh 5 Disember 1977 dan impaknya terhadap kerjasama politik Melayu-Islam yang telah dibentuk sebelumnya.

4.4 Penyingkiran PAS Daripada BN Tahun 1977

Pembentukan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974 menerusi kerjasama erat antara UMNO dengan PAS telah memberikan pelbagai manfaat kepada kedudukan orang Melayu-Islam di negara ini. Namun, kerjasama politik yang dirintis tersebut hanya mampu bertahan selama tempoh tiga tahun 11 bulan dan 13 hari sahaja (1974-1977) setelah tercetusnya krisis politik yang menimbulkan ketegangan hubungan antara UMNO dengan PAS. Ketegangan hubungan kedua-dua parti berkenaan bermula menerusi kemelut pemilihan calon Menteri Besar Kelantan pada tahun 1974 sehingga mengakibatkan PAS disingkirkan daripada BN pada tahun 1977. Berikut merupakan perbincangan mengenai perkembangan krisis politik yang berlaku di Kelantan dan impaknya terhadap kerjasama politik di peringkat negeri sehingga persekutuan.

4.4.1 Krisis Politik Kelantan: Pencetus Perpecahan Antara UMNO dengan PAS

Ketegangan hubungan pada ketika itu mula tercetus apabila timbulnya penolakan cadangan nama Wan Ismail Ibrahim sebagai calon Menteri Besar Kelantan yang baru

oleh Tun Abdul Razak selepas berlangsungnya pilihan raya umum pada tahun 1974. Oleh demikian, beliau telah bertindak bertentangan dengan cadangan PAS apabila memilih Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan yang baru menggantikan Mohd Asri Muda. Tindakan Tun Abdul Razak tersebut telah mencetuskan pergolakan dalaman PAS khususnya di negeri Kelantan akibat kegagalan kepimpinan kedua-dua parti mencapai konsensus bersama memilih calon Menteri Besar.

Meskipun Mohamad Nasir berjaya dilantik dan kemudiannya menggalas tugas sebagai Menteri Besar Kelantan yang baru, namun jentera pentadbiran negeri yang diterajuinya sukar menjalankan fungsinya dengan licin. Hal ini berlaku kerana terdapat sebilangan EXCO kerajaan negeri daripada PAS yang tidak memberikan kerjasama baik kepada beliau berbanding wakil daripada UMNO. Malah keintiman hubungan EXCO UMNO dengan beliau pada ketika itu telah menimbulkan rasa cemburu dan curiga dalam kalangan kepimpinan PAS terhadap Mohamad Nasir. Keadaan ini menyebabkan PAS bertindak meminggirkan Mohamad Nasir walaupun beliau merupakan seorang ahli PAS. Langkah peminggiran yang berterusan oleh PAS menyebabkan Mohamad Nasir telah bertindak mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar tetapi ditolak oleh Mohd Asri Muda (Abdul Halim Mahmood 1983, p.54-55).

Langkah Mohd Asri Muda menolak peletakan jawatan Mohamad Nasir merupakan strategi politik beliau untuk meredakan ketegangan dan gelombang penyokong-penyokong Menteri Besar tersebut. Bagi Mohd Asri Muda, pengunduran Mohamad Nasir bakal memberi impak terhadap kedudukan PAS di Kelantan kerana beliau memiliki pengaruh besar dalam kalangan rakyat. Pengaruh Mohamad Nasir yang semakin meningkat di Kelantan diasaskan oleh keyakinan rakyat terhadap kepimpinan beliau untuk membasmi salah guna kuasa dan rasuah di negeri berkenaan tanpa mengira parti politik. Hal ini dapat dilihat menerusi tindakan beliau melakukan siasatan dan pembatalan projek-projek melibatkan tebus guna hutan bagi tujuan pertanian,

pembangunan tanah pertanian dan perjanjian pemilikan tanah yang diluluskan oleh pentadbiran sebelumnya (Mauzy 1983, p.112-115).²⁰ Misalnya beliau mengemukakan contoh salah urus tadbir ketika era pentadbiran Mohd Asri Muda menerusi pajakan tanah seluas 1.5 juta ekar di Ulu Kelantan selama 10 tahun tanpa sebarang tindakan pengutipan hasil oleh pihak kerajaan negeri (Abdul Halim Mahmood 1983, p.56-57).

Pembongkaran salah urus tadbir yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan negeri sebelumnya telah menimbulkan kemarahan kepimpinan parti yang menganggap tuduhan beliau terhadap Mohd Asri Muda tidak mempunyai asas yang kukuh. Malah Dewan Pemuda PAS telah bertindak mengecam Mohamad Nasir atas tindakannya dan menyatakan beliau tidak lagi layak untuk terus mentadbir kerajaan negeri sebagai Menteri Besar. Keberanian Mohamad Nasir membongkar salah laku yang dilakukan pentadbiran kerajaan negeri sebelumnya dilihat mula mencalar imej dan kedudukan Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS. Di samping itu, keberanian Mohamad Nasir telah meningkatkan pengaruhnya dalam PAS apabila beliau dicalonkan bertanding bagi jawatan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Naib Yang di-Pertua dan Ahli Jawatankuasa PAS (Abdul Halim Mahmood 1983, p.57-60). Pencalonan beliau untuk bertanding bagi jawatan-jawatan berkenaan memperlihatkan kekuatan pengaruh Mohamad Nasir dalam PAS yang semakin bertambah. Meskipun dicalonkan untuk menentang Mohd Asri Muda bagi jawatan Yang di-Pertua, namun Mohamad Nasir pada 22 Julai 1975 telah bertindak menolak pencalonan tersebut. Terdapat tiga

²⁰Selain membongkar isu pajakan tanah tersebut, Mohamad Nasir turut mengambil beberapa tindakan terhadap kelemahan pentadbiran pada era Mohd Asri Muda sebagai Menteri Besar dengan menarik semula pemberian tanah seluas 350,000 ekar kepada Syarikat Timbermine dan bertindak membeku penggunaan tanah yang kaya dengan sumber bijih timah di sempadan negeri Kelantan dengan Perak yang berkeluasan 240,000 ekar. Namun dakwaan yang dilemparkan oleh Mohamad Nasir kemudiannya dinafikan oleh Mohd Asri Muda menerusi kenyataan beliau kepada akhbar Berita Harian bertarikh 18 September 1977. Menerusi kenyataannya, Mohd Asri menolak tuduhan bahawa beliau melarang Mohamad Nasir untuk menyiasat mengenai isi pemberian tanah berkeluasan 350,000 ekar berkenaan semata-mata bagi melindungi pentadbiran beliau sebelumnya. Malah Mohd Asri mengkritik tindakan pembekuan tanah yang dilakukan oleh Mohamad Nasir kerana tindakannya tersebut boleh menimbulkan kesulitan dan melambatkan projek pembinaan jalan raya yang menghubungkan negeri Kelantan dengan Perak. Menurut beliau lagi, projek pembinaan jalan raya tersebut ditanggung oleh syarikat berkenaan dan kerajaan negeri pada era pentadbirannya tidak memiliki sebarang kepentingan sepanjang projek tersebut dilaksanakan. Di samping itu, penundaan projek tersebut juga boleh merugikan kerajaan negeri memandangkan pelbagai hasil boleh diperoleh sekiranya tiada campur tangan untuk membekukan kelulusan penggunaan tanah yang telah ditetapkan oleh pentadbiran sebelumnya. Kerugian-kerugian yang dinyatakan oleh Mohd Asri termasuklah perolehan bayaran royalti daripada syarikat yang membina jalan raya, pembayaran *tribute* kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan tanggungan pembinaan jalan raya sepenuhnya oleh syarikat yang telah dipilih. Meskipun pelbagai penjelasan diberikan oleh Mohamad Nasir dan Mohd Asri Muda mengenai isu-isu yang timbul pada ketika itu, namun hakikatnya perjuangan politik kedua-dua pemimpin PAS berkenaan telah tidak sehaluan sehingga mengundang perpecahan ketara khususnya di negeri Kelantan. Untuk maklumat lanjut, rujuk Abdul Halim Mahmood (1983) dan Mauzy (1983).

alasan yang dikemukakan oleh beliau bagi menolak pencalonan tersebut iaitu, memberi tumpuan kepada pentadbiran kerajaan Kelantan, menjamin keutuhan pimpinan parti dan membendung perpecahan sekiranya beliau bersetuju untuk bertanding bagi jawatan-jawatan yang dicalonkan.

Hakikatnya, penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat dua faktor utama yang mendorong Mohamad Nasir bertindak sedemikian iaitu bagi mengalih rasa malu kerana hanya dua cawangan mencalonkannya bertanding jawatan Yang di-Pertua dan kedua, beliau sememangnya tidak berminat untuk bertanding jawatan tersebut. Walaupun pada awalnya hanya dua cawangan PAS mencalonkan Mohamad Nasir untuk bertanding kerusi Yang di-Pertua, namun sokongan kepadanya semakin meningkat setelah usaha menjatuhkan beliau semakin ketara. Sokongan tersebut muncul daripada beberapa kepimpinan parti di peringkat negeri dan rakyat yang sukar menerima hujah matlamat menggulingkan Mohamad Nasir daripada kedudukannya. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Setiausaha Dewan Ulama PAS negeri Kelantan, Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang menyatakan bahawa badan berkenaan akan terus mempertahankan kepimpinan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar (Abdul Halim Mahmood 1983, p.69-70).

Namun pendirian sebaliknya diumumkan oleh Zakaria Ismail selaku Naib Ketua Dewan Ulama PAS negeri apabila beliau menegaskan bahawa pendirian badan itu adalah selari dengan kepimpinan organisasi PAS negeri. Percanggahan pendirian yang dinyatakan oleh kedua-dua pemimpin dalam sayap Dewan Ulama PAS pada ketika itu telah memperlihatkan perpecahan yang semakin serius dalam organisasi PAS tersebut. Sebagai salah sebuah sayap parti PAS, Dewan Ulama Negeri berperanan penting untuk menentukan perjalanannya dan menyediakan panduan kepada parti dalam berpolitik berlandaskan syariat Islam. Namun, kemelut yang melanda Dewan Ulama PAS negeri pada ketika itu telah menimbulkan kekeliruan kepada ahli-ahli dan rakyat Kelantan

khususnya dalam menentukan pendirian dan sokongan mereka. Akibatnya, ahli akar umbi PAS khususnya di Kelantan telah berpecah kepada dua kumpulan utama seperti yang berlaku di peringkat atas iaitu kelompok menyokong dan menentang kepimpinan Mohamad Nasir.

Perpecahan di peringkat akar umbi semakin menular apabila 45 cawangan PAS di kawasan Machang telah mengumumkan pendirian mereka untuk terus menyokong kepimpinan Mohamad Nasir. Malah mereka juga bersedia berhadapan dengan sebarang tindakan dan halangan untuk mempertahankan kedudukan Mohamad Nasir. Di samping itu, terdapat beberapa cawangan PAS lain seperti Kokyang, Bukit Tiu, Kweng Hitam, Kemuning turut menyatakan pendirian yang sama seperti PAS cawangan Machang (Abdul Halim Mahmood 1983, p.67-71). Hakikatnya, kemelut politik yang melanda Kelantan pada ketika itu berpunca daripada kegagalan PAS untuk berpegang kepada persetujuan yang ditetapkan bersama semasa pemilihan Menteri Besar Selepas Pilihan Raya Umum tahun 1974.²¹ Sekiranya kepimpinan PAS berpuas hati semasa rundingan pemilihan calon Menteri Besar Kelantan, maka kemelut yang melanda politik di Kelantan tidak akan tercetus. Namun perubahan corak berpolitik PAS daripada berlandaskan syarak kepada persaingan jawatan semakin menular dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti sehingga mencetuskan krisis dalaman serius semenjak

²¹Menurut Abdul Halim Mahmood (1983), pemilihan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar merupakan percaturan politik yang diilhamkan oleh Tun Abdul Razak bagi mengelakkkan perbalahan antara UMNO dengan PAS yang baru sahaja membentuk BN pada tahun 1974. Oleh demikian, pemilihan Mohamad Nasir dinilai sebagai agen perpaduan politik antara kedua-dua parti pada ketika itu yang berkongsi kuasa politik di Kelantan. Namun PAS berhadapan dengan dua dilema yang sukar iaitu terpaksa akur terhadap kehendak Tun Abdul Razak untuk memilih Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar meskipun pada asalnya Wan Ismail Ibrahim yang merupakan seorang peguam dicadangkan untuk menjawat jawatan berkenaan. Bagi PAS, pencalonan Wan Ismail Ibrahim sebagai Menteri Besar seharusnya diterima oleh Tun Abdul Razak kerana parti tersebut memiliki 22 buah kerusi DUN berbanding UMNO dan MCA masing-masing yang hanya mempunyai 13 dan 1 kerusi. Meskipun PAS berpandangan bahawa calon yang dicadangkan sepatutnya diterima sebagai Menteri Besar, namun hal demikian tidak berlaku setelah wujudnya campur tangan daripada Tun Abdul Razak. Di samping itu, PAS sukar untuk menentang cadangan memilih Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan yang baru memandangkan parti tersebut terikat dengan kerjasama politik yang dipersetujui sebelumnya bagi membentuk BN. Keterikatan ini semakin kuat apabila PAS dalam pilihan raya umum tahun 1974 bertanding atas tiket BN dan menang besar di semua 14 buah kerusi Parlimen yang ditandinginya. Di Kelantan, PAS dalam pilihan raya tersebut berjaya menguasai 22 buah kerusi DUN berbanding sebelumnya hanya sekadar memenangi 19 buah kerusi DUN. Kejayaan PAS meningkatkan jumlah kerusi dalam pilihan raya umum tahun 1974 didorong oleh sokongan orang Melayu yang memilai keberkesanan kerjasama politik Melayu-Islam menerusi pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan kemudiannya kerjasama tersebut diteruskan dalam gabungan BN. Maka atas dasar keterikatan tersebut, PAS sukar menolak cadangan Tun Abdul Razak untuk memilih Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar walaupun terdapat pilihan calon yang lain. Situasi ini menyebabkan tercetusnya penolakan terhadap pentadbiran Kerajaan Kelantan, malah PAS tidak memberi kerjasama khususnya melibatkan projek-projek pembangunan yang ditaja oleh Kerajaan Persekutuan (Abdul Halim Mahmood 1983, p.55-57). Kedua-dua ini merupakan babit-babit perpecahan politik yang mula tercetus dalam BN malah kemudiannya mewujudkan krisis politik yang serius sehingga menyebabkan PAS disingkirkan daripada BN pada tahun 1978. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Abdul Halim Mahmood (1983).

ditubuhkan. Persaingan politik yang berkembang pada ketika itu telah mewujudkan komplot untuk menyingkirkan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar sekaligus menggugat kestabilan politik di Kelantan.

Rancangan sekelompok pemimpin PAS untuk menyingkirkan Mohamad Nasir pada ketika itu dilakukan tanpa mendapat konsensus daripada partinya sendiri dan BN khususnya UMNO. Tindakan tersebut kemudiannya menjelaskan kerjasama politik yang dijalin dalam BN khususnya melibatkan UMNO dengan PAS di Kelantan. Kerjasama politik yang semakin terjejas berpunca daripada dua tindakan pengkhianatan yang didalangi oleh Mohd Asri Muda iaitu melantik Ishak Lotfi menggantikan Mohamad Nasir sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan dan mengundi untuk memecat Mohamad Nasir. Secara tradisinya, jawatan Menteri Besar dan Pesuruhjaya PAS negeri merupakan individu yang sama, namun perubahan dilakukan oleh Mohd Asri Muda bagi melemahkan pengaruh Mohamad Nasir di peringkat akar umbi. Meskipun Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua memiliki kuasa untuk menukar terajui PAS di peringkat negeri, namun tindakannya mengganti Mohamad Nasir dilakukan pada masa yang tidak sesuai. Keadaan ini sekaligus memperlihatkan bahawa Mohd Asri memiliki agenda politiknya untuk menamatkan kerjaya politik Mohamad Nasir.

Kedua, tindakan Mohd Asri yang turut serta mengundi memecat Mohamad Nasir adalah bertentangan dengan prinsip sebagai pengurus yang sepatutnya berpendirian tidak memihak ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung pada 29 September 1977.²² Tindakannya tersebut mengesahkan tuduhan yang

²²Peristiwa pemecatan keahlian Mohamad Nasir dalam PAS menarik untuk dibincangkan kerana beliau sebenarnya telah dipecat sebanyak dua kali oleh partinya iaitu pada 29 September 1977 dan 10 Oktober 1977. Pemecatan dua kali ini berlaku disebabkan oleh kesilapan parti dalam mematuhi peraturan-peraturan penyingkirkan seseorang ahlinya semasa mesyuarat dijalankan kali pertama untuk memutuskan kedudukan Mohamad Nasir pada tarikh 29 September 1977. Dalam mesyuarat berkenaan, beliau dipecat kerana melanggar Perkara 13(3a), 35(3) dan 75(7) perlombagaan parti berdasarkan kepada tujuh kesalahan yang disenaraikan iaitu beliau enggan mematuhi dasar parti, melanggar amanah, ingkar terhadap arahan parti, mengkritik kepimpinan, menjatuhkan imej parti, cenderung kepada parti politik lain dan yang terakhir merupakan punca kepada kedudukan kerajaan Kelantan semakin bertambah lemah. Namun pemecatan beliau kemudiannya diumumkan tidak sah oleh Jawatankuasa Kerja Agung pada tarikh 4 Oktober 1977 setelah ditentang oleh salah seorang ahlinya, Ali Taib kerana bercanggah dengan Perkara 40(2) perlombagaan parti. Menurut Ali Taib, pemecatan tersebut tidak sah kerana Dewan Ulama iaitu salah sebuah sayap utama PAS tidak dirujuk sebelum keputusan pemecatan dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Agung seperti yang ditetapkan oleh perlombagaan PAS. Oleh demikian, PAS telah bertindak melantik lima pemimpinnya iaitu Harun Din, Daeng Sanusi Daeng Mariok, Mustapha Ali, Ishak Rejab dan Abbas Alias

dilemparkan kepada Mohd Asri Muda bahawa beliau berhasrat untuk menyingkirkan Mohamad Nasir daripada parti. Meskipun Mohamad Nasir berhadapan dengan tindakan pemecatan akibat kerakusan politik Mohd Asri bersama kumpulannya, namun beliau tidak keseorangan untuk berhadapan dengan partinya.

Selain masih menerima sokongan daripada sebahagian ahli dan pemimpin parti di peringkat pusat dan negeri, sebahagian besar rakyat Kelantan turut menyatakan sokongan mereka kepada Mohamad Nasir. Sokongan tersebut dapat dilihat menerusi pengajuran perhimpunan besar-besaran yang dianggarkan disertai 80,000 orang penyokong dan rakyat Kelantan di Padang Merdeka, Kota Bharu pada tarikh 24 September 1977 (Abdul Halim Mahmood 1983, p.57-59). Perhimpunan yang dianjurkan oleh penyokong dan rakyat Kelantan tersebut bermula pada jam 10 pagi dan dihadiri oleh puluhan ribu peserta yang datang menaiki bas dari seluruh pelusuk jajahan. Kehadiran rakyat Kelantan pada hari berkenaan merupakan sokongan moral secara besar-besaran yang diterima oleh Mohamad Nasir untuk mempertahankan kedudukannya sebagai Menteri Besar. Malah, kejayaan menghimpunkan puluhan ribu peserta rakyat merupakan satu mesej dan bantahan terhadap gerakan kumpulan 16 orang ADUN (kemudiannya 20 ADUN) yang didalangi oleh Mohd Asri untuk menyingkirkan Mohamad Nasir. Meskipun pelbagai tekanan dan bantahan untuk menghalang tindakan menyingkirkan Mohamad Nasir dilakukan, namun akhirnya komplot tersebut berjaya

untuk bertemu dengan Mohamad Nasir bagi memohon maaf berkaitan tindakan kesilapan tindakan pemecatannya. Kelima-lima pemimpin ini ditugaskan menyampaikan surat permohonan maaf daripada PAS dan pertemuan dengan Mohamad Nasir diadakan pada 9 Oktober 1977 selepas beliau menyatakan kesudian menerima kehadiran mereka. Namun pertemuan tersebut sebenarnya tidak memberikan sebarang makna ke arah perdamaian dalam PAS apabila Jawatankuasa Kerja Agung pada 10 Oktober 1977 sekali lagi bermesyuarat dan bertindak melakukan pemecatan keahlian Mohamad Nasir untuk kali kedua. Sebelum mesyuarat dijalankan, Mohamad Nasir telah menyatakan kesediannya untuk hadir bagi mempertahankan dirinya dalam Jawatankuasa Kerja Agung namun beliau akhirnya terpaksa membatalkan penyertaan dalam mesyuarat tersebut kerana jadual penerbangannya dibatalkan akibat cuaca buruk. Beliau kemudiannya telah memohon Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk menangguhkan mesyuarat berkenaan dan mendesak agar pengurusan PAS menubuhkan sebuah badan penyiasat khas bagi mengendalikan isu berkenaan. Namun cadangan beliau tersebut telah diketepikan dan mesyuarat diteruskan dengan memutuskan agar keahlian Mohamad Nasir digugurkan. Keputusan Jawatankuasa Kerja Agung memecat keahlian Mohamad Nasir selepas sehari permohonan maaf dikemukakan kepada beliau memperlihatkan sikap sebenar kepimpinan Mohd Asri Muda dalam PAS pada waktu tersebut. Meskipun terdapat tujuh ahli jawatankuasa iaitu Harun Din, Ishak rejab, Hasan Adli, Hassan Shukeri, Suffian Muhammad dan Baharuddin Latif menentang undi pemecatan Mohamad Nasir namun usaha tersebut gagal menyekat matlamat Mohd Asri Muda untuk menyingkirkan seteru utama politiknya. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Mohamed Asri Muda (1993) dan Abdul Halim Mahmood (1983).

dilaksanakan menerusi usul undi tidak percaya semasa sidang DUN Kelantan berlangsung pada 15 Oktober 1977.²³

Ketika sesi pengundian usul tidak percaya terhadap Mohamad Nasir dijalankan, penyokong-penyokong dan rakyat dari seluruh Kelantan yang dianggarkan seramai 100,000 orang telah berhimpun di luar bangunan DUN (Abdul Halim Mahmood 1983, p.59-61). Jumlah peserta yang ramai ini memperlihatkan wujudnya sokongan yang besar terhadap kepimpinan Mohamad Nasir meskipun terdapat sekelompok pemimpin parti di peringkat pusat dan negeri yang berusaha menyingirkannya. Hakikatnya, parti PAS pada ketika itu sedang berhadapan krisis politik dalam yang serius semenjak ditubuhkan pada tahun 1951 apabila menularnya perpecahan dari peringkat akar umbi sehingga kepimpinan tertinggi parti. Meskipun jumlah peserta mencecah angka ratusan ribu orang, namun perhimpunan tersebut berlangsung dalam keadaan aman dan tidak mencetuskan kekacauan. Perhimpunan yang berjaya menarik ramai peserta berkenaan didorong oleh sentimen simpati dan sokongan terhadap kepimpinan Mohamad Nasir yang mempercayai bahawa beliau dianiaya oleh partinya sendiri. Gelombang sokongan besar yang berjaya dimobilisasikan pada ketika itu untuk Mohamad Nasir kemudiannya

²³Susulan kejayaan pemecatan keahlian Mohamad Nasir yang berjaya dilakukan oleh kepimpinan PAS pada tarikh 10 Oktober 1977, satu lagi usaha bagi menyingkirkan beliau daripada jawatannya sebagai Menteri Besar telah dirancang oleh parti tersebut. Penyingkiran beliau sebagai Menteri Besar Kelantan telah dijalankan menerusi pembentangan usul undi tidak percaya pada 15 Oktober 1977 yang dikemukakan oleh Hussein Abdullah, ADUN PAS dari kawasan Simpangan. Usul tersebut berbunyi “Bahawa untuk memelihara kepentingan negeri dan rakyat jelata juga kestabilan politik serta keutuhan Barisan Nasional, Kelantan maka Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang hari ini membuat ketetapan mengundi tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat, Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar dan Ketua Kerajaan Negeri Kelantan”. Majlis DUN yang dipengerusikan oleh Nik Abdul Rahman Mohammad sebagai Speaker telah menggunakan kuasanya dengan mengehadkan masa untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh ADUN berkenaan. Usul berkenaan akhirnya berjaya diluluskan oleh sidang DUN dengan mendapat sokongan dari kesemuanya 20 ADUN PAS, manakala 15 lagi ADUN (UMNO 13 orang, 1 dari MCA dan Mohamad Nasir) telah bertindak memulaukan sesi pengundian dengan meninggalkan sidang DUN. Keputusan pengundian yang memihak kepada kumpulan 20 orang ADUN pada ketika itu akhirnya menyebabkan Mohamad Nasir berjaya dipecat sebagai Menteri Besar Kelantan hasil rancangan partinya sendiri. Bagi UMNO, tindakan membentang usul undi tidak percaya terhadap kepimpinan Mohamad Nasir merupakan satu agenda jahat PAS kepada pemimpinnya sendiri apabila beliau tidak lagi sealiran dengan kehendak Yang di-Pertua parti. Malah Hussein Ahmad selaku ADUN bagi kawasan Gual Periuk menegaskan bahawa usul penyingkiran Mohamad Nasir tidak sah kerana PAS tidak merujuk kepada kesepakatan BN sebelum mengemukakannya dalam sidang DUN Kelantan (Abdul Halim Mahmood 1983, p.79-81). Namun usul yang dikemukakan oleh wakil PAS tersebut tidak bertentangan dengan peraturan mesyuarat kerana tiada sebarang peruntukan dalam peraturan yang menghalang mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk mengemukakan usul kepada dewan. Malah usul yang telah dikemukakan mendapat kebenaran Speaker Dewan, Nik Abdul Rahman untuk dibahaskan dan diundi dan kemudiannya mendapat sokongan majoriti ahli dewan. Meskipun Speaker DUN, Nik Abdul Rahman mempunyai kuasa untuk menentukan kelulusan sebarang usul yang dibawa oleh setiap ahli DUN, namun hubungannya yang rapat dengan Mohd Asri Muda pada ketika itu melicinkan komplot untuk menyingkirkan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar (Abdul Halim Mahmood 1983, p.74-75). Maka matlamat Mohd Asri Muda untuk menamatkan karier politik pesaingnya terlaksana apabila wujudnya rantaian hubungan apabila beliau menguasai kepimpinan tertinggi parti di peringkat pusat, negeri Kelantan dan institusi DUN negeri. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Abdul Halim Mahmood (1983).

disuraikan setelah beliau, pihak polis dan seorang pemuda yang bernama Ibrahim Ali berusaha memujuk peserta untuk menamatkan perhimpunan tersebut.

Sokongan rakyat terhadap Mohamad Nasir tidak berakhir dengan tamatnya perhimpunan pada 15 Oktober 1977 tetapi gelombang sokongan terhadap beliau masih memuncak sehingga tercetusnya peristiwa rusuhan selepas empat hari perhimpunan pertama dianjurkan. Demonstrasi yang dianjurkan di Kota Bharu Kelantan pada ketika itu bertukar menjadi rusuhan apabila pihak polis telah bertindak secara kekerasan untuk menyuraikan peserta-peserta dengan menggunakan gas pemedih mata. Tindakan kekerasan tersebut dilakukan setelah peserta-peserta demonstrasi mula bertindak di luar kawalan dengan merosakkan dan membakar kendaraan, bangunan dan kemudahan awam di sekitar Kota Bharu. Oleh demikian, kerajaan persekutuan tanpa melengahkan masa telah bertindak menggerakkan 5,489 anggota polis untuk mengawal dan mengambil tindakan terhadap peserta-peserta yang menimbulkan kekacauan dan rusuhan terbabit (Farish Noor 2004, p. 276-279).

Bagi memastikan kententeraman dan pergolakan politik yang berlaku di Kelantan dapat direddakan, Tun Hussein Onn selaku Perdana Menteri telah membentangkan sebuah Rang Undang-Undang Kuasa-kuasa Darurat pada tarikh 8 November 1977 di Parlimen sebagai respon segera menangani pergolakan dan kekacauan yang sedang berlaku di Kelantan. Berdasarkan ucapan Tun Hussein Onn semasa bacaan pertama rang undang-undang tersebut, kemelut di Kelantan telah menyebabkan 19 orang telah tercedera, manakala 288 orang lagi telah ditahan oleh pihak berkuasa. Malah pelbagai kerosakan harta benda telah dilaporkan antaranya 35 buah rumah dan bangunan perniagaan telah musnah akibat tindakan rusuhan terbabit (Farish Noor 2004, p.278-280). Oleh demikian, dengan menggunakan kuasa yang tertakluk dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, kerajaan pusat telah bersetuju untuk membentang sebuah undang-undang bagi menguatkuasakan perintah darurat di

Kelantan dengan segera. Rancangan kerajaan pusat pada ketika itu merupakan tindakan kali ketiga yang dilakukannya selepas peristiwa penyingkiran Stephen Kalong Ningkan di Sarawak pada tahun 1966²⁴ dan Tragedi 13 Mei 1969²⁵ bagi mengekang pergolakan politik yang semakin serius.²⁶ Namun, PAS menerusi Mohd Asri Muda telah menolak rancangan tersebut dalam mesyuarat Kabinet di sebelah pagi dan meneruskan bantahannya semasa sesi pembentangan rang undang-undang Darurat Kelantan di Dewan Rakyat pada sebelah petang (Mohd Asri Muda 1993, p.109-111). Meskipun Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS bersama-sama dengan pengikutnya menentang rancangan Kerajaan Pusat, namun hal sebaliknya dilakukan oleh timbalannya Haji Hassan Adli apabila bertindak menyokong usul yang dikemukakan

²⁴ Perisyiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan selepas merdeka telah dilakukan sebanyak tiga kali iaitu pada 19 September 1966 di negeri Sarawak, tragedi 13 Mei 1969 dan kemelut politik Kelantan pada tahun 1977. Peristiwa pertama yang mengundang tindakan kerajaan Persekutuan mengisyiharkan darurat iaitu semasa timbulnya gerakan menyingkirkan Datuk Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Gerakan penyingkiran tersebut berlaku apabila 21 daripada 42 ADUN di Sarawak telah bertindak mengirimkan sepucuk surat kepada Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada tarikh 14 Jun 1966 bagi menyatakan bahawa mereka telah hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Stephen Kalong Ningkan. Susulan kiriman surat tersebut, Yang di-Pertua negeri Sarawak melalui setiausaha sulitnya pada tarikh 16 Jun 1966 telah memaklumkan kepada Stephen Kalong Ningkan bahawa beliau telah hilang sokongan daripada majoriti ahli DUN dan perlu meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Namun, Stephen Kalong Ningkan menolak tindakan Yang di-Pertua Sarawak kerana tiada sebarang peruntukan dalam Perlembagaan negeri yang membenarkan beliau untuk melucutkan jawatan Ketua Menteri. Berdasarkan Perkara 7(1) Perlembagaan negeri Sarawak pada ketika itu, Ketua Menteri hanya boleh disingkirkan menerusi undi tidak percaya dalam sidang DUN. Kemelut politik di Sarawak tersebut kemudiannya dirujuk ke mahkamah dan pada 7 September 1966, pihak mahkamah memutuskan bahawa beliau masih lagi merupakan Ketua Menteri Sarawak yang sah kerana pemecatan yang dilakukan sebelumnya tidak berperlembagaan. Susulan keputusan mahkamah tersebut, Kerajaan Persekutuan menggunakan kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 150 bagi mengisyiharkan darurat di Sarawak sebagai langkah mengambil alih pentadbiran negeri sekaligus menyingkirkan Kalong Ningkan daripada jawatannya. Perisyiharan darurat di Sarawak telah dilakukan pada 19 September 1966 menerusi pelaksanaan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Sarawak (1966) yang telah diluluskan di Parlimen. Untuk maklumat lanjut mengenai hal ini, rujuk Harding & James Chin (2014).

²⁵ Ibid.hlm. 124.

²⁶ Kemelut perebutan jawatan Menteri Besar Kelantan pada tahun 1977 merupakan peristiwa pencetus kali ketiga yang menyebabkan Kerajaan Persekutuan pimpinan Tun Hussein Onn bertindak mengisyiharkan darurat di negeri berkenaan. Pergolakan politik di Kelantan yang tidak terkawal pada ketika itu telah mencetuskan suasana huru hara di negeri tersebut sehingga menyebabkan Perdana Menteri telah memanggil satu sidang Parlimen khas pada tarikh 8 November 1977. Tujuan utama sidang khas Parlimen berkenaan adalah untuk membentangkan sebuah Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977 yang bertajuk “Suuu Akta di bawah Fasal-fasal (4), (5) dan (6) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Menerusi rang undang-undang yang bakal diluluskan tersebut, satu perintah darurat terhadap negeri Kelantan boleh dikeluarkan dan penggantungan pentadbiran negeri dapat dijalankan susulan tercetusnya tragedi rusuhan akibat penyingkiran Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan. Pada sebelah pagi 8 November 1977 satu mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Tun Hussein Onn telah diadakan dan turut dihadiri oleh Mohd Asri Muda untuk membincangkan mengenai rancangan pelaksanaan darurat di negeri Kelantan. Mohd Asri Muda selaku wakil PAS dalam Kabinet secara terbuka menyatakan penentangannya terhadap usaha mendaruratkan Kelantan dan turut menawarkan peletakan jawatannya sebagai Menteri Pembangunan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Namun Kabinet kemudiannya menolak bantahan Mohd Asri dan meneruskan rancangan membentang rang undang-undang berkenaan di Parlimen pada hari yang sama di sebelah petang. Pada jam 3.20 petang pada tarikh yang sama, Tun Hussein Onn telah mengemukakan bacaan kali pertama bagi Rang Undang-Undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977 dan kemudiannya diluluskan. Berdasarkan kepada kandungan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Tun Hussein Onn, seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dilantik untuk mengetuai pentadbiran sementara di Kelantan. Oleh demikian, selepas memperoleh kelulusan rang undang-undang tersebut, kerajaan persekutuan melantik Hashim Aman sebagai Pengarah Persekutuan di Kelantan, manakala Mohamad Nasir masih dikekalkan jawatannya sebagai Menteri Besar tetapi tidak mempunyai kuasa pentadbiran. Di samping itu, beliau turut memaklumkan bahawa tiada had tempoh pelaksanaan undang-undang ini dan kerajaan persekutuan akan meneruskan penguatkuasaannya sehingga keadaan pergolakan yang berlaku di negeri tersebut kembali pulih. Bacaan kali kedua rang undang-undang diteruskan oleh beliau pada jam 7.36 petang dan perbahasan diteruskan sehingga lewat pagi untuk bacaan kali ketiga sehingga akhirnya berjaya diluluskan menerusi pengundian belah bahagian yang menyaksikan 118 ahli Parlimen menyokong dan 18 ahli menolak. Ahli-ahli Parlimen yang menolak usul Rang Undang-undang tersebut terdiri daripada wakil-wakil rakyat PAS (kecuali Haji Hassan Adli yang menyokong) dan DAP. Pada ketika ini, PAS masih merupakan anggota parti komponen BN manakala parti DAP merupakan satu-satunya parti pembangkang di Parlimen. Persidangan Dewan Rakyat hanya tamat pada jam 2.45 setelah berlaku perbahasan dan perdebatan yang panjang melibatkan ahli-ahli Parlimen BN dan pembangkang yang turut serta mengambil bahagian sepanjang sesi pembentangan. Untuk maklumat lanjut, rujuk Penyata Rasmi Parlimen Jilid III (Bil. 37) 1977, Abdul Halim Mahmood (1983) dan Farish Noor (2004).

oleh pihak kerajaan persekutuan. Tindakannya yang melawan arus pendirian parti pada ketika itu mengundang sebuah lagi kemelut baru dalam PAS sekaligus membuktikan dua pemimpin tertinggi parti berkenaan sedang berkrisis antara satu sama lain.

Semasa sesi perbahasan rang undang-undang dijalankan, Haji Hassan Adli telah bertindak mempertahankan tindakan kerajaan persekutuan kerana pelbagai langkah untuk menangani kemelut politik Kelantan sebelumnya menemui jalan buntu. Di samping itu, Haji Hassan Adli turut menyatakan bahawa punca utama kemelut di Kelantan cuba diredukan beliau bersama-sama dengan tujuh ahli jawatankuasa yang lain dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS pada tarikh 29 September 1977. Menerusi mesyuarat yang berlangsung selama lima jam tersebut, satu keputusan melalui pengundian telah diperoleh iaitu memecat keahlian Mohamad Nasir daripada PAS (Abdul Halim Mahmood 1983, p.71-72, Penyata Rasmi Parlimen 1977, p.1528-1530). Menurut Hassan Adli, beliau bersedia untuk berhadapan dengan tindakan disiplin oleh partinya sendiri kerana bertindak melawan arus menyokong rang undang-undang darurat yang dikemukakan oleh Tun Hussein Onn pada ketika itu. Tindakan tersebut dilakukannya bagi mempertahankan prinsip perjuangan politik dan matlamat kerjasama yang dibentuk sebelumnya menerusi penubuhan BN.

Kenyataan Haji Hassan Adli tersebut membuktikan bahawa PAS pada waktu berkenaan telah berpecah kepada dua kumpulan utama iaitu golongan yang bersaing untuk kepentingan politik dan kelompok yang masih berpegang kepada kerjasama politik Melayu-Islam. Kumpulan yang mempunyai kepentingan politik dan telah tersasar daripada matlamat asal kerjasama tersebut didokongi oleh Mohd Asri Muda (Yang di-Pertua PAS). Kemunculan kumpulan ini telah mengubah corak perjuangan PAS sehingga menyebabkan parti berkenaan tersingkir dari BN pada tahun 1977. Manakala golongan kedua dalam PAS yang masih berpegang kepada kerjasama politik Melayu-Islam dan mempertahankan kedudukan Mohamad Nasir pada ketika itu

diterajui oleh Haji Hassan Adli (Timbalan Yang di-Pertua PAS). Meskipun kumpulan ini dipimpin oleh Haji Hassan Adli yang berada dalam hierarki kedua tertinggi dalam parti, namun gerakan kumpulan ini sukar dan terbatas kerana kebanyakan posisi-posisi utama parti dikuasai oleh pengikut-pengikut Mohd Asri. Kegagalan menghalang pelaksanaan undnag-undang darurat di Kelantan menyebabkan wakil-wakil PAS yang diketuai Mohd Asri Muda meletakkan jawatan dan meninggalkan Kabinet kerajaan BN. Namun Haji Hassan Adli bertegas untuk tidak meletakkan jawatan meskipun wakil-wakil PAS yang lain dalam Kabinet telah bertindak sebaliknya. Akibatnya, PAS pada tarikh 8 November 1977 telah bertindak memecat keahlian Haji Hassan Adli (Alias Mohamed 1994, p.146-148, Abdul Halim Mahmood 1983, p.63-65).

Susulan keengganan PAS menyokong usul Rang Undang-undang Darurat (Kelantan) 1977 tersebut, BN kemudiannya telah mengadakan satu mesyuarat Dewan Tertinggi pada 5 Disember 1977 untuk membincangkan mengenai kedudukan PAS dalam gabungan berkenaan. Di akhir mesyuarat berkenaan, satu resolusi dicapai iaitu memutuskan agar tindakan pemecatan dilakukan terhadap parti-parti komponen yang menentang arahan Ketua WHIP BN untuk menyokong mana-mana usul pembentangan yang dikemukakan di Parlimen. Namun kedudukan PAS selepas mesyuarat berkenaan masih lagi kekal bersama BN kerana Tun Hussein Onn menyatakan bahawa mereka masih mengekalkan pendekatan bertolak ansur dalam menangani permasalahan dalam gabungan yang timbul. Kesediaan BN bertolak ansur dalam masalah tersebut dihormati oleh PAS apabila parti tersebut seringkali mendesak agar keanggotaannya dinilai semula oleh BN. Hal ini berlaku kerana PAS mahu disingkirkan secara bermaruah apabila dipecat berbanding dengan tindakan menarik diri yang boleh merosakkan imej pemimpinnya iaitu Mohd Asri Muda selaku salah seorang pengasas kepada kerjasama politik UMNO-PAS sebelumnya. Oleh demikian, tindakan mencabar BN untuk menilai

semula kedudukannya merupakan satu strategi dan provokasi oleh PAS untuk disingkirkan dari gabungan berkenaan.

Perkembangan politik BN yang semakin meruncing tersebut menyebabkan Dewan Tertinggi BN sekali lagi pada tarikh 13 Disember 1977 telah mengadakan sebuah mesyuarat khas bagi membincangkan pemecatan PAS. Penganjuran mesyuarat berkenaan adalah respon terhadap tindakan PAS yang dinilai semakin menggugat perpaduan dalam kalangan parti-parti komponen BN. Malah menurut Tun Hussein Onn, beliau telah hilang keyakinan terhadap usaha memulihkan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pada masa akan datang (Abdul Halim Mahmood 1983, p.144-146). Di akhir mesyuarat, sebanyak 11 parti komponen BN dengan sebulat suara bersetuju agar PAS dipecat daripada gabungan tersebut, manakala PAS menentang dan PPP mengambil pendirian berkecuali semasa keputusan berkenaan ditetapkan. Penyingkiran PAS daripada BN pada waktu tersebut menandakan berakhirnya kerjasama politik secara rasmi yang hanya mampu bertahan selama tiga tahun sebelas bulan dan 13 hari sahaja (1 Januari 1974 sehingga 13 Disember 1977). Penyingkiran PAS pada tarikh 13 Disember 1977 menyebabkan BN telah kehilangan sebuah parti komponen penting dan hanya 12 parti masih kekal meneruskan kerjasama dalam gabungan berkenaan.

Hakikatnya, pada waktu tersebut PAS sedang berada dalam keadaan yang lemah kerana wujudnya perpecahan dalaman yang serius antara kumpulan yang diterajui Mohd Asri Muda dengan kumpulan yang dikepalai oleh Haji Hassan Adli bersama regunya Mohamad Nasir. Malah Mohamad Nasir kemudiannya telah bertindak menubuhkan parti politik Melayu-Islam baru yang dinamakan Barisan Jemaah Islamiah se-Malaysia (BERJASA) pada tahun 1977. Penubuhan BERJASA yang diterajui oleh Mohamad Nasir telah mengundang perpecahan terbesar kepada PAS semenjak parti itu ditubuhkan pada tahun 1951 dan ramai pemimpin-pemimpin yang tidak sehaluan dengan Mohd Asri Muda bertindak menyertai BERJASA. Kemunculan BERJASA telah memberi

saingan terhadap pengaruh PAS khususnya di Kelantan apabila parti tersebut kemudiannya menjalinkan kerjasama politik dengan BN khususnya UMNO menjelang pilihan raya umum ke-4. Kerjasama politik yang dibentuk tersebut akhirnya berjaya menumbangkan kerajaan pimpinan PAS di Kelantan dalam pilihan raya umum pada 11 Mac 1978.²⁷ Dengan terbentuknya Kerajaan Campuran UMNO (BN) bersama BERJASA tersebut, maka tamatlah teraju PAS dalam kerajaan Kelantan yang dipilih menerusi saluran pilihan raya umum.

4.5 Rumusan

Kerjasama politik Melayu-Islam sebelum dan selepas merdeka di negara ini hanya wujud apabila terdapat dorongan dan desakan bagi menangani isu-isu yang mengancam status quo kaum terbabit. Dalam era pasca merdeka, perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam dinilai menerusi tahap hubungan yang berjaya dicapai antara UMNO dengan PAS. Penilaian tahap hubungan kedua-dua parti ini dapat dilakukan menerusi bibit-bibit konsolidasi kedua-dua parti selepas peristiwa 13 Mei 1969, pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973, penubuhan BN pada tahun 1974 dan kemelut politik Kelantan yang menjadi punca penyingkiran PAS daripada BN pada tahun 1977.

²⁷Dalam pilihan raya umum ke-4 pada 11 Mac 1978, BERJASA telah bekerjasama dengan UMNO (BN) untuk menentang PAS di Kelantan yang merupakan kubu kuat parti tersebut semenjak pilihan raya umum tahun 1959. Dalam pilihan raya tersebut, calon-calon dari BERJASA berjaya memenangi 11 kawasan DUN iaitu menerusi Yatimi Ahmad (Tok Uban), Mohamad Nasir (Tendong), Wan Mohamad Ahmad (Perupok), Hanifa Ahmad (Meranti), Mohd Daud Mohd Ali (Tawang), Mohammad Supian Awang (Salor), Nik Bahari Shah Jusoh (Kubang Kerian), Noor Mohamad Mohd Din (Lemal), Omar Ibrahim (Kemumin), Tahir Abdul Aziz (Simpangan) dan Wan Hashim Wan Ahmad (Peringat). Manakala PAS pula mengalami kekalahan terbesar dalam sejarah penglibatannya dalam pilihan raya di negeri Kelantan apabila hanya memenangi dua kerusi DUN iaitu menerusi calonnya Abdullah Wan Su (Manek Urai) dan Nik Abdullah Arshad (Sering). Kemelut politik yang melanda Kelantan sebelumnya merupakan satu kelebihan kepada UMNO apabila berjaya meraih kemenangan besar dengan memenangi 22 buah kerusi DUN hasil daripada perubahan sokongan dan simpati rakyat. Kejayaan ini membolehkan BN dengan BERJASA membentuk Kerajaan Campuran di peringkat negeri Kelantan yang diterajui oleh ADUN UMNO bagi kawasan Lanas iaitu Mohd Yaacob. Hakikatnya, kejayaan UMNO dengan BERJASA dalam pilihan raya umum berkenaan adalah susulan daripada kemelut politik dalam PAS sehingga menjelaskan hubungan kerjasamanya dengan BN. Di samping itu, kegagalan PAS membendung praktik politik persaingan dalam parti juga menyebabkan penyokongnya dan sebahagian besar rakyat Kelantan mulai hilang kepercayaan terhadap parti Islam berkenaan. Kepercayaan sebahagian penyokong dan rakyat Kelantan kemudiannya beralih kepada parti BERJASA yang ditubuhkan oleh Mohamad Nasir sehingga berupaya mencapai kemenangan yang besar menentang calon-calon PAS di 11 kawasan yang dikuasainya. Meskipun tempoh penubuhan BERJASA belum mencecah usia setahun, namun sokongan dan simpati rakyat Kelantan terhadap perjuangan politik Mohamad Nasir berupaya melonjakkan pencapaian parti berkenaan dalam tempoh yang singkat. Bagi PAS, pemecatan keahlian Mohamad Nasir dilihat sebagai satu pendekatan untuk menamatkan kerjaya politiknya, namun keadaan sebaliknya berlaku apabila beliau kemudiannya hampir berjaya menghapuskan pengaruh dan kejayaan PAS dengan hanya memenangi dua kerusi DUN sahaja dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kabinet kerajaan persekutuan. Untuk maklumat lanjut tentang hal ini, rujuk Alias Muhammad (1978).

Kemerosotan kuasa politik Melayu, percambahan sentimen perkauman yang semakin menebal dalam kalangan rakyat, kemunculan parti politik Cina baru dan kempen-kempen parti politik yang tidak terkawal adalah punca kepada tercetusnya tragedi 13 Mei 1969. Kemunculan pelbagai masalah yang mengancam kedudukan politik orang Melayu pada ketika itu telah mendorong UMNO dengan PAS untuk merintis kerjasama politik antara satu sama lain. Bibit-bibit kerjasama politik tidak rasmi ini kemudiannya berubah kepada penubuhan Kerajaan Campuran bagi memperkuatkan dominasi kuasa politik Melayu-Islam dalam pemerintahan.

Kedudukan BN semasa di awal peringkat penubuhannya sangat kukuh namun kemudiannya mengalami kemerosotan apabila tercetusnya kemelut pemilihan calon Menteri Besar Kelantan pada tahun 1977. Kemelut yang pada asalnya berjaya ditangani kembali menggoncang hubungan kerjasama politik UMNO dengan PAS apabila wujudnya gerakan untuk menyingkirkan Mohamad Nasir dari kedudukannya sebagai Menteri Besar. Usaha menyingkirkan Mohamad Nasir telah mencetuskan gelombang kebangkitan penyokong dan sebahagian rakyat Kelantan yang kemudiannya melakukan penentangan secara kekerasan. Keadaan yang tidak terkawal ini menyebabkan kerajaan persekutuan mengisyiharkan Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977 bagi mengambil alih pentadbiran Kelantan. Namun PAS menentang tindakan sekutunya UMNO untuk bertindak sedemikian dan akhirnya parti tersebut disingkirkan daripada gabungan BN pada tahun 1977 kerana tidak lagi memiliki pendirian yang sehaluan. Penyingiran PAS pada waktu tersebut menandakan berakhirnya kerjasama politik rasmi antara kedua-dua parti Melayu-Islam berkenaan setelah tiga tahun 11 bulan dan 13 hari dipertahankan. Sepanjang tempoh kerjasama rasmi berlangsung, pelbagai kedinamikan politik antara UMNO dengan PAS muncul menerusi pertemuan, perbincangan, perundingan dan perubahan pendekatan berpolitik dalam kalangan pemimpin daripada kedua-dua parti.

Kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS pasca era perpecahan sedang berhadapan dengan cabaran yang sukar dan kedua-dua parti masih lagi gagal mewujudkan ciri-ciri kerjasama politik seperti yang diperlukan. Maka usaha tersebut sedang giat dijalankan oleh kedua-dua parti berkenaan dan bibit-bibit kerjasama politik tersebut kian terserlah hari ini di bawah teraju kepimpinan baru UMNO dan PAS. Bahagian berikut merupakan analisis dapatan hasil kajian yang diperoleh menerusi metodologi-metodologi yang telah ditetapkan di awal perbincangan dalam Bab 1.

BAB 5: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bahagian ini menganalisis secara terperinci dapatan hasil temu bual-temu bual yang telah dijalankan terhadap individu-individu yang pernah terlibat secara langsung dengan proses kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO-PAS dari tahun 1968 hingga 1978. Bagi tujuan tersebut, kaedah temu bual separa berstruktur dipilih supaya informan dapat menghuraikan jawapan-jawapan secara lebih terperinci berpandukan soalan yang telah ditetapkan. Terdapat 21 soalan berkenaan kerjasama politik Melayu-Islam analisis hubungan UMNO-PAS dibentuk dan kemudiannya dikemukakan kepada kelima-lima informan terbabit.

Kelima-lima informan tersebut ialah Dr. Daeng Sanusi Mariok, Dr. Mahathir Mohamad, Mustapha Ali, Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Tengku Razaleigh Hamzah. Pemilihan kelima-lima informan ini dilakukan secara teliti bagi memastikan fakta dan maklumat yang diperoleh tepat sekaligus dapat mengesahkan perbincangan yang telah dijalankan sebelum ini. Bahagian berikut menganalisis dan membincangkan hasil dapatan temu bual-temu bual yang telah dijalankan terhadap kelima-lima informan berkenaan.

5.2 Impak Berterusan Kerjasama dalam Pembangunan Politik Melayu-Islam

Kesediaan PAS untuk membentuk Kerajaan Campuran sebenarnya didorong oleh peluang merealisasikan perjuangan politiknya menerusi penyertaan parti berkenaan dalam kerajaan persekutuan. Meskipun pembentukan Kerajaan Campuran merupakan peluang kepada kedua-dua parti melaksanakan dasar-dasar perjuangan mereka, namun orang Melayu-Islam telah mendapat manfaat yang besar daripada kejayaan pembentukannya.

Hal ini dapat dilihat menerusi langkah kerajaan untuk memperkasakan semula aliran pendidikan agama dengan meningkatkan bilangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh kerajaan. Di samping itu, kebajikan guru-guru agama sedia ada khususnya di Kelantan telah ditangani dengan segera menerusi tiga tindakan utama iaitu menyerap mereka masuk ke dalam perkhidmatan kerajaan, menyelaraskan semula tangga gaji dan memberikan pengiktirafan empat *thanawi* kepada guru-guru yang tidak mempunyai sijil dan ijazah (Mohamed Asri Muda 1993, p.99-100). Langkah yang dilakukan kerajaan ini telah meningkatkan semula profesion perguruan dalam aliran agama yang sebelumnya tidak mendapat perhatian khusus daripada pihak kerajaan persekutuan. Malah langkah tersebut juga dapat memberikan keuntungan politik kepada PAS dan UMNO apabila berpotensi meraih sokongan daripada guru-guru terbabit dalam pilihan raya umum berikutnya.

Di samping itu, proses Islamisasi turut melanda sistem perundangan Islam negara setelah terbentuknya Kerajaan Campuran menerusi pemerkasaan Mahkamah Syariah. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak kerajaan telah menyelaraskan pentadbiran Mahkamah Syariah di negara ini dengan menubuhkan Majlis Hal Ehwal Islam Persekutuan. Di samping itu, kerajaan juga telah mengambil inisiatif menubuhkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi melicinkan urusan berkaitan pentadbiran dan pengurusan agama Islam di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi menghargai peranan PAS dalam mengelola hal ehwal agama dalam Kerajaan Persekutuan, Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS telah dilantik menganggotai panel pemilih mufti pertama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Malah jawatan Mufti turut diwujudkan sehingga hari ini oleh kerajaan bagi mengetuai urusan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama Islam di Wilayah Persekutuan. Situasi ini membuktikan jawatan mufti amat penting kepada orang Islam sehingga jawatan berkenaan masih dikekalkan pada hari ini sekaligus menjelaskan

kerjasama politik antara UMNO-PAS memberi sumbangan besar kepada perkembangan Islam. Selain itu, Hasan Adli yang merupakan Timbalan Yang di-Pertua PAS pada ketika itu juga dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) bagi merancakkan usaha-usaha dakwah di negara ini (Mohamed Asri Muda 1993, p.100-102). Peranan YADIM hari ini cukup penting untuk mendekati anak muda dengan melantik peneraju institusi tersebut daripada kelompok berkenaan dan mewujudkan program melibatkan lapisan muda seperti program Felo Muda Dakwah.

Perkembangan Islamisasi dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan pada era kerjasama politik rasmi tidak hanya terhad kepada pelantikan wakil-wakil PAS yang berstatus ‘*ustaz*’ dan ‘*ulama*’ dalam pentadbiran kerajaan. Malah kerajaan menyediakan ruang yang luas kepada proses tersebut untuk dilaksanakan menerusi peningkatan siaran agama di media-media milik kerajaan seperti televisyen dan radio secara menyeluruh. Di samping itu, elemen-elemeh kerohanian Islam turut diterapkan dalam kursus-kursus melibatkan kakitangan kerajaan Persekutuan. Rombakan yang dilakukan terhadap pengisian program-program yang lebih bersifat Islamik merupakan kejayaan penting yang dicapai oleh PAS untuk mewujudkan suasana kehidupan Islam yang diperjuangkannya selama ini.

Hakikatnya, kesediaan UMNO memberi ruang kepada PAS untuk merealisasikan dasar perjuangannya dinilai sebagai strategi penting untuk memperkuuhkan semula kedudukannya sebagai parti teras pemerintah. Sekiranya PAS berjaya meningkatkan pengaruhnya dalam kalangan rakyat, maka UMNO turut berpotensi menerima kesan peningkatan sokongan tersebut khususnya dalam pilihan raya umum berikutnya. Peningkatan sokongan daripada orang Melayu-Islam penting kepada UMNO bukan sahaja untuk mengembalikan kekuatannya sebagai parti teras kerajaan tetapi juga bagi menghadapi cabaran politik perkauman yang telah tercetus

dalam peristiwa 13 Mei 1969 yang lalu. Kerjasama politik antara UMNO dengan PAS mampu memperkuatkan semula kuasa politik orang Melayu-Islam dalam kerajaan dan bagi mencapai matlamat berkenaan PAS, telah diberikan peluang dan kemudahan yang meluas bermula dari peringkat tertinggi dalam kerajaan sebagai menteri sehingga menyebarkannya ke peringkat akar umbi.

Strategi-strategi dan rancangan memperkuatku kuasa politik orang Melayu-Islam ini tidak terhenti apabila tamatnya kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam Kerajaan Campuran. Malah kedua-dua parti ini kemudiannya meneruskan agenda yang dirancang sebelumnya melalui gabungan politik baru yang dijenamakan semula sebagai BN pada tahun 1974. Bahagian berikut membincangkan perkembangan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam BN dan sumbangannya kepada orang Melayu-Islam di negara ini.

5.3 Analisis Hasil Temu Bual Bersama Informan

Secara khususnya, 21 soalan berkaitan ciri-ciri teori telah dikemukakan kepada lima orang informan terpilih dalam sesi temu bual khas dengan mereka. Sebelum temu bual dijalankan, terdapat dua kriteria penting yang dipertimbangkan untuk memilih senarai informan yang relevan iaitu posisinya dalam parti dan kerajaan sepanjang tempoh kajian dilakukan. Faktor posisi pemimpin dalam parti penting kerana mereka terlibat secara langsung dalam menentukan dasar dan berupaya mempengaruhi tindakan ahli bawahan ketika berhadapan dengan beberapa isu semasa yang muncul pada ketika itu.

Kedua, informan yang dipilih memiliki pengalaman berkhidmat sama ada dalam Kerajaan Campuran mahupun Kerajaan Gabungan BN sepanjang tempoh kerjasama politik antara UMNO dengan PAS berlangsung. Hal ini kerana, informan yang terlibat dalam pentadbiran kerajaan pada ketika itu dapat memberikan sumber maklumat yang

tepat mengenai isu-isu dan hasil kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dan PAS. Oleh demikian, pemilihan Dr. Daeng Sanusi Mariok, Dr. Mahathir Mohammad, Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mustapha Ali untuk ditemu bual menepati kedua-dua kriteria yang ditetapkan sebelumnya.

Meskipun terdapat informan-informan seperti Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah meninggalkan parti asal masing-masing, namun sumber maklumat yang diperoleh daripada kedua-dua individu ini masih penting berdasarkan kepada pengalaman mereka secara langsung dalam Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974. Di samping itu, kesediaan informan-informan untuk ditemu bual merupakan kekuatan utama kajian ini memandangkan ramai tokoh-tokoh yang seperjuangan mereka telah meninggal dunia. Maka pemilihan kelima-lima informan berkenaan adalah sesuai, tepat, mencukupi dan relevan untuk membincangkan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya UMNO dan PAS ini.

5.3.1 Pemangkin Kerjasama Politik Melayu-Islam Sebelum dan Selepas Merdeka

Menerusi temu bual-temu bual yang telah dijalankan ke atas kelima-lima informan terlibat, hasil temu bual menemui terdapat dua asas yang mencetuskan kerjasama politik Melayu-Islam di negara ini. Bagi memudahkan perbincangan dalam bahagian ini, asas-asas tersebut dibahagikan kepada dua skop iaitu melibatkan asas umum dan khusus. Asas umum merupakan maklumat-maklumat sama yang dikemukakan oleh informan-informan yang ditemu bual, manakala asas khusus adalah pandangan dan informasi tersendiri yang diberikan oleh informan. Jadual 5.1 berikut, merumuskan hasil temu bual dengan informan-informan mengenai asas kerjasama politik Melayu-Islam:

Jadual 5.1: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Asas Kerjasama Politik Melayu-Islam

Informan	Asas-Asas Mempengaruhi Kerjasama Politik	
	Asas Umum	Asas Khusus
Daeng Sanusi Mariok	i. Penentangan terhadap Malayan Union yang diperkenalkan oleh British adalah pencetus kepada segala gerakan kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam di negara ini sebelum merdeka	Pemimpin dan intelektual Melayu berperanan sebagai pemangkin kerjasama politik Melayu-Islam
Mahathir Mohamad	ii. Kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam di negara ini boleh dibentuk sekiranya terdapat faktor umum yang mengancam dan mencabar status quo mereka selama ini	Persamaan pegangan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan umat Islam di negara ini turut berperanan melicinkan proses kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam
Mustapha Ali		Pemimpin Melayu sebagai pencetus kepada idea kerjasama politik.
Mahmood Zuhdi		Pengkhianatan yang dilakukan orang bukan Melayu dengan mempertikai hak-hak istimewa orang Melayu dalam peristiwa 13 Mei 1969.
Tengku Razaleigh		Tokoh-tokoh Melayu sebelum dan selepas merdeka merupakan perintis kepada kerjasama politik kedua-dua parti.

Bagi asas umum pertama, kelima-lima informan bersetuju bahawa asas penentangan terhadap Malayan Union yang diperkenalkan oleh British adalah pencetus kepada segala gerakan kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam di negara ini sebelum merdeka. Berdasarkan kepada sejarah politik negara sebelum merdeka, orang Melayu-Islam dan organisasi-organisasinya sebelum itu berada dalam kedudukan terpisah antara satu sama lain. Hal ini turut dinyatakan oleh sarjana sejarah iaitu Ramlah Adam (1998, p.34-36) dalam perbincangannya mengenai hubungan dalam kalangan orang Melayu yang terpisah berdasarkan kepada sempadan geografi dan identiti perjuangan yang bersifat eksklusif.²⁸

Kegopohan British pada ketika itu untuk melaksanakan Malayan Union telah memobilisasi orang Melayu dari seluruh semenanjung untuk bangkit menentang

²⁸ Ibid, hlm.6.

penajah. Atas inisiatif pemimpin dan intelektual Melayu yang diketuai oleh Dato' Onn, satu kongres yang dinamakan Kongres Melayu se-Malaya dianjurkan pada 1 hingga 4 Mac tahun 1946.²⁹ Hasilnya, kongres berkenaan telah mencapai kata sepakat untuk menuuhkan sebuah parti politik Melayu yang dinamakan sebagai United Malays National Organisation (UMNO) bagi mengepalai perjuangan orang Melayu yang lebih teratur.

Penubuhan UMNO pada tahun 1946 merupakan satu peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Melayu sebelum merdeka apabila organisasi dan individu-individu yang berbeza aliran perjuangan dapat disatukan dan bekerjasama dalam sebuah organisasi sama. Di samping itu, kemunculan UMNO telah memberi semangat baru kepada orang Melayu untuk merancakkan kempen-kempen penentangan terhadap rancangan British dengan menganjurkan perhimpunan tunjuk perasaan dan mengadakan pertemuan dengan Raja-Raja Melayu di Hotel Station, Kuala Lumpur pada 1 April 1946 untuk memohon pemulauan majlis pelantikan Gabenor Malayan Union. Secara keseluruhannya, informan-informan ini melihat bahawa kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam di negara ini boleh dibentuk sekiranya terdapat asas sama yang mengancam dan mencabar status quo mereka selama ini. Sekiranya orang Melayu tidak diancam dengan sebarang masalah yang boleh menggugat kedudukan dan hak mereka, maka mereka masih meneruskan perjuangan dalam keadaan terpisah dan berasingan.

Bagi asas khusus pula, tiga informan iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, Dr. Daeng Sanusi dan Mustapha Ali menerusi temu bual dengan mereka menyatakan bahawa pemimpin dan intelektual Melayu turut berperanan sebagai asas dalam memangkin kerjasama politik Melayu-Islam. Sebagai pemimpin dan intelektual, kedua-dua aktor ini mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam kelompok masyarakat mereka,

²⁹ Ibid, hlm.15.

bahkan mereka dapat mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan bekerjasama sekaligus berupaya mengurangkan jurang perbezaan antara satu sama lain. Menurut Tengku Razaleigh Hamzah, tokoh-tokoh Melayu sebelum dan selepas merdeka merupakan perintis kepada kerjasama politik kedua-dua parti.³⁰

Kerjasama tersebut telah dirancang oleh kepimpinan UMNO dan PAS menerusi projek berbentuk ‘*top down*’ dan barulah kemudiannya dikemukakan kepada ahli menerusi persidangan untuk disahkan. Meskipun rancangan kerjasama politik tidak mendapat persetujuan sebulat suara dalam kalangan ahli, namun keazaman politik (*political will*) pemimpin UMNO dengan PAS pada ketika itu berjaya melahirkan sebuah kerjasama politik yang baik selepas era merdeka. Menurut Tengku Razaleigh, keazaman politik tersebut dapat dilihat apabila seruan kerjasama oleh Tun Abdul Razak telah disambut oleh Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS. Bagi Tun Abdul Razak, rancangan beliau menganjurkan kerjasama pada ketika itu ialah untuk mengembalikan kedudukan orang Melayu sebagai peneraju kuasa dan menaungi kaum-kaum lain di negara ini.

Hal ini kerana orang Melayu menerusi UMNO telah kehilangan banyak kerusi kepada calon-calon dari parti bukan Melayu seperti GERAKAN dan DAP dalam pilihan raya umum ketiga. Keadaan tersebut telah melemahkan kedudukan politik Melayu dan kaum bukan Melayu telah mula berani mencabar *status quo* orang Melayu sehingga mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969. Bagi orang Melayu, ancaman terhadap *status quo* mereka selama ini merupakan satu tindakan yang sukar diterima kerana masing-masing telah bersetuju menerusi kontrak sosial mengikat keharmonian antara satu sama lain sebelumnya.

³⁰Temu bual bersama Tengku Razaleigh Hamzah telah dijalankan pada tarikh 8 Disember 2016 bertempat di kediamannya iaitu Nombor 20, Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur. Beliau merupakan Pengurus Perhubungan UMNO negeri Kelantan semasa rundingan antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda berlangsung selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan pernah berkhidmat sebagai Menteri Kabinet di bawah pentadbiran Perdana Menteri yang sama.

Dua informan lain iaitu Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah mengemukakan pandangan yang tersendiri mengenai asas pemangkin kerjasama politik Melayu-Islam. Menurut Dr. Mahathir, persamaan pegangan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan umat Islam di negara ini turut berperanan dalam melicinkan proses kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu-Islam.³¹ Bagi beliau, orang Melayu sebelum merdeka mudah untuk bekerjasama dan bersatu kerana mereka tidak terpesong dengan tafsiran agama yang memecahkan solidariti antara satu sama lain. Malah sebelum merdeka, majoriti ulama-ulama berada dalam UMNO, namun terdapat sebilangan daripada mereka yang kecewa kerana tidak dipilih oleh Tunku untuk bertanding dalam pilihan raya dan kemudiannya memisahkan diri mereka dengan menubuhkan organisasi dan kemudiannya parti baru yang dinamakan PAS.

Apabila PAS ditubuhkan pada tahun 1951, perselisihan dalam kalangan orang Melayu semakin ketara dengan wujudnya pelbagai tafsiran baru mengenai Islam khususnya melibatkan isu-isu dan perjuangan politik. Malah tafsiran baru agama yang cuba diserapkan dalam kalangan orang Melayu khususnya oleh ulama-ulama PAS seperti ‘tidak memilih parti Islam maka mereka bukan Islam’ telah mengelirukan orang Melayu sekaligus memecahbelahkan orang Melayu di negara ini. Menurutnya lagi, sekiranya ulama-ulama yang berkepentingan tersebut masih berpegang kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka perpecahan dalam kalangan orang Melayu tidak berlaku.

Di samping itu, informan ini turut menyatakan bahawa terdapat larangan penubuhan parti-parti politik yang menggunakan nama Islam kerana tindakan tersebut dapat menekang perpecahan dalam kalangan rakyat. Bagi beliau, Islam adalah milik semua dan tidak perlu dikenali mengikut pecahan parti politik seperti yang dilakukan

³¹Temu bual bersama Dr. Mahathir Mohamad telah dilakukan pada tarikh 9 November 2016 di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Semasa pentadbiran Tun Abdul Razak, beliau telah diundang semula menyertai Kabinet dan terlibat secara langsung dalam krisis politik di Kelantan ketika proses penyingkiran Menteri Besar, Mohd Nasir sedang berlaku.

oleh British di negara ini sebelum merdeka. Tindakan British meluluskan pendaftaran PAS sebelum merdeka merupakan usaha untuk memecahbelahkan orang Melayu dalam UMNO yang selama ini berpegang kuat kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Setelah mendapat kelulusan penubuhan parti politik, PAS telah membangunkan identiti partinya yang berlainan dengan UMNO dengan memperlihatkan imej Islamik dari aspek pemakaian jubah dan status pendidikan agama. Hal ini sekaligus menyebabkan ahli UMNO berhadapan dengan dilema ketika timbulnya isu tidak memilih parti Islam oleh ulama-ulama PAS kerana orang Melayu secara tradisinya takut dituduh sebagai bukan Islam.

Perpecahan ini mengakibatkan orang Melayu berada dalam situasi politik yang lemah sehingga memberi peluang kepada kaum bukan Melayu membentuk kekuatan politiknya dan diterjemahkan dalam Pilihan Raya Umum Ke-3 pada tahun 1969. Kekuatan politik kaum bukan Melayu yang ditonjolkan menerusi keputusan pilihan raya umum tersebut telah menyebabkan mereka mula berani mempertikaikan kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dengan lebih agresif selepas beberapa hari kemudian. Hujah yang dikemukakan oleh informan ini wajar dinilai oleh masyarakat Melayu-Islam hari ini kerana pergelutan politik antara UMNO dengan PAS menyukarkan usaha membentuk perpaduan yang berterusan. Oleh itu, usaha ke arah mewujudkan satu organisasi dan identiti parti politik penting bagi memastikan kedudukan politik masyarakat Melayu-Islam semakin kuat.

Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang ditemu bual pula meyakini bahawa pengkhianatan yang dilakukan orang bukan Melayu dengan mempertikai hak-hak istimewa orang Melayu pada ketika itu telah bertindak sebagai asas pemangkin kepada kerjasama politik orang Melayu-Islam khususnya UMNO dengan PAS.³² Menurutnya

³²Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah ditemu bual di pejabatnya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tarikh 14 November 2016. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Agung Dewan Ulama PAS Kelantan pada tahun 1977.

lagi, kaum Cina pada ketika itu menerusi GERAKAN dan DAP seolah-olah seperti mahu merampas kuasa politik daripada orang Melayu apabila berjaya menguasai majoriti kerusi DUN di Pulau Pinang dan menang besar di Selangor dan Perak.

Hal ini telah membimbangkan orang Melayu dan ketegangan hubungan kaum semakin serius sehingga mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969 sekaligus mendesak pemimpin Melayu mencari alternatif untuk menangani konflik politik semasa. Kebuntuan politik yang dihadapi UMNO dengan PAS selama ini telah berjaya ditangani apabila bibit-bibit kerjasama politik dimulakan oleh Tun Abdul Razak bersama-sama dengan Mohd Asri Muda untuk memperkuuh semula kedudukan politik Melayu yang terancam akibat tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Informan ini seterusnya menjelaskan perpecahan dan perbalahan dalam kalangan orang Melayu berada di kemuncaknya ketika peristiwa rusuhan kaum tersebut.

Hasilnya, satu hala tuju politik baru telah ditemui menerusi pembentukan Kerajaan Campuran antara UMNO (PERIKATAN) dengan PAS pada tahun 1974. Penubuhan Kerajaan Campuran pada ketika itu mengesahkan bahawa kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS boleh diwujudkan sekiranya terdapat asas-asas umum dan khusus yang mendesak kedua-dua parti untuk menilai semula hubungan politik mereka. Bahagian berikut membincangkan mengenai respon masyarakat Melayu-Islam terhadap usaha dan proses kerjasama politik yang dirancang.

5.3.2 Respon Masyarakat Melayu-Islam terhadap Kerjasama Politik

Secara umumnya, soalan mengenai respon masyarakat terhadap kerjasama politik Melayu-Islam boleh dinilai bermula pada era sebelum dan selepas merdeka. Kelima-lima informan yang ditemui bual menyatakan bahawa masyarakat Melayu sebelum

merdeka telah menyambut baik kerjasama politik dalam kalangan mereka sehingga tertubuhnya UMNO pada 11 Mei 1946.

Kemunculan UMNO pada ketika itu telah menimbulkan pelbagai reaksi penerimaan dalam kalangan orang Melayu dan informan-informan yang ditemu bual mengemukakan beberapa jawapan tersendiri yang dapat memperlihatkan sambutan orang Melayu terhadap penubuhan parti itu. Menurut Mustapha Ali, orang Melayu pada ketika itu sememangnya telah menyambut baik penubuhan UMNO kerana parti tersebut merupakan satu-satunya organisasi yang berjaya menggabungkan pertubuhan dan individu Melayu untuk menentang Malayan Union.³³ Meskipun terdapat parti politik Melayu yang ditubuhkan terlebih awal daripada UMNO oleh Dr. Burhanuddin Helmi dan Ahmad Boestamam iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), namun parti tersebut tidak meraikan kepelbagaian identiti perjuangan Melayu dalam sebuah organisasi. Tambah Mustapha Ali lagi, parti tersebut kemudian telah diharamkan oleh British kerana aliran perjuangannya yang berbentuk ekstrem dan kekiran. Idea penubuhan UMNO yang lahir di Istana Johor dengan restu British dan corak perjuangan yang berdiplomasi merupakan formula kepada kelangsungan parti tersebut sehingga hari ini berbanding dengan parti-parti Melayu lain yang ditubuhkan sebelumnya.

Di samping itu, Dr. Mahathir Mohamad dalam temu bualnya turut bersetuju dengan pandangan bahawa kemunculan UMNO telah disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat Melayu seperti ulama-ulama terkenal dan rakyat bawahan. Malah tindakan orang Melayu bersatu dalam sebuah parti pada ketika itu merupakan langkah yang bijak untuk memperlihatkan kekuatannya kaum tersebut sehingga British terpaksa berhadapan dengan tekanan untuk membubarkan Malayan Union. Malah menurutnya lagi, orang Melayu pada masa kini dapat mengembalikan kekuatan politik dan tidak

³³Mustapha Ali telah ditemu bual di Pejabat Urusan Harakah, Jalan Pahang Kuala Lumpur pada tarikh 12 Disember 2016. Beliau merupakan salah seorang wakil PAS yang telah dilantik menganggotai Kabinet pada era Kerajaan Gabungan antara BN dengan PAS pada tahun 1974.

perlu bergantung kepada kaum lain sekiranya wujud kerjasama antara satu sama lain menerusi penyatuan dalam sebuah organisasi. Bagi beliau ulama-ulama yang meninggalkan UMNO pada era Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan PAS perlu diberi ruang kembali bagi memperkuuh semula kuasa politik orang Melayu di negara ini. Layanan yang tidak sama rata diberikan kepada ulama-ulama ini pada ketika itu sehingga hari ini adalah punca kesukaran untuk mengukuhkan semula UMNO sebagai platform kerjasama dalam kalangan orang Melayu di negara ini seperti sebelumnya.

Bagi Tengku Razaleigh Hamzah, masyarakat Melayu memberi sambutan dan sokongan hebat kepada UMNO kerana parti tersebut memiliki matlamat untuk membela kedudukan dan hak Raja-raja Melayu yang telah dirampas oleh British menerusi pembentukan Malayan Union. Oleh itu, UMNO muncul memberi kesedaran kepada orang Melayu mengenai kedudukan dan hak yang cuba dirampas oleh British dan tindakan tersebut berjaya memobilisasi kaum tersebut dari pelbagai latar belakang perjuangan untuk menentang rancangan British. Gelombang kebangkitan orang Melayu pada ketika itu sukar dikawal apabila Raja-raja Melayu memaklumkan bahawa mereka telah diperdaya dan dipaksa oleh British untuk menyerahkan kuasa mutlak bagi melaksanakan Malayan Union. Respon yang hebat daripada orang Melayu pada ketika itu berjaya memperlihatkan bahawa kerjasama politik dalam sebuah parti berjaya menghakis sempadan negeri, perjuangan dan ideologi yang sebelumnya menebal dalam kalangan orang Melayu.

Meskipun Malayan Union akhirnya dibubarkan pada tarikh 11 Mei 1948, namun UMNO yang meneruskan perjuangan menuntut kemerdekaan masih mendapat sokongan hebat dalam kalangan orang Melayu pada ketika itu. Malah orang Melayu membuktikan sokongan mereka kepada perjuangan UMNO dengan memberi kemenangan yang besar kepada calon-calonnya dalam pilihan raya pertama Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah

mengenai sokongan hebat orang Melayu kepada UMNO dipersetujui oleh Dr. Daeng Sanusi Mariok yang mendedahkan bahawa orang Melayu ketika itu berbondong-bondong menyertai UMNO atas matlamatnya yang memperjuangkan hak dan nasib orang Melayu yang dirampas oleh British. Malah menurut beliau, UMNO pada ketika itu lebih terkehadapan dalam memperjuangkan penentangan terhadap Malayan Union dan kemerdekaan negara selepas itu menerusi pendekatan yang diterima oleh British berbanding organisasi-organisasi Melayu lain.

Meskipun PAS kemudiannya muncul menyaingi UMNO dengan berusaha meraih sokongan daripada orang Melayu, namun sambutan hambar diberikan oleh orang Melayu kepada parti berkenaan. Hal ini kerana perjuangan PAS yang meletakkan Islam sebagai tonggak utama dasarnya masih sukar diterima kerana kesedaran dan kefahaman mengenai Islam dalam kalangan orang Melayu masih lagi berada pada tahap yang rendah. Bagi orang Melayu pada era sebelum merdeka, mereka pada ketika itu hanya melihat keperluan Islam daripada perspektif akidah, syariah dan amalan-amalan wajib seperti solat dan puasa sahaja.

Malah praktik Islam dalam kalangan orang Melayu ketika itu juga tidak meliputi keseluruhan tatacara hidup (*way of life*) mereka sekaligus menyukarkan usaha PAS untuk memperluaskan pengaruhnya. Malah selain orang Melayu, British juga lebih cenderung untuk bekerjasama dengan UMNO kerana ketokohan dan latar belakang pemimpinnya yang lebih terkehadapan berbanding PAS yang dinilai hanya diterajui oleh ustaz dan tok guru pondok sahaja.

Hal ini memberi impak yang besar terhadap kedudukan PAS sebagai salah sebuah parti politik Melayu untuk seiring dengan UMNO bagi memperjuangkan kemerdekaan negara. Maka PAS dinilai oleh orang Melayu pada ketika itu lebih terkebelakang berbanding kejayaan UMNO menyediakan wadah kerjasama dalam

kalangan orang Melayu pelbagai ideologi merentasi sempadan negeri dan organisasi sebelum merdeka. Hasilnya, UMNO mendapat respon dan sambutan hebat atas dasar perjuangannya yang diterima oleh orang Melayu secara keseluruhannya.

Setelah berjaya menyediakan sebuah wadah politik kepada seluruh orang Melayu pelbagai aliran dalam partinya, UMNO tidak terhenti dalam usaha memperkuatkan kedudukan politiknya dan orang Melayu dengan menjadi pelopor kepada kerjasama politik dengan PAS pasca peristiwa 13 Mei 1969. Bagi mencapai matlamat tersebut, komunikasi efektif yang berupaya mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik melibatkan kedua-dua parti Melayu-Islam berkenaan perlu dicetuskan. Oleh demikian, bahagian berikut menilai hasil temu bual dengan informan-informan yang terlibat mengenai tahap komunikasi efektif melibatkan kepimpinan daripada kedua-dua parti berkenaan.

5.4 Komunikasi Efektif antara Pemimpin-Pemimpin UMNO dengan PAS

Berdasarkan kerangka teori kerjasama yang diperkenalkan oleh Deutsch (1949), salah satu daripada tujuh ciri penting dalam membentuk kerjasama ialah wujudnya komunikasi efektif dalam kalangan aktor-aktor yang terlibat. Dalam konteks kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS, informan-informan yang ditemu bual secara keseluruhannya memperakui wujudnya komunikasi efektif dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS namun situasi tersebut berlaku secara berperingkat.

Perakuan ini mengesahkan bahawa wujudnya kedinamikan politik dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS pada waktu berkenaan. Jadual 5.2 berikut merupakan dapatan-dapatan hasil temu bual yang telah dijalankan ke atas kelima-lima informan berkenaan:

Jadual 5.2: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Aspek Komunikasi Dalam Kalangan Pemimpin UMNO dan PAS

Informan	Ciri Kerjasama	Sub Ciri
	Komunikasi Efektif	Bentuk-bentuk Komunikasi
Daeng Sanusi Mariok	Ada	i. Mesyuarat berkala ii. Pertemuan iii. Perbincangan iv. Rundingan
Mahathir Mohamad	Ada	i. Pertemuan ii. Rundingan yang dipersetujui kedua-dua pihak
Mustapha Ali	Ada	i. Pertemuan ii. Perbincangan iii. Rundingan
Mahmood Zuhdi	Ada	i. Pertemuan ii. Disusuli dengan rundingan
Tengku Razaleigh	Ada	i. Pertemuan ii. Perbincangan iii. Rundingan

Peringkat pertama merupakan fasa sebelum kerjasama politik rasmi antara UMNO dengan PAS berlangsung. Menurut Mustapha Ali, Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 komunikasi antara Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda semakin jelas. Hal ini dapat dilihat apabila Tun Abdul Razak telah bertindak di luar kebiasaannya sebagai Yang di-Pertua UMNO dengan mengundang secara peribadi Mohd Asri Muda ke Kuala Lumpur bagi melihat situasi rusuhan kaum di ibu kota. Beliau kemudian dijemput bertemu dengan Tun Abdul Razak untuk berbincang mengenai krisis yang sedang melanda negara dan masing-masing berkongsi pandangan mengenai masa depan orang Melayu-Islam dalam situasi berkenaan.

Menurut Mustapha Ali, pertemuan melibatkan kedua-dua pemimpin berkenaan merupakan titik permulaan kepada perbincangan dan rundingan antara UMNO dengan PAS selepas peristiwa 13 Mei 1969. Perselisihan politik yang berlarutan selama 22 tahun antara UMNO dengan PAS tiba di penghujungnya apabila kedua-dua pemimpin

mula menyedari bahawa persamaan identiti mereka sebagai orang Melayu perlu dijadikan asas kepada kerjasama politik ke arah usaha penyatuan. Kesedaran tersebut telah mendorong Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda untuk menjalinkan hubungan yang baik dan mesra sekaligus dapat mewujudkan komunikasi efektif antara kedua-dua pemimpin tersebut. Hal ini turut dipersetujui oleh Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah yang menjelaskan bahawa komunikasi yang wujud sebelum penubuhan Kerajaan Campuran adalah secara tidak rasmi melibatkan individu tertentu. Individu yang dimaksudkan oleh kedua-dua informan ini ialah Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda yang berperanan penting sebagai pencetus kepada perubahan corak hubungan dua hala UMNO dengan PAS.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh informan-informan sebelum ini, komunikasi efektif yang wujud antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda sememangnya turut diakui oleh individu terbabit. Hal ini dapat dilihat apabila Mohamed Asri Muda (1993) menerusi memoir politiknya menyatakan pertemuan beliau dengan Tun Abdul Razak berlaku secara ikhlas dan masing-masing berterus terang mengenai keadaan ketidaktentuan politik dan keselamatan negara pada ketika itu. Malah mereka turut membincangkan mengenai hala tuju kedudukan politik orang Melayu dan isu-isu melibatkan hal ehwal agama Islam. Mereka juga dalam pertemuan terbabit bertukar-tukar idea dan pandangan masing-masing sebagai usaha mencari formula penyelesaian kemelut politik yang sedang dihadapi negara (Mohamed Asri Muda 1993, p.88-91). Pertemuan tersebut telah berjaya mewujudkan platform hubungan yang baik antara UMNO dengan PAS sehingga kemudiannya mendorong Tun Abdul Razak untuk melibatkan wakil parti pembangkang berkenaan menyertai Majlis Perundingan Negara iaitu sebuah institusi di bawah seliaan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

Menurut Dr. Daeng Sanusi Mariok, pada ketika inilah komunikasi efektif antara UMNO dengan PAS memuncak menerusi perkongsian pandangan dan idea dalam

sebuah institusi yang berperanan sebagai badan pentadbir negara secara sementara. Maka MAGERAN telah menjadi wadah paling penting pada waktu berkenaan kepada UMNO dengan PAS untuk menjalinkan hubungan dan komunikasi yang lebih berkesan antara satu sama lain. Malah Mohd Asri menyatakan bahawa beliau mendapat manfaat yang besar hasil penyertaan PAS dalam MAGERAN menerusi kebenaran dan kebebasan menyampaikan kuliah agama di kem tentera dan polis. Situasi ini memperlihatkan wujudnya komunikasi yang efektif dalam pentadbiran MAGERAN seterusnya memberi ruang kepada PAS untuk bergerak secara lebih aktif dalam menyebarkan syiar Islam tanpa sebarang sekatan.

Setelah MAGERAN tamat dan sistem demokrasi dipulihkan semula, kerjasama politik antara UMNO dengan PAS diteruskan menerusi penubuhan Kerajaan Campuran. Menurut Dr. Daeng Sanusi Mariok, kesediaan PAS untuk meneruskan kerjasama politik dalam Kerajaan Campuran adalah hasil pertimbangan kedua-dua pemimpin mahu meneruskan tugas-tugas yang belum diselesaikan sepenuhnya oleh MAGERAN. Oleh demikian, masing-masing telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah kerajaan baru menerusi kerjasama antara UMNO dengan PAS. Pembentukan Kerajaan Campuran antara UMNO dengan PAS pada ketika itu merupakan peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini selepas merdeka apabila dua parti Melayu terbesar dapat bersatu dalam sebuah kerajaan. Keadaan ini telah menyediakan satu lagi peluang komunikasi yang efektif antara pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS dalam sebuah intitusi pentadbiran negara. Hal ini turut diakui oleh Mustapha Ali yang menyatakan penyertaan wakil PAS sebagai anggota kabinet dapat menyediakan satu peluang komunikasi yang lebih efektif.

Semasa menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Sains dan Teknologi mewakili PAS, Mustapha Ali menyatakan beliau memanfaatkan secara maksimum ruang dan peluang yang diberikan kepadanya untuk bertemu dengan

menteri-menteri daripada parti UMNO. Tujuannya pada ketika itu ialah untuk membincangkan, mencadangkan dan memohon beberapa tindakan berkenaan dengan hal ehwal Islam dilaksanakan.

Pertemuan tersebut turut disertai oleh pimpinan Pemuda PAS dan kehadiran mereka telah diterima dengan mudah menerusi temu janji ringkas berbanding sebelum penyertaan parti itu dalam kerajaan pusat. Tambah beliau, komunikasi yang efektif tersebut menyebabkan terdapat syor-syor yang dikemukakan oleh beliau dan pimpinan PAS diterima dan dilaksanakan, misalnya laungan azan dan bacaan surah Al-Quran sebelum azan berkumandang di stesen televisyen, radio dan penamatan iklan keputusan judi di televisyen.

Di samping itu, Mohd Asri Muda semasa menjawat jawatan menteri dalam Kabinet telah mencadangkan kepada Tun Abdul Razak agar hidangan arak dihentikan dalam majlis-majlis keramaian kerajaan dan akhirnya budaya tersebut berjaya dihapuskan secara beransur-ansur. Kejayaan pelaksanaan syor-syor yang dikemukakan oleh wakil-wakil PAS pada ketika itu telah memberi impak yang besar terhadap perkembangan syariat Islam di negara ini. Selain mencadangkan syor-syor terhadap perubahan pentadbiran kerajaan, Mustapha Ali turut menjelaskan bahawa beliau pernah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Tan Sri Abdul Kadir Yusof selaku Menteri Undang-undang dan Peguam Negara bagi membincangkan mengenai pelaksanaan perundangan Islam di negara ini.

Bagi PAS, pelaksanaan undang-undang Islam dalam sebuah kerangka negara Islam merupakan asas dan agenda perjuangan parti tersebut semenjak ditubuhkan pada tahun 1951. Menerusi pertemuan tersebut, Tan Sri Abdul Kadir Yusof menyatakan secara jelas bahawa rancangan melaksanakan perundangan Islam perlu dikemukakan melalui Kabinet dan beliau memahami kehendak PAS berkenaan hal tersebut, namun

perlu melalui pelbagai proses yang berpanjangan. Meskipun sukar dilaksanakan dalam tempoh terdekat, beliau menyatakan komitmennya untuk mengarahkan pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara menyemak dan menilai perundungan sedia ada di negara ini. Kesediaan beliau tersebut memperlihatkan bahawa dengan penyertaan PAS dalam Kabinet pada ketika itu dapat mewujudkan sebuah komunikasi efektif sepanjang tempoh kerjasama politik rasmi tersebut.

Komunikasi-komunikasi efektif tersebut dijanakan menerusi pelbagai bentuk dan pendekatan sepanjang kerjasama politik secara rasmi berlangsung. Kerjasama politik yang berakhir pada tahun 1977 tersebut tidak menutup ruang komunikasi efektif antara UMNO dengan PAS, malah terdapat pemimpin UMNO misalnya Najib Tun Abdul Razak selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang mengalu-alukan perundingan melibatkan kedua-dua parti itu bagi mengekalkan perpaduan umat Melayu di negara ini (Noraini Nordin 1989, p.6). Oleh demikian, bahagian berikut membincangkan bentuk-bentuk komunikasi efektif yang pernah diketengahkan sepanjang tempoh kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS.

5.4.1 Bentuk-bentuk Komunikasi

Bibit kerjasama politik antara kepimpinan UMNO dengan PAS berjaya dicapai menerusi beberapa bentuk komunikasi yang diguna pakai semenjak selepas peristiwa 13 Mei 1969 sehingga penubuhan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974. Selepas tercetusnya peristiwa rusuhan kaum terburuk di negara ini pada tahun 1969, Tun Abdul Razak mengambil langkah mengejutkan dan di luar norma praktik pemimpin UMNO terdahulu dengan menjemput seteru politik tradisinya iaitu Mohd Asri Muda untuk berkunjung dan mengadakan pertemuan dengannya di Kuala Lumpur.

Pertemuan kedua-dua tokoh berkenaan merupakan peristiwa bersejarah kepada perkembangan hubungan politik dua hala yang sebelumnya pernah berseteru akibat

perbezaan ideologi dan perjuangan politik. Malah pertemuan tersebut telah berjaya mengembalikan kegembilangan kerjasama politik orang Melayu-Islam seperti yang pernah dicapai sebelum merdeka menerusi penubuhan UMNO. Rentetan daripada pertemuan pertama tersebut, hubungan tegang antara UMNO dengan PAS selama ini dapat diredakan sekaligus mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik sebelum penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Selain itu, pertemuan yang diadakan turut disertakan dengan perbincangan dan perundingan dua hala bagi membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu-Islam di negara ini.

Hal ini diakui oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang merupakan salah seorang pemimpin UMNO yang diwakilkan oleh Tun Abdul Razak untuk mengadakan perbincangan dan rundingan selanjutnya dengan Mohd Asri Muda. Pemilihannya sebagai wakil UMNO untuk berbincang dan berunding dengan Mohd Asri Muda pada ketika itu disebabkan oleh posisi beliau sebagai Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan, manakala Mohd Asri Muda pada ketika itu juga merupakan Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Yang di-Pertua PAS. Bagi Tun Abdul Razak, perbincangan dan perundingan selanjutnya melibatkan kedua-dua pemimpin perlu disegerakan kerana tekanan dan perpecahan politik yang melanda orang Melayu amat kuat khususnya di Kelantan. Misalnya terdapat ahli-ahli PAS yang menolak perkahwinan, sembelihan dan berimamkan dengan ahli-ahli UMNO sedangkan Islam tidak melarang tindakan dan perbuatan sedemikian. Hal ini berlaku kerana mereka terlalu taksub dengan saranan dan hujah pemimpin parti khususnya menerusi Amanat Haji Hadi yang menolak sepenuhnya sebarang hubungan kehidupan melibatkan ahli-ahli UMNO.

Menurutnya lagi, perbincangan dan rundingan selepas pembubaran MAGERAN tersebut akhirnya membawa hasil apabila Kerajaan Campuran berjaya dibentuk di peringkat pusat dan wakil-wakil rakyat daripada kedua-dua parti dilantik menjawat jawatan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di negeri-negeri yang diterajui oleh

UMNO dan PAS. Kesediaan kedua-dua parti Melayu-Islam ini menerima wakil-wakil daripada parti masing-masing untuk menyertai pentadbiran kerajaan di peringkat Pusat dan negeri memperlihatkan kejayaan bentuk-bentuk komunikasi yang dipraktikkan ketika menjelang dan sepanjang kerjasama politik rasmi berlangsung.

Menurut Dr. Mahmood Zuhdi, komunikasi antara pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS berlaku menerusi pertemuan yang tidak dirancang apabila Tun Abdul Razak secara tiba-tiba menghubungi Mohd Asri Muda selepas peristiwa 13 Mei 1969. Tindakan tersebut dilakukan atas inisiatif kedua-dua pemimpin yang memiliki keyakinan diri dan berani membuat keputusan untuk bertemu antara satu sama lain. Hasil daripada pertemuan tersebut, kedua-dua pemimpin telah bersetuju untuk mengadakan rundingan lanjut yang lebih formal dengan melibatkan pelbagai peringkat pemimpin daripada kedua-dua parti. Di samping itu, informan yang ditemui bual memaklumkan pemimpin kanan PAS seperti Abu Bakar Hamzah turut serta terlibat dalam proses perundingan yang dijalankan oleh kedua-dua parti berkenaan. Situasi ini membuktikan kerjasama politik melibatkan UMNO dengan PAS merupakan satu projek yang berbentuk *top-down* kerana ideanya diilhamkan oleh peneraju parti masing-masing terlebih dahulu dan kemudiannya dilaksanakan secara berperingkat kepada ahli-ahlinya.

Bagi Dr. Daeng, komunikasi efektif yang wujud antara pemimpin UMNO dengan PAS pada ketika itu berlangsung menerusi mesyuarat berkala seolah-olah seperti mesyuarat Kabinet kerajaan. Mesyuarat secara berkala tersebut bermula semenjak selepas pertemuan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda sehingga berjayanya penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Situasi ini berterusan sepanjang tempoh kerjasama politik kedua-dua parti dalam Kerajaan Gabungan BN sehingga tahun 1978. Menurut Dr. Mahathir, bentuk-bentuk komunikasi yang dipraktikkan telah dipersetujui terlebih dahulu oleh kedua-dua parti menerusi pertemuan dan perundingan bertujuan untuk mengurangkan politiking dalam tempoh berkenaan.

Pendekatan tersebut telah berjaya mempengaruhi PAS untuk menamatkan serta-merta perseteruan politiknya dengan UMNO sehingga membawa persetujuan parti politik Islam itu untuk membentuk kerjasama politik dalam sebuah kerajaan. Selain itu, Mustapha Ali mengesahkan informasi yang diberikan oleh informan-informan lain mengenai pendekatan pertemuan dan rundingan yang diguna pakai oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Kedua-dua pendekatan ini telah diguna pakai di setiap peringkat kepimpinan parti bertujuan menyelaraskan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pada waktu tersebut.

Kesimpulannya, kelima-lima informan bersetuju terdapat tiga bentuk komunikasi yang wujud sebelum dan semasa tempoh kerjasama politik antara UMNO dengan PAS berlangsung. Ketiga-tiga bentuk komunikasi efektif ini iaitu menerusi pertemuan, perbincangan dan rundingan telah berperanan sebagai pemangkin kepada usaha merealisasikan proses kerjasama politik yang diusahakan oleh kedua-dua parti berkenaan. Berikut merupakan perbincangan mengenai pengaruh-pengaruh bentuk komunikasi terhadap proses kerjasama politik Melayu-Islam melibatkan UMNO dengan PAS.

5.4.2 Pengaruh Bentuk-bentuk Komunikasi Terhadap Kerjasama Politik

Secara umumnya, bentuk-bentuk komunikasi efektif yang dipraktikkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS sepanjang tempoh sebelum dan semasa kerjasama politik telah mempengaruhi hala tuju mereka untuk merealisasikan matlamat berkenaan. Menurut Dr. Mahathir Mohamad dalam temu bualnya, pendekatan bertemu, berbincang dan berunding telah memberikan impak yang besar terhadap perubahan corak hubungan PAS dengan UMNO ke arah lebih diplomatik. Malah kesediaan PAS menyertai Majlis Perundingan Negara di bawah MAGERAN, Kerajaan Campuran tahun 1973 dan pembentukan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974 adalah bukti bahawa praktik

pertemuan, perbincangan dan rundingan mempengaruhi corak kerjasama politik UMNO dan PAS selepasnya.

Kenyataan Dr. Mahathir Mohamad tersebut turut dipersetujui oleh informan-informan lain seperti Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Tengku Razaleigh dan Mustapha Ali yang secara keseluruhannya melihat keperluan untuk melaksanakan ketiga-tiga praktik berkenaan. Pelaksanaan ketiga-tiga praktik komunikasi ini perlu dilakukan seperti dinyatakan menerusi kerangka teori bagi menterjemah idea sehingga dapat menarik perhatian dan mempengaruhi tindakan ahli-ahli masing-masing. Jadual 5.3 berikut merumuskan perbincangan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai pengaruh bentuk-bentuk komunikasi terhadap kerjasama politik:

Jadual 5.3: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengaruh Bentuk-Bentuk Komunikasi

Informan	Sub Ciri
	Pengaruh Bentuk-bentuk Komunikasi
Daeng Sanusi Mariok	Mesyuarat dan rundingan dalam MAGERAN sebagai asas permulaan kepada terbentuknya kerjasama politik yang lebih erat.
Mahathir Mohamad	Perubahan corak hubungan PAS dengan UMNO ke arah lebih diplomatik.
Mustapha Ali	Hubungan yang baik antara kepimpinan pemuda UMNO dengan PAS mendorong kerjasama untuk menyelesaikan pelbagai masalah orang Melayu ketika itu.
Mahmood Zuhdi	Idea kerjasama secara <i>top-down</i> berjaya membentuk kerjasama menerusi Kerajaan Campuran.
Tengku Razaleigh	Komunikasi mendorong kepada kerjasama politik UMNO dengan PAS.

Namun bagi Dr. Daeng Sanusi Mariok, beliau lebih cenderung melihat kejayaan mesyuarat dan rundingan dalam pentadbiran MAGERAN sebagai asas permulaan kepada terbentuknya kerjasama politik yang lebih erat antara UMNO dengan PAS.³⁴ Malah sepanjang tempoh pentadbiran MAGERAN, mesyuarat dan rundingan yang dilakukan secara berkala merupakan pendekatan terbaik untuk memperkuuh kerjasama

³⁴Sesi temu bual ke atas Dr. Daeng Sanusi Mariok telah diadakan pada tarikh 31 Oktober 2016 bertempat di rumahnya di Sungai Merab Dalam, Kajang, Selangor. Beliau merupakan bekas Naib Yang di-Pertua PAS pada tahun 1977.

dalam kalangan pemimpin-pemimpin. Menurut Dr. Daeng, dengan berakhirnya MAGERAN pada tahun 1973, maka sebuah kerjasama politik dalam bentuk baru telah dirunding dan dibincangkan antara UMNO dengan PAS sebagai kelangsungan dasar dan tindakan yang telah berjaya diasaskan sebelumnya. Maka ketiga-tiga bentuk komunikasi yang dipraktikkan dalam pentadbiran MAGERAN telah berjaya mempengaruhi UMNO dan PAS untuk meneruskan kerjasama politik berikutnya melalui penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974.

Menurut Mustapha Ali, pemimpin-pemimpin peringkat pemuda pada era kerjasama turut mengamalkan komunikasi yang baik dalam kalangan mereka khususnya melibatkan beliau selaku Ketua Pemuda PAS, manakala Harun Idris selaku Ketua Pemuda UMNO. Malah setiap masalah yang tercetus melibatkan orang Melayu pada ketika itu dibincangkan secara bersama oleh mereka dan kemudiannya disalurkan kepada pihak kerajaan. Kedudukan Harun Idris sebagai Menteri Besar Selangor lebih memudahkan penyelesaian pelbagai masalah orang Melayu seperti pembinaan setinggan dan pembukaan kawasan tanah baharu. Kesediaan kedua-dua pemimpin daripada UMNO dengan PAS untuk bertemu dan berbincang mengenai hal berkaitan orang Melayu menjadi perintis kepada pembentukan kerjasama antara kedua-dua parti.

Bagi Dr. Mahmood Zuhdi, proses kerjasama politik yang pernah terbentuk antara UMNO dengan PAS berlaku secara *top-down*. Pemimpin tertinggi daripada kedua-dua parti iaitu Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda pada awalnya telah mencapai persetujuan untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan lanjut mengenai idea kerjasama berkenaan. Oleh demikian, sebuah jawatankuasa khusus yang diterajui oleh Dr. Ismail telah dibentuk untuk mengendalikan rancangan kerjasama dan beliau turut dibantu oleh Mohd Asri Muda serta Abu Bakar Hamzah. Susulan kejayaan komunikasi yang berlangsung melibatkan pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS di

pelbagai peringkat tersebut, maka sebuah Kerajaan Campuran ditubuhkan pada tahun 1973. Penubuhan Kerajaan Campuran pada ketika itu merupakan kejayaan pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS mengenepikan isu perjuangan parti masing-masing dan perbezaan pentadbiran sebelumnya semata-mata bagi membentuk kerjasama dalam kalangan mereka.

Hal yang sama diakui oleh Tengku Razaleigh mengenai kejayaan komunikasi pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS pada ketika itu yang berperanan sebagai pemangkin kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan. Namun beliau kemudiannya menjelaskan kerjasama tersebut berakhir pada penghujung tahun 1977 setelah tercetusnya rusuhan di Kelantan. Rusuhan di Kelantan pada ketika itu berpunca daripada peristiwa pemecatan Mohd Nasir sebagai Menteri Besar yang sah tetapi ditolak oleh kepimpinan PAS yang diterajui oleh Mohd Asri Muda. Bagi Tengku Razaleigh, membentuk kerjasama politik berpotensi untuk direalisasikan sekiranya pemimpin-pemimpin memainkan peranan yang penting dalam menangani pelbagai masalah dan perbezaan antara satu sama lain. Keadaan ini dibuktikan menerusi kesediaan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda sebelumnya untuk berunding secara bersama mengenai setiap perkara yang timbul berkaitan orang Melayu. Namun peralihan kuasa daripada Tun Abdul Razak kepada Tun Hussein Onn kemudiannya menyebabkan berlakunya perubahan pendekatan dalam menangani krisis yang tercetus melibatkan kedua-dua parti politik terbabit.

5.5 Keterbukaan, Nilai Persahabatan dan Tidak Menghalang Kerjasama Politik

Penilaian terhadap keterbukaan pemimpin UMNO dengan PAS menjelang dan semasa kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dapat dilakukan semasa sebelum penyertaan wakil PAS dalam Majlis Perundingan Negara di bawah pentadbiran

MAGERAN, Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974.

Perbincangan seterusnya mengetengahkan beberapa intipati penting mengenai sikap keterbukaan dan hubungan yang berjaya diwujudkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS sepanjang proses membentuk kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan.

Jadual 5.4 berikut menyenaraikan rumusan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai keterbukaan yang wujud dalam kalangan pemimpin UMNO dengan PAS:

Jadual 5.4: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Aspek Keterbukaan

Informan	Ciri Kerjasama
	Keterbukaan
Daeng Sanusi Mariok	Perbincangan berterusan mengenai masa depan orang Melayu selepas peristiwa 13 Mei 1969 berbanding sebelumnya
Mahathir Mohamad	Keterbukaan Tun Abdul Razak sukar ditandingi apabila berjaya membawa PAS menyertai kerajaan
Mustapha Ali	Perjumpaan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda di Parlimen selepas peristiwa 13 Mei 1969
Mahmood Zuhdi	Dua peringkat keterbukaan iaitu sekitar kalangan pemimpin-pemimpin dan peringkat kedua melibatkan ahli-ahli bawahan
Tengku Razaleigh	Berlangsung dengan baik sepanjang tempoh kerjasama tetapi berubah selepas Tun Abdul Razak meninggal dunia.

Menurut Daeng Sanusi Mariok, keterbukaan dalam kalangan pemimpin UMNO dengan PAS dapat dinilai apabila wujudnya perbincangan berterusan mengenai masa depan orang Melayu selepas peristiwa 13 Mei 1969. Namun sebelum peristiwa tersebut tercetus, para intelektual dan pemimpin Melayu hanya memfokuskan kegiatan dan perbincangan mereka melibatkan politik semata-mata. Manakala Mustapha Ali menyatakan bahawa keterbukaan pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS membincangkan mengenai halatuju dan kedudukan orang Melayu secara serius dapat dilihat kali pertama menerusi pertemuan dan perbincangan antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda di Parlimen selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Pertemuan kedua-dua pemimpin pada waktu berkenaan berlangsung dalam susasana yang begitu mesra dan kemudiaannya diteruskan oleh pemimpin-pemimpin parti yang lain. Kedua-dua pemimpin ini telah merintis laluan kerjasama politik yang pertama selepas merdeka selepas melalui tempoh perseteruan politik yang cukup panjang. Namun tambah beliau lagi, keterbukaan semakin berkurangan antara pemimpin UMNO dengan PAS setelah Tun Abdul Razak meninggal dunia pada tahun 1976 dan berlakunya peralihan kepimpinan kepada Tun Hussein Onn. Bagi beliau, apabila pengasas kerjasama politik kedua-dua parti Melayu-Islam tersebut iaitu Tun Abdul Razak telah tiada, maka pendekatan politik beliau turut mengalami perubahan mengikut corak penggantinya.

Di samping itu, Dr. Mahathir Mohamad turut mengakui bahawa keterbukaan Tun Abdul Razak sukar ditandingi oleh pemimpin politik yang lain sehingga berjaya membawa PAS yang dikenali sebagai seteru politik tradisinya untuk menyertai Kabinet yang sama. Bagi Mahathir, Tun Abdul Razak juga mengambil kira pandangan daripada wakil PAS semasa dalam Kabinet untuk memastikan kepuasan hati wujud semasa pentadbirannya. Pendekatan yang dipraktikkan oleh Tun Abdul Razak tersebut bersesuaian dengan keperluan ciri keterbukaan yang diketengahkan oleh Deutsch (1949) iaitu bagi memastikan wujudnya rasa puas hati dalam kalangan aktor-aktor yang terlibat dalam kerjasama politik terbabit. Sekiranya ruang keterbukaan berkenaan tidak diberikan kepada mereka, maka aktor-aktor sukar untuk mengetengahkan idea dan pandangan yang mampu memperkuuh kerjasama. Maka menerusi keterbukaan yang diamalkan secara berterusan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS bermula semenjak MAGERAN sehingga penyingkiran PAS pada tahun 1977 telah berjaya memperkuuh kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan.

Bagi Dr. Mahmood Zuhdi, terdapat dua peringkat keterbukaan yang dialami oleh parti UMNO dan PAS sepanjang kerjasama politik yang dibentuk sebelumnya.

Peringkat pertama ialah sekitar kalangan pemimpin-pemimpin, manakala peringkat kedua ialah melibatkan ahli-ahli bawahan. Menurutnya lagi, keterbukaan dalam kalangan pemimpin pada ketika itu berada dalam keadaan yang baik berbanding dengan ahli-ahli bawahan. Ahli-ahli di peringkat bawahan masih lagi berada dalam proses memahami pendekatan politik baru yang sedang diketengahkan oleh pemimpin-pemimpin mereka dan perbalahan masih berlaku antara satu sama lain di peringkat akar umbi. Meskipun perbalahan masih berterusan di peringkat akar umbi, namun kerjasama politik di peringkat atasan tidak terjejas. Bagi menangani masalah demikian, PAS menurut Mustapha Ali telah mencadangkan usul kerjasama dikemukakan kepada muktamar untuk mendapat persetujuan daripada perwakilan. Tambah beliau lagi, walaupun semua perwakilan tidak memberikan persetujuan secara mutlak namun pemimpin-pemimpin PAS mendapat kepercayaan yang besar daripada perwakilan untuk meneruskan kerjasama politik yang dirintis oleh kedua-dua pemimpin parti politik Melayu-Islam berkenaan.

Berdasarkan pandangan Tengku Razaleigh, keterbukaan antara pemimpin UMNO dengan PAS berlangsung dengan baik sepanjang tempoh kerjasama namun mulai merosot selepas kematian Tun Abdul Razak pada tahun 1976. Malah penglibatan semula Mahathir dalam kerajaan semakin menggugat kerjasama antara kedua-dua parti tersebut kerana beliau sering mendesak Hussein Onn untuk menyingkirkan PAS daripada gabungan berkenaan. Hal ini kerana Mahathir masih menyimpan dendam terhadap PAS selepas kalah kepada calon parti tersebut di kerusi Parlimen Kota Setar Selatan dalam pilihan raya umum tahun 1964.

5.6 Kesungguhan dan Komitmen dalam Mewujudkan Kerjasama Politik

Pendekatan politik baru Melayu-Islam selepas merdeka menerusi kerjasama UMNO dengan PAS dinilai menepati salah satu ciri yang digariskan oleh sarjana Deutsch

(1949, 1973) iaitu wujudnya elemen persahabatan dan tidak menjadi penghalang kepada perbincangan. Kedua-dua ciri ini dapat dinilai menerusi kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin terlibat sebelum terjalinnya kerjasama politik secara rasmi antara satu sama lain. Kesungguhan yang ditonjolkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu-Islam khususnya daripada UMNO dan PAS pada ketika itu telah memberi pelbagai manfaat dan impak terhadap perkembangan kehidupan orang Melayu di negara ini. Kedua-dua elemen ini mulai muncul setelah orang Melayu dicabar dan dikritik secara serius oleh kaum bukan Melayu menerusi parti-parti politik DAP dan GERAKAN yang menang besar dalam pilihan raya umum tahun 1969. Jadual 5.5 berikut merumuskan perbincangan hasil dapatan temu bual mengenai kesungguhan dan komitmen dalam kalangan pemimpin UMNO dengan PAS untuk mewujudkan kerjasama politik:

Jadual 5.5: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Kesungguhan dan Komitmen dalam Mewujudkan Kerjasama Politik

Informan	Ciri Kerjasama
	Kesungguhan dan Komitmen dalam Mewujudkan Kerjasama Politik
Daeng Sanusi Mariok	Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda membuktikan kesungguhan dan komitmen mereka tetapi semakin berkurangan apabila golongan pemimpin muda dan profesional mula menguasai dan mempengaruhi Mohd Asri Muda
Mahathir Mohamad	Kesungguhan menerusi usaha menyatukan orang Melayu menerusi kerjasama politik antara UMNO dengan PAS
Mustapha Ali	PAS memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pentadbiran MAGERAN untuk memulihkan semula keadaan politik negara.
Mahmood Zuhdi	Tun Abdul Razak memperlihatkan sikapnya yang begitu komited mengenai kerjasama lalu mendorong pemimpin-pemimpin atasan UMNO dan PAS yang lain seperti Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah dan Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk bersungguh-sungguh menjayakan matlamat tersebut
Tengku Razaleigh	Kesungguhan pada tahap yang luar biasa

Menurut Mustapha Ali, bagi mewujudkan hubungan politik yang serius antara UMNO dengan PAS selepas peristiwa 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak telah mengundang PAS untuk menganggotai jawatankuasa Majlis Perundingan Nasional di bawah MAGERAN. Undangan berkenaan telah disambut baik oleh PAS, malah parti tersebut memberi kerjasama sepenuhnya dalam pentadbiran MAGERAN untuk memulihkan semula keadaan politik negara. Susulan kejayaan kerjasama yang dicapai menerusi MAGERAN sebelumnya, Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda bersepakat bahawa kerjasama yang telah dirintis perlu diteruskan oleh mereka. Oleh demikian, kedua-dua pemimpin berkenaan kemudiannya memutuskan untuk meneruskan kerjasama politik menerusi pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973.

Perubahan pendekatan politik telah dilakukan oleh kedua-dua pemimpin berkenaan dengan merombak kerajaan yang ditadbir di peringkat negeri dan persekutuan. Langkah awal yang dilakukan oleh UMNO pada ketika itu ialah dengan melantik tiga wakil PAS sebagai anggota Kabinet kerajaan Persekutuan dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di negeri Kedah dan Perak. Sebagai balasannya, PAS yang ketika itu mentadbir negeri Kelantan turut melantik ADUN UMNO sebagai EXCO di negeri berkenaan.

Menurut Mustapha Ali, Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda pada ketika itu turut mengemukakan rancangan kerjasama politik ke peringkat muktamar dan persidangan parti bagi mendapatkan mandat daripada perwakilan. Meskipun kedua-dua pemimpin tersebut mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju parti, namun kedua-mereka memperlihatkan sikap yang berwibawa (*gentleman*) untuk berhadapan dengan para perwakilan sebagai bukti komitmen dan kesungguhan mereka terhadap kerjasama politik dua hala. Selain itu, Mustapha Ali dalam temu bualnya menyatakan bahawa kepimpinan kedua-dua parti telah menyedari bahawa perbalahan politik yang berterusan

tidak menguntungkan orang Melayu-Islam dan masalah tersebut tidak berkesudahan sekiranya tiada inisiatif diambil oleh mereka untuk mencapai kesepakatan.

Hal ini juga turut dipersetujui oleh Dr. Mahathir yang menyatakan bahawa Tun Abdul Razak telah memperlihatkan kesungguhan dan komitmen tinggi untuk menyatukan orang Melayu menerusi kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Menurutnya lagi, matlamat utama Tun Abdul Razak untuk kerjasama politik adalah bertujuan mengurangkan politiking yang berterusan dalam kalangan orang Melayu-Islam. Bagi Dr. Mahmood Zuhdi, apabila Tun Abdul Razak memperlihatkan sikapnya yang begitu komited, maka keadaan tersebut telah mendorong pemimpin-pemimpin atasan UMNO dan PAS yang lain seperti Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah dan Nik Abdul Aziz Nik Mat bersungguh-sungguh menjayakan matlamat tersebut. Malah impak peristiwa 13 Mei 1969 yang menggugat kedudukan dan kestabilan politik orang Melayu pada ketika itu turut memberi kesedaran kepada pemimpin-pemimpin Melayu untuk bangkit memperjuangkan hak mereka merentasi sempadan perjuangan ideologi.

Sebagai salah seorang pemimpin tertinggi UMNO pada ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah bersetuju bahawa komitmen kerjasama politik dalam kalangan pemimpin khususnya Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda berada pada tahap yang luar biasa. Malah pemimpin-pemimpin dalam parti masing-masing memperlihatkan kesungguhan yang sama kecuali setelah tercetusnya perselisihan personaliti (*personality clash*) dalam kalangan mereka. Menurut beliau, keadaan ini mula tercetus apabila timbulnya perselisihan personaliti di peringkat dalam parti khususnya PAS seperti perbalahan antara Mohd Asri Muda dengan Mohd Nasir, Mohd Asri Muda dengan Dr. Mahathir Mohamad dan Mohd Asri Muda dengan Hassan Adli. Perselisihan di peringkat atasan ini kemudiannya telah menggugat kerjasama politik yang telah dibentuk antara UMNO dengan PAS yang akhirnya menyebabkan berakhirnya hubungan kedua-dua parti tersebut pada tahun 1977. Di samping itu,

menurut Dr. Daeng Sanusi Mariok komitmen pemimpin-pemimpin PAS dalam konteks kerjasama politik semakin berkurangan apabila golongan pemimpin muda dan profesional seperti Azahari Awang, Wan Ismail Wan Ibrahim dan Nik Mustapha mula menguasai dan mempengaruhi Mohd Asri Muda. Oleh demikian, kesungguhan yang awalnya wujud dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti akhirnya semakin tersasar daripada matlamat asalnya.

Keadaan ini semakin jelas apabila kelompok pemimpin muda yang mula mendekati telah mula Mohd Asri Muda mempengaruhi pendirian politiknya dengan mewujudkan semula ketegangan hubungan beliau dengan Mohd Nasir selaku Menteri Besar Kelantan. Akhirnya, kesungguhan dan komitmen untuk memulihkan kedudukan politik orang Melayu bertukar kepada perbalahan dalaman parti PAS dengan UMNO sehingga mencetuskan krisis politik yang lebih serius berbanding sebelumnya. Sebagai ahli komponen Kerajaan BN pada ketika itu, PAS telah mengenepikan peranan rakannya dalam gabungan apabila menyatakan bahawa UMNO tidak perlu mencampuri kemelut politik yang melanda pentadbiran kerajaan Kelantan pada ketika itu.³⁵ Walaupun krisis dalaman kedua-dua parti ini hanya jelas semakin memuncak di akhir tahun 1977, namun gelora hubungan dua hala sehingga menggugat kerjasama politik sering melanda pada setiap masa. Analisis bahagian berikut mengetengahkan dan menilai halangan-halangan yang sering dihadapi oleh pemimpin-pemimpin untuk memastikan kerjasama politik Melayu-Islam dalam Kerajaan Campuran 1973 dan Kerajaan Gabungan BN 1974 terus berkekalan.

5.7 Halangan Kerjasama Politik Dua Hala

Sepanjang tempoh kerjasama politik semenjak penyertaan PAS dalam Majlis Perundingan Negara di bawah MAGERAN sehingga penyingkirannya daripada

³⁵Ibid, hlm.185.

Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1978, pelbagai cabaran dan halangan dihadapi oleh parti masing-masing. Perkara ini turut diakui oleh informan-informan yang ditemu bual kerana mereka terlibat secara langsung dengan setiap peristiwa dan pergolakan yang melanda parti ketika itu. Berdasarkan kepada intipati temu bual yang dijalankan terhadap tiga pemimpin PAS, parti tersebut menghadapi halangan dan cabaran yang lebih serius berbanding UMNO ketika menjelang dan semasa proses kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan berlangsung. Jadual 5.6 berikut mengemukakan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai halangan kerjasama politik dua hala:

Jadual 5.6: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Halangan Kerjasama Politik Dua Hala

Informan	Ciri Kerjasama
	Halangan Kerjasama Politik Dua Hala
Daeng Sanusi Mariok	<ul style="list-style-type: none"> i. Kelompok pertama yang menentang secara pemencilan diri yang dilakukan oleh beberapa pemimpin-pemimpin pelbagai peringkat lapisan seperti Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang. ii. Kelompok kedua terdiri daripada kalangan pemimpin-pemimpin yang menganjurkan penentangan secara terbuka seperti Amaluddin Darus dan Fakharuddin Abdullah
Mahathir Mohamad	Penentangan oleh akar umbi yang masih tidak memahami mengenai tujuan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dilaksanakan.
Mustapha Ali	Penentangan oleh kumpulan Gerakan Bebas Bersatu
Mahmood Zuhdi	Gerakan hebat penentangan kerjasama oleh satu kelompok pemimpin PAS yang dikepalai Amaluddin Darus dan Fakharuddin Abdullah
Tengku Razaleigh	Terdapat pandangan dan penolakan yang disuarakan oleh ahli bawahan semasa beliau menerajui badan Perhubungan UMNO negeri Kelantan

Misalnya Dr. Daeng Sanusi Mariok telah menyatakan bahawa wujudnya dua kelompok yang menolak kerjasama politik antara UMNO dengan PAS yang dipelopori oleh pemimpin-pemimpin pelbagai peringkat lapisan seperti Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang. Fakta yang dikemukakan oleh Dr. Daeng turut dipersetujui oleh Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang mengesahkan bahawa wujudnya gerakan hebat oleh satu kelompok pemimpin PAS menentang kerjasama politik berkenaan. Kelompok pertama

terdiri daripada kalangan pemimpin-pemimpin yang menganjurkan penentangan secara terbuka tindakan Mohd Asri Muda bekerjasama dengan Tun Abdul Razak. Antara pemimpin tersebut misalnya Amaluddin Darus dan Fakharuddin Abdullah yang menubuhkan gerakan Bebas Bersatu dan bertindak menentang calon-calon PAS-BN dalam pilihan raya umum tahun 1974.

Di samping itu, informan ini menyatakan bahawa pemberontakan dalaman tercetus begitu kuat sehingga menyebabkan ranting-ranting kawasan dibubarkan dan terdapat ahli-ahli yang bertindak meninggalkan parti kerana mengikut pimpinan berbuat demikian. Meskipun gerakan penentangan yang dilakukan oleh kelompok ini pada waktu tersebut adalah agresif, namun tindakan mereka tidak menjadikan kestabilan parti PAS. Hal ini turut diakui oleh Mustapha Ali yang mengesahkan bahawa ancaman dalaman PAS dalam tempoh berkenaan dicetuskan oleh kelompok Bebas Bersatu sahaja.

Kelompok kedua yang dijelaskan oleh Dr. Daeng Sanusi ialah pemimpin-pemimpin parti yang menolak kerjasama politik dengan UMNO tetapi secara mengasingkan diri. Meskipun tidak bersetuju dengan dasar Mohd Asri Muda pada ketika itu, namun mereka tidak menganjurkan penentangan secara terbuka seperti pemimpin-pemimpin lain. Antara pemimpin tersebut misalnya Fadzil Mohd Noor dan Abdul Hadi Awang yang berpendirian untuk tidak mencampuri sebarang urusan parti walhal mereka merupakan pemimpin-pemimpin yang sedang meningkat naik dalam hierarki politik PAS. Tempias kegawatan politik yang melanda PAS turut melanda UMNO apabila Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan terdapat pandangan dan penolakan yang disuarakan oleh ahli bawahan semasa beliau menerajui badan Perhubungan UMNO negeri Kelantan.

Menurutnya lagi, ahli-ahli UMNO berpandangan bahawa kerjasama tidak diperlukan kerana parti tersebut boleh bertanding secara sendirian dan mampu menang seterusnya menguasai pentadbiran kerajaan negeri Kelantan tanpa bantuan PAS. Namun Tun Abdul Razak ketika itu tidak mempedulikan kemarahan sebilangan ahli berkenaan kerana matlamat beliau hanya untuk memastikan orang Melayu kuat dan bersatu khususnya ketika penubuhan Kerajaan Campuran. Bagi Tun Abdul Razak, mereka yang berpendirian sedemikian merupakan ahli dan pemimpin UMNO yang memiliki kepentingan peribadi berbanding meletakkan keutamaan kepada kerjasama politik orang Melayu-Islam semakin terancam kedudukannya. Jawapan yang sama turut diakui oleh Dr. Mahathir Mohamad iaitu halangan adalah berpunca daripada akar umbi yang masih tidak memahami mengenai tujuan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dilaksanakan.

5.8 Koordinasi Tugas Menerusi Usaha-Usaha Sistematik

Pertemuan antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda selepas peristiwa 13 Mei 1969 yang menghasilkan persetujuan untuk bekerjasama merupakan titik permulaan kepada perancangan dan proses kerjasama yang sistematik. Setelah persetujuan dicapai, kedua-dua parti telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa rundingan yang lebih formal berbanding sekadar mengadakan pertemuan dan perbincangan yang berbentuk peribadi.

Berdasarkan kepada hasil temu bual yang dijalankan, kelima-lima informan secara umumnya bersetuju bahawa terdapat usaha-usaha yang sistematik melibatkan kepimpinan kedua-dua parti menerusi penubuhan jawatankuasa khusus bagi melaksanakan dan melicinkan proses kerjasama politik melibatkan kedua-dua parti Melayu-Islam ini. Jadual 5.7 berikut memaparkan rumusan hasil temu bual-temu bual dengan informan mengenai koordinasi tugas melalui usaha-usaha sistematik:

Jadual 5.7: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Koordinasi Tugas Melalui Usaha-Usaha Sistematik

Informan	Ciri Kerjasama
	Koordinasi Tugas Melalui Usaha-Usaha Sistematik
Daeng Sanusi Mariok	Pelbagai pertemuan dan perbincangan mengenai koordinasi tugas berlangsung meskipun Kerajaan Campuran hanya bertahan selama setahun sahaja. Namun usaha semakin berterusan dalam BN.
Mahathir Mohamad	Berlaku sebelum kerjasama politik tahun 1973 dibentuk dan diteruskan oleh Kerajaan Campuran dan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974.
Mustapha Ali	Sebuah jawatankuasa perunding telah dibentuk bagi mengendalikan usaha kerjasama politik sebelum penubuhan Kerajaan Campuran.
Mahmood Zuhdi	Jawatankuasa pelbagai peringkat lain seperti pemimpin kanan dan bawahan turut dibentuk dalam tempoh kerjasama politik berkenaan.
Tengku Razaleigh	UMNO dan PAS telah membentuk sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Dr. Ismail Abdul Rahman dan turut dianggotai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Mohd Asri Muda.

Menurut Tengku Razaleigh Hamzah, UMNO dan PAS telah membentuk sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mohd Asri Muda. Tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut ialah untuk mengenal pasti kaedah kerjasama politik yang boleh dijalankan dari pelbagai sudut. Di samping itu, kaedah dan hasil rundingan kemudiannya disenaraikan sebagai panduan untuk mengelakkan salah faham yang boleh menimbulkan perbalahan khususnya di peringkat akar umbi. Bagi informan, kefahaman mengenai kerjasama politik sehingga berjaya mewujudkan penyatuan di peringkat akar umbi amat penting untuk menghapuskan pengenalan identiti orang Melayu berdasarkan kepada pembahagian parti.

Hal ini berbeza dengan kaum Cina yang terkenal dengan identiti perniagaan dan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi berbanding dengan pergelutan parti politik. Selain penubuhan jawatankuasa di peringkat atasan, Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid memaklumkan bahawa jawatankuasa pelbagai peringkat lain seperti pemimpin kanan

dan bawahan turut dibentuk dalam tempoh berkenaan. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan merupakan satu proses koordinasi tugas yang penting bagi memastikan kerjasama dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik. Malah penglibatan pemimpin-pemimpin atasan UMNO dan PAS dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan memperlihatkan mereka begitu komited dalam menjayakan kerjasama politik tersebut.

Meskipun kedua-dua parti berjaya membentuk kerjasama politik sehingga terbentuknya Kerajaan Campuran tahun 1973 dan BN pada tahun 1974, namun jawatankuasa yang ditubuhkan sebelumnya masih lagi kekal berperanan sebagai wadah perbincangan dan perundingan bagi pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS. Di samping itu, Dr. Mahathir menyatakan bahawa koordinasi tugas antara UMNO dengan PAS telah berlaku sebelum kerjasama politik tahun 1973 dibentuk. Keadaan ini dapat dilihat menerusi penyertaan wakil-wakil politik, ahli pentadbiran, polis dan tentera dalam institusi MAGERAN. Malah praktik tersebut diteruskan apabila PAS dijemput menyertai Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974 bagi meluaskan konteks kerjasama antara kedua-dua parti berkenaan.

Menurut Mustapha Ali, sebuah jawatankuasa perunding telah dibentuk secara bersama oleh UMNO dengan PAS sebelum penubuhan Kerajaan Campuran bagi membincangkan mengenai usaha-usaha mewujudkan kerjasama politik. Malah konsep jawatankuasa yang diperkenalkan sebelum penubuhan Kerajaan Campuran telah diteruskan semasa pentadbiran kerajaan BN sebagai sebuah platform membincangkan hal-hal berkaitan kerjasama politik dua hala. Di samping itu, Dr. Daeng Sanusi Mariok menyatakan pelbagai pertemuan dan perbincangan telah berlangsung meskipun Kerajaan Campuran hanya bertahan selama setahun sahaja. Malah pelbagai perbincangan telah berlangsung dan koordinasi tugas lebih baik ketika parti itu berada dalam Kabinet apabila wakil-wakil dilantik memegang jawatan-jawatan dalam kerajaan.

5.9 Perkongsian Sumber Menerusi Kewujudan Jawatan

Secara dasarnya, kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS adalah melibatkan perkongsian kuasa kedua-dua parti berkenaan untuk memperkuuh kembali kuasa politik kaum berkenaan. Menerusi temu bual yang dijalankan, keseluruhan informan menyatakan posisi sedia ada dan baru telah diwujudkan bagi merealisasikan perkongsian sumber antara kedua-dua parti berkenaan. Perkongsian sumber ini berlaku di peringkat negeri dan pusat sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung iaitu bermula ketika pentadbiran MAGERAN sehingga PAS disingkirkan dari BN pada tahun 1978. Jadual 5.8 merumuskan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai perkongsian sumber menerusi kewujudan jawatan yang kemudiannya memberi impak kepada perkembangan politik Melayu dan syiar Islam di negara ini:

Jadual 5.8: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Perkongsian Sumber Menerusi Kewujudan Jawatan

Informan	Ciri Kerjasama
	Perkongsian Sumber Menerusi Kewujudan Jawatan
Daeng Sanusi Mariok	Lima wakil PAS sahaja telah dilantik menganggotai pentadbiran kerajaan persekutuan dalam Kerajaan Campuran iaitu Mohd Asri Muda sebagai Menteri, Hassan Adli sebagai Timbalan Menteri, Abu Bakar Hamzah, Yusof Rawa dan Abu Bakar Omar masing-masing dilantik sebagai Setiausaha Parlimen.
Mahathir Mohamad	Pelantikan wakil PAS dalam MAGERAN dan Kabinet Persekutuan pada era pentadbiran Tun Abdul Razak.
Mustapha Ali	Tidak terhad di peringkat Persekutuan sahaja tetapi juga meliputi pentadbiran kerajaan negeri. Misalnya Kelantan yang ditadbir oleh PAS pada ketika itu telah melantik wakil rakyat daripada UMNO sebagai EXCO kerajaan negeri.
Mahmood Zuhdi	Penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada 25 Januari 1974.
Tengku Razaleigh	Tun Abdul Razak telah mewujudkan jawatan-jawatan baru. Walaupun dilihat pembaziran dan meningkatkan kos perbelanjaan kerajaan, namun langkah tersebut perlu bagi menghapuskan perasaan curiga dan dakwaan berat sebelah oleh sesetengah pihak terhadap proses kerjasama politik UMNO dengan PAS

Menurut Dr. Daeng Sanusi Mariok, perkongsian sumber ini telah bermula selepas peristiwa 13 Mei 1969 apabila Tun Abdul Razak mempelawa parti-parti pembangkang untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi membendung masalah rusuhan kaum yang sedang dihadapi oleh negara. Hasilnya, PAS sebagai satu-satunya parti pembangkang Melayu-Islam terbesar pada ketika itu telah bersetuju menganggotai Majlis Perundingan Negara iaitu sebuah institusi di bawah MAGERAN. Bermula dengan penyertaan tersebut, PAS dan UMNO telah mengorak langkah baru dalam pendekatan politik masing-masing yang sebelumnya berseteru antara satu sama lain kepada gandingan politik bagi menangani kemelut politik perkauman yang sedang melanda negara. Menurutnya lagi, kejayaan kerjasama antara kedua-dua parti dalam MAGERAN telah menjadi penanda aras kepada kelangsungan kerjasama politik UMNO dengan PAS sehingga membawa kepada penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973.

Ketika era Kerajaan Campuran, perkongsian sumber antara UMNO dengan PAS tidak begitu menyeluruh kerana tempohnya yang pendek iaitu setahun lapan bulan (Januari 1973 sehingga Ogos 1974) sahaja berbanding semasa pentadbiran kerajaan BN. Malah pada ketika itu, hanya lima wakil PAS sahaja telah dilantik menganggotai pentadbiran kerajaan persekutuan iaitu Mohd Asri Muda sebagai Menteri, Hassan Adli sebagai Timbalan Menteri, Abu Bakar Hamzah, Yusof Rawa dan Abu Bakar Omar masing-masing dilantik sebagai Setiausaha Parlimen.

Selain itu, Mustapha Ali memaklumkan dalam temu bualnya bahawa perkongsian sumber kuasa pada ketika itu tidak terhad di peringkat persekutuan sahaja tetapi juga meliputi pentadbiran kerajaan negeri. Misalnya Kelantan yang ditadbir oleh PAS pada ketika itu telah melantik wakil rakyat daripada UMNO sebagai EXCO kerajaan negeri sebagai menyahut semangat kerjasama politik yang dipersetujui oleh kedua-dua parti sebelum ini. Keazaman politik UMNO dengan PAS ketika itu dalam konteks perkongsian kuasa tidak terhad di peringkat negeri Kelantan sahaja, malah turut

dicontohi oleh kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai oleh UMNO seperti di Kedah, Perlis dan Terengganu. Meskipun perkongsian sumber berkenaan hanya dalam tempoh yang terhad, namun kejayaan meneruskan kerjasama politik dalam sebuah Kerajaan Campuran memperlihatkan wujudnya keazaman politik yang tinggi dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS ketika itu.

Malah menurut Tengku Razaleigh Hamzah, meskipun pelantikan dan mewujudkan jawatan baru oleh pentadbiran Tun Abdul Razak untuk wakil PAS dinilai sebagai pembaziran dan meningkatkan kos perbelanjaan kerajaan, namun langkah tersebut perlu bagi menghapuskan perasaan curiga dan dakwaan berat sebelah oleh sesetengah pihak terhadap proses kerjasama politik UMNO dengan PAS. Di samping itu, tindakan berkenaan dapat mengurangkan salah faham yang berpotensi untuk ditimbulkan oleh mana-mana pihak yang sentiasa berusaha menggagalkan proses kerjasama politik rasmi dalam BN. Hal ini kerana bukan keseluruhan ahli dan pemimpin dari kedua-dua parti menerima secara mutlak tindakan yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda dalam hal berkenaan.

Menurut Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, selain melantik wakil PAS menganggotai pentadbiran kerajaan, Tun Abdul Razak memperakui aspirasi perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS di negara ini. Maka atas dasar mengukuhkan usaha penyebaran syiar Islam di negara ini, beliau telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada 25 Januari 1974. Matlamat utama penubuhan YADIM pada ketika itu ialah untuk mewujudkan sebuah badan yang menyelaras tugas-tugas dakwah di negara ini dalam sebuah institusi yang formal. Bagi membuktikan kepedulian UMNO mengenai hal ehwal Islam dan mengarusperdanakan perjuangan PAS, Tun Abdul Razak telah melantik Syed Nasir Ismail dan Hassan Adli masing-masing sebagai pengurus dan timbalan menerajui institusi berkenaan.

Gandingan kedua-dua pemimpin dari UMNO dan PAS ini memperlihatkan keazaman Tun Abdul Razak untuk memperluaskan jaringan kerjasamanya dengan PAS yang tidak terhad kepada perkongsian kuasa pemerintahan semata-mata. Hal ini berjaya direalisasikan menerusi penubuhan YADIM yang boleh dijadikan wadah baru kepada PAS untuk meneruskan tugas-tugas penyebaran syiar Islam secara formal dan terbuka kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Malah penubuhan YADIM pada ketika itu bukan sahaja memberi ruang kepada PAS untuk mempergiatkan kegiatan dakwah yang terhalang sebelumnya, tetapi turut memberi impak kepada proses memperkasakan penyebaran Islam yang lebih menyeluruh.

Meskipun pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak bersama-sama Mohd Asri Muda untuk menterjemahkan kerjasama politik UMNO dengan PAS dalam kerajaan BN, namun penentangan terhadap proses tersebut masih lagi berlaku. Misalnya Abu Bakar Hamzah ketika memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung PAS telah menentang tindakan partinya menyertai BN pada tahun 1974. Bagi beliau, PAS perlu mengekalkan kerjasama politik seperti yang dilakukannya dalam Kerajaan Campuran dan tidak sepatutnya menjadi salah sebuah parti komponen BN. Menurut Mahmood Zuhdi, Abu Bakar Hamzah sebenarnya mempunyai matlamat politik peribadi tersendiri iaitu mahu dikekalkan sebagai orang penting dalam mengatur hala tuju kerjasama politik seperti dalam Kerajaan Campuran. Namun kedudukannya semakin terancam dengan penubuhan BN apabila hanya dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Tun Abdul Razak sekaligus merendahkan kekakanan beliau dalam parti berbanding pemimpin-pemimpin muda lain seperti Mustapha Ali dan Zahari Awang.

Oleh demikian timbul rasa ketidakpuasan hati beliau mengenai posisinya dalam Kerajaan Gabungan BN dan tindakan pengenepian yang dilakukan oleh parti terhadapnya sebagai pemimpin kanan PAS berbanding dengan pemimpin-pemimpin muda yang lain. Akhirnya beliau telah dipecat oleh PAS pada tahun 1974 atas alasan

gagal menjalankan tugasnya sebagai Setiausaha Agung parti, namun tindakan tersebut sebenarnya berpunca daripada perselisihan peribadi pendirian politik antara beliau dengan Mohd Asri Muda.

Menurut Dr. Mahathir, perkongsian sumber berlaku semenjak Tun Abdul Razak melibatkan penyertaan PAS dalam pentadbiran MAGERAN. Hal ini dapat dilihat menerusi penglibatan wakil-wakil parti politik, tentera dan polis dalam pentadbiran sementara yang ditubuhkan sepanjang tempoh berkenaan. Malah, wakil-wakil PAS yang sebelumnya merupakan seteru politik kepada UMNO masih dikekalkan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn dengan diperuntukkan pelbagai jawatan penting seperti Menteri dan Timbalan Menteri. Corak kepimpinan kedua-dua pemimpin ini pada ketika itu memperlihatkan UMNO mengambil tindakan serius dalam melaksanakan perkongsian sumber seperti yang dibincangkan oleh parti-parti berkenaan sebelumnya.

5.10 Perkongsian Kepercayaan dan Pandangan Politik Yang Sama

Selain membuktikan kerjasama UMNO dengan PAS menerusi praktik politik masing-masing semasa menerajui kerajaan, pemimpin kedua-dua parti berkenaan semenjak penubuhan MAGERAN sehingga Kerajaan Gabungan BN pernah memperlihatkan sikap berkongsi kepercayaan dan pandangan politik antara satu sama lain. Bibit-babit perkongsian kepercayaan dan pandangan politik ini bermula selepas peristiwa 13 Mei 1969 ketika pertemuan antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda berlangsung.

Hasilnya, bibit-babit tersebut telah berjaya membentuk satu asas kepercayaan dan pandangan politik yang sama bahawa perlunya orang Melayu menamatkan perselisihan politik yang berterusan dan mengorak langkah perubahan ke arah membentuk kerjasama politik. Kerjasama politik yang dibentuk berlandaskan kepada kepercayaan dan pandangan politik yang sama pada ketika itu telah memberi kesan

yang besar terhadap kestabilan politik Melayu-Islam di negara ini. Jadual 5.9 berikut merupakan rumusan perbincangan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai perkongsian kepercayaan dan pandangan politik:

Jadual 5.9 Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Perkongsian Kepercayaan dan Pandangan Politik

Informan	Ciri Kerjasama
	Perkongsian Kepercayaan dan Pandangan Politik
Daeng Sanusi Mariok	PAS telah banyak membantu UMNO sepanjang tempoh kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan dalam melakukan pengisian terhadap kemudahan dan infrastruktur Islam di seluruh negara
Mahathir Mohamad	Perkongsian cadangan-cadangan berkenaan bertujuan memperkuuh asas-asas Islam dalam kalangan orang Melayu
Mustapha Ali	UMNO sepanjang kerjasama politik berlangsung tidak pernah menolak cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh PAS
Mahmood Zuhdi	Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda merupakan individu yang paling terbuka menerima pandangan dan idea masing-masing khususnya untuk mengembalikan kekuatan politik orang Melayu yang telah terjejas
Tengku Razaleigh	Bersetuju Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda merupakan pemimpin yang boleh menerima pandangan dan cadangan masing-masing

Menerusi temu bual yang dijalankan ke atas Mustapha Ali, beliau menyatakan UMNO sepanjang kerjasama politik berlangsung tidak pernah menolak cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh PAS. Hal ini juga dipersetujui oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam temu bualnya yang menyatakan perkongsian cadangan-cadangan dan pandangan sama telah memperkuuh asas-asas Islam dalam kalangan orang Melayu. Bagi Mahathir, beliau menilai bahawa UMNO dalam kerajaan lebih mudah untuk melaksanakan perjuangan Islam, namun keadaan sebaliknya bagi PAS yang berada di luar kerajaan sebelumnya.

Meskipun PAS kemudiannya merupakan sebahagian daripada kerajaan di peringkat pusat dari tahun 1973 sehingga 1977, namun parti tersebut masih lagi sukar

untuk menjayakan cadangannya apabila UMNO tidak memberikan komitmen kepada idea-idea dan cadangan mereka. Hal ini berlaku kerana terdapat cadangan yang diketengahkan dinilai berupaya menggugat kedudukan dan pengaruh UMNO dalam kalangan orang Melayu. Keadaan ini didedahkan oleh Mustapha Ali dalam temubualnya apabila beliau pernah mencadangkan kepada Tan Sri Abdul Kadir Yusof mengenai matlamat partinya untuk melaksanakan undang-undang Syariah.

Menurut informan lagi, Abdul Kadir semasa perbincangan dan pertemuan berkenaan menyatakan akan memberi perhatian kepada cadangan tersebut. Malah beliau bersedia untuk mengarahkan pegawai-pegawaiannya di Jabatan Peguam Negara untuk menyemak semula undang-undang yang berkaitan. Sikap yang ditunjukkan oleh menteri mewakili UMNO ini selari dengan ciri-ciri yang diketengahkan menerusi teori kerjasama Deutsch (1949, 1973) mengenai keperluan aktor-aktor menerima pandangan dan kepercayaan antara satu sama lain, namun cadangan berkenaan tidak direalisasikan. Hakikatnya UMNO telah menilai bahawa terdapat cadangan-cadangan yang diketengahkan oleh PAS bertentangan dengan aspirasi parti-parti komponen BN bukan Islam dan meletakkannya dalam situasi dilema sekiranya bersetuju dengan cadangan PAS tersebut. Oleh demikian, pemimpin-pemimpin UMNO mengambil pendekatan selamat dengan menerima cadangan dan pandangan yang dikemukakan tetapi tidak melaksanakannya.

Menurut Dr. Daeng Sanusi pula, PAS telah banyak membantu UMNO sepanjang tempoh kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan dalam melakukan pengisian terhadap kemudahan dan infrastruktur Islam di seluruh negara. Bagi beliau, UMNO memiliki keupayaan kewangan untuk membina infrastruktur seperti masjid dan balai raya tetapi tidak mengisinya dengan kegiatan-kegiatan dakwah. Malah beliau mendakwa Islam seperti yang difahami oleh UMNO ialah daripada perspektif pembangunan yang moden dan materialistik berbanding pendekatan rohani yang

diperjuangkan oleh PAS. Oleh demikian, PAS pada peringkat awalnya bersetuju dengan rancangan kerjasama politik yang dirancang oleh UMNO kerana ingin bersama-sama parti tersebut mengisi asas-asas Islam yang sepatutnya wujud di negara ini. Selain itu, UMNO ketika kerjasama politik sedang berlangsung menerima cadangan Abu Bakar Omar selaku wakil PAS dalam kerajaan untuk mengubah simbol palang (*cross*) di Kementerian Kesihatan kepada bulan bintang.

Meskipun informan menyatakan bahawa langkah tersebut tidak berkaitan secara langsung dengan asas-asas Islam, namun mesej yang boleh disampaikan ialah memperlihatkan kesediaan UMNO untuk menerima cadangan parti berkenaan. Kenyataan yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama informan ini selari dengan maklumat yang terdapat dalam karya Mohd Asri Muda (1993) yang menyenaraikan pengisian-pengisian yang berjaya dilakukan oleh PAS semasa berada dalam kerajaan BN. Misalnya penulis menyatakan semasa PAS berada dalam kerajaan BN, elemen-elemen kerohanian Islam telah diperkenalkan dalam kursus dan latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Malah setiap program yang dijalankan turut melibatkan latihan amali dalam ibadat dan qiamullail sehingga dapat meningkatkan kefahaman mengenai Islam dalam kalangan pegawai-pegawai kerajaan.

Di samping itu, bagi Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Tengku Razaleigh Hamzah, pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO dan PAS ketika era pasca peristiwa 13 Mei 1969 iaitu Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda merupakan individu yang paling terbuka menerima pandangan dan idea masing-masing khususnya untuk mengembalikan kekuatan politik orang Melayu yang telah terjejas. Namun maklumat yang didedahkan oleh Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dalam temu bualnya menyatakan bahawa orang berkepentingan seperti Tengku Razaleigh dan Abu Bakar Hamzah dilihat sering berlawanan arus dengan pendirian pemimpin utama parti. Bagi kedua-dua pemimpin kanan parti ini, terdapat pandangan dan idea yang dicadangkan tidak menguntungkan

parti walhal sebenarnya UMNO dan PAS telah memperoleh pelbagai manfaat sepanjang proses kerjasama politik berkenaan berlangsung.

Berdasarkan kepada aspek kepercayaan, keseluruhan informan bersetuju bahawa asas kepercayaan melibatkan UMNO dan PAS hadir setelah berlangsungnya pertemuan dan perbincangan antara Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda pada tarikh 15 Mei 1969. Kepercayaan tersebut kemudiannya semakin meluas dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS yang telah menilai kesungguhan dan komitmen masing-masing semenjak kerjasama terjalin di bawah pentadbiran MAGERAN sehingga penubuhan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974. Bagi Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, beliau melihat UMNO memberi kepercayaan yang besar kepada PAS sepanjang tempoh kerjasama politik berkenaan dengan memberikan autonomi kuasa pentadbiran di Kelantan dan pelbagai jawatan di peringkat kerajaan Pusat.

Misalnya kerajaan pusat memberikan kepercayaan kepada kerajaan Kelantan untuk menguruskan dana yang disalurkan kepadanya walhal Tun Abdul Razak menyatakan bahawa kerajaan pusat tidak lagi berhasrat membantu Kelantan selepas rakyat negeri tersebut memberi kemenangan kepada PAS dalam Pilihan Raya Umum tahun 1959.³⁶ Namun pendirian berkenaan telah berubah apabila kedua-dua parti Melayu-Islam terbesar itu berjaya mewujudkan kepercayaan antara satu sama lain sekaligus menjalankan kerjasama politik dan menghasilkan pelbagai manfaat kepada orang Melayu khususnya di Kelantan.

Di samping itu, informan ini turut menegaskan bahawa kejayaan ketiga-tiga era kerjasama politik bermula dari pentadbiran MAGERAN, Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974 adalah hasil keyakinan bahawa perubahan corak berpolitik perlu dilakukan sekaligus berjaya membina tahap kepercayaan yang

³⁶Ibid, hlm.131.

berperingkat antara satu sama lain. Hal ini turut diakui oleh Mustapha Ali dalam temu bualnya iaitu kepercayaan pada tahap tertinggi bermula dengan sosok tubuh dua pemimpin utama UMNO dan PAS ketika itu iaitu Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda. Namun beliau bersetuju bahawa kepercayaan dalam kalangan pemimpin semakin lemah dan mulai hilang selepas kematian Tun Abdul Razak.

Pengaruh PAS ketika bersama BN semakin meluas sehingga berjaya menembusi negeri yang sebelumnya menjadi kubu kuat UMNO iaitu di Johor. Malah PAS berjaya menukuhkan cawangan-cawangannya di negeri tersebut setelah mendapat sambutan yang hebat daripada pegawai dan kakitangan kerajaan yang sebelumnya takut untuk menyertai parti berkenaan secara terbuka. Malah terdapat pensyarah-pensyarah universiti terlibat secara aktif sehingga menjawat jawatan penting dalam PAS semasa era kerjasama politik berkenaan. Misalnya Dr. Daeng Sanusi Mariok (Naib Presiden), Dr. Harun Din (Ahli Jawatankuasa), Ali Thaib (Ahli Jawatankuasa) dan Profesor Abdul Shukor Husin (EXCO Pemuda).

Sambutan yang hebat kepada PAS pada ketika itu menyebabkan UMNO kemudiannya mulai curiga dan semakin hilang kepercayaan kepada parti komponennya sehingga timbul dakwaan bahawa PAS sedang berusaha meluaskan pengaruhnya dalam kalangan penjawat awam dan kubu UMNO di negeri Johor dan kawasan FELDA. Susulan daripada situasi tersebut, Mustapha Ali menjelaskan bahawa UMNO telah melihat PAS mula kembali menjadi pesaing (*rival*) kepada kedudukan politiknya dalam BN. Maka bertitik tolak daripada keadaan tersebut menyebabkan kepercayaan yang diberikan oleh UMNO kepada PAS berkurangan secara beransur-ansur sehingga memuncak ketika tercetusnya krisis politik di Kelantan pada tahun 1977.

Meskipun kepercayaan dalam kalangan pemimpin semakin berkurangan, namun pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua parti selepas tahun 1977 masih berupaya

membina semula keyakinan dan kepercayaan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Annuar Musa yang masih menegaskan bahawa usaha merapatkan hubungan antara kerajaan Kelantan yang dipimpin oleh PAS dan Kerajaan Pusat perlu berorientasikan kepada keikhlasan. Oleh itu, wujud saling percaya mempercayai antara satu sama lain sekaligus mengenepikan kecurigaan sepanjang hubungan antara UMNO dengan PAS berlangsung (Baha Azuwan 1991, p. 36.)

5.11 Mengiktiraf dan Menghormati Permintaan Masing-Masing

Ciri kerjasama berikutnya yang diketengahkan oleh sarjana Deutsch (1949, 1973) iaitu mengiktiraf dan menghormati permintaan masing-masing turut terserlah semasa berlangsungnya kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Pengiktirafan yang diterjemahkan oleh sarjana ini ialah melalui pelaksanaan matlamat politik dan permintaan yang dikemukakan oleh gandingan politiknya semasa kerjasama antara aktor berkenaan terjalin. Jadual 5.10 di bawah merumuskan dapatan-dapatan hasil temu bual berkaitan pengiktirafan dan penghormatan kepada permintaan UMNO-PAS ketika dalam kerajaan:

Jadual 5.10: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengiktirafan dan Menghormati Permintaan Masing-Masing

Informan	Ciri Kerjasama
	Mengiktiraf dan Menghormati Permintaan Masing-masing
Daeng Sanusi Mariok	PAS bukan sekadar diberi peluang malah dibantu oleh UMNO dalam melaksanakan beberapa perjuangan menyebarkan syiar Islam di negara ini semasa era kerjasama.
Mahathir Mohamad	UMNO sebagai teras parti pemerintah pada era kerjasama politik telah mengambil pandangan daripada semua anggota parti komponen dalam kerajaan termasuk PAS
Mustapha Ali	Permintaan PAS telah dilaksanakan oleh kerajaan yang diterajui Tun Abdul Razak seperti: <ol style="list-style-type: none"> Cadangan kepada kerajaan untuk mengubah tentatif penyiaran dengan memerdengarkan bacaan ayat-ayat Al-Quran setiap hari sebelum siaran dimulakan.

(Sambungan Jadual 5.10)

Informan	Ciri Kerjasama
	Mengiktiraf dan Menghormati Permintaan Masing-masing
Mustapha Ali	<ul style="list-style-type: none"> ii. Cadangan laungan azan turut dikumandangkan di televisyen dan radio bagi menandakan telah masuk waktu solat fardhu. iii. Permintaan untuk menghentikan iklan-iklan yang mempunyai unsur perjudian dan keputusannya dalam televisyen
Mahmood Zuhdi	PAS memperoleh kuasa autonomi untuk menguruskan dana yang disalurkan oleh kerajaan Pusat kepada kerajaan Kelantan sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung.
Tengku Razaleigh	PAS diberikan peluang untuk melaksanakan matlamat politik walaupun bukan secara keseluruhannya. Tun Abdul Razak menunaikan idea kerjasama walaupun dinilai sebagai pembaziran misalnya pelantikan wakil-wakil PAS dalam kerajaan pusat dan institusi-intitusi kerajaan seperti YADIM dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Merujuk kepada hasil temu bual yang dijalankan ke atas Mustapha Ali, beliau telah menyenaraikan beberapa kejayaan melaksanakan matlamat perjuangan syiar Islam ketika kerjasama berlangsung dalam kerajaan BN. Misalnya sebelum penyertaan PAS secara rasmi dalam kerajaan pada tahun 1973, rancangan-rancangan di televisyen dan radio tidak memperlihatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Hal ini kemudiannya berubah apabila PAS menyuarakan cadangan kepada kerajaan untuk mengubah tentatif penyiaran negara dengan menetapkan agar bacaan ayat-ayat Al-Quran dialunkan setiap hari sebelum siaran dimulakan.

Permintaan PAS telah dilaksanakan oleh kerajaan pada ketika itu, malah laungan azan turut dikumandangkan di televisyen dan radio bagi menandakan telah masuk waktu solat fardhu. Di samping itu, pemimpin-pemimpin dari PAS termasuk informan telah bertindak menemui Abdul Taib Mahmud selaku Menteri Penerangan ketika itu untuk memohon beliau mempertimbangkan agar iklan-iklan yang mempunyai unsur perjudian dan keputusannya dalam televisyen dihentikan. Permintaan PAS mengenai hal

tersebut turut ditunaikan oleh kerajaan dan tindakan ini memperlihatkan wujudnya pengiktirafan oleh UMNO terhadap matlamat perjuangan syiar Islam yang selama ini sukar dilaksanakan oleh PAS.

Hal yang sama turut dipersetujui oleh Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, malah beliau menyatakan bahawa PAS memperoleh kuasa autonomi untuk menguruskan dana yang disalurkan oleh kerajaan pusat kepada kerajaan Kelantan sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung. Tetapi menurut beliau, bukan semua permintaan PAS yang dikemukakan semasa kerjasama politik berlangsung ditunaikan oleh UMNO dan beliau menyatakan bahawa hal yang sama berlaku sekiranya PAS berkuasa sebagai kerajaan di peringkat persekutuan.

Di samping itu, Tengku Razaleigh memaklumkan menerusi temu bualnya bahawa PAS diberikan peluang untuk melaksanakan matlamat politik walaupun bukan secara keseluruhan. Bagi beliau, kerjasama politik yang dirancang tidak berjaya sekiranya peluang melaksanakan matlamat politik tidak diberikan kepada parti masing-masing meskipun timbul isu pembaziran. Isu pembaziran yang dimaksudkan oleh beliau ialah berkenaan dengan pelantikan wakil-wakil PAS dalam kerajaan pusat dan institusi-intitusi kerajaan seperti YADIM dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Tambah beliau, walaupun urusan kerajaan bergerak dengan baik sebelum pelantikan wakil-wakil PAS, tetapi pemimpin-pemimpin yang terpilih masih diberikan jawatan tambahan dalam kerajaan bagi meraikan kerjasama politik yang telah dipersetujui.

Jawatan-jawatan tambahan yang dimaksudkan oleh informan ini misalnya pelantikan sebagai EXCO di negeri Kedah, Perlis, Terengganu dan jawatan Kabinet di peringkat persekutuan. Merujuk kepada kenyataan Tengku Razaleigh sebelum ini bahawa bukan semua matlamat politik PAS ditunaikan, hal yang sama turut diakui oleh Dr. Mahathir Mohamad iaitu UMNO sehingga tamatnya kerjasama rasmi dengan PAS

masih tidak menunaikan tuntutan pelaksanaan Hudud di negara ini. Bagi beliau, UMNO sebagai teras parti pemerintah pada era kerjasama politik perlu mengambil pandangan daripada semua anggota parti komponen dalam kerajaan dan tidak terhad hanya kepada orang Islam sahaja.

Menurut beliau lagi, rusuhan antara kaum dan agama boleh tercetus sekiranya Hudud dilaksanakan kerana negara ini terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, UMNO berperanan penting sebagai orang tengah (*mediator*) dengan parti-parti lain khususnya melibatkan tuntutan PAS berkaitan Hudud. Meskipun tidak melaksanakan Hudud, UMNO dan PAS masih berkerjasama melaksanakan politik bersama yang tidak menggugat pengaruh dan kestabilan politik masyarakat pelbagai kaum. Menurut Dr. Daeng Sanusi, PAS bukan sekadar diberi peluang malah dibantu oleh UMNO dalam melaksanakan beberapa perjuangan menyebarkan syiar Islam di negara ini pada ketika itu tetapi kerjasama politik mulai berkurangan setelah UMNO menyedari pengaruh PAS semakin meningkat dalam kalangan orang Melayu-Islam.

5.12 Pengukuhan Kuasa Menerusi Pencapaian Aktor Lain

Berdasarkan kepada analisis oleh sarjana-sarjana mengenai sejarah perkembangan politik orang Melayu-Islam sebelum dan selepas merdeka, orang Melayu dinilai mula mewujudkan bibit-bibit kerjasama sekiranya terdapat ancaman dan memberi kelebihan kepada kedudukan mereka. Situasi ini dapat dilihat apabila kedudukan orang Melayu mulai terancam dengan rancangan British membentuk Malayan Union pada tahun 1946, organisasi dan individu Melayu bekerjasama dalam UMNO yang merupakan pertubuhan diterima oleh British, peristiwa 13 Mei 1969 dan keuntungan kepada kedua-dua parti ketika membentuk Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan BN tahun 1974. Jadual 5.11 memaparkan rumusan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai pengukuhan kuasa menerusi pencapaian aktor lain:

Jadual 5.11: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Pengukuhan Kuasa Menerusi Pencapaian Aktor Lain

Informan	Ciri Kerjasama
	Pengukuhan Kuasa Menerusi Pencapaian Aktor Lain
Daeng Sanusi Mariok	Kerjasama politik yang dibentuk telah memberi banyak kelebihan kepada PAS misalnya mendapat keuntungan dari aspek kuasa dan jawatan.
Mahathir Mohamad	Kerjasama politik yang berlangsung selama lima tahun telah mengukuhkan kedudukan UMNO apabila diiktiraf parti terkuat dan memimpin (<i>leader</i>) kepada parti-parti komponen yang lain.
Mustapha Ali	Penyertaan PAS dalam kerajaan sebenarnya memperkuuh kedudukan parti berkenaan dalam aspek kuasa pemerintahan dan politiknya.
Mahmood Zuhdi	Kerjasama politik UMNO dengan PAS sebenarnya telah berjaya mengukuhkan kedudukan satu sama lain.
Tengku Razaleigh	PAS mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya apabila Mohd Asri Muda selaku Menteri memanipulasi FELDA sehingga berjaya menarik sokongan sebilangan peneroka ahli UMNO untuk menyertai PAS. Program FELDA adalah hasil idea Tun Abdul Razak.

Peristiwa-peristiwa yang disenaraikan berkenaan selari dengan ciri pengukuhan kuasa melalui pencapaian aktor lain yang diketengahkan oleh Deutsch (1949, 1973) dalam pendekatan kerjasamanya. Menurut Dr. Daeng Sanusi Mariok, kerjasama politik yang dibentuk telah memberi banyak kelebihan kepada PAS tetapi pada masa yang sama turut merugikan parti-parti berkenaan. Apabila berdampingan dengan UMNO sebagai parti utama dalam kerajaan memerintah, PAS mendapat keuntungan yang banyak dari aspek kuasa dan jawatan.

Keadaan ini menyebabkan terdapat sebilangan pemimpin PAS telah tergelincir daripada matlamat asal perjuangan Islam, malah sikap mereka lebih teruk daripada pemimpin UMNO untuk merebut dan mendapatkan kemewahan misalnya pemberian tender kerajaan. Oleh demikian, menurut informan adalah lebih baik pemimpin-pemimpin seperti Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang pada ketika itu memencarkan diri mereka daripada PAS daripada terjebak dengan salah laku yang boleh merosakkan imej

PAS. Hal demikian turut dibangkitkan oleh Mohd Nasir semasa beliau menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan mengenai salah laku yang melibatkan kepimpinan Mohd Asri Muda semasa mentadbir Kelantan berkaitan dengan tender konsesi balak.³⁷

Bagi Mustapha Ali, penyertaan PAS dalam kerajaan yang diterajui oleh UMNO sebenarnya telah memperkuuh kedudukan parti berkenaan dalam aspek kuasa pemerintahan dan politiknya. Apabila PAS menjadi sebahagian daripada kerajaan, peluang parti tersebut memperjuangkan syiar Islam di negara ini adalah lebih terbuka tanpa sebarang sekatan. Malah pengaruh PAS semakin bertambah apabila pegawai dan kakitangan kerajaan yang takut menyertai parti berkenaan telah mula terlibat secara aktif berbanding sebelumnya. Penyertaan pensyarah-pensyarah universiti seperti Dr. Daeng Sanusi, Dr. Harun Din, Profesor Ali Thaib dan Profesor Abdul Syukor Hussin sebagai ahli PAS telah memberi kelebihan dan meningkatkan imej parti berkenaan yang tidak hanya terhad kepada guru-guru dan ustaz-ustaz lepasan pengajian pondok sahaja. Di samping itu, PAS dapat mengukuhkan kedudukannya dalam politik Malaysia semasa era kerjasama politik berlangsung apabila dapat bertapak di Johor yang terkenal sebagai kubu kuat UMNO di negara ini. Malah PAS mendapat kelebihan yang menguntungkan parti tersebut apabila pengurusan FELDA turut diletakkan di bawah tanggungjawab Mohd Asri Muda sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah.

Peluang yang diberikan oleh Tun Abdul Razak kepada Mohd Asri Muda untuk menjaga institusi FELDA merupakan peluang terbaik kepada PAS untuk mempergiat kegiatan dakwah dalam kalangan peneroka-peneroka. Dalam tempoh tersebut, Mohd Asri Muda telah melaksanakan program pemerkasaan pendidikan Islam secara lebih formal dengan menyediakan guru-guru agama di rancangan-rancangan tanah FELDA. Malah produk guru agama FELDA yang wujud hasil rancangan Mohd Asri Muda pada

³⁷Ibid, hlm.184.

ketika itu iaitu Hashim Jasin kini menyandang jawatan tertinggi dalam PAS sebagai Mursyidul Am.

Pendekatan PAS yang menggunakan strategi agama di kawasan FELDA telah berjaya meraih sokongan daripada peneroka-peneroka sehingga menyusutkan pengaruh dan kedudukan UMNO. Hal ini telah mula disedari oleh UMNO dan mencetuskan kecurigaan dalam kalangan pemimpin-pemimpinnya mengenai tindakan PAS yang dinilai cuba menyaangi parti Melayu tersebut. Namun UMNO telah terlambat untuk menghalang situasi berkenaan daripada terus berlarutan dan PAS pada ketika itu telah berjaya mengambil kesempatan memperkuuh kedudukannya dengan berdampingan bersama UMNO dalam kerajaan. Kelicikan strategi politik PAS dalam meraih sokongan peneroka-peneroka FELDA pada ketika itu turut diakui Tengku Razaleigh. Menurutnya:

“...Masa Asri jadi Menteri Tanah pun ramai orang bangkit soal Asri, Asri pun nakal juga apabila jadi Menteri Tanah, FELDA di bawah *control* dia..jadi bila dia masuk dalam FELDA dia pujuk UMNO masuk PAS, jadi orang bawah yang kuat UMNO ini marahlah dan *report* kepada pemimpin mereka di sini kata Asri telah main kayu tiga. Asri kata dia tak pernah buat, tapi sebenarnya dia buat sampai cawangan UMNO jadi ranting PAS...”³⁸

Apabila beliau dilantik sebagai menteri yang bertanggungjawab menjaga dan menguruskan organisasi FELDA, maka kesempatan tersebut telah dimanipulasi oleh PAS untuk mengukuhkan kedudukannya dalam kalangan orang Melayu-Islam. Maka menerusi tindakan pengkhianatan secara sah ini menyebabkan *Tahaluf Siyasi* kedua-dua parti semakin goyah. Sekiranya PAS jujur dalam menjalankan kerjasama politik dengan UMNO, Mohd Asri Muda tidak perlu menafikan tindakannya ketika menjawat jawatan tersebut.

³⁸Transkripsi temu bual dengan Tengku Razaleigh Hamzah mengenai kerjasama politik Melayu-Islam telah membincangkan mengenai kelicikan strategi politik yang digunakan oleh Mohd Asri Muda ketika menjawat jawatan sebagai Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Namun beliau menerusi karya dalam dalam memoir politiknya menafikan tindakan pengkhianatan berkenaan dan mendakwa terdapat rasa cemburu terhadap PAS pada ketika itu. Menurutnya lagi, adalah sukar untuk mencuri ahli dari parti lain dan partinya menapis setiap permohonan keahlian yang diajukan kepada PAS bagi mengelakkan pertindihan keahlian antara setiap parti komponen dalam BN (Mohd Asri Muda 1993, p.108-110).

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, kerjasama politik yang berlangsung selama lima tahun tersebut telah memberi kelebihan kepada kedudukan UMNO apabila diiktiraf sebagai parti terkuat dan memimpin (*leader*) kepada parti-parti komponen yang lain. Pengiktirafan berkenaan sesuai dengan peranan UMNO yang telah berjaya bertindak sebagai pengimbang dalam setiap situasi dan krisis yang muncul dalam perkembangan politik semasa. Peranan UMNO sebagai pengimbang dapat dinilai menerusi kemampuannya menangani dan mencorakkan halatuju politik pelbagai kaum dalam alam Melayu. Contohnya, sekiranya seluruh tuntutan PAS seperti Hudud ditunaikan, maka tindakan tersebut boleh mencetuskan kekacauan politik dan situasi huru hara di negara ini. Pada masa yang sama, UMNO juga memerlukan sokongan daripada blok penyokong PAS untuk memperkuuh kedudukan politik orang Melayu-Islam di negara ini yang telah terancam akibat tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969.

Secara keseluruhannya, hasil temu bual dengan Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah merumuskan jawapan temu bual dengan keempat-empat informan lain iaitu kerjasama politik UMNO dengan PAS sebenarnya telah berjaya memperkuuh kedudukan antara satu sama lain. Malah daripada keseluruhan jawapan temu bual kelima-lima informan berkenaan, dapat dirumuskan bahawa telah wujud simbiosis politik antara UMNO dengan PAS yang memberi kelebihan dan keuntungan kepada kelangsungan politik kedua-dua parti berkenaan.

5.13 Manfaat Kerjasama Politik kepada Melayu-Islam

Sepanjang tempoh lima tahun kerjasama politik Melayu-Islam yang diterajui oleh UMNO dan PAS, pelbagai manfaat telah diperoleh orang Melayu di Malaysia hasil kesediaan kedua-dua parti berkenaan mengenepikan perseteruan politik. Manfaat yang diperoleh orang Melayu dalam tempoh tersebut boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu daripada perspektif Melayu dan Islam. Sekiranya orang Melayu menikmati manfaat kerjasama politik UMNO dengan PAS, maka hasilnya kedua-dua parti berpotensi mengukuhkan kedudukan masing-masing dalam persaingan politik Malaysia. Jadual 5.12 di bawah merupakan rumusan dapatan-dapatan hasil temu bual mengenai manfaat kerjasama politik kepada perkembangan Melayu-Islam:

Jadual 5.12: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Manfaat Kerjasama Politik Kepada Perkembangan Melayu-Islam

Informan	Ciri Kerjasama
	Manfaat Kerjasama Politik Kepada Perkembangan Melayu-Islam
Mahathir Mohamad	i. Berjaya mengurangkan politiking dan perselisihan faham antara UMNO dengan PAS.
Daeng Sanusi Mariok	i. Pada tahun 1974, Universiti Malaya dilimpahi pelajar-pelajar daripada negeri Kelantan dan melahirkan ramai pegawai-pegawai tinggi kerajaan persekutuan hari ini. ii. Biasiswa yang diberikan oleh kerajaan Kelantan tidak terhad kepada pelajar yang memasuki universiti tempatan saja tetapi turut diperoleh oleh pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir.
Mustapha Ali	i. Penubuhan Maktab Perguruan Islam yang merupakan institusi perguruan Islam pertama. ii. Permulaan siaran televisyen dan radio dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. iii. Laungan azan turut dikumandangkan di stesen-stesen televisyen dan radio milik kerajaan bagi menandakan masuknya waktu solat fardhu. iv. Menamatkan iklan dan keputusan perjudian seperti Sport Toto dalam televisyen. v. Satu sistem pendidikan Islam secara formal telah diperkenalkan di kawasan FELDA dengan menyediakan guru-guru agama ke kawasan.

(Sambungan Jadual 5.12)

Informan	Ciri Kerjasama
	Manfaat Kerjasama Politik Kepada Perkembangan Melayu-Islam
Mahmood Zuhdi	<ul style="list-style-type: none"> i. Perubahan pendekatan politik lama seperti tuduh-menuduh dan fitnah antara UMNO dengan PAS. ii. PAS mendapat peluang yang luas untuk bercakap mengenai hal ehwal Islam tanpa sebarang sekatan seperti sebelumnya. iii. Meluaskan peranan badan-badan Islam yang lain misalnya Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) sebagai institusi induk dalam mengelola hal ehwal Islam di peringkat persekutuan. iv. Peranan BAHEIS semakin berkembang apabila pentadbiran badan tersebut kemudiannya diambil alih oleh Mohd Yusof Noor sehingga dinaik taraf sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 1 Januari 1997.
Tengku Razaleigh	<ul style="list-style-type: none"> i. Membuktikan dapat bersatu antara satu sama lain. ii. Orang Melayu mengenepikan perbezaan ideologi dan perjuangan masing-masing untuk bersatu menyebabkan orang bukan Melayu bimbang untuk bertindak di luar batasan berbanding sebelumnya.

Berdasarkan kepada hasil temu bual kelima-lima informan, masing-masing telah mengemukakan pelbagai maklumat mengenai manfaat yang telah diperoleh orang Melayu sepanjang tempoh kerjasama politik antara UMNO dengan PAS semenjak MAGERAN sehingga tahun 1978. Menurut Dr. Daeng Sanusi, orang Melayu di negara ini telah mendapat durian runtuh selepas peristiwa 13 Mei misalnya peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi. Misalnya pada tahun 1974, terdapat ramai pelajar-pelajar khususnya di Kelantan yang memperolehi kelulusan H.S.C dengan dua prinsipal, namun keputusan tersebut tidak melayakkan mereka untuk memasuki Universiti Malaya (UM).

Bagi menangani hal tersebut, Profesor Ungku Aziz selaku Naib Canselor telah mendapatkan persetujuan daripada kerajaan untuk melonggarkan syarat kemasukan dengan menetapkan bahawa pelajar-pelajar berkenaan perlu mendapat tajaan biasiswa. Namun kerajaan Kelantan pada ketika itu tidak mampu membiayai keseluruhan pelajar yang mencapai keputusan tersebut. Oleh itu, status zakat yang diterima sebanyak RM600 setahun telah ditukar nama kepada biasiswa Kelantan maka atas kebijaksanaan Mohd Asri Muda. Menurut Dr. Daeng Sanusi, pindaan tersebut telah membuka peluang kepada anak-anak negeri Kelantan untuk memasuki Universiti Malaya dan seterusnya melahirkan ramai pegawai-pegawai tinggi kerajaan Persekutuan hari ini.

Di samping itu, biasiswa yang diberikan oleh kerajaan Kelantan tidak terhad kepada pelajar yang memasuki universiti tempatan saja tetapi turut diperoleh oleh pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir. Kesediaan kerajaan persekutuan dan Kelantan melonggarkan polisi kemasukan ke universiti pada ketika itu telah memberi manfaat yang besar kepada orang Melayu, malah beliau turut menyatakan roh memperkasakan orang Melayu telah berjaya dilaksanakan oleh pemimpin Melayu sendiri ketika itu.

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, kerjasama politik yang berlangsung sepanjang tempoh yang dinyatakan telah berjaya mengurangkan politiking dan perselisihan faham dalam kalangan mereka. Hal ini menurut beliau berlaku kerana PAS telah bertindak mencipta fahamannya sendiri dan seterusnya menyebarkan kepada ahli-ahli UMNO sehingga mengurangkan sokongan kepada parti tersebut. Misalnya di awal temu bual, Dr. Mahathir menyatakan PAS telah mengemukakan pendirian bahawa hanya mereka sahaja yang Islam dan tindakan menyokong parti-parti lain selain PAS adalah tidak Islam. Di samping itu Mohd Asri Muda sebagai Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah pada ketika itu telah menggunakan kesempatan membawa masuk orang Melayu Kelantan ke tanah-tanah rancangan FELDA sebagai peneroka.

Tindakan ini dilakukan bagi membuka peluang perubahan kepada orang Melayu di Kelantan yang sentiasa dihimpit dengan kemiskinan kerana perkembangan ekonomi di negeri tersebut merosot dan perlahan berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah keadaan di Kelantan menurut Mahathir masih lagi kekal sehingga hari ini dan menyebabkan orang Melayu di negeri tersebut mengambil langkah berhijrah ke negeri-negeri lain termasuk ke Singapura untuk mencari peluang pekerjaan.

Selain Mahathir, Mustapha Ali yang terlibat secara langsung sepanjang kerjasama politik antara UMNO dengan PAS telah menyatakan bahawa laba politik yang besar telah dinikmati oleh orang Melayu di negara ini. Dalam aspek pendidikan, kerajaan persekutuan ketika PAS masih bersama BN telah menubuhkan sebuah Maktab Perguruan Islam. Maktab perguruan tersebut merupakan institusi perguruan pertama di negara ini yang memberi tumpuan utama kepada pendidikan dan pembelajaran Islam. Menurut informan ini lagi, pengetua pertamanya iaitu Muhyidin Musa telah memaklumkan kepada beliau bahawa penubuhan institusi tersebut adalah hasil desakan parti PAS dan penubuhannya akan terus dilengahkan sekiranya tiada tekanan diberikan oleh mana-mana pihak.

Di samping itu, perkembangan syiar Islam semakin pesat setelah PAS menyertai Kerajaan Campuran apabila permulaan siaran televisyen dan radio dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Malah laungan azan turut dikumandangkan di stesen-stesen televisyen dan radio milik kerajaan bagi menandakan masuknya waktu solat fardhu. Menurut Mustapha Ali lagi, perubahan yang berlaku tersebut adalah hasil pertemuan, perbincangan dan perundingan Menteri yang mewakili PAS dengan Menteri Penerangan iaitu Abdul Taib Mahmud. Malah informan bersama rombongan pemimpin PAS lain yang mengadakan pertemuan dan perundingan susulan dengan Abdul Taib telah memohon pertimbangan beliau menamatkan iklan dan keputusan perjudian seperti Sport Toto dalam televisyen. Akhirnya, permintaan yang dikemukakan oleh PAS

ditunaikan oleh menteri yang mewakili UMNO sekaligus dapat mengurangkan promosi kegiatan perjudian dalam kalangan orang Melayu-Islam ketika itu.

Di samping itu, peneroka-peneroka tanah rancangan FELDA turut menerima tempias dan manfaat daripada perjuangan Islam yang didokong oleh PAS semasa Mohd Asri Muda menerajui Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah. Berdasarkan hasil temu bual dengan Mustapha Ali, beliau memaklumkan bahawa Mohd Asri Muda telah membentuk satu sistem pendidikan Islam secara formal dengan menyediakan guru-guru agama ke kawasan berkenaan bagi mewujudkan suatu penghayatan agama Islam yang lebih baik berbanding sebelumnya. Cadangan pengajian pendidikan Islam secara formal di kawasan FELDA ini pada asalnya dikemukakan oleh PAS kepada Mohd Asri Muda dan akhirnya berjaya dilaksanakan atas arahan beliau sebagai menteri yang bertanggungjawab.

Menurut Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, kerjasama politik yang berjaya dicapai dalam tempoh lima tahun tersebut telah memberi kelebihan dan manfaat kepada orang Melayu dan aktivis-aktivis Islam di negara ini. Malah pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS telah mengubah pendekatan politik mereka yang lama seperti tuduh-menuduh dan fitnah antara satu sama lain demi menjayakan matlamat politik berkenaan. Di samping itu, PAS mendapat peluang yang luas dan terbuka untuk bercakap mengenai hal ehwal Islam tanpa sebarang sekatan seperti sebelumnya. Bagi memperlihatkan kesediaan kerajaan memberi ruang merancakkan aktiviti dakwah Islam yang diterajui oleh PAS, Tun Abdul Razak telah mengarahkan agar ditubuhkan sebuah institusi formal dakwah yang pertama di negara ini dinamakan sebagai YADIM.

Selain YADIM, pentadbiran Tun Abdul Razak turut memperluaskan peranan badan-badan Islam yang lain misalnya Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) sebagai institusi induk dalam mengelola hal ehwal Islam di

peringkat Persekutuan. Peranan BAHEIS semakin berkembang apabila pentadbiran badan tersebut kemudiannya diambil alih oleh Mohd Yusof Noor sehingga dinaik taraf sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 1 Januari 1997.

Bagi Tengku Razaleigh Hamzah, kerjasama politik yang dijalin antara UMNO dengan PAS dari pentadbiran MAGERAN sehingga tahun 1978 merupakan satu era yang berfaedah kepada orang Melayu kerana pada ketika itu mereka telah membuktikan dapat bersatu antara satu sama lain. Malah kesan daripada sikap orang Melayu yang mengenepikan perbezaan ideologi dan perjuangan masing-masing untuk bersatu menyebabkan orang bukan Melayu bimbang untuk bertindak di luar batasan berbanding sebelumnya. Di samping itu, pelbagai masalah orang Melayu yang timbul berjaya diselesaikan sepanjang tempoh kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan, misalnya dalam bab ibadah solat dua imam, sembelihan, penceraihan suami isteri dan hubungan dalam kalangan adik beradik yang tegang akibat perbezaan ideologi politik.

Hal-hal tersebut telah dinilai semula oleh Tun Abdul Razak sebagai merugikan kaum Melayu tambahan lagi populasi masyarakatnya yang kecil dan golongan yang berpelajaran tidak ramai berbanding dengan kaum lain di negara ini. Oleh demikian, Tun Abdul Razak pada ketika itu berpandangan bahawa wujudnya keperluan untuk memperbaiki keadaan berkenaan supaya orang Melayu tidak lagi terbawa-bawa dengan perasaan dan dendam politik semata-mata. Pandangan tersebut turut dikongsi bersama Mohd Asri Muda yang akhirnya bersetuju agar UMNO dan PAS mengorak langkah perubahan dalam pendekatan politik masing-masing demi memastikan orang Melayu kembali bersatu dalam kerangka kerjasama politik. Impaknya, kedudukan politik orang Melayu semakin kukuh apabila kedua-dua parti ini bersetuju untuk menjalinkan kerjasama politik.

5.14 Percanggahan sebagai Masalah Bersama

Hakikatnya, percanggahan pandangan dan ideologi politik merupakan salah satu identiti UMNO yang asalnya terdiri daripada gabungan pelbagai organisasi dan individu dalam sebuah parti. Malah perpecahan yang berlaku dalam UMNO pada tahun 1951 akibat percanggahan pandangan dan pendirian dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti tersebut telah mengakibatkan orang Melayu terbahagi berdasarkan kepada dua aliran perjuangan politik iaitu kebangsaan dan Islam.³⁹ Menerusi temu bual yang dijalankan ke atas informan-informan berkenaan, masing-masing berpandangan bahawa percanggahan ideologi dan perjuangan politik berupaya ditangani sepanjang tempoh kerjasama politik UMNO dengan PAS. Jadual 5.13 berikut merupakan rumusan jawapan-jawapan yang diperoleh daripada informan-informan mengenai percanggahan sebagai masalah bersama:

Jadual 5.13: Rumusan Hasil Temu Bual dengan Informan Mengenai Percanggahan Sebagai Masalah Bersama

Informan	Ciri Kerjasama	
	Percanggahan sebagai Masalah Bersama	
Daeng Sanusi Mariok	i.	Percanggahan perjuangan melibatkan UMNO dengan PAS merupakan simbol kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu dapat diselesaikan sekiranya pemimpin-pemimpin mereka ikhlas dalam menjalankan perundingan.
	ii.	Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda yang merupakan perintis kepada bermulanya kerjasama politik Melayu-Islam memiliki keikhlasan yang tinggi.
Mahathir Mohamad	i.	PAS memberi laluan kepada UMNO sebagai teraju kerajaan sepanjang era kerjasama politik memperlihatkan wujudnya kesediaan parti itu mengenepikan ideologi politik.
	ii.	PAS semasa dalam kerajaan menerima pelbagai idea-idea yang diperkenalkan oleh UMNO yang diterajui oleh Tun Abdul Razak khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB).

³⁹Ibid, hlm.18.

(Sambungan Jadual 5.13)

Informan	Ciri Kerjasama	
	Percanggahan sebagai Masalah Bersama	
Mustapha Ali	i.	Perbezaan ideologi antara UMNO dengan PAS tidak menjadi penghalang kepada kedua-dua parti tersebut untuk mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik antara satu sama lain.
	ii.	Dinilai menerusi kesediaan kedua-dua parti bekerjasama dalam MAGERAN semata-mata untuk memulihkan sistem dan keadaan politik negara yang tergugat selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969.
	iii.	Kerjasama politik menerusi Kerajaan Campuran berakhir, Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda telah berkongsi pandangan yang sama bahawa kerjasama melibatkan kedua-dua parti perlu diteruskan sehingga membawa kepada penubuhan BN pada tahun 1974.
Mahmood Zuhdi	i.	UMNO dengan PAS telah berjaya mengenepikan perbezaan ideologi seketika pada era kerjasama sehingga menjadikan semangat Melayu semakin bertambah kuat dalam PAS dan pengaruh Islam dalam UMNO turut berkembang.
Tengku Razaleigh	i.	Orang Melayu tidak perlu bergaduh sepanjang masa dan mereka sepatutnya menggembangkan tenaga mengukuhkan kerjasama antara satu sama lain.
	ii.	Budaya politik yang diamalkan di kawasannya Gua Musang perlu dijadikan contoh kepada orang Melayu apabila orang UMNO dan PAS dapat bertemu dan berbincang pelbagai masalah antara satu sama lain dalam pelbagai situasi.

Menurut Mustapha Ali dalam temu bualnya, beliau menjelaskan bahawa perbezaan ideologi antara UMNO dengan PAS tidak menjadi penghalang kepada kedua-dua parti tersebut untuk mewujudkan bibit-bibit kerjasama politik antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat menerusi kesediaan kedua-dua parti bekerjasama dalam MAGERAN semata-mata untuk memulihkan sistem dan keadaan politik negara yang tergugat selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Semasa menerajui MAGERAN, Tun Abdul Razak membuktikan praktik politik yang terbuka apabila bersedia mempelawa semua parti politik untuk menyertai organisasi berkenaan.

Meskipun PAS sebelumnya berhadapan dengan pelbagai kesukaran dan cabaran tanpa bantuan daripada kerajaan persekutuan, namun pelawaan Tun Abdul Razak telah disambut dengan baik oleh Mohd Asri Muda. Malah menurut informan, PAS sanggup mengenepikan pengalaman buruk dan tindakan yang dilihat tidak adil oleh kepimpinan Tunku Abdul Rahman dengan Tun Abdul Razak sebelumnya semata-mata untuk Islam dan memulihkan kedudukan orang Melayu. Di samping itu, informan turut menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti secara berterusan mencari titik persamaan antara satu sama lain khususnya sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung. Misalnya selepas berakhirnya Kerajaan Campuran, Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda telah berkongsi pandangan yang sama bahawa kerjasama melibatkan kedua-dua parti perlu diteruskan sehingga kemudiannya membawa kepada penubuhan BN pada tahun 1974. Namun disebabkan UMNO telah merasai bahawa PAS telah mula menyaingi sokongannya dalam kalangan orang Melayu menyebabkan tuntutan-tuntutan politik dari parti Islam tersebut tidak ditunaikan. Hal ini dapat dilihat menerusi keengganahan UMNO untuk melaksanakan cadangan dan tuntutan perundangan Syariah yang dikemukakan oleh informan bersama-sama pemimpin pemuda PAS yang lain. Cadangan dan tuntutan PAS tersebut diterima oleh menteri yang bertanggungjawab tetapi tidak direalisasikan sehingga berakhirnya kerjasama politik menerusi Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1977.⁴⁰

Seperti dinyatakan oleh Mustapha Ali, Tengku Razaleigh turut berpendirian yang sama dengan beliau iaitu perseteruan politik dalam kalangan orang Melayu khususnya melibatkan UMNO dengan PAS perlu ditamatkan. Bagi beliau, orang Melayu tidak perlu bergaduh sepanjang masa dan mereka sepatutnya menggembungkan tenaga memperkuuh kerjasama antara satu sama lain. Malah menurut beliau lagi, budaya politik yang diamalkan di kawasannya Gua Musang perlu dijadikan contoh

⁴⁰ Ibid, hlm.185.

kepada orang Melayu apabila orang UMNO dan PAS dapat bertemu dan berbincang antara satu sama lain dalam pelbagai situasi. Misalnya ahli-ahli UMNO dan PAS di kawasan terbabit memiliki pemikiran yang terbuka sehingga mesyuarat UMNO kawasan turut dihadiri oleh ahli-ahli PAS walaupun berbeza pandangan dan ideologi politik. Malah usaha mencari titik persamaan dan persefahaman bukan sahaja hanya melibatkan ahli-ahli bawahan, tetapi turut berlaku di peringkat tertinggi parti apabila Tun Abdul Razak sendiri menghantar wakil-wakilnya termasuk informan untuk berunding dengan PAS bagi mencari jalan untuk mewujudkan kerjasama politik.

Hal yang sama turut dipersetujui oleh Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang menjelaskan kedua-dua parti berkenaan telah berjaya mengenepikan perbezaan ideologi seketika pada era kerjasama sehingga menjadikan semangat Melayu semakin bertambah kuat dalam PAS dan keadaan yang sama turut dialami oleh UMNO apabila elemen Islam turut menjadi kukuh dalam parti tersebut. Perkembangan agama Islam dalam pentadbiran kerajaan pusat yang diterajui oleh UMNO semakin rancak khususnya apabila ditubuhkan institusi-institusi dakwah dan pengurusan hal ehwal Islam seperti YADIM dan JAKIM. Impaknya, agama Islam semakin diterima dan tidak lagi dilihat terasing dalam kalangan orang Melayu yang sebelumnya hanya tertumpu kepada hal-hal ibadah semata-mata.

Di samping itu, informan menjelaskan bahawa percanggahan yang wujud melibatkan kedua-dua parti dapat dikurangkan menerusi usaha penyatuan dan proses kerjasama berterusan yang dilakukan di peringkat parti dan kerajaan. Malah menerusi pengalaman beliau yang lalu, informan memaklumkan dalam temu bualnya bahawa pernah dijemput hadir dalam Konvensyen UMNO negeri Kelantan mewakili PAS pada tahun 1974. Kesediaan UMNO menerima dan PAS hadir dalam konvensyen berkenaan memperlihatkan kedua-dua parti sentiasa berusaha dan terbuka dalam setiap kegiatan

mereka semata-mata untuk mengelakkan wujudnya kecurigaan sekaligus mengurangkan timbulnya ruang percanggahan antara satu sama lain.

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, persetujuan PAS memberi laluan kepada pelaksanaan idea-idea yang dikemukakan oleh UMNO sebagai teraju kerajaan sepanjang era kerjasama politik memperlihatkan wujudnya kesediaan parti itu mengenepikan ideologi politik untuk sementara waktu bagi memulihkan kedudukan orang Melayu. Hal ini dapat dilihat apabila PAS semasa dalam Kerajaan Campuran menerima pelbagai idea-idea yang diperkenalkan oleh UMNO yang diterajui oleh Tun Abdul Razak khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Respon PAS yang baik terhadap dasar-dasar berkenaan telah menguntungkan orang Melayu di seluruh negara termasuk masyarakat Kelantan menerusi rancangan pembangunan FELDA. Hakikatnya, informan menjelaskan kesediaan mengenepikan ideologi politik semakin berkurangan apabila PAS mula mengetengahkan pelbagai tuntutan yang sukar dilaksanakan oleh UMNO. Tindakan mengemukakan pelbagai tuntutan ini juga turut merencatkan proses untuk mencari titik persefahaman antara satu sama lain sehingga mengundang kembali percanggahan sebelumnya.

Berbeza dengan informan-informan lain, Dr. Daeng Sanusi menjelaskan bahawa percanggahan perjuangan melibatkan UMNO dengan PAS merupakan simbol kerjasama politik dalam kalangan orang Melayu dapat diselesaikan sekiranya pemimpin-pemimpin mereka ikhlas untuk berunding. Bagi beliau, Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Muda yang merupakan perintis kepada bermulanya kerjasama politik Melayu-Islam memiliki keikhlasan yang tinggi. Menerusi keikhlasan ini dapat meredakan percanggahan matlamat politik menerusi kerjasama kedua-dua pemimpin selepas peristiwa 13 Mei 1969 dalam MAGERAN, Kerajaan Campuran dan kemudiannya Kerajaan Gabungan BN sehingga tahun 1978. Namun informan dalam temu bualnya menyatakan berdasarkan kepada penilaiannya, UMNO dan PAS telah serik untuk bekerjasama

antara satu sama lain setelah melalui pelbagai pengalaman sepanjang tempoh kerjasama politik berlangsung.

Di samping itu, beliau mengakui pemimpin-pemimpin Melayu khususnya ketika peristiwa 13 Mei 1969 memperlihatkan kesungguhan dalam membela dan menjaga kepentingan orang Melayu berbanding hari ini. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu pada ketika itu akhirnya berjaya memulihkan semula kedudukan orang Melayu yang sedang dicabar oleh bukan Melayu impak daripada tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Selain berjaya mengenepikan perbezaan ideologi, informan menjelaskan usaha mencari titik persamaan dalam kalangan pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti berlaku secara berterusan.

Hal ini dapat dilihat menerusi pendekatan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda bersetuju kerjasama yang dibentuk dalam pentadbiran MAGERAN perlu diteruskan. Bagi mencapai tujuan berkenaan, mesyuarat secara berkala dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS telah berlangsung seolah-olah seperti mesyuarat Kabinet dalam kerajaan. Hal ini membuktikan UMNO dan PAS selepas pembubaran pentadbiran MAGERAN masih berusaha mencari titik persamaan dan persefahaman antara satu sama lain untuk manfaat orang Melayu di negara ini. Meskipun proses mencari titik persamaan dan persefahaman antara UMNO dengan PAS berlaku secara berterusan, namun kerjasama politik kedua-dua parti tersebut semakin merosot

5.15 Berakhirnya Kerjasama Politik Melayu-Islam pada Tahun 1977

Berdasarkan kepada hasil temu bual yang dijalankan, kelima-lima informan mengemukakan jawapan secara konsisten seperti perbincangan sarjana-sarjana sebelum ini iaitu wujudnya faktor-faktor yang mengakibatkan kemerosotan sehingga ditamatkan

kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pada tahun 1977. Terdapat tiga faktor utama yang berjaya dikenal pasti sebagai punca kemerosotan kerjasama politik kedua-dua parti Melayu-Islam ini iaitu berlakunya kematian Tun Abdul Razak dan peralihan kepimpinan, tuntutan dan tindakan politik melampau oleh PAS dan kemuncaknya ialah tercetusnya peristiwa pergolakan politik di Kelantan pada tahun 1977.

Idea kerjasama politik pada asalnya telah dirintis oleh Tun Abdul Razak selaku Yang di-Pertua UMNO dan kemudiannya disambut oleh Mohd Asri Muda selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Namun idea kerjasama yang berjaya dipraktikkan selama tujuh tahun tersebut dinilai mulai tergugat apabila Tun Abdul Razak meninggal dunia secara mengejut pada 14 Januari 1976. Susulan kematian Tun Abdul Razak, timbalannya iaitu Tun Hussein Onn telah dilantik memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan seterusnya menerajui UMNO sebagai pemangku Presiden. Pelantikan Tun Hussein Onn menggantikan Tun Abdul Razak telah memberi impak yang besar terhadap hubungan antara UMNO dengan PAS kerana dalam tempoh pentadbirannya kerjasama politik kedua-dua parti tersebut telah ditamatkan.

Tindakan tersebut diambil setelah PAS yang masih diterajui Mohd Asri Muda telah melakukan penentangan secara terbuka terhadap Tun Hussein Onn susulan tindakan kerajaan Persekutuan mengisyiharkan perintah darurat di negeri Kelantan. Akhirnya, Majlis Tertinggi BN yang dipengerusikan oleh Tun Hussein Onn bersetuju untuk menyingkirkan PAS daripada gabungan BN dengan serta merta.⁴¹ Meskipun keputusan tersebut dicapai secara kolektif, namun Hussein Onn yang menerajui UMNO dan BN merupakan aktor utama yang menentukan hala tuju dan kedudukan PAS dalam Kerajaan Gabungan. Maka penyingkiran PAS pada ketika itu menandakan bermulanya perseteruan semula antara UMNO dengan PAS setelah berlalunya tempoh lima tahun gencatan politik melibatkan kedua-dua parti berkenaan.

⁴¹Ibid, hlm.185.

Kedua, semasa kerjasama politik berlangsung, UMNO menghadapi tekanan yang besar dan tuntutan daripada PAS untuk melaksanakan perundangan Syariah seperti yang diperjuangkan oleh parti itu selama ini. Pada peringkat awal kerjasama dalam MAGERAN, isu berkenaan perundangan Syariah tidak dibangkitkan oleh PAS kerana matlamatnya pada ketika itu adalah untuk membantu UMNO memulihkan kembali kuasa dan kedudukan politik orang Melayu yang tercabar dalam pilihan raya umum tahun 1969 dan peristiwa 13 Mei 1969. Namun PAS telah mula mengubah pendirian politiknya setelah parti itu berjaya mencapai kemenangan yang besar dalam pilihan raya umum tahun 1974 dan kemudiannya diberikan ruang yang lebih dalam Kerajaan Gabungan BN oleh Tun Abdul Razak. Malah PAS semasa dalam kerajaan telah mengambil kesempatan meningkatkan pengaruhnya dalam kalangan orang Melayu sehingga menyebabkan kedudukan UMNO tergugat menerusi peralihan keahlian dan menyebabkan cawangannya terpaksa dibubarkan.

Pembubaran cawangan UMNO ini diakui oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang merupakan salah seorang tokoh yang terlibat secara langsung sepanjang kerjasama politik antara UMNO dengan PAS semenjak MAGERAN sehingga tahun 1977. Berdasarkan kepada pendekatan *Tahaluf Siyasi* dari perspektif Islam, tindakan yang dilakukan oleh PAS pada ketika itu sebenarnya merupakan satu pengkhianatan yang melanggar persetujuan kerjasama politik antara kedua-dua parti berkenaan. Namun UMNO masih meneruskan kerjasama politik dengan PAS sehingga tercetusnya krisis politik di Kelantan yang mengakibatkan berakhirnya kerjasama yang dibentuk sebelumnya.

Ketiga, kerjasama politik antara UMNO dengan PAS mulai goyah apabila timbulnya usaha dalam kalangan pemimpin PAS yang didukung oleh Mohd Asri Muda untuk menggantikan Menteri Besar Kelantan sedia ada. Malah PAS yang sebelumnya bersetuju untuk bekerjasama dengan UMNO dalam hal-hal melibatkan hubungan dua

hala telah bertindak sendirian semata-mata untuk mencapai kepentingan politiknya di Kelantan. Dalam krisis di Kelantan, PAS mendakwa Mohd Nasir selaku Menteri Besar Kelantan telah bertindak memalukan Mohd Asri Muda dalam isu membabitkan kes salah laku pembalakan di negeri berkenaan. Tuduhan yang dilemparkan kepada Mohd Asri Muda pada ketika itu sukar diterima oleh pengikut-pengikutnya dan oleh demikian timbul usaha untuk menggantikan Mohd Nasir dengan calon yang lain. Namun rancangan yang diketuai oleh Mohd Asri Muda telah ditolak oleh UMNO dan sebahagian pemimpin PAS di peringkat pusat dan negeri.

Meskipun PAS akhirnya berjaya menggulingkan Mohd Nasir sebagai Menteri Besar, namun tindakannya pada ketika itu telah mencetuskan rusuhan yang berlarutan di Kelantan sehingga perintah darurat diisyiharkan pada tahun 1977. Sebagai responnya, PAS telah bertindak menentang keputusan kerajaan persekutuan dan seluruh wakilnya dalam kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan telah diarahkan meletakkan jawatan kecuali Hassan Adli yang terus mengekalkan jawatannya. Susulan daripada langkah tersebut, PAS kemudiannya secara rasmi dikeluarkan daripada BN sekaligus menamatkan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dengan PAS.⁴² Meskipun kerjasama politik secara rasmi berakhir akibat penyingkiran PAS pada tahun 1977, namun hubungan antara UMNO dengan PAS masih lagi berterusan tetapi dalam konteks yang berlainan. Bagi menjelaskan hal demikian, bahagian berikutnya mengemukakan analisis mengenai perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS pada era pasca perpecahan tahun 1977.

5.16 Politik Melayu-Islam Selepas Perpecahan UMNO dengan PAS Tahun 1977

Penyingkiran PAS daripada gabungan BN pada tahun 1977 merupakan titik permulaan kepada corak baru hubungan politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan

⁴²Ibid, hlm.185.

PAS. Transisi pendekatan politik daripada sekutu kepada seterusnya antara UMNO dengan PAS pada ketika itu telah memberi impak yang besar terhadap kedudukan kerjasama politik dan hubungan dalam kalangan orang Melayu di negara ini. Menerusi hasil temubual yang telah dijalankan bersama-sama dengan kelima-lima informan terpilih, masing-masing telah mengemukakan pandangan masa depan yang berbeza mengenai perkembangan politik Melayu-Islam selepas tahun 1977.

Menurut Dr. Daeng Sanusi, perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini semakin menarik untuk dinilai dan diteliti berdasarkan kepada dimensi politik baru yang sedang melanda Malaysia. Dalam temu bualnya, beliau menyatakan bibit-bibit kesedaran dalam kalangan orang Melayu mengenai kepentingan Islam semakin ketara khususnya melibatkan generasi muda. Malah perkembangan Islam di negara ini semakin pesat menerusi pertambahan populasi penganutnya dan pada waktu yang sama kedudukan Islam khususnya dalam aspek politik semakin bertambah kukuh. Keadaan ini menurut beliau boleh menjadi asas semula kepada kerjasama politik pada masa hadapan, namun bergantung kepada kejujuran, keikhlasan dan amanah yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan PAS. Malah tambah informan ini lagi, ketiga-tiga sikap tersebut perlu dibuktikan oleh setiap pemimpin menerusi tindakan dan perbuatan mereka dalam merealisasikannya.

Di samping itu, setiap daripada pemimpin perlu merasai wujudnya ketiga-tiga sikap demikian dalam konteks kerjasama politik yang berupaya meningkatkan kedudukan orang Melayu di negara ini seperti pengalaman yang sepanjang tempoh lima tahun kerjasama politik antara UMNO dengan PAS. Bagi beliau, pengalamannya terlibat secara langsung dalam kerjasama politik dengan UMNO ketika menjawat jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat dan Naib Presiden telah memberikan beliau kesempatan merasai kelebihan dan kekurangan kerjasama tersebut.

Sepanjang tempoh tersebut, beliau menyatakan dapat menilai keikhlasan UMNO khususnya ketika tercetusnya pergolakan politik di Kelantan pada tahun 1977 sehingga menyebabkan PAS disingkirkan. Oleh demikian, beliau merumuskan kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dapat dijalankan sekali lagi sekiranya kepimpinan kedua-dua parti merealisasikan percakapan dan rancangan mereka. Malah proses merealisasikan percakapan yang dinyatakan oleh informan berkenaan dapat berjaya dicapai sekiranya tujuh ciri utama kerjasama politik yang diperkenalkan oleh Deutsch (1949, 1973) ditetapkan sebagai panduan.

Mustapha Ali ketika mengulas mengenai perkembangan hubungan UMNO dengan PAS menjelaskan tiada kerjasama politik berlangsung antara kedua-dua parti berkenaan selepas PAS disingkirkan daripada BN pada tahun 1977. Namun UMNO kemudiannya telah beberapa kali menawarkan kerjasama politik dengan PAS khususnya di Kelantan apabila parti tersebut menjangkakan akan tewas dalam pilihan raya berkenaan. Malah menurut informan, UMNO sering menghantar wakilnya untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin kanan PAS misalnya Nik Abdul Aziz untuk berunding mengenai kerjasama politik dua hala setiap kali selepas keputusan pilihan raya diumumkan. Tambah beliau lagi, PAS tidak melayan secara serius tawaran kerjasama politik yang dikemukakan oleh UMNO ketika parti tersebut berada dalam keadaan tersepit dan mereka setakat ini hanya memfokuskan kepada usaha kerjasama melibatkan kepentingan ummah sahaja.

Hakikatnya, praktik politik Malaysia telah menerima tradisi perkongsian kuasa sebagai satu-satunya formula kepada mana-mana parti yang bertanding dalam pilihan raya untuk membentuk kerajaan. Oleh demikian, informan menyatakan PAS pada hari ini sedang menilai perkembangan politik yang berlaku di Malaysia dan parti tersebut akan menentukan kedudukannya sekiranya wujud situasi Parlimen tergantung (*hung Parliament*). Sekiranya keadaan tersebut berlaku dan PAS tidak selesa membentuk

kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang, maka parti tersebut berkemungkinan menjalinkan kerjasama dengan UMNO untuk menubuhkan kerajaan. Menurut beliau lagi pertimbangan yang menjadi keutamaan PAS pada masa akan datang ialah mengenai kedudukan orang Melayu dan partinya sehingga hari ini masih sukar untuk bekerjasama dengan DAP yang merupakan salah sebuah parti utama dalam kalangan blok pembangkang.

Bagi Tengku Razaleigh, kenyataan beliau dinilai selari dengan Mustapha Ali iaitu kerjasama politik boleh dibentuk sekiranya tercetus sesuatu isu yang tidak memihak kepada mana-mana parti. Keadaan ini sama seperti yang berlaku di Kelantan apabila UMNO yang hampir tewas dalam pilihan raya telah menimbulkan bibit-babit kerjasama dengan PAS untuk kelangsungan politiknya. Namun PAS telah bertindak menolak tawaran UMNO setiap kali dikunjungi wakil parti berkenaan kerana telah melalui pelbagai pengalaman sukar sepanjang era kerjasama kedua-dua parti tersebut berlangsung. Dalam konteks zaman kini, informan menyatakan kerjasama politik antara kedua-dua parti Melayu-Islam tersebut sebenarnya sukar untuk direalisasikan, tetapi usaha ke arah mencapainya sedang giat dilakukan oleh Mohd Najib Abdul Razak menerusi tindakannya untuk berbaik-baik dengan Abdul Hadi Awang.

Malah Abdul Hadi dilihat memberi respon yang baik terhadap usaha sedang dilakukan oleh Mohd Najib Abdul Razak dan beliau seolah-olah bersetuju untuk bersatu dengan UMNO. Meskipun rancangan berkenaan kelihatan mudah untuk dilaksanakan di peringkat kepimpinan, namun informan mengakui bahawa ahli-ahli di peringkat umbi masih sukar menerima rancangan berkenaan. Hakikatnya, gambaran yang hala tuju politik yang dikemukakan oleh informan pada hari ini seolah-olah memperlihatkan Mohd Najib Abdul Razak sedang berusaha mengulangi sejarah kejayaan bapanya merintis kerjasama politik dengan PAS seperti 45 tahun yang lalu.

Namun Dr. Mahmood Zuhdi dalam temu bualnya menjelaskan usaha menjalinkan kerjasama politik yang sedang dilakukan oleh Mohd Najib Abdul Razak hari ini sukar untuk berjaya kerana PAS kini diterajui oleh Presiden yang lemah berbanding dengan Mohd Asri Muda. Bagi beliau, Abdul Hadi Awang tidak memiliki keberanian untuk membuat keputusan bersama BN dan tidak memahami strategi politik seperti Mohd Asri Muda. Tambah beliau sekiranya jawatan Presiden PAS kini diterajui oleh Mohd Asri Muda, maka sejarah kerjasama politik antara UMNO dengan PAS boleh berulang kembali seperti sebelumnya. Menurut informan lagi, Abdul Hadi sebenarnya takut ditolak oleh orang Melayu dan kehilangan jawatannya sebagai peneraju parti politik Islam utama di Malaysia. Malah Abdul Hadi masih gagal memperlihatkan peranannya sebagai seorang pemimpin politik apabila tidak sanggup menanggung risiko dan bertanggungjawab ke atas keputusan besar membabitkan masa depan parti. Situasi menjelaskan kepimpinan Mohd Asri Muda sebelumnya lebih berani untuk menentukan hala tuju parti berbanding Abdul Hadi Awang yang cenderung bergantung kepada pemimpin-pemimpin di sekelilingnya.

Meskipun informan menyatakan Mohd Najib Abdul Razak kelihatan lebih berani berbanding Abdul Hadi Awang, namun keberanian tersebut masih lagi belum mampu merealisasikan kerjasama politik seperti di era Tun Abdul Razak. Semasa era kerjasama politik antara UMNO dengan PAS sebelumnya, Tun Abdul Razak memiliki keperibadian yang tinggi dan tidak dipertikaikan oleh ahli-ahli dan pemimpin sama ada dari partinya sendiri mahupun seterus politiknya. Hakikatnya, kepimpinan dan keperibadian Mohd Najib hari ini telah dipertikaikan oleh pelbagai pihak termasuk Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan bekas Presiden UMNO keempat. Tindakan informan membangkitkan kelantangan Mahathir mengkritik kepimpinan Mohd Najib Abdul Razak membuktikan usaha ke arah mencapai kerjasama politik masih jauh

berbanding ketika era Tun Abdul Razak yang mendapat mandat sepenuhnya dari Tunku Abdul Rahman.

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS pasca tahun 1977 berhadapan dengan cabaran yang sukar kerana hubungan kedua-dua parti kembali menjadi tegang. Menurut informan, ketegangan hubungan ini berlaku disebabkan oleh tindakan PAS yang membangkitkan semula tahap keislaman UMNO seperti solat dua imam, pertikaian perkahwinan dan pengiktirafan Islam dalam kalangan keluarga berlainan parti sehingga mencetuskan kembali perpecahan dalam kalangan orang Melayu. Oleh demikian, peluang untuk mewujudkan semula babit-babit kerjasama antara kedua-dua parti semakin tipis dan sukar jika PAS berterusan mengulangi dan bertindak sebagai aktor memecahbelahkan orang Melayu semata-mata ingin mendapatkan sokongan daripada mereka. Dalam konteks semasa, Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Mohd Najib Abdul Razak selaku Perdana Menteri tidak berupaya mencapai kejayaan membentuk kerjasama politik seperti ayahnya, Tun Abdul Razak.

Tambah beliau, matlamat kerjasama politik yang dicetuskan oleh Tun Abdul Razak pada ketika itu bertujuan mengurangkan politiking dalam kalangan parti-parti politik yang ada di negara ini. Namun hal ini berbeza dengan Mohd Najib yang berusaha untuk menjalankan kerjasama dengan PAS setelah parti yang dipimpinnya berada dalam keadaan terhimpit akibat semakin hilang sokongan daripada orang Melayu. Menurut beliau lagi, orang Melayu pada hari ini semakin beralih sokongan kepada PAS dan sekiranya beliau berjaya meyakinkan PAS untuk bekerjasama maka sokongan orang Melayu masih kekal bersamanya.

Hakikatnya, PAS tidak pernah mengenepikan matlamat pelaksanaan Hudud dalam perjuangan politiknya, oleh demikian Mohd Najib akan kehilangan sokongan

parti-parti komponen BN yang lain termasuklah dari Sabah dan Sarawak sekiranya bersetuju dengan tuntutan PAS tersebut. Maka Mohd Najib sekarang mempunyai pilihan yang terhad berbanding pada era Tun Abdul Razak dan semasa informan menerajui UMNO iaitu tidak melibatkan pergantungan yang besar dengan parti-parti komponen bukan Islam yang lain. Oleh demikian, dapat dirumuskan informan menilai wujudnya kesukaran kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS pada hari ini disebabkan oleh praktik politik Mohd Najib dan tuntutan pelaksanaan hudud oleh PAS yang berterusan.

5.17 Rumusan

Perbincangan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS dalam bahagian ini diperkuuhkan dengan analisis intipati-intipati hasil temu bual yang telah dijalankan ke atas lima informan terpilih. Informan-informan tersebut ialah Dr. Daeng Sanusi Mariok, Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mustapha Ali. Kelima-lima mereka telah disoal menerusi pendekatan temu bual separa berstruktur yang dapat memberikan jawapan berserta penjelasan lanjut kepada setiap persoalan yang dikemukakan sekaligus memperkuuh analisis yang dijalankan dalam bahagian ini.

Berdasarkan kepada jawapan-jawapan daripada setiap persoalan yang dikemukakan kepada kelima-lima informan, masing-masing secara keseluruhannya memberi penjelasan yang selari dengan ciri-ciri kerangka teori kerjasama yang telah diasaskan oleh Deutsch (1949). Hal ini membuktikan kerjasama politik sepanjang tempoh lima tahun bermula dengan penyertaan PAS dalam pentadbiran MAGERAN pada tahun 1970 sehingga berakhirnya Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1978 adalah menepati kehendak ciri-ciri pendekatan kerjasama. Namun kerjasama politik antara

UMNO dengan PAS yang asalnya selari dengan ciri-ciri teori kerjasama mulai goyah dan seterusnya berakhir apabila terdapat pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS yang bertindak sebaliknya.

Intipati temu bual-temu bual bersama kelima-lima informan turut memuatkan penilaian masing-masing mengenai perkembangan tahap kerjasama politik Melayu-Islam pasca tahun 1978 dan hari ini. Secara keseluruhannya, kelima-lima informan dalam temu bual mereka bersetuju kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pasca tahun 1978 sukar direalisasikan semula seperti yang berjaya dicapai pada era pentadbiran Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda. Malah penglibatan informan-informan ini secara langsung dalam kerjasama politik sepanjang tempoh lima tahun berkenaan memperkuuh lagi hujah masing-masing kerjasama pasca tahun 1978 sukar dilaksanakan. Hujah-hujah informan juga selari dengan maklumat-maklumat daripada sumber sekunder yang menjelaskan bahawa wujud impak-impak signifikan kepada pembangunan Melayu-Islam hasil kerjasama antara UMNO dengan PAS. Bahagian berikut merupakan bab kesimpulan yang merumuskan secara keseluruhan hasil perbincangan dan analisis yang diperoleh sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

BAB 6: KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

Penyelidikan ini membincangkan kerjasama politik Melayu-Islam iaitu analisis hubungan UMNO dan PAS dari tahun 1968 hingga 1978. Objektif yang pertama ialah untuk mengenal pasti peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi kerjasama Melayu-Islam sebelum tahun 1973. Kedua, bagi menilai kedinamikan politik UMNO-PAS antara tahun 1968 hingga 1978. Ketiga, menganalisis impak kerjasama UMNO dengan PAS kepada perkembangan politik Melayu-Islam.

Dalam menjawab objektif kajian di atas, tesis ini mendapati kerjasama politik Melayu-Islam rasmi telah berlangsung antara UMNO dengan PAS dari tahun 1973 hingga 1977. Malah terdapat babit-babit hubungan antara kedua-dua parti tersebut sebelum dan selepas kerjasama politik dijalankan dan hujah ini disokong menerusi teori kerjasama yang telah diketengahkan oleh sarjana Deutsch (1949, 1973) dan konsep *Tahaluf Siyasi* yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana seperti Munir Muhammad Al-Ghadbran (2003), Muhammad Fuzi Omar (2007) dan Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014). Kedua-dua teori dan konsep yang diguna pakai dalam kajian ini menjadi alat analisis penting untuk mengemukakan satu penilaian dan perbincangan tajuk yang analitikal berbanding kajian-kajian yang dihasilkan sebelumnya.

Hasil kajian ini turut mengesahkan terdapat kerencaman peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Islam sebelum tahun 1973. Hujah ini dibuktikan menerusi peristiwa peralihan kerajaan Terengganu pada tahun 1961, ketegangan hubungan dalam peristiwa *Turn About* di Kelantan, penubuhan Malaysia pada tahun 1963, rusuhan kaum tahun 1964 di Singapura dan kemuncaknya dalam peristiwa 13 Mei 1969. Sepanjang tempoh berlakunya peristiwa-peristiwa berkenaan,

pelbagai kedinamikan politik Melayu-Islam khususnya melibatkan UMNO dengan PAS dapat dilihat. Meskipun orang Melayu dalam tempoh tersebut terpisah kepada dua parti politik utama, namun mereka sering memperlihatkan kesediaan untuk menjalankan kerjasama sekiranya wujud ancaman dan cabaran terhadap hak kedudukan yang dijamin. Malah, peristiwa 13 Mei 1969 telah mencetuskan mobilisasi kerjasama politik yang serius dalam kalangan orang Melayu-Islam di negara ini menerusi pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan tahun 1974.

Hasilnya, pelbagai impak dan keuntungan telah diperolehi orang Melayu di Malaysia sehingga hari ini sama ada dari aspek kemajuan politik, maupun penyebaran syiar Islam yang semakin meluas. Antara impak tersebut misalnya bantuan kewangan yang disalurkan kepada kerajaan Kelantan di bawah pimpinan PAS, penyertaan wakil-wakil rakyat daripada kedua-dua parti dalam pentadbiran kerajaan di peringkat negeri dan pusat, penamatan iklan-iklan judi dan hidangan arak dalam majlis-majlis rasmi kerajaan, penyiaran azan dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dalam televisyen dan kesediaan kerajaan pusat membincangkan mengenai pelaksanaan undang-undang Hudud. Keseluruhan impak-impak yang disenaraikan ini merupakan manifestasi penting terhadap usaha-usaha yang dimobilisasikan oleh pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua parti semata-mata untuk memperkuuhkan semula kuasa politik Melayu dan memperkasakan penyebaran syiar Islam di negara ini. Bahagian berikut mengetengahkan rumusan-rumusan hasil perbincangan dan analisis yang berjaya diperolehi menerusi penyelidikan ini.

6.2 Kerjasama Politik dari Era Merdeka Hingga 1978

Kerjasama politik Melayu-Islam pasca merdeka melalui pelbagai perkembangan yang menarik untuk diketengahkan khususnya bagi mengenal pasti peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi proses tersebut. Perbincangan dalam bab 3 menjelaskan perkembangan

kerjasama politik berkenaan muncul dalam beberapa peristiwa penting antaranya ketika PERIKATAN tewas kepada PAS di Kelantan dan Terengganu dalam pilihan raya umum tahun 1959, peralihan pentadbiran daripada PAS kepada PERIKATAN di Terengganu pada tahun 1961, pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dan rusuhan kaum antara orang Melayu dengan Cina di Singapura pada tahun 1964. Peristiwa-peristiwa berkenaan memiliki kesignifikanan yang tersendiri untuk diketengahkan dalam perbincangan yang berkaitan dengan perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam.

Penilaian terhadap peristiwa-peristiwa tersebut berjaya memperlihatkan wujudnya peranan faktor-faktor dan bentuk-bentuk kerjasama politik berbeza yang dialami oleh orang Melayu. Faktor-faktor yang timbul telah menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu untuk membentuk kerjasama yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran dan kepentingan politik kaum tersebut. Meskipun orang Melayu-Islam berjaya memperjuangkan pelbagai kepentingan politiknya dari tahun 1961 hingga 1969, namun kejayaan tersebut dicapai setelah berhadapan dengan kerencaman cabaran sehingga mengakibatkan ratusan mangsa terkorban. Politik Melayu-Islam memasuki dimensi baru selepas peristiwa penyingkiran Singapura pada tahun 1965, namun orang Melayu masih mengekalkan faktor ancaman kaum sebagai asas pembentukan kerjasama politik di negara ini.

Seterusnya, perkembangan kerjasama politik Melayu-Islam pada era pasca merdeka dinilai menerusi tahap hubungan yang berjaya dicapai antara UMNO dengan PAS. Penilaian tahap hubungan kedua-dua parti ini dapat dilakukan menerusi babit-babit konsolidasi kedua-dua parti selepas peristiwa 13 Mei 1969, pembentukan Kerajaan Campuran tahun 1973, penubuhan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974 dan kemelut politik Kelantan yang menjadi punca penyingkiran PAS daripada BN pada tahun 1977. Kemerosotan kuasa politik Melayu, percambahan sentimen perkauman

yang semakin menebal dalam kalangan rakyat, kemunculan parti politik Cina baru dan kempen-kempen parti politik yang tidak terkawal adalah punca kepada tercetusnya tragedi 13 Mei 1969. Kemunculan pelbagai masalah yang mengancam kedudukan politik orang Melayu pada ketika itu telah mendorong UMNO dengan PAS untuk merintis kerjasama politik antara satu sama lain. Bibit-bibit kerjasama politik tidak rasmi ini kemudiannya berubah kepada penubuhan Kerajaan Campuran bagi memperkuatkan dominasi kuasa politik Melayu-Islam dalam pemerintahan. Kerjasama politik menerusi Kerajaan Campuran pada ketika itu telah memberi pelbagai manfaat yang besar kepada orang Melayu di negara ini khususnya dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Kepelbagaian manfaat tersebut telah mendorong UMNO dengan PAS untuk meneruskan konsolidasi sedia ada dengan menjenamakan semula kerjasama politik mereka yang dinamakan sebagai Barisan Nasional (BN).

Kedudukan BN semasa di awal peringkat penubuhannya sangat kukuh namun kemudiannya mengalami kemerosotan apabila tercetusnya kemelut pemilihan calon Menteri Besar Kelantan pada tahun 1977. Kemelut yang pada asalnya berjaya ditangani kembali menggoncang hubungan kerjasama politik UMNO dengan PAS apabila wujudnya gerakan untuk menyingkirkan Mohamad Nasir dari kedudukannya sebagai Menteri Besar. Usaha menyingkirkan Mohamad Nasir telah mencetuskan gelombang kebangkitan penyokong dan sebahagian rakyat Kelantan yang kemudiannya melakukan penentangan secara kekerasan. Keadaan yang tidak terkawal ini menyebabkan kerajaan persekutuan mengisytiharkan Perintah Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977 bagi mengambil alih pentadbiran Kelantan. Namun PAS menentang tindakan sekutunya UMNO untuk bertindak sedemikian dan akhirnya parti tersebut disingkirkan daripada BN pada tahun 1977 kerana tidak lagi memiliki pendirian yang sehaluan. Penyingkiran PAS pada waktu tersebut menandakan berakhirnya kerjasama politik rasmi antara kedua-dua parti Melayu-Islam berkenaan setelah tiga tahun 11 bulan dan 13 hari

dipertahankan. Kerjasama politik Melayu-Islam khususnya antara UMNO dengan PAS pasca era perpecahan sedang berhadapan dengan cabaran yang sukar dan kedua-dua parti masih lagi gagal mewujudkan ciri-ciri kerjasama politik seperti yang diperlukan. Maka usaha tersebut sedang giat dijalankan oleh kedua-dua parti berkenaan dan babit-babit kerjasama politik tersebut kian terserlah hari ini di bawah teraju kepimpinan baharu UMNO dan PAS.

Selain itu, bagi memperkuatkan analisis kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS, temu bual-temu bual telah dijalankan ke atas lima informan terpilih yang terlibat secara langsung dalam kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan. Antara informan-informan tersebut ialah Dr. Daeng Sanusi Mariok, Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mustapha Ali. Kelima-lima mereka telah disoal menerusi pendekatan temubual separa berstruktur yang dapat memberikan jawapan beserta penjelasan lanjut kepada setiap persoalan yang dikemukakan sekaligus memperkuatkan analisis yang dijalankan dalam bahagian ini.

Berdasarkan kepada jawapan-jawapan daripada setiap persoalan yang dikemukakan kepada kelima-lima informan, masing-masing secara keseluruhannya memberi penjelasan yang selari dengan ciri-ciri kerangka teori kerjasama yang telah diasaskan oleh Deutsch (1949,1973). Hal ini membuktikan kerjasama politik sepanjang tempoh lima tahun (1973 hingga 1977) bermula dengan penyertaan PAS dalam pentadbiran MAGERAN pada tahun 1970 sehingga berakhirnya Kerajaan Gabungan BN 1977 adalah menepati kehendak ciri-ciri pendekatan kerjasama. Namun kerjasama politik antara UMNO dengan PAS yang asalnya selari dengan ciri-ciri teori kerjasama mulai goyah dan seterusnya berakhir apabila terdapat pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS yang bertindak bertentangan dengan norma-norma kerjasama dua hala.

Intipati temu bual-temu bual bersama kelima-lima informan turut memuatkan penilaian masing-masing mengenai perkembangan tahap kerjasama politik Melayu-Islam pasca tahun 1978 dan hari ini. Secara keseluruhannya, kelima-lima informan dalam temubual mereka bersetuju bahawa kerjasama politik antara UMNO dengan PAS pasca 1978 sukar direalisasikan semula seperti yang berjaya dicapai pada era pentadbiran Tun Abdul Razak dengan Mohamed Asri Muda. Malah penglibatan informan-informan ini secara langsung dalam kerjasama politik sepanjang tempoh lima tahun berkenaan memperkuatkan lagi hujah masing-masing iaitu kerjasama pasca tahun 1978 sukar dilaksanakan. Namun potensi untuk mengembalikan usaha-usaha ke arah kerjasama politik masih lagi berlangsung secara berterusan pada tahap-tahap yang tertentu.

6.3 Sumbangan Kajian Kepada Korpus Akademik

Perbincangan mengenai kerjasama politik Melayu-Islam telah banyak dilakukan sama ada oleh sarjana-sarjana dan penganalisis-penganalisis politik dari dalam maupun luar negara. Namun, bukan semua penulisan sesuai diketengahkan sebagai makalah akademik kerana terdapat karya perbincangan yang sekadar berbentuk picisan dan memiliki kecenderungan kepada parti-parti politik tertentu. Oleh demikian, kajian ini berperanan sebagai perintis dalam menyediakan sebuah kajian ilmiah yang berkronologi dan tersusun yang sebelumnya dibiarkan berselerak dalam bab-bab buku dan artikel jurnal.

Sebagai sebuah kajian sejarah politik, kajian ini memuatkan analisis mengenai kerjasama politik Melayu-Islam bermula pada era sebelum merdeka agar penyelidik-penyelidik selepasnya dapat mengikuti perbincangan secara berkronologi. Hal ini bagi mengelakkan perbincangan secara melompat-lompat yang menyukarkan penyelidik-penyelidik lain memahami dengan lebih terperinci setiap peristiwa kerjasama politik

yang berlaku sepanjang era berkenaan. Di samping itu, kajian ini merupakan tambahan kepada penyelidikan khusus mengenai kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS di Malaysia yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan. Kajian-kajian mengenai kerjasama politik Melayu-Islam antara UMNO dengan PAS sebelumnya telah dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik luar negara. Secara keseluruhannya, kajian penyelidik-penyelidik berkenaan tidak menganalisis secara khusus mengenai kerjasama politik dan hanya membincangkan mengenai latar belakang penubuhannya dan pencapaiannya dalam politik negara. Malah analisis yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik daripada luar negara masih tidak mencukupi dan memerlukan kajian yang lebih mendalam. Maka kajian ini mengisi kelomongan korpus akademik yang ditinggalkan oleh penyelidik-penyelidik luar negara ini dalam konteks kefahaman budaya politik tempatan.

Di samping itu, kerangka model kerjasama politik yang dibentuk menerusi kajian ini boleh diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik berikutnya yang berminat untuk meneruskan kajian mengenai kerjasama politik terhadap aktor-aktor lain. Penggunaan kerangka model tersebut sebenarnya tidak terhad kepada analisis terhadap UMNO dan PAS semata-mata, tetapi boleh diperluaskan kepada aktor-aktor sivil dan politik lain di Malaysia. Malah penyelidik-penyelidik boleh menjalankan kajian-kajian kes di luar negara sekiranya mereka memilih aktor-aktor yang sepadan antara satu sama lain seperti yang ditetapkan dalam kerangka model kerjasama politik. Oleh demikian, pembentukan kerangka model menerusi kajian ini merupakan sumbangan penting kepada penyelidik-penyelidik berikutnya untuk meluaskan skop kajian mereka merentasi sempadan etnik dan negara.

Seterusnya, kajian ini dapat diguna pakai oleh UMNO dengan PAS sekiranya masing-masing mensasarkan matlamat untuk menamatkan perseteruan politik dan kemudiannya membentuk kerjasama antara satu sama lain. Proses tersebut boleh dicapai

menerusi gandingan ciri-ciri yang dikemukakan menerusi teori kerjasama dan konsep *Tahaluf Siyasi* khususnya untuk menilai perkembangan hubungan antara UMNO dengan PAS. Berdasarkan kepada kejayaan membentuk kerjasama politik selama tempoh lima tahun berkenaan, UMNO dan PAS berpotensi untuk mengulanginya semula sekiranya model kerjasama yang diperkenalkan menerusi kajian ini dijadikan panduan. Malah orang Melayu di negara ini dapat mengecapi pelbagai manfaat sekiranya kerjasama politik sebelumnya dapat direalisasikan semula. Manfaat yang diperolehi bukan hanya melibatkan pengukuhan kedudukan politik apabila UMNO dengan PAS berkerjasama, tetapi turut melibatkan kegiatan penyebaran syiar Islam yang lebih meluas di negara ini berbanding zaman sebelumnya. Penyebaran syiar Islam dalam konteks hari ini terbahagi kepada dua kategori utama iaitu berbentuk material dan non-material.

Menerusi konteks material, pelbagai prasarana dan institusi yang menjadi pemangkin kepada kepesatan dakwah di negara ini dapat dibangunkan seperti pembinaan masjid yang lebih banyak, pusat-pusat dakwah selain Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), peruntukan sumber kewangan kepada pembangunan institut-institut pengajian seperti universiti berteraskan Islam dan sekolah tahfiz, penubuhan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Meskipun UMNO yang menerajui kerajaan berupaya melaksanakannya, namun perkembangan Islam di negara ini dari aspek material tidak menjadi lengkap sekiranya tanpa gandingan PAS. Hal ini dapat dinilai menerusi kejayaan UMNO dengan PAS membangunkan prasarana dan institusi Islam yang pesat sepanjang tempoh pembentukan Kerajaan Campuran dan Kerajaan Gabungan BN hingga 1978. Misalnya penubuhan YADIM, Maktab Perguruan Islam di Bangi dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Hatta dalam tempoh yang singkat dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada ketika itu pelbagai pembangunan material yang menguntungkan Islam diperolehi, maka hal demikian boleh

bertambah rancak sekiranya kerjasama politik UMNO dengan PAS dapat dijalin semula pada hari ini.

Di samping itu, perkembangan Islam yang berbentuk non-material seperti kerancakan kegiatan dakwah dan penyebaran syiar Islam di Malaysia dapat berkembang menerusi kerjasama politik kedua-dua parti berkenaan. Sekiranya kerjasama antara UMNO dengan PAS berlaku semula, kuasa politik Melayu-Islam dapat bertindak sebagai benteng menangkis serangan-serangan daripada seteru orang Melayu dan agama Islam. Keadaan ini semakin menular dalam perkembangan politik Malaysia hari ini yang semakin cenderung kepada kebangkitan sentimen perkauman menebal dan keagamaan sehingga berpotensi mencetuskan permusuhan politik antara satu sama lain. Sekiranya kedua-dua parti Melayu-Islam ini bergandingan membentuk semula kerjasama politik antara satu sama lain, maka pendekatan ini semakin memperkuatkan kedudukan orang Melayu dan Islam sekaligus berupaya menangkis serangan-serangan oleh musuh Islam dan orang Melayu di negara ini. Secara kesimpulannya, kajian ini dihasilkan bukan hanya sekadar untuk memenuhi ruang di rak-rak penyelidikan dan perpustakaan, tetapi berperanan lebih luas sebagai pilihan alternatif yang mengemukakan kerangka dan pendekatan penyelesaian kemelut kerjasama politik Melayu-Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- A. Effendy Choirie. (2008). *Islam dan nasionalisme: Kajian perbandingan mengenai perjuangan politik UMNO dan PKB.* (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- A. Samad Ahmad. (1986). *Sejarah Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Razak Ayub. (1985). *Perpecahan bangsa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Halim Mahmood. (1983). *Asri dalam dilema.* Kuala Lumpur: Hafar Enterprise.
- Abdul Rahman Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran.* Kuala Lumpur: Gema Insani.
- Abdul Rahman Ibrahim. (2011). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Muhammad. (2004). *Tafsir Ibnu Kathir* (Jilid.1). Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Abu Bakar Hamzah. (1992). *Parti PAS dengan Tahaluf Siyasinya.* Kuala Lumpur: Media Cendiakawan.
- Abu Bakar Hamzah. (1992). *Kegemilangan Islam dan kedaulatan bangsa zaman UMNO-PAS bersatu.* Kuala Lumpur: Media Cendiakawan.
- Abu Hanifah Haris & Redzuan Othman. (2013). Zulkifli Muhammad dan perjuangan politik berteraskan Islam 1955-1964, *Jurnal Usuluddin*, 37(37):83-116.
- Ahmat Adam. (2013). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Atory Hussain. (1993). *Dimensi politik Melayu 1980-1990: antara kepentingan dan wawasan bangsa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Dari berantakan menuju pembangunan politik Melayu, 1990-2000.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan tamadun bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ahmad Kamar. (1980). *Islam tercabar: Satu pandangan terhadap PAS*. Petaling Jaya: Pustaka Ilmu.

Alias Muhammad. (1975). *Kelantan: Politik dan dilema pembangunan*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.

Alias Muhammad. (1978). *Sejarah perjuangan parti PAS: Satu dilema*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Alias Mohamed. (1984). *Kelantan di bawah PAS: Masalah tanah dan rasuah*. Kuala Lumpur: Insular Publishing.

Alias Muhammad. (1994). *PAS platform development and change: 1951-1986*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.

Alias Mohamed. (2003). *Abu Bakar Hamzah dalam kenangan*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.

Allers, C. (2013). *The evolutions of muslim democrat: The life of Malaysia's Anwar Ibrahim*. New York: Peter Lang.

Amaluddin Darus. (1977). *Kenapa saya tinggalkan PAS?*. Kuala Lumpur: Harimau Press.

Amrita Malhi. (2003). The PAS-BN Conflict in the 1990s: Islamism and Modernity. Dlm. Noraini Othman & Hooker, V. (pnyt). *Islam, Society and Politics*, hlm 236-268. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Anwar Abdullah. (2004). *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ariffin Omar. (2015). *Bangsa Melayu: Konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti 1945-1950*. Puchong: Vinlin Press.

- Arrow, J. K (1963). *Social choice and individual values*. Yale: Yale University Press.
- Asyraf Wajdi Dusuki. (2014). *Politik Islam dan Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam dalam sejarah politik dan pemerintahan dalam alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Avritzer, L. (2002). *Democracy and public space in Latin America*. Princeton: Princeton University Press.
- Baha Azuwan. (1991, Oktober, 26). Usaha rapatkan hubungan Kelantan-Pusat: Semua mesti ikhlas. *WATAN*, 36.
- Baharuddin Ali Masrom. (1989). *Politik Melayu abad 21*. Kuala Lumpur: D' Enterprise.
- Barnard, T. P. (Ed.). (2004). *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Brownlee, J. (2007). *Authoritarianism in an age of democratization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Burhanuddin Al Helmy. (1980). *Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
- Bush, R. (2009). *Nahdatul Ulama and the struggle of power within Islam and politics in Indonesia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Callahan, W. A. (2000). *Pollwatching, elections, and civil society in Southeast Asia*. Burlington: Ashgate.
- Case, W. (2013). *Politics in Southeast Asia: Democracy or Less*. New York: Routledge.
- Chandoke, N. (1995). *State and civil society: explorations in political theory*. London: Sage Publication.
- Chandra Muzaffar. (2002). *Rights, religion and reform: Enhancing human dignity through spiritual and moral transformation*. New York: Routledge.

Chandrasekaran Pillay. (1974). *The 1974 General Elections in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Chalk, P. (2008). *The Malay-Muslim insurgency in Southern Thailand: Understanding the conflict evolving dynamics*. Arlington: National Defense Research Institute.

Chamil Wariya. (1985). *Siapa kuasa UMNO*. Petaling Jaya: Media Intelek.

Chee Koon Tan & Vasil, R. K (1984). *Without fear or favour*. Petaling Jaya: Eastern University Press.

Chew Huat Hock (1984). The Seremban By-elections of 19 November 1983 and its Implications for Malaysian politics. *Journal of Contemporary Southeast Asia* 6(2):172-174.

Comber, L. (1985). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah perhubungan Melayu-Cina*. London: International Book Service.

Crane, E. (1997). *Civil society vs political society: China crossroads*. Washington: The Cato Institute.

Crouch, A. H. (1996). *Government and Malaysia society*. Ithaca: Cornell University Press.

Deutsch, M. (1949a). An experimental study of the effects of cooperation and competition upon group processes. *Journal of Human Relations* (2):199-231.

Deutsch, M. (1949b). A theory of cooperation and competition. *Journal of Human Relations* (2):129-151.

Deutsch, M. (1973). *The resolution of conflict: constructive and destructive processes*. New Haven: Yale University Press.

Deutsch, M. (1985). *Distributing justice: A social psychological perspective*. New Haven: Yale University Press.

Drutman, Lee. (2016). *Political dynamism: A new approach to making government work again*. New York: New America Organisation.

Eckstein, H., & Woodrow Wilson School of Public and International Affairs. Center of International Studies (1966). *Division and Cohesion in Democracy: A Study of Norway*. Princeton: Princeton University Press.

Edmund Terence Gomez (Ed.) (2007). *Politics in Malaysia: the Malay dimension*. New York: Routledge.

Edmund Terence Gomez (pytn) (2004). *The State of Malaysia: Ethnicity, equity and reform*. London: MPG Books.

Edwin Lee. (2008). *Singapore: the unexpected nation*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Espósito, L. J. (1984). *Islam and politics*. New York: Syracuse University Press.

Farish Noor. (2004). *Islam embedded: the historical development of the Pan Malaysian Islamic Party, PAS (1951-2003):Volume I*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.

Farish Noor. (2004). *Islam embedded: the historical development of the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS (1951-2003):Volume II*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.

Farish Noor. (2014). *The Malaysian Islamic party PAS 1951-2013*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Fatini Yaacob. (2010). *Naträh: cinta, rusuhan dan air mata*. Skudai:Penerbit UTM.

Firdaus Abdullah. (1985). *Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Francis Lok Kok Wah. 2009. *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Petaling Jaya: SIRD.

Fletcher, M. N. (1969). *The separation of Singapore from Malaysia*. New York: Cornell University Press.

Francis Loh Kok Wah (2014). Hudud: is Umno goading PAS? *Journal of Critical Perspective on Asia* 50(1):113-122.

Fraenkel, J. & Wallen, N. (2007). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw Hill.

Freedman, A. L. (2000). *Political participation and ethnic minorities: Chinese overseas in Malaysia, Indonesia, and the United States*. New York: Routledge.

Funston, J. N. (1980). *Malay politics in Malaysia: a study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann.

Funston, N. J. (1976). The origins of Parti Islam Se-Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(01), 58-73.

Gales, M. L., Anthony, P. W. & Hodge, J. B. (2003). *Organization theory: A strategic approach*. London: Prentice Hall.

Giddens, A. (1972). *Politics and sociology in thought of Max Weber*. United Kingdom: Macmillan Press.

Giersdorf, S., & Croissant, A. (2011). Civil society and competitive authoritarianism in Malaysia. *Journal of Civil Society*, 7(1), 1-21.

Groetzel, G. T. (1976). *Political society*. Chicago: Rand MacNally.

Grofman, B. (1990). *Political gerrymandering and the courts*. New York: Agathon Press.

Gomez, T. E. (2007). *Politics in Malaysia: The Malay dimension*. New York: Routledge.

Haja Maideen (1989). *The Nadra tragedy: The Maria Hertogh controversy*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Halliday, F. (1995). The politics of 'Islam'- a second look. *British Journal of Political Science*, 25(03), 399-417.

Harding, J. A. & James Chin (2014). *50 years of Malaysia: Federalism revisited*. Singapore: Marshall Cavendish.

Haas, E. B. (1966). *International political communities*. New York: Anchor Books.

Haas, E. B., Robert, L. B. & Joseph, S. N. (1972). *Conflict management by international organization*. New Jersey: General Learning Press.

Haas, P. M. (1989). Do regimes matter? Epistemic communities and Mediterranean pollution control. *International Organization* (43):377-403.

Hefner, W. R. (2001). *The politics of multiculturalism: Pluralism and citizenship in Malaysia, Singapore and Indonesia*. New York: University of Hawaii Press.

Hilley, J. (2008). *Malaysia: Mahathirisme, hegemoni dan pembangkang baru*. Kuala Lumpur: Percetakan Halim.

Huddy, L. Sears, O. D. & Levy, J. (2013). *From group identity to political cohesion and commitment*. New York: Oxford University Press.

Hussin Mutalib. (1990). *Islam and ethnicity in Malay politics*. Oxford: Oxford University Press.

Hussin Mutalib. (1993). *Islam in Malaysia: from revivalism to Islamic state*. Singapore: Singapore University Press.

Ibnu Hasyim. (1993). *Konflik UMNO, PAS: Satu penyelesaian menurut Islam*. Kuala Lumpur: G. Edar.

Ibrahim Ahmad. (1989). *Konflik UMNO-PAS dalam isu Islamisasi*. Kuala Lumpur: IBS.

Insun Sony Mustapha (2005). *Malay nationalism before UMNO: The memoirs of Mustapha Hussain*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher and Distributors.

Jamaei Hamil. (2004). *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamaei Hamil. (2003). Kepimpinan politik: Pola kepimpinan politik UMNO. *Akademika* 62(1):17-39.

Jamaei Hamil, Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman, Suzanna M. Isa & Zaini Othman (2005). Budaya Politik Melayu: Kesinambungan dan Perubahan. Dlm. Zarina Othman & Sity Daud. *Politik dan Keselamatan*, 71-9. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jeniri Amir & Hamedi Mohd Adnan. (2013). Harakah pada zaman pemerintahan Mahathir: Peranan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(1): 129-142.

Johnson, D.W. & Johnson R. T. (1989). *Cooperation and competition: Theory and research*. Edina: Interaction Publisher.

Julian C. H. Lee (2010). *Islamization and activism in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2012). Persempadan Semula Kawasan Pilihan Raya 2003 dan Impaknya kepada Pilihan Raya Umum 2008 di Kawasan DUN Kajang dan Bangi, Selangor. *E-Bangi*. 7(2):200-224.

Khan, M. K. (2009). *Islamic jihad: A legacy of forced conversion, imperialism and slavery*. New York: Universe Inc.

Kahn, S. J. (2006). *Other Malays: Nationalism and cosmopolitanism in the modern Malay world*. Singapore: Singapore University Press.

Kamus Dewan. (Ed. Ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaruddin Jaafar. (1979). Perjuangan dan pemikiran politik Dr. Burhanuddin Al-Helmy. *Akademika* 15(1): 32-34.

Kamarudin Jaafar. (1980). *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.

Kamarudin Jaffar. (2001). *Zulkifli Muhammad: Pemikiran dan perjuangan*. Kuala Lumpur: Ikdas.

Kamarulnizam Abdullah. (2003). *The politics of Islam in the contemporary Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Zaman Haji Yusoff. (2013). *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama 1982-2004*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Karminder Singh Dhillon. (2009). *Malaysian foreign policy in the Mahathir era, 1981-2003: Dilemmas of development*. Singapore: National University of Singapore Press.

Keane, J. (1993). Power sharing Islam? Dlm. Azzam Tamimi, et al. *Power Sharing Islam?*. London: Liberty for Muslim World.

Keohane, O. R. (1984). *After hegemony: Cooperation and discord in the world political economy*. New Jersey: Princeton University Press.

Kessler, C. S. (1978). *Islam and politics in a Malay State, Kelantan, 1838-1969*. Ithaca: Cornell University Press.

Khadijah Md. Khalid (2007). Voting for Change? Islam and Personalised Politics in the 2004 General Elections. Dlm. Edmund Terence Gomez (pnyt). *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*, halaman 50-74. New York: Routledge.

Khoo Kay Kim. (1981). The Malay left 1945-1948: A preliminary discourse. *Sarjana* 1(1):167-192.

Kin Wah Chin. (1983). *The defence of Malaysia and Singapore: The transformation of a security system 1957-1971*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kua Kia Soong. (2007). *13 Mei 1969: Dokumen-dokumen deklasifikasi tentang rusuhan 1969 Malaysia*. Kuala Lumpur: Polar Vista.

Lily Zubaidah Rahim. (2009). *Singapore in the Malay world: Building and breaching regional bridges*. New York: Routledge.

Lim Kit Siang. (2002). *Should Malaysia be an Islamic state*. Pulau Pinang: Democratic Action Party Press.

Lim Kit Siang. (1978). *Time bombs in Malaysia: Problems of nation building in Malaysia*. Petaling Jaya: Democratic Action Party.

Liow, C. J. (2004). Political Islam in Malaysia: Problematising discourse and practice in the UMNO-PAS 'Islamisation race'. *Commonwealth & Comparative Politics*, 42(2), 184-205.

Locke, J. (1690 [2002]) *Second treaties of government and letter concerning toleration.* New York: Dover.

Lukman Thaib. (1994). *Political system of Islam.* Kuala Lumpur: Amal Publisher.

Lukman Thaib. (1998). *Politik menurut perspektif Islam.* Kajang: Synergymate.

Lukman Thaib. (2005). *Islamic political representation in Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Lukman Thaib. (2012). *Democratic values in the Islamic political system and Muslim politics in Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Lukman Thaib. (2013). Muslim politics in Malaysia and the democratization process. *British Journal of Advance Social Science (BJASS)* 3(6):45-57.

Lukman Thaib & Muhammad Fahmi Md. Ramzan. (2014). The process of becoming a leader: an Islamic perspective. *Journal Advances in Natural and Applied Sciences* 8(5): 343-353.

Lukman Thaib & Mohamad Zaidi Abd. Rahman. (2015). Unity in Malaysian diversity. *British Journal of Education, Society & Behavioural Science* 9(1):40-49.

Lukman Thaib. (2016). Political Power Sharing from Islamic Perspective (Tahaluf al-Siyasi Fi al-Islam): Muslim's Experience in Malaysia. In *Discourse on Islamic Political Thought*, edited by Lukman Thaib, 218-222. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Lukman Thaib. (2016). *Discourse on Islamic political thought.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mahathir Mohamad. (2010). *The Malay dilemma: With a new preface.* Singapore: Marshall Cavendish.

Mahayudin Haji Yahaya. (2001). *Islam di Alam Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis Gerakan Negara. (1969). *Tragedi 13 Mei 1969: Laporan oleh Majlis Gerakan Negara Malaysia.* Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

Malayan Law Journal. (1963) 29 M.L.J dalam K.L Civil Suit No. 567, 1963

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). (1969). *Laporan Kertas Putih Peristiwa 13 Mei 1969*. Kuala Lumpur: MAGERAN.

Maryam Jameelah. (2003). *Islam and western society*. New Delhi: Adam Publisher & Distributors.

Marzuki Mohammad. (2007). Legal Coercion, Legal Meanings, and UMNO's Legitimacy. Dlm. Edmund Terence Gomez (pnyt). *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*, halaman 50-74. New York: Routledge.

Mauzy, D. K. (1979). The 1978 General Election in Malaysia. *Asian Survey* 19(3):281-296.

Mauzy, D. K. (1983). *Barisan Nasional: Coalition government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.

McAmis, D. R. (2002). *Malay Muslims: The history and challenge of resurgent Islam in Southeast Asia*. London: Eerdmans.

Md. Salleh Md. Gaus. (1984). *Politik Melayu Pulau Pinang: 1945-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Means, G. P. (1970). *Malaysian politics*. London: University of London Press.

Mehrdad Haghayeghi. (1996). *Islam and politics in central Asia*. London: Palgrave Macmillan.

Mehran Kamrava. (2006). *The new voices of Islam: Rethinking politics and modernity*. Berkeley: University of California Press.

Milne, R. S. & Mauzy, D. K. (1978). *Politics and government in Malaysia*. Singapore: Federal Publication.

Mohd Hasbie Muda. (2014). *PAS dan pilihan raya*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.

Mohd Izani Mohd Zain. (2007). *Demokrasi dan dunia Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2016). Pemikiran Tahaluf Siyasi Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan implikasinya terhadap negara. *Jurnal Sains Humanika* 8(2):19-25.

Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2015). The roles of tahaluf siyasi in political unity. *International Journal of Humanities and Social Science* 5(7):59-71.

Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2015). Tahaluf siyasi dalam ekonomi politik Islam. *Jurnal Ekonomika* 1(3):56-82.

Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2014). *Peranan Tahaluf Siyasi dalam Konteks Ekonomi Politik Islam: Satu Kajian Teoritis*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Mohd Yusof Hj. Othman. (1996). *Panduan penyelidikan sains dan penulisan saintifik*. Kuala Lumpur: Dwan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Rodzi Abdul Razak. (2001). Gagasan Malaysia dan penglibatan British: Satu tinjauan. *Jebat* 20 (2003):75-106.

Mohamad Abu Bakar. (1994). *Persaingan ideologi dan pemulihian tradisi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.

Mohamed Abu Bakar. (1980). *Dakwah dan Pengislaman Masyarakat Melayu Masa Kini: Satu Analisa Pengenalan*. Dlm Khoo Kay Kim (ed). Tamadun Islam di Malaysia, 158-189. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohamed Asri Muda. (1993). *Memori politik Asri: Meniti arus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Nordin Sopiee. (1976). *From Malayan Union to Singapore Separation: Political unification in the Malaysia region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohamed Salleh Lamry. (2006). *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Abu Bakar. (2000). Konservatisme dan konflik: Isu kafir-mengkafir dalam politik kepartian 1955-2000, *Jurnal Pemikir*, Julai:121-159.

Mohammad Agus Yusoff. (2006). *Malaysian federalism: Conflict or consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammad Redzuan Othman. (2005). *Islam dan masyarakat Melayu: Peranan dan pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohammad Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Abdul Halim Ramli. (2012). Reaksi PAS terhadap Laporan Suruhanjaya Reid dan Islam sebagai Agama Persekutuan dalam Pembentukan Perlembagaan Merdeka, *Sejarah*, 20:167-178.

Mueller, M. D. (2014). *Islam, politics and youth in Malaysia: The pop-Islamist reinvention of PAS*. New York: Routledge.

Mustapha Hussain. (2005). *Malay nationalism before UMNO: The memoirs of Mustapha Hussain*. Utusan Publications & Distributors.

Mustapa Mohamed. (2001). *Kemelut politik Melayu*. Kuala Lumpur: Media Centre.

Muhammad Nadzri Mohamed Noor. (2009). *Politik Malaysia di persimpangan: Praktik politik dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan kontemporari*. Petaling Jaya: Vinlin Press.

Muhammad Fuzi Omar. (2007). *Strategies and tactics of mobilisation: Opposition political parties in Malaysia 1982-2003*. (Disetasi doktor falsafah tidak diterbitkan). International Islamic University of Malaysia, Gombak.

Munir Muhammad Al-Ghadbran. (2003). *Kerjasama politik dalam menegakkan kerajaan Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.

Mustafa Ali (1993). The Islamic Movement and the Malaysian Experience. Dlm. Azzam Tamimi, et. al. *Power Sharing Islam?*. London: Liberty for Muslim World.

N. Ganesan. (2003). Malaysia in 2002: Political consolidation amid change? *Journal of Asian Survey* 1(43):147-155.

Nasharudin Mat Isa. (2001). *50 tahun mempelepori perubahan: Menyingkap kembali perjuangan PAS 50 tahun*. Batu Caves: Penerbitan Ahnaf.

Nathaniel Tan & Lee, J. (2008). *Political tsunami: An end of hegemony in Malaysia*. Kuala Lumpur: Kinibooks Publishers.

New Straits Times, (1965, November, 9). Three Likely to Contest Rahang By-election. *New Straits Times*, p.6.

Nidzam Sulaiman & Zaini Othman. (2005). Pembangunan Politik Malaysia: Menjejak Perubahan Budaya Politik Melayu. Dlm. Junaenah Sulehah, et al. *Masyarakat, Perubahan dan Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun (2011). *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Anuar Nik Mahmud. (2001). *Duri dalam daging*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Noraini Nordin. (1989, April, 18). Najib alu-alu kerjasama. *WATAN*, 6.

Norazit Selat. (1997). *Ekonomi dan politik Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Noraini Othman. (2007). *Islam, Islamization and democratization: Challenges and prospects*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.

Nordin Hussin. (2005). Malay press and Malay politics: The Hertogh riots in Singapore. *Asia Europe Journal*, 3(4), 561-575.

Novy, A., Swiatek, D. C., & Moulaert, F. (2012). Social cohesion: A conceptual and political elucidation. *Urban Studies*, 49(9), 1873-1889.

Oest, K. J. N. (2009). *Not bound to follow? Patterns of allied cooperation on formation of ad hoc coalitions*. Copenhagen: Department of Political Science.

Ooi Kee Beng, Johan Saravananmuttu & Lee Hock Guan. (2008). *March 8: eclipsing May 13*. Singapore: Utopia Press.

Ooi Kee Beng. (2010). *Between UMNO and a hard place: The Najib Razak era begins*. Kuala Lumpur: Vinlin Press.

Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metod*. Petaling Jaya: Univision Press.

Osman Bakar, Voll, J. & Esposito, L. J. (2007). *Asian Islam in the 21st century*. Oxford: Oxford University Press.

Paridah Abd. Samad. (1998). *Tun Abdul Razak: A phenomenon in Malaysian politics: a political biography*. Kuala Lumpur: Affluent Master.

Peletz, G. M. (2002). *Islamic modern: Religious courts and cultural politics in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.

Penyata Rasmi Parlimen. (1961). *Usul penubuhan Malaysia oleh Kerajaan Persekutuan*, Jilid III (Bil. 16). Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.

Penyata Rasmi Parlimen. (1977). *Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan)*, Jilid III (Bil. 37). Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.

Parti Islam Se-Malaysia. (2002). *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (Pindaan 2011)*. Taman Melewar: Markaz Tarbiyah PAS Pusat.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. *Perlembagaan UMNO (Pindaan 2009)*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

Raden Soenarno. (1960). Malay Nationalism, 1896–1941. *Journal of Southeast Asian History*, 1(01), 1-28.

Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan politik Melayu Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (1998). *Kemelut politik semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ramlah Adam. (2003). *Burhanuddin al-Helmy: suatu kemelut politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (2004). *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Riker, H. W. (1962). *The theory of political coalitions*. New Haven: Yale University Press.

Roff, R. W. (1994). *The origins of Malays nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Rosli Mohd Yusoff. (2008). *Singapura dalam Malaysia 1963-1968: Duri dalam Daging*. (Tesis ijazah sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Roziah Omar. (1996). *State, Islam and Malay reproduction*. Michigan: Research School of Pacific and Asian Studies.

Roy, O. (1996). *The failure of political Islam*. Harvard: Harvard University Press.

Rustum A. Sani. (2008). *Social roots of the Malay left: An analysis of the Kesatuan Melayu Muda*. Petaling Jaya: SIRD.

Safie Ibrahim. (1981). *The Islamic party of Malaysia: Its formative stages and ideology*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Saliha Hassan. (2003). Islamic non-govermental organisations. Dlm. Meredith L. Weiss & Saliah Hassan (pnyt). *Social Movements in Malaysia from Moral Communities to NGO's*. New York: Routledge.

Sanib Said. (1985). *Malay politics in Sarawak, 1946-1966: The search for unity and political ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.

Schensul, S. & Lecomte, M. (1999). *Essential ethnographic methods: Observations, interviews and questionairres*. New York: Rowman & Littlefield Publisher.

Shamsul Amri Baharuddin. (1986). *From British to Bumiputera rule: Local politics and rural development in peninsular Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Shamsul Amri Baharuddin. (2005). Making Sense of the Plural-religious Past and the Modern-secular Present of the Islamic Malay World and Malaysia. *Asian Journal of Social Science*, 33(3):449-472.

Shamsul Amri Baharuddin. (2014). *Unity, cohesion, reconciliation: One country, three cherished concepts*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat umat dan daulat rakyat*. Kuala Lumpur: Akademi Kajian Ketamadunan.

Sity Daud. (1991). *The politics of Malay unity: Myths and realities*. Adelaide: Flinders University Press.

Stepan, C. A. (1988). *Rethinking military politics: Brazil and southern cone*. New Jersey: Princeton University Press.

Surin Pitsuwan. (1985). *Islam and Malay nationalism: A case study of Malay-Muslims in southern Thailand*. Bangkok: Thammasat University.

Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. (1974). *Laporan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia atas Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia)*. Suruhanjaya Pilihan Raya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sivamurugan Pandian. (2005). *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Swee Hock Saw & K. Kesavapany (pnyt.). (2006). *Malaysia: recent trends and challenges*. Singapore: Utopia Press.

Sayid Sabiq. (2012). *Anaasir al-Quwwah Fii al-Islam. Rijalul Alam pangkal kekuatan Islam* (Terj.). Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.

Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their problems and future*. Kuala Lumpur: The Other Press.

Syed Ahmad Hussein. (2002). Muslim Politics and the Discourse on Democracy. Dlm. Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik (pnyt). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, hlm 74-110. New York: Routledge.

Syed Husin Ali. (2008). Merdeka, Rakyat & Keadilan: Kumpulan Artikel Mengritik Dasar-dasar UMNO-BN dan Mengemukakan Asas-asas Politik Menuju Malaysia Baru. Petaling Jaya: SIRD.

Syed Hussein Alatas. (2002). *Ke mana dengan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Syed Serajul Islam. (2005). *The politics of Islamic identity in Southeast Asia*. Singapore: Thomson.

Synder, H. G. (2007). *Alliance politics*. Cornell: Cornell University Press

Tajfel, H. & Turner, J. C. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. In Austin W.G & Worchel S. (Eds.) *The Social Psychology of Intergroup Relations*. California: Brooks Cole.

The Election Commission. (1964). *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Elections 1964*. Kuala Lumpur: The Election Commission.

Thock Ker Pong. (2005). *Ketuanan politik Melayu: Respons masyarakat Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Tunku Abdul Rahman. (1969). *May 13: Before and after*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei: Sebelum dan selepas*. (terj). Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Turner, J.C., Hogg, M.A., Oakes, P.J., Reicher, S. D., & Wethrell, M.S (1987). *Rediscovering the Social Group: A Self Categorization Theory*. Oxford: Basil Blackwell.

Vasil, R. K. (1972). *The Malaysian General Election of 1969*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Wan Hashim Wan Teh. (1993). *UMNO dalam arus perdana politik kebangsaan*. Kuala Lumpur: Mahir Publications.

Wan Mohd Mahyiddin. (2007). *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*. Kuala Lumpur: HPI Lecture.

Wain, B. (2012). *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.

Weiss, M. L. (2004). The changing shape of Islamic politics in Malaysia. *Journal of East Asian Studies*, 4(1), 139-173.

Weiss, L. M. (2006). *Protest and possibilities: Civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford: Stanford University Press.

Weistman, A. P. (2003). *Dangerous alliances: Proponents of peace, weapons of war*. California: Stanford University Press.

Wheare, K. C. (1967). *Federal Government*. (4th Ed.). London: Oxford University Press.

Windtedt, R. O. (1948). *Malaya and its history*. Kansas: Hutchinson University Library.

Wawancara dengan Mustapha Ali di Pejabat Urusan Harakah, Jalan Pahang, Kuala Lumpur, 12 Disember 2016.

Wawancara dengan Dr. Daeng Sanusi Mariok di rumahnya Sungai Merab, Kajang pada 31 Oktober 2016.

Wawancara dengan Dr. Mahmud Zuhdi di pejabatnya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 14 November 2016.

Wawancara dengan Tengku Razaleigh Hamzah di kediamannya iaitu nombor 20, Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur, pada 8 Disember 2016.

Yusof Iskandar, Abdul Rahman Kaeh & Shellabear. (1978). *Sejarah Melayu: Satu pembicaraan kritis dari pelbagai bidang*. (edisi Shellabear). Kuala Lumpur: Heinemann Education.

Yow Cong Lee. (2014). Berita televisyen dan kebebasan media di Malaysia: satu kajian terhadap berita televisyen Bahasa Inggeris TV2 dan NTV7, *Jurnal Komunikasi* 30(2):141-158.

Zaini Othman. (2002). Masyarakat Sivil dan Pendemokrasian. Dlm. Ghazali Mayudin (pnyt). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, halaman. 40-53. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Abidin Abdul Wahid. (1996). *Malaysia: Warisan dan perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zunes, S. (1999). *Nonviolent social movements: A geographical perspective*. New York: Blackwell Publishing.